

# PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

## SUSUNAN PERKARA-PERKARA

### BAHAGIAN I

#### NEGERI-NEGERI, UGAMA DAN UNDANG-UNDANG BAGI PERSEKUTUAN

##### Perkara

1. Nama, Negeri-negeri dan wilayah-wilayah Persekutuan.
2. Kemasukan wilayah-wilayah baru dalam Persekutuan.
3. Ugama bagi Persekutuan.
4. Undang-undang utama Persekutuan.

### BAHAGIAN II

#### KEBEBASAN ASASI

5. Kebebasan diri.
6. Keabdian dan kerja paksa dilarang.
7. Perlindungan daripada undang-undang jenayah yang berkuatkuasa kebelakangan dan pembicaraan berulang.
8. Sama-rata.
9. Larangan buangan-negeri dan kebebasan bergerak.
10. Kebebasan bercakap, berhimpun dan menubuh persatuan.
11. Kebebasan ugama.
12. Hak-hak berkenaan dengan pelajaran.
13. Hak terhadap harta.

### BAHAGIAN III

#### KEWARGANEGARAAN

##### *Bab 1—Perolehan Kewarganegaraan*

14. Kewarganegaraan dengan cara kuatkuasa undang-undang.
15. Kewarganegaraan dengan cara pendaftaran (isteri dan anak warganegara).
- 15A. Kuasa-kuasa khas bagi mendaftar kanak-kanak.
16. Kewarganegaraan dengan cara pendaftaran (orang-orang yang lahir di Persekutuan sebelum Hari Merdeka).

Perkara

- 16A. Kewarganegaraan dengan cara pendaftaran (orang-orang yang bermastautin di Negeri-negeri Borneo pada Hari Malaysia).
17. *(Dimansuhkan)*.
18. Peruntukan-peruntukan am mengenai pendaftaran.
19. Kewarganegaraan dengan cara masukan.
- 19A. *(Dimansuhkan)*.
20. *(Dimansuhkan)*.
21. *(Dimansuhkan)*.
22. Kewarganegaraan disebabkan percantuman wilayah.

*Bab 2—Penamatan Kewarganegaraan*

23. Penolakan kewarganegaraan.
24. Pelucutan kewarganegaraan kerana memperolehi atau menggunakan hak kewarganegaraan negeri asing, dsb.
25. Pelucutan kewarganegaraan yang diperolehi dengan cara pendaftaran di bawah Perkara 16A atau 17 atau dengan cara masukan.
26. Lain-lain peruntukan bagi melucutkan kewarganegaraan seseorang yang menjadi warganegara dengan cara pendaftaran atau masukan.
- 26A. Pelucutan kewarganegaraan anak orang yang hilang kewarganegaraannya.
- 26B. Peruntukan-peruntukan am mengenai kehilangan kewarganegaraan.
27. Acara bagi pelucutan.
28. Pemakaian Bab 2 bagi setengah-setengah warganegara yang menjadi warganegara dengan cara kuatkuasa undang-undang.
- 28A. Pelucutan kewarganegaraan orang-orang yang menjadi warganegara pada Hari Malaysia.

*Bab 3—Tambahan*

29. Kewarganegaraan Komanwel.
30. Perakuan kewarganegaraan.
- 30A. *(Dimansuhkan)*.
- 30B. *(Dimansuhkan)*.
31. Pemakaian Jadual 2.

BAHAGIAN IV

PERSEKUTUAN

*Bab 1—Kepala Utama Negara*

Perkara

32. Kepala Utama Negara bagi Persekutuan dan Permaisurinya.
33. Timbalan Kepala Utama Negara bagi Persekutuan.
34. Perkara-perkara yang tidak boleh dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong.
35. Peruntukan Diraja bagi Yang di-Pertuan Agong dan Permaisurinya dan saraan bagi Timbalan Kepala Utama Negara.
36. Mohor Besar.
37. Sumpah jawatan bagi Yang di-Pertuan Agong.

*Bab 2—Majlis Raja-Raja*

38. Majlis Raja-Raja.

*Bab 3—Pemerintah*

39. Kuasa pemerintah Persekutuan.
40. Yang di-Pertuan Agong hendaklah bertindak mengikut nasihat.
41. Pemerintah tertinggi angkatan tentera.
42. Kuasa bagi mengampun, dsb.
43. Jumaah Menteri.
- 43A. Timbalan-timbalan Menteri.
- 43B. Setiausaha-setiausaha Parlimen.
- 43C. Setiausaha-setiausaha Politik.

*Bab 4—Badan Perundangan Persekutuan*

44. Keanggotaan Parlimen.
45. Keanggotaan Dewan Negara.
46. Keanggotaan Dewan Rakyat.
47. Kelayakan menjadi ahli Parlimen.
48. Hilang-kelayakan menjadi ahli Parlimen.
49. Peruntukan melarang dua keanggotaan.
50. Akibat hilang-kelayakan, dan larangan mengenai penamaan atau perlantikan dengan tiada persetujuan.

Perkara

51. Berhenti daripada menjadi ahli.
52. Ahli tidak hadir.
53. Keputusan tentang hilang-kelayakan.
54. Kekosongan dalam Dewan Negara dan kekosongan luarjangka.
55. Memanggil, memberhenti dan membubarkan Parlimen.
56. Yang Dipertua dan Timbalan Yang Dipertua Dewan Negara.
57. Yang Dipertua dan Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat.
58. Saraan bagi Yang Dipertua, Timbalan Yang Dipertua Dewan Negara, Yang Dipertua dan Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat.
59. Sumpah oleh ahli-ahli.
60. Ucapan Yang di-Pertuan Agong.
61. Peruntukan khas mengenai Jumaah Menteri dan Peguam Negara.
62. Acara Parlimen.
63. Keistimewaan-keistimewaan Parlimen.
64. Saraan bagi ahli-ahli.
65. Setiausaha-setiausaha Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

*Bab 5—Acara Perundangan*

66. Menjalankan kuasa perundangan.
67. Sekatan terhadap mengemukakan Rang Undang-undang dan mencadangkan pindaan-pindaan berkenaan dengan cukai, perbelanjaan, dsb.
68. Persetujuan terhadap Rang Undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Rakyat sahaja.

*Bab 6—Keupayaan terhadap harta kontrak dan guaman*

69. Keupayaan Persekutuan terhadap harta, kontrak dan guaman.

BAHAGIAN V  
NEGERI-NEGERI

70. Keutamaan Raja dan Gabnor.
71. Jaminan Persekutuan terhadap Perlembagaan Negeri.
72. Keistimewaan-keistimewaan Dewan Negeri.

BAHAGIAN VI

PERHUBUNGAN ANTARA PERSEKUTUAN  
DENGAN NEGERI-NEGERI

*Bab 1—Pembahagian kuasa-kuasa perundangan*

Perkara

73. Had undang-undang persekutuan dan Negeri.
74. Hal-perkara bagi undang-undang persekutuan dan Negeri.
75. Undang-undang Negeri yang berlawanan dengan undang-undang persekutuan.
76. Kuasa Parlimen membuat undang-undang untuk negeri-negeri dalam hal-hal tertentu.
- 76A. Kuasa Parlimen memperluaskan kuasa-kuasa perundangan bagi Negeri-negeri.
77. Kuasa bagi perundangan.
78. Undang-undang menyekat penggunaan sungai.
79. Menjalankan kuasa-kuasa perundangan bersama.

*Bab 2—Pembahagian kuasa-kuasa Pemerintah*

80. Pembahagian kuasa-kuasa pemerintah.
81. Kewajipan Negeri-negeri kepada Persekutuan.

*Bab 3—Pembahagian beban kewangan*

82. Pembiayaan perbelanjaan mengenai perkara-perkara dalam Senarai Bersama.

*Bab 4—Tanah*

83. Pengambilan tanah bagi maksud-maksud persekutuan.
84. Persembahkan kepada Negeri-negeri akan tanah yang dipegang bagi maksud-maksud persekutuan.
85. Melepaskan tanah yang dirizab bagi maksud-maksud persekutuan.
86. Melepaskan tanah yang dipegang bagi maksud-maksud persekutuan.
87. Memutuskan pertikaian tentang nilai tanah.
88. Pemakaian Perkara 83 hingga 87 bagi Negeri-negeri yang tidak mempunyai Raja.
89. Tanah Rizab orang Melayu.
90. Peruntukan khas mengenai tanah adat di Negeri Sembilan dan Melaka, dan tanah-pegangan orang Melayu di Trengganu.
91. Majlis Tanah Negara.

### Bab 5—Pembangunan Negara

Perkara

92. Rancangan pembangunan negara.

#### Bab 6—Tinjauan Persekutuan, nasihat Persekutuan kepada Negeri dan pemeriksaan Persekutuan mengenai kegiatan-kegiatan negeri

93. Siasatan, tinjauan dan perangkaan.  
94. Kuasa-kuasa Persekutuan mengenai rakyat Negeri.  
95. Pemeriksaan kegiatan-kegiatan Negeri.

#### Bab 7—Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan

- 95A. Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan.

#### Bab 8—Pemakaian bagi Negeri-negeri Borneo

- 95B. Pengubahsuaian bagi Negeri-negeri Borneo mengenai pembahagian kuasa-kuasa perundangan.  
95C. Kuasa dengan perintah untuk memperluaskan kuasa perundangan atau kuasa pemerintah Negeri-negeri.  
95D. Negeri-negeri Borneo terkeluar daripada kuasa Parlimen meluluskan undang-undang yang sama mengenai tanah atau kerajaan tempatan.  
95E. Negeri-negeri Borneo terkeluar daripada rancangan-rancangan negara untuk penggunaan tanah, kerajaan tempatan, pembangunan, dsb.

### BAHAGIAN VII

#### PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KEWANGAN

##### Bab 1—Am

96. Tiada apa-apa cukai boleh dilevi melainkan dibenarkan oleh undang-undang.  
97. Kumpulanwang Disatukan.  
98. Perbelanjaan dipertanggungjawabkan kepada Kumpulanwang Persekutuan Disatukan.  
99. Penyata kewangan tahunan.  
100. Rang Undang-undang Perbekalan.  
101. Perbelanjaan tambahan dan perbelanjaan lebih.  
102. Kuasa membenarkan perbelanjaan masuk akaun atau bagi maksud-maksud yang tidak ditentukan.  
103. Kumpulanwang Luar-jangka.  
104. Pengeluaran daripada Kumpulanwang Disatukan.

Perkara

105. Juru Odit Negara.  
106. Kuasa dan kewajipan Juru Odit Negara.  
107. Laporan-laporan Juru Odit Negara.  
108. Majlis Kewangan Negara.  
109. Pemberian kepada Negeri-negeri.  
110. Menyerahkan cukai dan bayaran kepada Negeri-negeri.  
111. Sekatan meminjam.  
112. Sekatan mengenai perubahan-perubahan dalam perjawatan Negeri.

#### Bab 2—Pemakaian bagi Negeri-negeri Borneo

- 112A. Odit Negeri di Negeri Borneo.  
112b. Kuasa meminjam bagi Negeri-negeri Borneo.  
112c. Pemberian khas dan penyerahan hasil kepada Negeri-negeri Borneo.  
112d. Mengulangkaji pemberian-pemberian khas kepada Negeri-negeri Borneo.  
112e. (*Dimansuhkan*).

### BAHAGIAN VIII

#### PILIHANRAYA

113. Perjalanan Pilihanraya.  
114. Keanggotaan Suruhanjaya Pilihanraya.  
115. Bantuan kepada Suruhanjaya Pilihanraya.  
116. Bahagian-pilihanraya Persekutuan.  
117. Bahagian-pilihanraya Negeri.  
118. Cara mencabar pemilihan.  
118A. Cara mempersoal rayuan pilihanraya mengenai tidak adanya pemilihan.  
119. Kelayakan pemilih-pemilih.  
120. Pemilihan terus bagi Dewan Negara.

### BAHAGIAN IX

#### PERHAKIMAN

121. Kuasa kehakiman bagi Persekutuan.  
122. Keanggotaan Mahkamah Persekutuan.  
122A. Keanggotaan Mahkamah Tinggi.

Perkara

- 122b. Perlantikan hakim-hakim bagi Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Tinggi.
- 122c. Pertukaran hakim dari suatu Mahkamah Tinggi kesuatu Mahkamah Tinggi lain.
123. Kelayakan hakim-hakim Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Tinggi.
124. Sumpah jawatan hakim.
125. Tempoh memegang jawatan dan saraan bagi hakim Mahkamah Persekutuan.
126. Kuasa Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Tinggi menghukum kerana penghinaan terhadap mahkamah.
127. Sekatan mengenai perbincangan Parlimen tentang kelakuan hakim.
128. Bidangkuasa Mahkamah Persekutuan.
129. *(Dimansuhkan)*.
130. Bidangkuasa Mahkamah Persekutuan untuk menasihati.
131. Rayuan dari Mahkamah Persekutuan.
- 131A. Peruntukan berkenaan dengan tidak berkeupayaan, dsb., Ketua Hakim Negara atau Hakim Besar.

BAHAGIAN X

PERKHIDMATAN AWAM

132. Perkhidmatan awam.
133. Perkhidmatan bersama, dsb.
134. Meminjamkan pegawai-pegawai.
135. Sekatan mengenai pembuangan kerja dan penurunan pangkat.
136. Layanan samarata bagi pekerja-pekerja persekutuan.
137. Majlis Angkatan Tentera.
138. Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-undang.
139. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.
140. Suruhanjaya Pasukan Polis.
141. Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi.
142. Peruntukan am mengenai Suruhanjaya.
143. Syarat-syarat perkhidmatan bagi ahli-ahli Suruhanjaya.
144. Tugas-tugas Suruhanjaya Perkhidmatan.
145. Peguam Negara.
146. Laporan Suruhanjaya.

Perkara

- 146A. Cawangan Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-undang di Negeri-negeri Borneo.
- 146B. Cawangan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam di tiap-tiap satu Negeri Borneo.
- 146C. Peruntukan tambahan tentang cawangan-cawangan Suruhanjaya.
- 146D. Bidangkuasa Suruhanjaya Pasukan Polis ke atas anggota-anggota perkhidmatan Negeri di Borneo yang dipinjamkan.
147. Perlindungan hak-hak pencen.
148. Tafsiran Bahagian X.

BAHAGIAN XI

KUASA-KUASA MENENTANG PERBUATAN SUBVERSIF,  
DAN KUASA-KUASA DARURAT

149. Undang-undang menentang perbuatan subversif.
150. Perisytiharan darurat.
151. Sekatan-sekatan terhadap tahanan pencegahan.

BAHAGIAN XII

AM DAN PELBAGAI

152. Bahasa kebangsaan.
153. Perizapan kuota mengenai perkhidmatan, permit, dsb. untuk orang Melayu.
154. Ibu Kota Persekutuan.
155. Berbalas-balas layanan dengan negeri-negeri Komanwel.
156. Sumbangan bagi membantu kadar mengenai harta persekutuan dan harta Negeri.
157. Mewakulkan tugas-tugas Negeri kepada suatu Negeri lain.
158. Perkiraan-perkiraan dengan Brunei.
159. Pindaan Perlembagaan.
- 159A. Perjalanan kuatkuasa peruntukan peralihan dalam Akta Malaysia.
160. Tafsiran.

BAHAGIAN XIII

PERLINDUNGAN TAMBAHAN BAGI NEGERI-NEGERI BORNEO

161. Penggunaan bahasa Inggeris dan bahasa bumiputera dalam Negeri-negeri Borneo.
- 161A. Kedudukan istimewa bumiputera Negeri-negeri Borneo.

Perkara

- 161B. Sekatan mengenai perluasan hak orang-orang yang tidak bermastautin untuk menjalankan amalan sebagai peguam di mahkamah dalam Negeri-negeri Borneo.
- 161C. Pelajaran agama Islam di Negeri-negeri Borneo.
- 161D. Kebebasan agama.
- 161E. Pemeliharaan kedudukan dari segi perlembagaan mengenai Negeri-negeri Borneo.
- 161F. *(Dimansuhkan)*.
- 161G. *(Dimansuhkan)*.
- 161H. *(Dimansuhkan)*.

BAHAGIAN XIII

PERUNTUKAN SEMENTARA DAN PERALIHAN

- 162. Undang-undang yang ada.
- 163. *(Dimansuhkan)*.
- 164. *(Dimansuhkan)*.
- 165. *(Dimansuhkan)*.
- 166. Pewarisan harta.
- 167. Hak, tanggungan dan kewajipan.
- 168. *(Dimansuhkan)*.
- 169. Perjanjian-perjanjian antarabangsa, dsb., yang dibuat sebelum Hari Merdeka.
- 170. *(Dimansuhkan)*.
- 171. *(Dimansuhkan)*.
- 172. *(Dimansuhkan)*.
- 173. *(Dimansuhkan)*.
- 174. *(Dimansuhkan)*.
- 175. Pengarah Odit hendaklah menjadi Juru Odit Negara yang pertama.
- 176. Pertukaran pegawai-pegawai.
- 177. Melepaskan atau menanggungkan sumpah jawatan jika perlantikan berjalan terus di bawah Bahagian ini.
- 178. Saraan selepas Hari Merdeka.
- 179. Sumbangan mengenai perkhidmatan bersama.
- 180. Pemeliharaan pencen, dsb.

BAHAGIAN XIV

PERKECUALIAN BAGI KEDAULATAN  
RAJA-RAJA. DSB.

- 181. Perkecualian bagi kedaulatan Raja-Raja, dsb.

JADUAL:

Jadual Pertama—Sumpah bagi pemohon-pemohon untuk pendaftaran atau masukan.

Jadual Kedua—

Bahagian I—Kewarganegaraan dengan cara kuatkuasa undang-undang bagi orang-orang yang lahir sebelum Hari Malaysia.

Bahagian II—Kewarganegaraan dengan cara kuatkuasa undang-undang bagi orang-orang yang lahir sebelum Hari Malaysia.

Bahagian III—Peruntukan tambahan mengenai Kewarganegaraan.

Jadual Ketiga—Pemilihan Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Kepala Utama Negara.

Bahagian I—Pemilihan Yang di-Pertuan Agong.

Bahagian II—Pemilihan Timbalan Kepala Utama Negara.

Bahagian III—Pemecatan Yang di-Pertuan Agong.

Bahagian IV—Am.

Jadual Keempat—Sumpah jawatan bagi Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong.

Bahagian I—Sumpah bagi Yang di-Pertuan Agong.

Bahagian II—Sumpah bagi Timbalan Yang di-Pertuan Agong.

Bahagian III—Terjemahan dalam bahasa Inggeris.

Jadual Kelima—Majlis Raja-Raja.

Jadual Keenam—Bentuk sumpah dan ikrar.

Jadual Ketujuh—Pemilihan dan persaraan ahli-ahli Dewan Negara.

Bahagian I—Pemilihan ahli-ahli Dewan Negara.

Bahagian II—Persaraan ahli-ahli Dewan Negara.

Jadual Kelapan—Peruntukan-peruntukan yang akan dimasukkan dalam Perlembagaan-perlembagaan Negeri.

Bahagian I—Peruntukan tetap.

Bahagian II—Peruntukan sementara sebagai alternatif kepada peruntukan dalam Bahagian I.

Bahagian III—Pengubahsuaian Bahagian I dan II berhubung dengan Melaka dan Pulau Pinang.

Jadual Kesembilan—Senarai perundangan.

Jadual Kesepuluh—Pemberian dan sumber-sumber hasil yang diserahkan kepada Negeri.

Bahagian I—Pemberian mengikut bilangan orang.

Bahagian II—Pemberian jalan Negeri.

Bahagian III—Sumber-sumber hasil yang diserahkan.

Bahagian IV—Pemberian-pemberian khas kepada Negeri-negeri Borneo.

Bahagian V—Sumber-sumber tambahan hasil yang diserahkan kepada Negeri-negeri Borneo.

Jadual Kesebelas—Peruntukan bagi Ordinan Pentafsiran dan Fasal-fasal Am, 1948 (Ordinan Malayan Union No. 7 tahun 1948), dipakai bagi pentafsiran Perlembagaan.

Jadual Keduabelas—(Dimansuhkan).

Jadual Ketigabelas—Peruntukan-peruntukan berhubung dengan persempadanan bahagian pilihanraya.

Bahagian I—Perisytiharan dan prinsip-prinsip berhubung dengan persempadanan bahagian-pilihanraya.

Bahagian II—Acara bagi mempersempadanan bahagian-pilihanraya.

## PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

### BAHAGIAN I

#### NEGERI-NEGERI, AGAMA DAN UNDANG-UNDANG BAGI PERSEKUTUAN

1. (1) Persekutuan adalah dinamakan Malaysia dalam bahasa Melayu dan dalam bahasa Inggeris.

(2) Negeri-negeri Persekutuan terdiri daripada Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, Selangor dan Trengganu.

(3) Tertakluk kepada Fasal (4) Wilayah-wilayah bagi tiap-tiap satu Negeri yang tersebut dalam Fasal (2) ialah wilayah-wilayah yang terkandung dalam Negeri-negeri itu sebelum sahaja Hari Malaysia (16 September, 1963).

(4) Wilayah bagi Negeri Selangor tidaklah termasuk Wilayah Persekutuan yang ditubuhkan di bawah Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2), 1973.

2. Parlimen boleh dengan undang-undang—

(a) memasukkan Negeri-negeri lain dalam Persekutuan;

(b) mengubah sempadan mana-mana Negeri;

tetapi undang-undang yang mengubah sempadan sesuatu Negeri tidak boleh diluluskan dengan tiada persetujuan Negeri itu (yang dinyatakan dengan undang-undang yang dibuat oleh Badan Perundangan Negeri itu) dan Majlis Raja-Raja.

3. (1) Agama Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan.

(2) Dalam tiap-tiap Negeri melainkan Negeri-negeri yang tidak mempunyai Raja, kedudukan Raja sebagai Ketua agama Islam dalam Negerinya secara dan setakat mana yang diakui dan diisytiharkan oleh Perlembagaan Negeri itu, dan juga, tertakluk kepada Perlembagaan Negeri itu, segala hak, keistimewaan, hak kedaulatan dan kuasa yang dinikmati olehnya sebagai Ketua agama Islam tidaklah tersentuh dan tercatat; tetapi dalam apa-apa perbuatan, amalan atau upacara yang telah dipersetujui

Nama, Negeri-negeri dan wilayah-wilayah Persekutuan.

Kemasukan wilayah-wilayah baharu dalam Persekutuan

Agama bagi Persekutuan.

oleh Majlis Raja-Raja supaya meliputi seluruh Persekutuan, maka tiap-tiap orang Raja lain hendaklah atas sifatnya sebagai Ketua agama Islam membenarkan Yang di-Pertuan Agong mewakilinya.

(3) Perlembagaan-perlembagaan bagi Negeri-negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak hendaklah masing-masing membuat peruntukan bagi memberi kepada Yang di-Pertuan Agong kedudukan sebagai Ketua agama Islam dalam Negeri itu.

(4) Tiada apa-apa dalam Perkara ini mengurangkan kuasa mana-mana peruntukan lain dalam Perlembagaan ini.

(5) Walau apa-apa jua dalam Perlembagaan ini, Yang di-Pertuan Agong hendaklah menjadi Ketua agama Islam dalam Wilayah Persekutuan; dan bagi maksud ini Parlimen boleh dengan undang-undang membuat peruntukan-peruntukan bagi mengadakan peraturan mengenai hal-ehwal agama Islam dan bagi menubuhkan suatu Majlis untuk menasihatkan Yang di-Pertuan Agong mengenai perkara-perkara berhubung dengan agama Islam.

4. (1) Perlembagaan ini adalah undang-undang utama Persekutuan dan apa-apa undang-undang yang diluluskan selepas Hari Merdeka dan yang berlawanan dengan Perlembagaan ini hendaklah terbatal setakat yang berlawanan itu.

(2) Sahnya sesuatu undang-undang tidak boleh dipersoalkan atas alasan bahawa—

(a) undang-undang itu adalah mengenakan sekatan-sekatan ke atas hak yang tersebut dalam Perkara 9 (2) tetapi tidak berkaitan dengan perkara-perkara yang tersebut dalam Perkara itu; atau

(b) undang-undang itu adalah mengenakan sekatan-sekatan sebagaimana yang tersebut dalam Perkara 10 (2) tetapi sekatan-sekatan itu tidak disifatkan sebagai perlu atau mustahak oleh Parlimen bagi maksud-maksud yang tersebut dalam Perkara itu.

(3) Sahnya sesuatu undang-undang yang dibuat oleh Parlimen atau oleh Badan Perundangan Negeri tidak boleh dipersoalkan atas alasan bahawa undang-undang itu adalah membuat peruntukan mengenai apa-apa perkara yang Parlimen atau, mengikut mana yang berkenaan, Badan

Perundangan Negeri, tidak mempunyai apa-apa kuasa untuk membuat undang-undang, kecuali dalam pembicaraan untuk mendapatkan suatu penetapan yang undang-undang itu adalah tidak sah atas alasan itu atau—

(a) jika undang-undang itu telah dibuat oleh Parlimen, dalam pembicaraan antara Persekutuan dengan satu atau beberapa Negeri;

(b) jika undang-undang itu telah dibuat oleh Badan Perundangan Negeri, dalam pembicaraan antara Persekutuan dengan Negeri itu.

(4) Pembicaraan untuk mendapatkan suatu penetapan yang sesuatu undang-undang adalah tidak sah atas alasan yang tersebut dalam Fasal (3) (iaitu pembicaraan yang tidak termasuk di bawah perenggan (a) atau (b) Fasal itu) tidak boleh dimulakan dengan tiada kebenaran seorang hakim mahkamah Persekutuan; dan Persekutuan adalah berhak menjadi suatu pihak dalam mana-mana pembicaraan itu, dan begitulah juga mana-mana Negeri yang akan atau harus menjadi suatu pihak dalam pembicaraan yang dibawa bagi maksud itu juga di bawah perenggan (a) atau (b) Fasal itu.

## BAHAGIAN II

### KEBEBASAN ASASI

5. (1) Tiada seseorang pun boleh diambil nyawanya atau dilucutkan kebebasan dirinya kecuali menurut undang-undang. Kebebasan diri.

(2) Jika pengaduan dibuat kepada Mahkamah Tinggi atau kepada mana-mana hakim Mahkamah Tinggi menyatakan bahawa seseorang adalah ditahan dengan menyalahi undang-undang, maka mahkamah itu hendaklah menyasat pengaduan itu dan, melainkan berpuashati bahawa tahanan itu adalah sah di sisi undang-undang mahkamah itu hendaklah memerintahkan orang itu dibawa ke hadapan mahkamah itu dan melepaskannya.

(3) Jika seseorang ditangkap maka ia hendaklah diberitahu dengan seberapa segera yang boleh sebab-sebabnya ia ditangkap dan ia hendaklah dibenarkan berunding dengan seorang pengamal undang-undang yang dipilih olehnya dan dibela oleh pengamal undang-undang itu.



(4) Jika seseorang ditangkap dan tidak dilepaskan, maka orang itu hendaklah dibawa ke hadapan seorang majistret dengan segera, sekiranya tiada apa-apa sebab yang berpatutan, tetapi walau bagaimanapun dalam tempoh dua puluh empat jam (tidak termasuk masa perjalanan yang perlu) dan orang itu tidak boleh ditahan selanjutnya dengan tiada kuasa mejistret itu:

Dengan syarat bahawa Fasal ini tidak boleh dipakai bagi apa-apa tangkapan atau tahanan yang dilakukan terhadap mana-mana orang di bawah undang-undang yang ada yang berkaitan dengan kediaman terhad dan semua peruntukan Fasal ini hendaklah disifatkan sebagai telah menjadi sebahagian integral Perkara ini mulai dari Hari Merdeka.

(5) Fasal (3) dan (4) tidak dipakai terhadap orang negara musuh.

6. (1) Tiada sesiapa pun boleh ditahan sebagai abdi.

(2) Segala jenis kerja paksa adalah dilarang, tetapi Parlimen boleh dengan undang-undang membuat peruntukan bagi perkhidmatan kerahan bagi maksud-maksud negara.

(3) Kerja berkaitan dengan menjalankan hukum penjara yang dijatuhkan oleh mahkamah tidak dikira sebagai kerja paksa dalam erti Perkara ini.

(4) Jika menurut mana-mana undang-undang bertulis kesemua atau mana-mana bahagian daripada tugas-tugas mana-mana pihak berkuasa awam adalah dikehendaki dijalankan oleh suatu pihak berkuasa awam lain bagi maksud membolehkan tugas-tugas itu dilaksanakan, maka pekerja-pekerja pihak berkuasa awam yang pertama tersebut itu adalah diwajibkan berkhidmat dengan pihak berkuasa awam yang kedua tersebut itu, dan perkhidmatan mereka dengan pihak berkuasa awam yang kedua tersebut itu tidak dikira sebagai kerja paksa dalam erti Perkara ini, dan tiada seseorang pekerja itu berhak menuntut apa-apa hak sama ada daripada pihak berkuasa awam yang pertama tersebut itu atau daripada pihak berkuasa awam yang kedua tersebut itu oleh sebab pertukaran pekerjaannya.

7. (1) Tiada sesiapa pun boleh dihukum kerana sesuatu perbuatan atau ketinggalan yang tidak menjadi kesalahan di sisi undang-undang pada masa perbuatan atau ketinggalan itu dilakukan dan kerana sesuatu kesalahan tiada sesiapa pun boleh menanggung hukuman yang lebih berat daripada yang telah ditetapkan oleh undang-undang pada masa kesalahan itu dilakukan.

(2) Seseorang yang telah dibebaskan daripada sesuatu kesalahan atau disabitkan sesuatu kesalahan tidak boleh dibicarakan semula kerana kesalahan itu juga kecuali jika sabitan atau pembebasan itu telah dibatalkan dan pembicaraan semula diperintah oleh suatu mahkamah yang lebih tinggi daripada mahkamah yang telah membebas atau mensabitkanya itu.

8. (1) Semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang.

(2) Kecuali sebagaimana dibenarkan dengan nyatanya oleh Perlembagaan ini, tidaklah boleh ada pembezaan terhadap warganegara semata-mata oleh sebab agama, kaum, keturunan atau tempat lahir dalam mana-mana undang-undang atau dalam perlantikan bagi apa-apa jawatan atau pekerjaan di bawah sesuatu pihak berkuasa awam atau dalam pentadbiran mana-mana undang-undang berkenaan dengan memperolehi, memegang atau melepaskan harta atau berkenaan dengan menubuh atau menjalankan apa-apa tred, perniagaan, profesyen, vokesyen atau pekerjaan.

(3) Tidaklah boleh ada pembezaan bagi faedah seseorang oleh sebab ia seorang rakyat Raja bagi mana-mana Negeri.

(4) Tiada sesuatu pihak berkuasa awam boleh membezakan seseorang oleh sebab ia bermastautin atau menjalankan perniagaan di mana-mana bahagian Persekutuan di luar bidangkuasa pihak berkuasa itu.

(5) Perkara ini tidak membatalkan atau melarang—

(a) apa-apa peruntukan yang membuat peraturan-peraturan mengenai undang-undang diri;

(b) apa-apa peruntukan atau amalan yang menghadkan jawatan atau pekerjaan berhubung dengan hal ehwal sesuatu agama, atau sesuatu

Perlindungan daripada undang-undang jenayah yang berkuatkuasa kebangsaan dan pembicaraan berulang.

Sama rata.

yayasan yang diurus oleh sesuatu kumpulan yang menganuti apa-apa agama, kepada orang yang menganuti agama itu;

- (c) apa-apa peruntukan bagi perlindungan, kesentosaan atau kemajuan orang-orang asli Semenanjung Tanah Melayu (termasuk merizabkan tanah) atau merizabkan bagi orang-orang asli jawatan-jawatan yang sesuai dalam perkhidmatan awam mengikut kadar yang berpatutan;
- (d) apa-apa peruntukan yang menetapkan kemastautinan di sesuatu Negeri atau di sebahagian sesuatu Negeri sebagai satu kelayakan untuk pilihanraya atau perlantikan bagi mana-mana pihak berkuasa yang mempunyai bidangkuasa hanya di Negeri atau di bahagian itu sahaja, atau untuk mengundi dalam pilihanraya itu;
- (e) apa-apa peruntukan Perlembagaan sesuatu Negeri, yang berkuatkuasa atau yang bersamaan dengan peruntukan yang berkuatkuasa sebelum sahaja Hari Merdeka;
- (f) apa-apa peruntukan yang menghadkan kemasukan berkhidmat dalam Pasukan Askar Melayu kepada orang Melayu.

9. (1) Tiada seseorang warganegara pun boleh dibuang negeri atau ditahan masuk ke dalam Persekutuan.

(2) Tertakluk kepada Fasal (3) dan kepada mana-mana undang-undang mengenai keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, ketenteraman awam, kesihatan awam atau hukuman bagi pesalah-pesalah, tiap-tiap warganegara adalah berhak bergerak dengan bebasnya di seluruh Persekutuan dan bermastautin di mana-mana bahagiannya.

(3) Selagi sesuatu Negeri lain ada dalam kedudukan istimewa di bawah Perlembagaan ini berbanding dengan Negeri-negeri Tanah Melayu, Parlimen boleh dengan undang-undang mengenakan sekatan-sekatan, antara Negeri itu dengan Negeri-negeri yang lain, ke atas hak-hak yang diberi oleh Fasal (2) berkenaan dengan bergerak dan bermastautin.

10. (1) Tertakluk kepada Fasal (2), (3) dan (4)—

- (a) tiap-tiap warganegara adalah berhak bebas bercakap dan mengeluarkan fikiran;
- (b) semua warganegara adalah berhak berhimpun secara aman dan dengan tidak bersenjata;
- (c) semua warganegara adalah berhak menubuhkan persatuan.

(2) Parlimen boleh dengan undang-undang mengenakan—

- (a) ke atas hak-hak yang diberi oleh perenggan (a) Fasal (1), apa-apa sekatan yang didapatinya perlu atau mustahak demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, perhubungan persahabatan dengan negeri-negeri lain, ketenteraman awam atau akhlak dan sekatan-sekatan yang dimaksudkan untuk melindungi keistimewaan-keistimewaan Parlimen atau mana-mana Dewan Negeri atau untuk mengelakkan penghinaan terhadap mahkamah, fitnah, atau perbuatan mengapi-mengapi supaya dilakukan sesuatu kesalahan;
- (b) ke atas hak yang diberi oleh perenggan (b) Fasal (1), apa-apa sekatan yang didapatinya perlu atau mustahak demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya atau ketenteraman awam;
- (c) ke atas hak yang diberi oleh perenggan (c) Fasal (1), apa-apa sekatan yang didapatinya perlu atau mustahak demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, ketenteraman awam atau akhlak.

(3) Sekatan-sekatan ke atas hak menubuhkan persatuan yang diberi oleh perenggan (c) Fasal (1) boleh juga dikenakan oleh mana-mana undang-undang mengenai buruh atau pelajaran.

(4) Pada mengenakan sekatan-sekatan demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya atau ketenteraman awam di Fasal (2) (a), Parlimen boleh meluluskan undang-undang melarang perbuatan mempersoal apa-apa perkara, hak, taraf, kedudukan, keistimewaan, kedaulatan atau hak kedaulatan yang

Kebebasan bercakap, berhimpun dan menubuhkan Persatuan.

ditetapkan atau diperlindung oleh peruntukan Bahagian 3, Perkara 152, 153 atau 181 berhubung dengan apa-apa jua melainkan berhubung dengan perlaksanaannya sebagaimana yang dinyatakan dalam undang-undang itu.

Kebebasan  
agama.

11. (1) Tiap-tiap orang adalah berhak menganuti dan mengamalkan agamanya dan, tertakluk kepada Fasal (4), mengembangkan agamanya.

(2) Tiada sesiapa pun boleh dipaksa membayar apa-apa cukai jika pendapatan dari cukai itu adalah diuntukkan khas sama ada kesemuanya atau sebahagiannya bagi maksud-maksud sesuatu agama yang lain daripada agamanya sendiri.

(3) Tiap-tiap kumpulan agama adalah berhak—

- (a) menguruskan hal ehwal agamanya sendiri;
- (b) menubuh dan menyenggara institusi-institusi bagi maksud-maksud agama atau khairat; dan
- (c) memperolehi dan mempunyai harta serta memegang dan mentadbirkannya mengikut undang-undang.

(4) Undang-undang Negeri dan mengenai Wilayah Persekutuan, undang-undang Persekutuan boleh mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa iktikad atau kepercayaan agama antara orang-orang yang menganuti agama Islam.

(5) Perkara ini tidaklah membenarkan apa-apa perbuatan yang berlawanan dengan undang-undang am mengenai ketenteraman awam, kesihatan awam atau akhlak.

Hak-hak  
berkenaan  
dengan  
pelajaran.

12. (1) Dengan tidak menyentuh keluasan makna Perkara 8, tidaklah boleh ada pembezaan terhadap mana-mana jua warganegara semata-mata oleh sebab agama, kaum, keturunan atau tempat lahir—

- (a) dalam pentadbiran mana-mana institusi pelajaran yang disenggara oleh sesuatu pihak berkuasa awam, dan, khususnya, tentang kemasukan murid-murid atau pelajar-pelajar atau tentang bayaran; atau
- (b) tentang memperuntukkan bantuan kewangan dari wang sesuatu pihak berkuasa awam untuk menanggung murid-murid atau untuk pelajaran

murid-murid atau pelajar-pelajar di mana-mana institusi pelajaran (sama ada disenggara atau tidak disenggara oleh sesuatu pihak berkuasa awam dan sama ada dalam atau luar Persekutuan).

(2) Tiap-tiap kumpulan agama adalah berhak menubuhkan dan menyenggarakan institusi-institusi untuk pelajaran kanak-kanak dalam agama kumpulan itu sendiri dan tidaklah boleh ada pembezaan semata-mata oleh sebab agama dalam mana-mana undang-undang berkaitan dengan institusi-institusi itu atau dalam pentadbiran mana-mana undang-undang itu; tetapi adalah sah bagi Persekutuan atau sesuatu Negeri menubuhkan atau menyenggarakan institusi-institusi Islam atau mengadakan atau membantu dalam mengadakan ajaran dalam agama Islam dan melakukan apa-apa perbelanjaan sebagaimana yang perlu bagi maksud itu.

(3) Tiada sesiapa pun boleh diwajibkan menerima ajaran-ajaran mengenai apa-apa agama atau mengambil bahagian dalam apa-apa upacara atau sembahyang sesuatu agama yang lain daripada agamanya sendiri.

(4) Bagi maksud Fasal (3), agama bagi seseorang yang berumur kurang daripada lapan belas tahun adalah ditetapkan oleh ibu-bapa atau penjaganya.

13. (1) Tiada seseorang pun boleh dilucutkan hartanya kecuali mengikut undang-undang. Hak terhadap  
harta.

(2) Tiada sesuatu undang-undang pun boleh membuat peruntukan bagi mengambil atau menggunakan harta-harta dengan paksa dengan tiada pampasan yang mencukupi.

### BAHAGIAN III

#### KEWARGANEGARAAN

##### *Bab 1—Perolehan Kewarganegaraan*

14. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Bahagian ini, orang-orang yang berikut adalah warganegara dengan cara kuatkuasa undang-undang, iaitu: Kewarga-  
negara  
dengan cara  
kuatkuasa  
undang-  
undang.

- (a) tiap-tiap orang yang lahir sebelum Hari Malaysia dan ianya adalah seorang warganegara Persekutuan menurut peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Bahagian I Jadual Kedua; dan

(b) tiap-tiap orang yang lahir pada atau selepas Hari Malaysia dan ianya ada mempunyai mana-mana daripada kelayakan yang ditentukan dalam Bahagian 2 Jadual Kedua.

(c) *(Dimansuhkan).*

(2) *(Dimansuhkan).*

(3) *(Dimansuhkan).*

Kewarga-  
negara  
dengan cara  
pendaftaran  
(isteri dan  
anak  
warga-  
negara).

15. (1) Tertakluk kepada Perkara 18, apabila permohonan dibuat kepada Kerajaan Persekutuan oleh mana-mana perempuan yang bersuami dan suaminya seorang warganegara, maka perempuan itu adalah berhak didaftarkan sebagai seorang warganegara jika ia masih bersuami dan suaminya itu seorang warganegara pada permulaan bulan Oktober, 1962, atau jika ia membuktikan dan Kerajaan Persekutuan berpuashati—

(a) bahawa ia telah bermastautin di Persekutuan sepanjang tempoh dua tahun sebelum daripada tarikh permohonan itu, dan ianya berniat hendak bermastautin tetap di Persekutuan; dan

(b) bahawa ia adalah berkelakuan baik.

(2) Tertakluk kepada Perkara 18, apabila permohonan dibuat kepada Kerajaan Persekutuan oleh ibu bapa atau penjaga seseorang yang berumur kurang daripada dua puluh satu tahun, maka Kerajaan Persekutuan boleh mengarahkan orang itu didaftarkan sebagai warganegara jika sekurang-kurangnya ibu atau bapanya adalah (atau pada masa kematiannya) seorang warganegara.

(3) Tertakluk kepada Perkara 18, apabila permohonan dibuat kepada Kerajaan Persekutuan oleh ibu bapa atau penjaga seseorang yang berumur kurang daripada dua puluh satu tahun, maka orang itu adalah berhak didaftarkan sebagai warganegara jika ia dilahirkan sebelum permulaan bulan Oktober, 1962 dan bapanya adalah (atau pada masa kematiannya) seorang warganegara dan juga seorang warganegara pada permulaan bulan itu (Jika hidup pada masa itu), dan jika Kerajaan Persekutuan berpuashati bahawa orang itu adalah biasanya bermastautin di Persekutuan dan adalah berkelakuan baik.

(4) Bagi maksud Fasal (1) kemastautinan sebelum Hari Malaysia di wilayah-wilayah yang terkandung dalam Negeri-negeri Sabah dan Sarawak hendaklah disifatkan sebagai kemastautinan di Persekutuan.

(5) Sebutan dalam Fasal (1) mengenai perempuan yang bersuami adalah sebutan mengenai perempuan yang perkahwinannya telah didaftarkan mengikut mana-mana undang-undang bertulis yang berkuatkuasa di Persekutuan, termasuk mana-mana undang-undang itu yang berkuatkuasa sebelum Hari Merdeka, atau mengikut mana-mana undang-undang bertulis yang berkuatkuasa sebelum Hari Malaysia di wilayah-wilayah yang terkandung dalam Negeri-negeri Sabah dan Sarawak:

Dengan syarat Fasal ini tidaklah dipakai jika perempuan itu memohon supaya didaftarkan sebagai warganegara sebelum permulaan bulan September, 1965, atau sebelum sesuatu tarikh kemudiannya sebagaimana yang ditetapkan dengan perintah oleh Yang di-Pertuan Agong, dan jika pada tarikh permohonan itu ia adalah biasanya bermastautin di Negeri-negeri Sabah dan Sarawak.

(6) *(Dimansuhkan).*

15A Tertakluk kepada Perkara 18, Kerajaan Persekutuan boleh, dalam sesuatu hal keadaan khas yang difikirkannya patut, mengarahkan supaya seseorang yang berumur kurang daripada dua puluh satu tahun didaftarkan sebagai warganegara.

Kuasa khas  
bagi  
mendaftar  
kanak-kanak.

16. Tertakluk kepada Perkara 18, apabila permohonan dibuat kepada Kerajaan Persekutuan oleh mana-mana orang yang berumur lapan belas tahun atau lebih dan yang lahir di Persekutuan sebelum Hari Merdeka (31 Ogos, 1957), maka orang itu adalah berhak didaftarkan sebagai warganegara jika ia membuktikan dan Kerajaan Persekutuan berpuashati—

Kewarga-  
negara  
dengan cara  
pendaftaran  
(orang-orang  
yang lahir  
di Perseku-  
tuan  
sebelum  
Hari  
Merdeka).

(a) bahawa ia telah bermastautin di Persekutuan dalam masa tujuh tahun sebelum sahaja tarikh permohonannya itu, bagi tempoh-tempoh yang semuanya berjumlah tidak kurang daripada lima tahun;

(b) bahawa ia adalah berniat hendak bermastautin tetap di Persekutuan;

- (c) bahawa ia adalah berkelakuan baik; dan
- (d) bahawa ia ada mempunyai pengetahuan mudah dalam bahasa Melayu.

Kewarga-  
negara-  
n dengan cara  
pendaftaran  
(orang-orang  
yang ber-  
mastautin  
di Negeri-  
negeri  
Borneo pada  
Hari  
Malaysia.

**16A** Tertakluk kepada Perkara 18, apabila permohonan dibuat kepada Kerajaan Persekutuan sebelum bulan September, 1971 oleh mana-mana orang yang berumur lapan belas tahun atau lebih dan yang biasanya bermastautin di Negeri Sabah atau Sarawak pada Hari Malaysia, maka orang itu adalah berhak didaftarkan sebagai warganegara jika ia membuktikan dan Kerajaan Persekutuan berpuashati—

- (a) bahawa ia telah bermastautin sebelum Hari Malaysia di wilayah-wilayah yang terkandung dalam Negeri-negeri Sabah dan Sarawak itu dan selepas Hari Malaysia bermastautin di Persekutuan bagi tempoh-tempoh yang semuanya berjumlah tidak kurang daripada tujuh tahun dalam masa sepuluh tahun sebelum sahaja tarikh permohonan itu, dan tempoh-tempoh itu adalah termasuk tempoh dua belas bulan sebelum sahaja tarikh permohonan itu;
- (b) bahawa ia adalah berniat hendak bermastautin tetap di Persekutuan;
- (c) bahawa ia adalah berkelakuan baik; dan
- (d) bahawa ia ada mempunyai pengetahuan yang cukup dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris atau, mengenai pemohon yang biasanya bermastautin di Sarawak, ada mempunyai pengetahuan yang cukup dalam Bahasa Melayu, bahasa Inggeris atau mana-mana bahasa bumiputra yang digunakan pada masa itu di Sarawak, kecuali jika permohonan dibuat sebelum bulan September, 1965, dan pemohon itu telah mencapai umur empat puluh lima tahun pada tarikh permohonan itu.

**17.** (*Dimansuhkan*).

Peruntukan-  
peruntukan  
am mengenai  
pendaftaran.

**18.** (1) Tiada seseorang pun yang berumur lapan belas tahun atau lebih boleh didaftarkan sebagai warganegara di bawah Perlembagaan ini sehingga ia telah mengangkat sumpah yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

(2) Kecuali diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan, tiada seseorang pun yang telah menolak atau yang telah dilucutkan kewarganegaraan di bawah Perlembagaan ini, atau yang telah menolak atau yang telah dilucutkan kewarganegaraan persekutuan atau kewarganegaraan bagi Persekutuan sebelum Hari Merdeka di bawah Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu, 1948, boleh didaftarkan sebagai warganegara di bawah Perlembagaan ini.

(3) Seseorang yang didaftarkan sebagai warganegara di bawah Perlembagaan ini adalah menjadi warganegara dengan cara pendaftaran mulai dari hari ia didaftarkan sedemikian itu.

(4) (*Dimansuhkan*).

**19.** (1) Tertakluk kepada Fasal (9), apabila permohonan dibuat oleh seseorang yang berumur dua puluh satu tahun atau lebih dan orang itu bukan seorang warganegara, maka Kerajaan Persekutuan boleh memberi kepada orang itu suatu perakuan masukan, jika Kerajaan berpuashati—

Kewarga-  
negara-  
n dengan cara  
masukan.

(a) bahawa—

(i) ia telah bermastautin di Persekutuan bagi tempoh-tempoh yang dikehendaki dan berniat hendak bermastautin tetap di Persekutuan jika perakuan itu diberi;

(ii) (*Dimansuhkan*).

(b) bahawa ia adalah berkelakuan baik; dan

(c) bahawa ia ada mempunyai pengetahuan yang memadai dalam bahasa Melayu.

(2) Tertakluk kepada Fasal (9), apabila permohonan dibuat oleh seseorang yang berumur dua puluh satu tahun atau lebih dan orang itu bukan seorang warganegara, maka Kerajaan Persekutuan boleh, dalam sesuatu hal keadaan khas yang difikirkannya patut, memberi kepada orang itu suatu perakuan masukan jika Kerajaan berpuashati—

(a) bahawa ia telah bermastautin di Persekutuan bagi tempoh-tempoh yang dikehendaki dan berniat hendak bermastautin tetap di Persekutuan jika perakuan itu diberi;

(b) bahawa ia adalah berkelakuan baik; dan

(c) bahawa ia ada mempunyai pengetahuan yang memadai dalam bahasa Melayu.

(3) Tempoh-tempoh kemastautinan di Persekutuan atau di bahagiannya yang berkaitan yang dikehendaki untuk memberi satu perakuan masukan ialah tempoh-tempoh yang semuanya berjumlah tidak kurang daripada sepuluh tahun dalam masa dua belas tahun sebelum sahaja tarikh permohonan perakuan itu, dan tempoh-tempoh itu adalah termasuk tempoh dua belas bulan sebelum sahaja tarikh permohonan itu.

(4) Bagi maksud Fasal (1) dan (2) kemastautinan sebelum Hari Malaysia di wilayah-wilayah yang terkandung dalam Negeri-negeri Borneo hendaklah dikira sebagai kemastautinan di Persekutuan; dan bagi maksud Fasal (2) kemastautinan di Singapura sebelum Hari Malaysia atau, dengan diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan, kemastautinan di Singapura selepas Hari Malaysia hendaklah dikira sebagai kemastautinan di Persekutuan.

(5) Seseorang yang diberi perakuan masukan adalah menjadi seorang warganegara dengan cara masukan mulai dari tarikh perakuan itu diberi.

(6) *(Dimansuhkan).*

(7) *(Dimansuhkan).*

(8) *(Dimansuhkan).*

(9) Perakuan masukan tidak boleh diberi kepada sesiapa jua sehingga ia telah mengangkat sumpah yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

19A. *(Dimansuhkan).*

20. *(Dimansuhkan).*

21. *(Dimansuhkan).*

Kewarganegaraan disebabkan percantuman Wilayah.

22. Jika sesuatu wilayah baharu dimasukkan dalam Persekutuan selepas Hari Malaysia menurut Perkara 2, maka Parlimen boleh dengan undang-undang menentukan siapakah orang-orang yang akan menjadi warganegara dengan sebab perhubungan mereka dengan wilayah itu dan tarikh atau tarikh-tarikh mulanya mereka itu akan menjadi warganegara.

### *Bab 2—Penamatan Kewarganegaraan*

Penolakan kewarganegaraan.

23. (1) Seseorang warganegara yang berumur dua puluh satu tahun atau lebih dan yang sempurna akal dan ianya juga adalah seorang warganegara bagi suatu negeri lain atau

yang hendak menjadi seorang warganegara bagi suatu negeri lain boleh menolak kewarganegaraan Persekutuannya dengan suatu akaun yang didaftarkan oleh Kerajaan Persekutuan dan apabila yang demikian berlaku maka terhentilah ia daripada menjadi warganegara.

(2) Akaun yang dibuat di bawah Perkara ini dalam masa sesuatu peperangan dalam mana Persekutuan ada mengambil bahagian tidak boleh didaftarkan kecuali dengan diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan.

(3) Perkara ini adalah dipakai bagi seseorang perempuan yang berumur kurang daripada dua puluh satu tahun yang telah berkahwin sebagaimana Perkara ini dipakai bagi seseorang yang berumur dua puluh satu tahun atau lebih.

24. (1) Jika Kerajaan Persekutuan berpuashati bahawa seseorang warganegara telah memperolehi kewarganegaraan mana-mana negeri luar Persekutuan dengan cara pendaftaran, masukan atau perbuatan lain yang sengaja serta menurut peraturan (lain daripada perkahwinan), maka Kerajaan Persekutuan boleh dengan perintah melucutkan kewarganegaraan orang itu.

Pelucutan kewarganegaraan kerana memperolehi atau menggunakan hak kewarganegaraan negeri asing, dsb.

(2) Jika Kerajaan Persekutuan berpuashati bahawa seseorang warganegara telah menuntut dan menggunakan dengan sengaja dalam mana-mana negeri luar Persekutuan apa-apa hak yang terdapat baginya di bawah undang-undang negeri itu, iaitu hak-hak yang diberi hanya kepada warganegara-warganegara negeri itu sahaja, maka Kerajaan Persekutuan boleh dengan perintah melucutkan kewarganegaraan orang itu.

(3) *(Dimansuhkan).*

(3A) Dengan tidak menyentuh keluasan makna Fasal (2), menggunakan hak undi dalam mana-mana pilihan politik di sesuatu tempat luar Persekutuan hendaklah disifatkan sebagai tuntutan dan penggunaan yang sengaja akan hak terdapat di bawah undang-undang tempat itu; dan bagi maksud Fasal (2), dan Fasal itu sebagaimana dipakai seperti tersebut di atas, jika, selepas tarikh yang ditetapkan (10hb Oktober, 1963) oleh Yang di-Pertuan Agong dengan perintah bagi maksud Fasal ini, seseorang—

(a) memohon kepada pihak berkuasa bagi sesuatu tempat luar Persekutuan supaya mengeluarkan atau membaharui paspot; atau

- (b) menggunakan paspot yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa itu sebagai surat perjalanan.

maka orang itu hendaklah disifatkan sebagai sengaja menuntut dan menggunakan suatu hak yang terdapat di bawah undang-undang tempat itu, iaitu suatu hak yang diberi hanya kepada warganegara-warganegara tempat itu sahaja.

(4) Jika Kerajaan Persekutuan berpuashati bahawa seseorang perempuan yang menjadi warganegara dengan cara pendaftaran di bawah Fasal (1) Perkara 15 telah memperoleh kewarganegaraan mana-mana negeri luar Persekutuan dengan sebab perkahwinannya dengan seorang yang bukan warganegara, maka Kerajaan Persekutuan boleh dengan perintah melucutkan kewarganegaraan perempuan itu.

25. (1) Kerajaan Persekutuan boleh dengan perintah melucutkan kewarganegaraan seseorang yang menjadi warganegara dengan cara pendaftaran di bawah Perkara 16A atau 17 atau yang menjadi warganegara dengan cara masukan jika berpuashati—

- (a) bahawa orang itu telah membuktikan dengan perbuatan atau percakapan sebagai seorang yang tidak setia atau tidak suka pada Persekutuan;
- (b) bahawa orang itu, dalam masa sesuatu peperangan dalam mana Persekutuan sedang atau telah mengambil bahagian, telah berniaga atau membuat perhubungan dengan musuh dengan menyalahi undang-undang atau telah mengambil bahagian atau menyertai dalam sesuatu urusan yang ia ketahui telah dijalankan secara yang boleh menolong musuh dalam peperangan itu; atau
- (c) bahawa orang itu, dalam tempoh lima tahun mulai dari tarikh pendaftaran atau dari tarikh perakuan diberi, telah dihukum penjara di mana-mana negeri selama tempoh tidak kurang daripada dua belas bulan atau denda sebanyak tidak kurang daripada lima ribu ringgit atau senilai dengan matawang negeri itu, dan orang itu tidak mendapat ampun mengenai kesalahan yang kerananya ia telah dihukum sedemikian.

(1A) Kerajaan Persekutuan boleh dengan perintah melucutkan kewarganegaraan seseorang yang menjadi warganegara dengan cara pendaftaran di bawah Perkara 16A atau 17 atau yang menjadi warganegara dengan cara masukan jika berpuashati bahawa orang itu, dengan tidak mendapat kebenaran Kerajaan Persekutuan, telah menerima apa-apa jawatan atau pekerjaan atau telah berkhidmat atau menjalankan kewajipan-kewajipan dalam apa-apa jawatan atau pekerjaan di bawah Kerajaan mana-mana negeri luar Persekutuan atau mana-mana bahagian sisahnya, atau di bawah mana-mana agensi Kerajaan itu, jika suatu sumpah, ikrar atau akuan taat setia dikehendaki mengenai jawatan atau pekerjaan itu:

Dengan syarat bahawa seseorang tidak boleh dilucutkan kewarganegaraannya di bawah Fasal ini oleh sebab sesuatu yang dilakukan olehnya sebelum permulaan bulan Oktober, 1962 berkaitan dengan suatu negeri asing dan sebelum permulaan bulan Januari 1977, berkaitan dengan suatu negeri Komanwel.

(2) Kerajaan Persekutuan boleh dengan perintah melucutkan kewarganegaraan seseorang yang menjadi warganegara dengan cara pendaftaran di bawah Perkara 16A atau 17 atau yang menjadi warganegara dengan cara masukan jika berpuashati bahawa orang itu biasanya bermastautin di negeri-negeri luar Persekutuan selama tempoh lima tahun terus-menerus dan dalam tempoh itu orang itu tidak—

- (a) pernah pada bila-bila masa berada dalam perkhidmatan Persekutuan atau dalam perkhidmatan sesuatu pertubuhan antarabangsa yang dianggotai oleh Kerajaan Persekutuan; dan juga tidak
- (b) mendaftarkan tiap-tiap tahun di pejabat konsol Persekutuan niatnya hendak mengekalkan kewarganegaraannya:

Dengan syarat bahawa Fasal ini tidak boleh dipakai bagi apa-apa tempoh kemastautinan dalam mana-mana negeri Komanwel sebelum permulaan bulan Januari 1977.

(3) (*Dimansuhkan*).

Lain-lain peruntukan bagi melucutkan kewarganegaraan seseorang yang menjadi warganegara dengan cara pendaftaran atau masukan.

26. (1) Kerajaan Persekutuan boleh dengan perintah melucutkan kewarganegaraan seseorang warganegara yang menjadi warganegara dengan cara pendaftaran atau dengan cara masukan jika berpuashati bahawa pendaftaran atau perakuan masukan itu—

- (a) telah didapati dengan jalan tipuan, pernyataan palsu atau dengan menyembunyikan sesuatu nyataan matan; atau
- (b) telah dibuat atau diberi dengan silap.

(2) Kerajaan Persekutuan boleh dengan perintah melucutkan kewarganegaraan seseorang warganegara perempuan yang menjadi warganegara dengan cara pendaftaran di bawah Fasal (1) Perkara 15 jika berpuashati bahawa perkahwinan yang menyebabkan perempuan itu boleh didaftarkan telah dibubarkan, atas apa-apa sebab yang lain daripada kematian, dalam tempoh dua tahun mulai dari tarikh perkahwinan itu.

(3) *(Dimansuhkan).*

(4) *(Dimansuhkan).*

Pelucutan kewarganegaraan anak orang yang hilang kewarganegaraannya.

26A. Jika seseorang telah menolak kewarganegaraannya atau telah dilucutkan kewarganegaraannya di bawah Fasal (1) Perkara 24 atau perenggan (a) Fasal (1) Perkara 26, Kerajaan Persekutuan boleh dengan perintah melucutkan kewarganegaraan mana-mana anak orang itu yang berumur kurang daripada dua puluh satu tahun dan yang telah didaftarkan sebagai warganegara menurut Perlembagaan ini dan yang juga telah didaftarkan sedemikian itu sebagai anak orang itu atau anak isteri atau anak suami orang itu.

Peruntukan-peruntukan am mengenai kehilangan kewarganegaraannya.

26B. (1) Penolakan atau pelucutan kewarganegaraan tidaklah melepaskan seseorang daripada tanggungan mengenai sesuatu yang dilaku atau tidak dilakukan olehnya sebelum terhenti menjadi warganegara.

(2) Tiada sesiapa pun boleh dilucutkan kewarganegaraan di bawah Perkara 25, 26 atau 26A melainkan jika Kerajaan Persekutuan berpuashati bahawa adalah tidak mendatangkan faedah kepada awam bagi orang itu terus menjadi warganegara; dan tiada sesiapa pun boleh dilucutkan kewarganegaraan di bawah Perkara 25, perenggan (b) Fasal (1) Perkara 26, atau di bawah Perkara

26A, jika Kerajaan Persekutuan berpuashati bahawa pelucutan itu akan mengakibatkan orang itu tidak menjadi warganegara bagi mana-mana negeri.

27. (1) Sebelum membuat sesuatu perintah di bawah Perkara 24, 25 atau 26, Kerajaan Persekutuan hendaklah memberitahu dengan bertulis kepada orang yang ke atasnya dicadang hendak dibuat perintah itu mengenai alasan-alasan yang dicadang hendak dibuat bagi perintah itu dan juga bahawa ia adalah berhak merujuk halnya itu kepada suatu jawatankuasa siasatan di bawah Perkara ini.

Acara bagi pelucutan.

(2) Jika seseorang yang menerima pemberitahuan itu memohon supaya halnya dirujuk seperti tersebut di atas Kerajaan Persekutuan hendaklah, dan mengenai sesuatu hal lain Kerajaan Persekutuan boleh, merujuk hal itu kepada suatu jawatankuasa siasatan yang terdiri daripada seorang pengerusi (iaitu seorang yang ada mempunyai pengalaman kehakiman) dan dua orang ahli lagi yang dilantik oleh Kerajaan bagi maksud itu.

(3) Dalam sesuatu hal yang dirujukkan itu, jawatankuasa itu hendaklah mengadakan suatu siasatan secara yang diarah oleh Kerajaan Persekutuan, dan menghantar laporannya kepada Kerajaan Persekutuan; dan Kerajaan Persekutuan hendaklah memberi perhatian terhadap laporan itu bagi memutuskan sama ada hendak membuat perintah atau tidak.

28. (1) Bagi maksud peruntukan-peruntukan Bab ini yang tersebut di atas—

Pemakaian Bab 2 bagi setengah-setengah warganegara yang menjadi warganegara dengan cara kuatkuasa undang-undang.

- (a) sesiapa jua yang sebelum Hari Merdeka menjadi warganegara persekutuan atau warganegara bagi Persekutuan dengan cara didaftarkan sebagai warganegara atau disebabkan oleh ia didaftarkan sebagai rakyat Raja, atau dengan cara diberi satu perakuan kewarganegaraan di bawah mana-mana peruntukan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu, 1948, atau peruntukan mana-mana undang-undang Negeri hendaklah disifatkan sebagai warganegara dengan cara pendaftaran dan, jika ia tidak dilahirkan dalam Persekutuan maka ia



hendaklah disifatkan sebagai warganegara dengan cara pendaftaran di bawah Perkara 17:

- (b) seseorang perempuan yang sebelum Hari Merdeka menjadi warganegara persekutuan atau warganegara bagi Persekutuan dengan cara didaftarkan sebagai warganegara, atau disebabkan oleh ia didaftarkan sebagai rakyat Raja, di bawah mana-mana peruntukan Perjanjian tersebut atau peruntukan mana-mana undang-undang Negeri yang membenarkan pendaftaran perempuan-perempuan yang berkahwin dengan warganegara-warganegara Persekutuan atau dengan rakyat Raja hendaklah disifatkan sebagai warganegara dengan cara pendaftaran di bawah Fasal (1) Perkara 15;
- (c) sesiapa jua yang sebelum Hari Merdeka dimasukkan sebagai warganegara persekutuan atau sebagai warganegara bagi Persekutuan di bawah Perjanjian tersebut atau yang menjadi warganegara persekutuan atau warganegara bagi Persekutuan disebabkan oleh ia dimasukkan sebagai rakyat Raja di bawah mana-mana undang-undang Negeri hendaklah (tertakluk kepada Fasal (2)) disifatkan sebagai warganegara dengan cara masukan,

dan sebutan-sebutan dalam peruntukan-peruntukan itu mengenai pendaftaran atau masukan seseorang warganegara hendaklah ditafsirkan sewajarnya.

(2) Tiada sesiapa pun yang dilahirkan di Persekutuan boleh, menurut Perkara ini, dilucutkan kewarganegaraan di bawah Perkara 25.

(3) Seseorang yang pada Hari Merdeka menjadi warganegara dengan cara kuatkuasa undang-undang oleh kerana ia telah menjadi warganegara Persekutuan sebelum sahaja hari itu tidak boleh dilucutkan kewarganegaraan di bawah Fasal (1) atau (2) Perkara 24 oleh sebab sesuatu yang dilakukan olehnya pada atau sebelum hari itu; tetapi mengenai mana-mana orang itu Fasal (2) Perkara 25 hendaklah dipakai mengenai tempoh kemastautinan di negeri-negeri asing yang dikira mulai sebelum Hari Merdeka dan juga mengenai tempoh itu yang dikira mulai pada atau selepas hari itu.

28A. (1) (*Dimansuhkan*).

(2) Bagi maksud Perkara 24, 25, 26 dan 26A seseorang yang pada Hari Malaysia menjadi warganegara dengan cara kuatkuasa undang-undang oleh kerana sebelum sahaja hari itu ia mempunyai taraf warganegara United Kingdom dan Tanah-tanah Jajahan hendaklah disifatkan—

- (a) sebagai warganegara dengan cara pendaftaran jika ia telah memperolehi taraf yang tersebut itu dengan cara pendaftaran; dan
- (b) sebagai warganegara dengan cara masukan jika ia telah memperolehi taraf yang tersebut itu dengan cara atau disebabkan oleh masukan;

dan sebutan-sebutan dalam Perkara-perkara yang tersebut di atas itu mengenai pendaftaran atau masukan seseorang warganegara hendaklah ditafsirkan sewajarnya.

(3) Jika di bawah Perkara ini seseorang perempuan disifatkan sebagai warganegara dengan cara pendaftaran, dan taraf yang menyebabkan ia disifatkan sedemikian itu telah diperolehinya dengan sebab perkahwinan, maka bagi maksud-maksud Fasal (4) Perkara 24 dan Fasal (2) Perkara 26 ia hendaklah disifatkan sebagai warganegara dengan cara pendaftaran di bawah Fasal (1) Perkara 15.

(4) Jika di bawah Perkara ini seseorang yang dilahirkan sebelum Hari Malaysia disifatkan sebagai warganegara dengan cara pendaftaran oleh sebab sesuatu perhubungan dengan suatu Negeri Sabah dan Sarawak dan jika ia tidak dilahirkan di wilayah-wilayah yang terkandung dalam Negeri-negeri Sabah dan Sarawak, maka Perkara 25 hendaklah dipakai baginya seolah-olah ia adalah seorang warganegara dengan cara pendaftaran di bawah Perkara 16A atau 17.

(5) Walaupun di bawah Perkara ini seseorang disifatkan sebagai warganegara dengan cara masukan ia tidak boleh dilucutkan kewarganegaraannya di bawah Perkara 25 jika ia dilahirkan sebelum Hari Malaysia di wilayah-wilayah yang terkandung dalam Negeri-negeri Sabah dan Sarawak, dan jika ia disifatkan sedemikian oleh sebab taraf yang diperolehi dengan cara atau disebabkan oleh masukan di wilayah-wilayah itu.

Pelucutan  
kewarga-  
negara  
orang-orang  
yang menjadi  
warganegara  
pada Hari  
Malaysia.

(6) Dengan tidak menyentuh Fasal-fasal yang tersebut di atas, jika pada Hari Malaysia seseorang menjadi warganegara dengan cara kuatkuasa undang-undang oleh sebab taraf yang dimilikinya sebelum sahaja hari itu, tetapi ia boleh dilucutkan taraf itu di bawah undang-undang yang berkenaan dengan taraf itu oleh kerana apa-apa perkara yang dilakukan sebelum hari itu, maka Kerajaan Persekutuan boleh dengan perintah melucutkan kewarganegaraannya, sekiranya langkah-langkah bagi maksud itu dimulakan sebelum bulan September, 1965; tetapi Fasal (2) Perkara 26B dan, tertakluk kepada Fasal (7), Perkara 27 hendaklah dipakai bagi perintah di bawah Fasal ini sebagaimana Fasal (2) Perkara 28B dan Perkara 27 itu dipakai bagi perintah di bawah Perkara 25.

(7) Jika seseorang kena dilucutkan kewarganegaraannya di bawah Fasal (6) dan langkah-langkah telah dimulakan sebelum Hari Malaysia bagi melucutkan taraf yang menyebabkan ia memperolehi kewarganegaraannya, maka langkah-langkah itu hendaklah disifatkan sebagai langkah-langkah untuk melucutkan kewarganegaraan di bawah Fasal itu, dan hendaklah diteruskan sebagai demikian, tetapi langkah-langkah itu hendaklah diteruskan mengikut undang-undang berkenaan dengan taraf itu yang berkuatkuasa sebelum sahaja Hari Malaysia, dan tugas-tugas Kerajaan Persekutuan mengenai langkah-langkah itu hendaklah diwakilkan kepada mana-mana pihakberkuasa bagi Negeri yang berkenaan itu sebagaimana yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan.

### Bab 3—Tambahan

Kewarganegaraan Komanwel.

29. (1) Mengikut kedudukan Persekutuan dalam Komanwel, tiap-tiap orang warganegara Persekutuan, oleh sebab kewarganegaraannya, adalah menikmati taraf warganegara Komanwel sama dengan warganegara negeri-negeri Komanwel lain.

(2) Kecuali jika selainnya diperuntukkan oleh Parlimen, mana-mana undang-undang yang ada hendaklah dipakai terhadap seseorang warganegara Republik Ireland yang juga bukan seorang warganegara Komanwel sebagaimana undang-undang itu dipakai terhadap seseorang warganegara Komanwel.

30. (1) Apabila permohonan dibuat oleh seseorang yang kewarganegaraannya ada mengandungi sesuatu perkara yang waham, sama ada mengenai nyataan atau mengenai undang-undang, Kerajaan Persekutuan boleh memperakui bahawa orang itu adalah seorang warganegara.

Perakuan kewarganegaraan.

(2) Sesuatu perakuan yang dikeluarkan di bawah Fasal (1), melainkan jika dibuktikan bahawa ia telah didapati dengan cara tipuan, penyataan palsu atau dengan menyembunyikan sesuatu nyataan matan, adalah menjadi keterangan muktamad bahawa orang yang dimaksudkan oleh perakuan itu adalah seorang warganegara pada tarikh perakuan itu, tetapi dengan tidak menyentuh apa-apa keterangan yang menyatakan bahawa orang itu adalah seorang warganegara pada tarikh yang lebih awal.

(3) Bagi maksud menentukan sama ada seseorang adalah warganegara Persekutuan tatkala lahir, maka apa-apa soal tentang sama ada orang itu adalah warganegara suatu negeri lain tatkala lahir hendaklah diputuskan oleh Kerajaan Persekutuan dan perakuan Kerajaan Persekutuan mengenai soal itu adalah muktamad (melainkan jika dibuktikan bahawa perakuan itu telah didapati dengan cara tipuan, pernyataan palsu atau dengan menyembunyikan sesuatu nyataan matan).

(4) *(Dimansuhkan).*

30A. *(Dimansuhkan).*

30B. *(Dimansuhkan).*

31. Sehingga peruntukan-peruntukan yang lain dibuat oleh Parlimen, peruntukan-peruntukan tambahan yang terkandung dalam Bahagian 3 Jadual Kedua hendaklah berkuatkuasa bagi maksud-maksud Bahagian ini.

Pemakaian Jadual 2.

## BAHAGIAN IV

### PERSEKUTUAN

#### Bab 1—Kepala Utama Negara

32. (1) Maka hendaklah ada seorang Kepala Utama Negara bagi Persekutuan digelar Yang di-Pertuan Agong, yang mengambil keutamaan mengatasi segala orang dalam Persekutuan dan yang tidak boleh dikena dakwa dalam apa-apa jua pembicaraan dalam mana-mana mahkamah.

Kepala Utama Negara bagi Persekutuan, dan Permaisurinya.

(2) Permaisuri Yang di-Pertuan Agong (yang digelar Raja Permaisuri Agong) adalah mengambil keutamaan mengatasi segala orang lain dalam Persekutuan selepas Yang di-Pertuan Agong.

(3) Yang di-Pertuan Agong hendaklah dipilih oleh Majlis Raja-Raja selama tempoh jawatan lima tahun tetapi boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dengan mengutus surat yang ditandatangani olehnya kepada Majlis Raja-Raja, atau dipecat dari jawatannya oleh Majlis Raja-Raja, dan hendaklah berhenti daripada memegang jawatan apabila berhenti daripada menjadi seorang Raja.

(4) Peruntukan-peruntukan Bahagian 1 dan 3 dalam Jadual Ketiga hendaklah dipakai bagi memilih dan memecat Yang di-Pertuan Agong.

Timbalan  
Kepala  
Utama  
Negara bagi  
Persekutuan.

33. (1) Maka hendaklah ada seorang Timbalan Yang di-Pertuan Agong (digelarkan Timbalan Yang di-Pertuan Agong) dan ia hendaklah menjalankan tugas-tugas serta mempunyai keistimewaan-keistimewaan Yang di-Pertuan Agong dalam masa berlaku kekosongan dalam jawatan Yang di-Pertuan Agong dan dalam masa Yang di-Pertuan Agong tidak berupaya menjalankan tugas-tugas jawatannya oleh kerana sakit, tidak ada dalam Persekutuan ataupun oleh kerana apa-apa sebab lain, tetapi Timbalan Yang di-Pertuan Agong tidak boleh menjalankan tugas-tugas itu dalam masa Yang di-Pertuan Agong tidak berupaya atau tidak ada dalam Persekutuan selama yang dijangka kurang daripada lima belas hari, melainkan jika Timbalan Yang di-Pertuan Agong berpuashati bahawa adalah perlu dan mustahak tugas-tugas itu dijalankan.

(2) Timbalan Yang di-Pertuan Agong hendaklah dipilih oleh Majlis Raja-Raja selama tempoh jawatan lima tahun, atau jika dipilih dalam tempoh jawatan Yang di-Pertuan Agong dipilih, selama baki tempoh jawatannya itu, tetapi boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dengan mengutus surat yang ditandatangani olehnya kepada Majlis Raja-Raja, dan hendaklah berhenti daripada memegang jawatan apabila berhenti daripada menjadi seorang Raja.

(3) Jika dalam tempoh jawatan Timbalan Yang di-Pertuan Agong, kekosongan berlaku dalam jawatan Yang di-Pertuan Agong, maka tamatlah tempoh jawatannya apabila kekosongan itu dipenuhi.

(4) Peruntukan-peruntukan Bahagian 2 dalam Jadual Ketiga hendaklah dipakai bagi memilih Timbalan Yang di-Pertuan Agong.

(5) Parlimen boleh dengan undang-undang membuat peruntukan supaya tugas-tugas Yang di-Pertuan Agong dijalankan oleh seorang Raja jika tugas-tugas itu terpaksa menurut Fasal (1) dijalankan oleh Timbalan Yang di-Pertuan Agong tetapi tidak dapat dijalankan demikian itu oleh kerana jawatan Timbalan Yang di-Pertuan Agong kosong atau oleh kerana Timbalan Yang di-Pertuan Agong sakit, atau tidak ada dalam Persekutuan ataupun oleh kerana apa-apa sebab lain; akan tetapi undang-undang itu tidak boleh diluluskan dengan tiada persetujuan Majlis Raja-Raja.

34. (1) Yang di-Pertuan Agong tidak boleh menjalankan tugas-tugasnya sebagai Raja Negerinya kecuali tugas-tugasnya sebagai Ketua agama Islam.

(2) Yang di-Pertuan Agong tidak boleh memegang apa-apa jawatan yang baginya ada apa-apa saraan.

(3) Yang di-Pertuan Agong tidak boleh mengambil bahagian dengan giat dalam apa-apa enterprais perniagaan.

(4) Yang di-Pertuan Agong tidak boleh menerima apa-apa jua jenis pendapatan yang kena dibayar atau terakru kepadanya sebagai Raja Negerinya di bawah peruntukan Perlembagaan Negerinya itu atau peruntukan mana-mana undang-undang Negeri.

(5) Yang di-Pertuan Agong tidak boleh, dengan tiada persetujuan Majlis Raja-Raja, meninggalkan Persekutuan selama lebih daripada lima belas hari, kecuali atas lawatan Negara kesuatu negeri lain.

(6) Fasal-fasal (2) dan (3) hendaklah juga dipakai bagi Raja Permaisuri Agong.

(7) Jika Timbalan Yang di-Pertuan Agong atau mana-mana orang lain yang dibenarkan oleh undang-undang menjalankan tugas-tugas Yang di-Pertuan Agong selama tempoh lebih daripada lima belas hari maka Fasal (1) hingga (5) hendaklah dipakai baginya selama tempoh itu sebagaimana Fasal-fasal itu dipakai bagi Yang di-Pertuan Agong.

Perkara-Perkara yang tidak boleh dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong.

(8) Tiada apa-apa jua dalam Fasal (1) boleh menahan Yang di-Pertuan Agong daripada menjalankan, sebagai Raja bagi Negerinya, apa-apa kuasa yang terletak padanya sama ada seorang diri atau bersama-sama dengan mana-mana pihak berkuasa lain—

(a) bagi meminda Perlembagaan Negerinya; atau

(b) bagi melantik seorang Pemangku Raja atau ahli Jumaah Pemangku Raja sebagai ganti seseorang Pemangku Raja atau ahli, mengikut mana yang berkenaan, yang telah mati atau yang tidak berupaya oleh kerana apa-apa sebab menjalankan kewajipan-kewajipan jawatan Pemangku Raja atau ahli Jumaah Pemangku Raja.

Peruntukan Diraja bagi Yang di-Pertuan Agong dan Permaisuri-nya dan saraan bagi Timbalan Yang di-Pertuan Agong.

35. (1) Parlimen hendaklah dengan undang-undang memperuntukkan suatu Peruntukan Diraja bagi Yang di-Pertuan Agong yang termasuk peruntukan untuk membayar anuiti kepada Raja Permaisuri Agong, dan Peruntukan Diraja itu hendaklah dipertanggungkan kepada Kumpulanwang Disatukan dan tidak boleh dikurangkan dalam masa Yang di-Pertuan Agong memegang jawatannya.

(2) Parlimen hendaklah dengan undang-undang membuat peruntukan bagi saraan Timbalan Yang di-Pertuan Agong bagi Persekutuan atau mana-mana orang lain yang dibenarkan oleh undang-undang menjalankan tugas-tugas Yang di-Pertuan Agong selama tempoh ia menjalankan tugas-tugas itu, dan saraan yang diperuntukkan menurut Fasal ini hendaklah dipertanggungkan kepada Kumpulanwang Disatukan.

Mohor Besar.

36. Yang di-Pertuan Agong hendaklah menyimpan dan menggunakan Mohor Besar Persekutuan.

Sumpah jawatan bagi Yang di-Pertuan Agong.

37. (1) Yang di-Pertuan Agong hendaklah, sebelum menjalankan tugas-tugasnya, mengangkat dan menandatangani suatu sumpah jawatan yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual Keempat di hadapan Majlis Raja-Raja dan di hadapan Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan (atau jika ia tidak ada, di hadapan hakim Mahkamah Persekutuan yang kanan selepasnya yang ada); dan sumpah itu hendaklah disaksikan serta ditandatangani oleh dua orang yang dilantik bagi maksud itu oleh Majlis Raja-Raja.

(2) Timbalan Yang di-Pertuan Agong hendaklah, sebelum menjalankan tugas-tugasnya lain daripada tugas-tugas yang dijalankan bagi maksud memanggil mesyuarat Majlis Raja-Raja, mengangkat dan menandatangani suatu sumpah jawatan yang dinyatakan dalam Bahagian II Jadual Keempat di hadapan Majlis Raja-Raja dan di hadapan Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan (atau jika ia tidak ada, di hadapan hakim Mahkamah Persekutuan yang kanan selepasnya yang ada).

(3) Sumpah-sumpah yang tersebut itu, diterjemah ke dalam bahasa Ingeris, adalah dinyatakan dalam Bahagian III Jadual Keempat.

(4) Apa-apa undang-undang yang dibuat di bawah Perkara 33 (5) hendaklah membuat peruntukan yang bersamaan dengan Fasal (2) (dengan apa-apa pengubahsuaian yang perlu).

#### Bab 2—Majlis Raja-Raja

38. (1) Maka hendaklah ada suatu Majlis Raja-Raja yang ditubuhkan mengikut Jadual Kelima.

Majlis Raja-Raja.

(2) Majlis Raja-Raja hendaklah menjalankan tugas-tugasnya bagi—

(a) memilih Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong mengikut peruntukan-peruntukan Jadual Ketiga;

(b) mempersetujui atau tidak mempersetujui supaya apa-apa perbuatan, amalan atau upacara agama meliputi seluruh Persekutuan;

(c) mempersetujui atau tidak mempersetujui apa-apa undang-undang dan membuat atau memberi nasihat mengenai apa-apa perlantikan yang, menurut Perlembagaan ini, memerlukan persetujuan Majlis Raja-Raja atau yang dikehendaki dibuat oleh atau selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja,

dan boleh menimbangkan soal-soal mengenai dasar negara (misalnya perubahan-perubahan tentang dasar imigeresen) dan apa-apa jua perkara lain yang difikirkannya patut.

(3) Apabila Majlis Raja-Raja menimbangkan perkara-perkara mengenai dasar negara Yang di-Pertuan Agong hendaklah disertai oleh Perdana Menteri, dan Raja-Raja

yang lain dan Yang di-Pertuan-Yang di-Pertua Negeri disertai oleh Menteri-menteri Besar atau Ketua-ketua Menteri mereka; dan pertimbangan-pertimbangan itu adalah antara tugas-tugas yang dijalankan oleh Yang di-Pertuan Agong mengikut nasihat Jumaah Menteri, dan oleh Raja-Raja yang lain dan Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri mengikut nasihat Majlis Mesyuarat Kerajaan mereka.

(4) Tiada apa-apa undang-undang yang menyentuh secara langsung keistimewaan, kedudukan, kemuliaan atau kebesaran Raja-Raja boleh diluluskan dengan tiada persetujuan Majlis Raja-Raja.

(5) Majlis Raja-Raja hendaklah diminta fikirannya sebelum dibuat apa-apa perubahan tentang dasar mengenai tindakan pentadbiran di bawah Perkara 153.

(6) Ahli-ahli Majlis Raja-Raja boleh bertindak menurut budibicara mereka dalam apa-apa urusan berhubung dengan tugas-tugas yang berikut, iaitu—

- (a) memilih atau memecat Yang di-Pertuan Agong daripada jawatannya, atau memilih Timbalan Yang di-Pertuan Agong;
- (b) memberi nasihat mengenai apa-apa perlantikan;
- (c) mempersetujui atau tidak mempersetujui apa-apa undang-undang yang mengubah sempadan-sempadan sesuatu Negeri atau yang menyentuh keistimewaan, kedudukan, kemuliaan atau kebesaran Raja-Raja; atau
- (d) mempersetujui atau tidak mempersetujui supaya apa-apa perbuatan, amalan atau upacara agama meliputi seluruh Persekutuan.

### Bab 3—Pemerintah

Kuasa pemerintah Persekutuan.

39. Kuasa pemerintah bagi Persekutuan adalah terletak pada Yang di-Pertuan Agong dan, tertakluk kepada peruntukan mana-mana undang-undang persekutuan dan peruntukan Jadual Kedua, kuasa itu boleh dijalankan olehnya atau oleh Jumaah Menteri atau oleh mana-mana Menteri yang diberikuasa oleh Jumaah Menteri, tetapi Parlimen boleh dengan undang-undang memberi tugas-tugas pemerintah kepada orang-orang lain.

40. (1) Pada menjalankan tugas-tugasnya di bawah Perlembagaan ini atau di bawah undang-undang persekutuan, Yang di-Pertuan Agong hendaklah bertindak mengikut nasihat Jumaah Menteri atau nasihat seseorang Menteri yang bertindak di bawah kuasa am Jumaah Menteri, kecuali sebagaimana diperuntukkan selainnya oleh Perlembagaan ini; tetapi Yang di-Pertuan Agong adalah berhak, atas permintaannya, mendapat apa-apa maklumat mengenai pemerintahan Persekutuan yang boleh didapati oleh Jumaah Menteri.

Yang di-Pertuan Agong hendaklah bertindak mengikut nasihat.

(2) Yang di-Pertuan Agong boleh bertindak menurut budi-bicaranya pada melaksanakan tugas-tugas yang berikut, iaitu—

- (a) melantik seorang Perdana Menteri;
- (b) tidak mempersetujui permintaan membubar Parlimen;
- (c) meminta supaya diadakan suatu mesyuarat Majlis Raja-Raja yang semata-mata mengenai keistimewaan, kedudukan, kemuliaan dan kebesaran Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja dan mengambil apa-apa tindakan dalam Mesyuarat itu, dan dalam apa-apa hal lain yang tersebut dalam Perlembagaan ini.

(3) Undang-undang persekutuan boleh membuat peruntukan bagi menghendaki Yang di-Pertuan Agong bertindak pada menjalankan tugas-tugas yang lain daripada yang berikut, selepas berunding dengan atau atas syor mana-mana orang atau kumpulan orang yang lain daripada Jumaah Menteri—

- (a) tugas-tugas yang boleh dijalankan menurut budi-bicaranya;
- (b) tugas-tugas lain jika untuk menjalankan peruntukan ada dibuat dalam mana-mana Perkara lain.

41. Yang di-Pertuan Agong ialah Pemerintah Tertinggi angkatan tentera Persekutuan.

Pemerintah tertinggi angkatan tentera.

42. (1) Yang di-Pertuan Agong adalah berkuasa mengampun dan menangguhkan hukuman-hukuman mengenai segala kesalahan yang telah dibicarakan oleh

Kuasa bagi mengampun, dsb.

mahkamah-tentera dan segala kesalahan yang dilakukan dalam Wilayah Persekutuan; dan Raja atau Yang di-Pertua Negeri sesuatu Negeri adalah berkuasa mengampun dan menanggihkan hukuman-hukuman mengenai segala kesalahan lain yang dilakukan di Negerinya.

(2) Tertakluk kepada Fasal (10), apa-apa kuasa yang diberi oleh undang-undang persekutuan atau undang-undang Negeri bagi meremit, menggantung atau mengurangkan hukuman bagi sesuatu kesalahan boleh dijalankan oleh Yang di-Pertuan Agong jika hukuman itu telah dijatuhkan oleh mahkamah tentera atau oleh sesuatu mahkamah sivil yang menjalankan bidangkuasa dalam Wilayah Persekutuan dan, dalam apa-apa hal lain, kuasa itu boleh dijalankan oleh Raja atau Yang di-Pertua Negeri bagi Negeri di mana kesalahan itu telah dilakukan.

(3) Jika sesuatu kesalahan telah dilakukan kesemuanya atau sebahagiannya di luar Persekutuan atau di beberapa buah Negeri atau dalam hal keadaan yang boleh menimbulkan waham di mana kesalahan itu telah dilakukan, maka bagi maksud-maksud Perkara ini kesalahan itu hendaklah disifatkan sebagai telah dilakukan di Negeri di mana kesalahan itu telah dibicarakan. Bagi maksud Fasal ini, Wilayah Persekutuan hendaklah disifatkan sebagai suatu negeri.

(4) Kuasa-kuasa yang tersebut dalam Perkara ini—

(a) ialah, setakat mana kuasa-kuasa itu boleh dijalankan oleh Yang di-Pertuan Agong, ialah antara tugas-tugas yang peruntukan mengenainya boleh dibuat oleh undang-undang persekutuan di bawah Perkara 40 (3);

(b) iaitu, setakat mana kuasa-kuasa itu boleh dijalankan oleh Raja atau Yang di-Pertua Negeri sesuatu Negeri, hendaklah dijalankan mengikut nasihat Jumaah Pengampunan yang ditubuhkan bagi Negeri itu mengikut Fasal (5)

(5) Jumaah Pengampunan yang ditubuhkan bagi tiap-tiap satu Negeri hendaklah mengandungi Peguam Negara Persekutuan, Ketua Menteri Negeri itu dan tidak lebih daripada tiga orang ahli lain yang dilantik oleh Raja atau Yang di-Pertua Negeri; tetapi Peguam Negara boleh dari semasa kesemasa dengan suratcara mewakilkan tugas-tugasnya sebagai seorang ahli Jumaah itu kepada seseorang

lain, dan Raja atau Yang di-Pertua Negeri boleh melantik seseorang untuk menjalankan bagi sementara tugas-tugas seseorang ahli Jumaah yang dilantik olehnya yang tidak hadir atau tidak berupaya menjalankan tugasnya.

(6) Ahli-ahli Jumaah Pengampunan yang dilantik oleh Raja atau Yang di-Pertua Negeri hendaklah dilantik bagi tempoh selama tiga tahun dan boleh dilantik semula, tetapi boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatan sebagai ahli Jumaah.

(7) Seseorang ahli Dewan Negeri atau ahli Dewan Rakyat tidak boleh dilantik oleh Raja atau Yang di-Pertua Negeri untuk menjadi ahli Jumaah Pengampunan atau untuk menjalankan bagi sementara tugas-tugas seseorang ahli Jumaah.

(8) Jumaah Pengampunan hendaklah bermesyuarat di hadapan Raja atau Yang di-Pertua Negeri dan Raja atau Yang di-Pertua Negeri itu hendaklah mengetuai mesyuarat itu.

(9) Sebelum Jumaah Pengampunan memberi nasihatnya mengenai apa-apa perkara ia hendaklah menimbangkan apa-apa pendapat bertulis yang mungkin telah dikemukakan oleh Peguam Negara mengenai perkara itu.

(10) Walau apapun yang tersebut dalam perkara ini, kuasa bagi mengampun dan menanggihkan hukuman-hukuman atau meremit, menggantung atau mengurangkan hukuman-hukuman yang dijatuhkan oleh mana-mana Mahkamah yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang yang mengawal hal ehwal agama Islam di Negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak atau Wilayah Persekutuan hendaklah dijalankan oleh Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua agama Islam dalam Negeri itu.

(11) Bagi maksud Perkara ini maka hendaklah ditubuhkan suatu Jumaah Pengampunan bagi Wilayah Persekutuan dan peruntukan-peruntukan Fasal-fasal (5), (6), (7), (8) dan (9). Perkara ini hendaklah dipakai *mutatis mutandis* bagi Jumaah Pengampunan di bawah Fasal ini kecuali bahawa sebutan mengenai "Raja atau Yang di-Pertua Negeri" hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Yang di-Pertuan Agong dan sebutan mengenai "Ketua Menteri negeri itu" hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Menteri yang bertanggungjawab bagi Wilayah Persekutuan.

43. (1) Yang di-Pertuan Agong hendaklah melantik suatu Jumaah Menteri untuk menasihatkannya dalam hal menjalankan tugas-tugasnya.

(2) Jumaah Menteri hendaklah dilantik seperti berikut, iaitu—

(a) Yang di-Pertuan Agong hendaklah terlebih dahulu melantik sebagai Perdana Menteri untuk mengetuai Jumaah Menteri seorang ahli Dewan Rakyat yang pada pendapatnya akan mendapat kepercayaan sebilangan besar ahli-ahli Dewan itu; dan

(b) atas nasihat Perdana Menteri, Yang di-Pertuan Agong hendaklah melantik Menteri-menteri lain dari antara ahli-ahli mana-mana Majlis Parlimen;

tetapi jika sesuatu perantikan dibuat dalam masa Parlimen dibubarkan, seseorang yang menjadi ahli Dewan Rakyat yang terakhir itu boleh dilantik tetapi tidak boleh terus memegang jawatan selepas persidangan Parlimen yang kemudiannya dimulakan melainkan, jika ia telah dilantik menjadi Perdana Menteri, ia adalah seorang ahli Dewan Rakyat yang baharu itu, dan mengenai seorang Menteri lain, melainkan ia adalah seorang ahli Dewan Rakyat atau Dewan Negara.

(3) Jumaah Menteri adalah bersesama bertanggungjawab kepada Parlimen.

(4) Jika Perdana Menteri tidak lagi mendapat kepercayaan sebilangan besar ahli-ahli Dewan Rakyat maka, Perdana Menteri hendaklah meletakkan jawatan Jumaah Menteri, melainkan jika atas permintaannya Yang di-Pertuan Agong membubarkan Parlimen.

(5) Tertakluk kepada Fasal (4), Menteri-menteri yang lain daripada Perdana Menteri adalah memegang jawatan selama diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong, melainkan jika perantikan mana-mana Menteri telah dibatalkan oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri, tetapi mana-mana Menteri boleh meletakkan jawatannya.

(6) Sebelum seseorang Menteri menjalankan tugas-tugas jawatannya ia hendaklah mengangkat dan menandatangani di hadapan Yang di Pertuan Agong suatu sumpah jawatan dan taat setia dan juga sumpah rahsia yang dinyatakan dalam Jadual Keenam.

(7) Walau apapun yang tersebut dalam Perkara ini, seseorang yang menjadi warganegara dengan cara masuki atau dengan cara pendaftaran di bawah Perkara 17 tidak boleh dilantik menjadi Perdana Menteri.

(8) Jika seseorang ahli Dewan Negeri dilantik menjadi seorang Menteri ia hendaklah berhenti daripada menjadi ahli Dewan Negeri itu sebelum menjalankan tugas-tugas jawatannya.

(9) Parlimen hendaklah dengan undang-undang membuat peruntukan bagi saraan ahli-ahli Jumaah Menteri.

43A. (1) Yang di-Pertuan Agong boleh atas nasihat Perdana Menteri melantik Timbalan-Timbalan Menteri dari antara ahli-ahli mana-mana Majlis Parlimen; tetapi jika sesuatu perantikan dibuat dalam masa Parlimen dibubarkan, seseorang yang menjadi ahli Dewan Rakyat yang terakhir itu boleh dilantik tetapi tidak boleh memegang jawatan selepas persidangan Parlimen yang kemudiannya dimulakan melainkan ia adalah seorang ahli Dewan Rakyat itu atau ahli Dewan Negara.

Timbalan-  
Timbalan  
Menteri.

(2) Timbalan-timbalan Menteri hendaklah membantu Menteri-Menteri pada menjalankan kewajipan-kewajipan dan tugas-tugas mereka.

(3) Peruntukan Fasal (5), (6) dan (8) dalam Perkara 43 hendaklah dipakai bagi Timbalan-timbalan Menteri sebagaimana Fasal-Fasal itu dipakai bagi Menteri-menteri.

(4) Parlimen hendaklah dengan undang-undang membuat peruntukan bagi saraan Timbalan-timbalan Menteri.

43B. (1) Perdana Menteri boleh melantik Setiausaha-setiausaha Parlimen dari antara ahli-ahli mana-mana Majlis Parlimen; tetapi jika sesuatu perantikan dibuat dalam masa Parlimen dibubarkan, seseorang yang menjadi ahli Dewan Rakyat yang terakhir itu boleh dilantik tetapi tidak boleh memegang jawatan selepas persidangan Parlimen yang kemudiannya dimulakan melainkan ia adalah seorang ahli Dewan Rakyat itu atau ahli Dewan Negara.

Setiausaha-  
Setiausaha  
Parlimen.

(2) Setiausaha-setiausaha Parlimen hendaklah membantu Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri pada menjalankan kewajipan-kewajipan dan tugas-tugas mereka.

(3) Seseorang Setiausaha Parlimen boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya, dan perantikannya sebagai

demikian boleh dibatalkan pada bila-bila masa oleh Perdana Menteri.

(4) Sebelum seseorang Setiausaha Parlimen menjalankan tugas jawatannya ia hendaklah mengangkat dan menandatangani di hadapan Perdana Menteri suatu sumpah rahsia yang dinyatakan dalam Jadual Keenam.

(5) Parlimen hendaklah dengan undang-undang membuat peruntukan bagi saraan Setiausaha-Setiausaha Parlimen.

Setiausaha-  
Setiausaha  
Politik.

**43c.** (1) Perdana Menteri boleh melantik beberapa orang yang difikirkannya patut untuk menjadi Setiausaha-setiausaha Politik.

(2) Menurut Perkara ini, seseorang yang dilantik sebagai Setiausaha Politik—

- (a) tidak semestinya seorang ahli mana-mana Majlis Parlimen;
- (b) boleh meletakkan jawatannya pada bila-bila masa;
- (c) tertakluk kepada perenggan (b), hendaklah terus memegang jawatan sehingga perlantikannya dibatalkan oleh Perdana Menteri.

(3) Peruntukan Fasal (4) dalam Perkara 43b hendaklah dipakai bagi Setiausaha-Setiausaha Politik sebagaimana peruntukan itu dipakai bagi Setiausaha-Setiausaha Parlimen.

(4) Kewajipan-kewajipan dan tugas-tugas Setiausaha Politik, dan saraan mereka, hendaklah ditetapkan oleh Juma'ah Menteri.

#### *Bab 4—Badan Perundangan Persekutuan*

Keanggotaan  
Parlimen.

**44.** (1) Kuasa perundangan Persekutuan adalah terletak pada Parlimen yang mengandungi Yang di-Pertuan Agong dan dua Majlis yang dinamakan Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

**45.** (1) Tertakluk kepada Fasal (4) dewan negara hendaklah mengandungi anggota-anggota yang dipilih dan dilantik seperti berikut:

- (a) dua orang anggota bagi tiap-tiap Negeri hendaklah dipilih mengikut Jadual Ketujuh; dan
- (aa) dua orang anggota bagi Wilayah Persekutuan hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong;
- (b) empat puluh orang anggota hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.

(2) Ahli-ahli yang akan dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong ialah orang-orang yang pada pendapatnya telah berbuat jasa cemerlang dalam perkhidmatan awam atau telah mencapai kepujian dalam lapangan profesyen, perdagangan, perusahaan, pertanian, kegiatan kebudayaan atau perkhidmatan masyarakat atau yang mewakili kaum-kaum yang kecil bilangannya atau yang mempunyai kebolehan mewakili kepentingan orang-orang asli.

(3) Tertakluk kepada peruntukan Jadual Ketujuh, tempoh jawatan seseorang ahli Dewan Negara ialah tiga tahun dan tempoh itu tidaklah tercatat dengan pembubaran Parlimen.

(4) Parlimen boleh dengan undang-undang—

- (a) menambah bilangan ahli-ahli yang akan dipilih bagi tiap-tiap satu Negeri hingga tiga orang;
- (b) membuat peruntukan supaya ahli-ahli yang akan dipilih bagi tiap-tiap satu Negeri dipilih dengan undi terus oleh pemilih-pemilih negeri itu;
- (c) mengurangkan bilangan ahli-ahli yang dilantik atau menghapuskan ahli-ahli yang dilantik.

**46.** (1) Dewan Rakyat hendaklah terdiri dari seratus lima puluh empat orang anggota yang dipilih—

Keanggotaan  
Dewan  
Rakyat.

(2) Daripada bilangan itu—

- (a) seratus empat puluh sembilan orang ahli ialah dari Negeri-negeri dalam Malaysia seperti berikut—
  - (i) enam belas orang anggota dari Johor;
  - (ii) tiga belas orang ahli dari Kedah;
  - (iii) dua belas orang anggota dari Kelantan;
  - (iv) empat orang anggota dari Melaka;
  - (v) enam orang anggota dari Negeri Sembilan;
  - (vi) lapan orang anggota dari Pahang;
  - (vii) dua puluh satu orang anggota dari Perak;
  - (viii) dua orang anggota dari Perlis;
  - (ix) sembilan orang anggota dari Pulau Pinang;
  - (x) enam belas orang ahli dari Sabah;
  - (xi) dua puluh empat orang ahli dari Sarawak;
  - (xii) sebelas orang anggota dari Selangor;
  - (xiii) tujuh orang anggota dari Trengganu; dan

(b) lima orang anggota dari Wilayah Persekutuan.



Kelayakan  
menjadi  
ahli  
Parlimen.

47. Tiap-tiap warganegara yang bermastautin di Persekutuan adalah layak menjadi—

- (a) ahli Dewan Negara, jika ia berumur tidak kurang daripada tiga puluh tahun;
- (b) ahli Dewan Rakyat, jika ia berumur tidak kurang daripada dua puluh satu tahun,

melainkan jika ia adalah hilang kelayakan menjadi ahli menurut Perlembagaan ini atau menurut mana-mana undang-undang yang dibuat menurut Perkara 48.

Hilang  
kelayakan  
menjadi  
ahli  
Parlimen

48. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perkara ini, seseorang adalah hilang kelayakan menjadi ahli mana-mana Majlis Parlimen jika—

- (a) ia adalah dan telah didapati atau diistiharkan sebagai seorang yang tidak sempurna akal; atau
- (b) ia seorang bankrap yang belum dilepaskan; atau
- (c) ia memegang sesuatu jawatan berpendapatan; atau
- (d) setelah dinamakan untuk pilihanraya bagi mana-mana Majlis Parlimen atau bagi Dewan Negeri, atau setelah bertugas sebagai ejen pilihanraya bagi seseorang yang dinamakan sedemikian, ia tidak menghantar apa-apa penyata perbelanjaan pilihanraya yang dikehendaki oleh undang-undang dalam masa dan mengikut cara yang dikehendaki; atau
- (e) ia telah disabitkan suatu kesalahan oleh sesuatu mahkamah di Persekutuan (atau, sebelum Hari Malaysia, di wilayah-wilayah yang terkandung dalam sesuatu Negeri Borneo atau di Singapura) dan dihukum penjara selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun atau denda tidak kurang daripada dua ribu ringgit dan ia tidak mendapat ampun; atau
- (f) ia telah dengan sengaja memperolehi kewarganegaraan suatu negeri asing, atau telah dengan sengaja menggunakan hak-hak kewarganegaraan di mana-mana negeri luar Persekutuan atau telah membuat sesuatu akuan ta'at setia kepada suatu negeri asing.

(2) Undang-undang persekutuan boleh membuat peruntukan bagi menghilangkan kelayakan menjadi ahli mana-mana Majlis Parlimen selama tempoh yang dinyatakan

oleh undang-undang itu bagi orang yang melakukan kesalahan berhubung dengan pilihanraya; dan sesiapa yang telah disabitkan suatu kesalahan itu atau dibuktikan dalam pembicaraan berhubung dengan sesuatu pilihanraya sebagai telah melakukan suatu perbuatan yang menjadikan kesalahan itu, adalah hilang kelayakannya selama tempoh yang dinyatakan sedemikian.

(3) Hilang kelayakan seseorang di bawah perenggan (d) atau perenggan (e) Fasal (1) boleh dibatalkan oleh Yang di-Pertuan Agong dan jika sekiranya tidak dibatalkan sedemikian, hilang kelayakan itu hendaklah terhenti pada akhir tempoh lima tahun yang dikira mulai dari tarikh penyata yang tersebut dalam perenggan (d) itu dikehendaki dihantar, atau, mengikut mana yang berkenaan, dari tarikh orang yang disabitkan sebagaimana tersebut dalam perenggan (e) dilepaskan daripada jagaan atau dari tarikh denda yang tersebut dalam perenggan (e) itu dikenakan ke atas orang itu; dan seseorang tidak boleh hilang kelayakan di bawah perenggan (f) Fasal (1) semata-mata oleh sebab sesuatu yang dilakukan olehnya sebelum ia menjadi warganegara.

49. Seseorang tidak boleh menjadi ahli kedua-dua Majlis Parlimen pada suatu masa dan juga tidak boleh dipilih bagi Dewan Rakyat untuk mewakili lebih daripada satu bahagian pilihanraya atau bagi Dewan Negara untuk mewakili lebih daripada satu Negeri, dan juga tidak boleh menjadi ahli yang dipilih dan dilantik kedua-duanya sekali bagi Dewan Negara.

Peruntukan  
melarang  
dua ke-  
anggotaan.

50. (1) Jika seseorang ahli mana-mana Majlis Parlimen hilang kelayakan menjadi ahli Majlis itu maka kosonglah kerusinya itu.

Akibat  
hilang  
kelayakan,  
dan larangan  
mengenai  
penamaan  
atau per-  
lantikan  
dengan tiada  
persetujuan.

(2) Jika seseorang yang hilang kelayakan menjadi ahli Dewan Rakyat dipilih bagi Dewan Rakyat atau jika seseorang yang hilang kelayakan menjadi ahli Dewan Negara dipilih atau dilantik bagi Dewan Negara, atau jika sesuatu pilihan atau perlantikan bagi mana-mana Majlis Parlimen adalah berlawanan dengan Perkara 49, maka pilihan atau perlantikan itu adalah terbatal.

(3) (*Dimansuhkan*).

(4) Seseorang tidak boleh dinamakan dengan sahnya untuk dipilih sebagai ahli bagi mana-mana Majlis Parlimen atau dilantik dengan sahnya bagi Dewan Negara dengan tiada persetujuan orang itu.

Berhenti daripada menjadi ahli.

51. Seseorang ahli mana-mana Majlis Parlimen boleh berhenti daripada menjadi ahli dengan mengutus surat yang ditandatangani olehnya kepada Yang di-Pertua Dewan Negara, jika ia seorang ahli Dewan Negara, atau kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat, jika ia seorang ahli Dewan Rakyat.

Anggota tidak hadir.

52. (1) Jika seseorang anggota mana-mana Majlis Parlimen tidak hadir pada tiap-tiap persidangan Majlis itu selama tempoh enam bulan tanpa kebenaran Majlis itu maka majlis itu boleh mengisytiharkan kerusinya sebagai kosong.

(2) Seseorang anggota mana-mana satu Majlis Parlimen yang telah diberi kebenaran tidak hadir dalam persidangan-persidangan Majlis yang ianya menjadi ahli tidaklah boleh, selama tempoh kebenaran itu, menyertai dengan apa jua cara hal-ehwal dan urusan Majlis itu.

Keputusan tentang hilang kelayakan.

53. Jika berbangkit apa-apa soal sama ada seseorang ahli Majlis Parlimen telah hilang kelayakan menjadi ahli, maka soal itu hendaklah diputuskan oleh Majlis itu dan keputusannya itu adalah muktamad;

Dengan syarat bahawa Perkara ini tidak boleh ditafsirkan sebagai menghalang amalan Majlis menangguhkan sesuatu keputusan supaya langkah-langkah (termasuk langkah-langkah membatalkan hilang kelayakan itu) yang mungkin menyentuh keputusannya boleh diambil atau ditamatkan.

Kekosongan dalam Dewan Negara dan kekosongan luar jangka.

54. (1) Kecuali sebagaimana diperuntukkan di bawah Fasal (2) dan (3), apabila berlaku suatu kekosongan antara ahli-ahli Dewan Negara atau suatu kekosongan luar-jangka antara ahli-ahli Dewan Rakyat maka kekosongan itu atau kekosongan luar-jangka itu hendaklah dipenuhi dalam tempoh enam puluh hari dari tarikh kekosongan itu disahkan berlaku oleh Suruhanjaya Pilihanraya dan suatu pilihanraya hendaklah diadakan atau suatu perlantikan hendaklah dibuat sewajarnya;

Dengan syarat bahawa jika perlantikan tidak dibuat dalam tempoh yang dinyatakan dalam Fasal ini maka tidaklah terbatal mana-mana perlantikan yang dibuat selepas tempoh itu;

Dan lagi dengan syarat, jika sesuatu kekosongan luar-jangka dalam Dewan Rakyat disahkan berlaku pada suatu tarikh dalam masa enam bulan dari tarikh Parlimen

terbubar mengikut Fasal (3) Perkara 55, maka tidaklah dipenuhi kekosongan luar-jangka itu.

(2) Jika suatu kekosongan luar-jangka dalam Dewan-Rakyat adalah berkenaan dengan kekosongan yang akan dipenuhi oleh seorang ahli dari Sabah atau Sarawak, maka kekosongan luar-jangka itu hendaklah dipenuhi dalam tempoh sembilan puluh hari mulai dari tarikh kekosongan itu disahkan berlaku oleh Suruhanjaya Pilihanraya dan suatu pilihanraya hendaklah diadakan sewajarnya.

(3) Jika suatu kekosongan antara ahli-ahli Dewan Negara adalah berkenaan dengan kekosongan yang akan dipenuhi oleh seorang ahli yang akan dipilih oleh sesuatu Negeri mengikut Jadual Ketujuh maka peruntukan Fasal (1) tidaklah dipakai untuk memenuhi kekosongan itu.

55. (1) Yang di-Pertuan Agong hendaklah memanggil parlimen bermesyuarat dari semasa ke semasa dan tidak boleh membiarkan jarak enam bulan antara persidangan yang akhir dalam satu penggal dengan tarikh yang ditetapkan untuk mesyuarat pertamanya dalam penggal yang kemudiannya.

Memanggil, memberhenti dan membubarkan Parlimen.

(2) Yang di-Pertuan Agong boleh memberhenti atau membubarkan Parlimen.

(3) Melainkan jika dibubarkan terlebih dahulu, Parlimen hendaklah terus berjalan selama lima tahun dari tarikh mesyuarat pertamanya dan selepas itu adalah terbubar.

(4) Apabila Parlimen dibubarkan suatu pilihanraya umum hendaklah diadakan dalam tempoh enam puluh hari di Negeri-negeri Tanah Melayu dan sembilan puluh hari di Negeri-negeri Borneo dari tarikh pembubaran itu dan Parlimen hendaklah dipanggil bermesyuarat pada suatu tarikh yang tidak lewat daripada satu ratus dua puluh hari dari tarikh pembubaran itu.

56. (1) Dewan Negara hendaklah dari semasa kesemasa memilih seorang daripada ahli-ahlinya untuk menjadi Yang di-Pertua dan seorang Timbalan Yang di-Pertua, dan Dewan Negara tidak boleh menjalankan apa-apa urusan dalam masa jawatan Yang di-Pertua kosong melainkan urusan memilih Yang di-Pertua.

Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara.

(2) Seseorang ahli yang memegang jawatan sebagai Yang di-Pertua atau Timbalan Yang di-Pertua adalah terhenti daripada memegang jawatannya apabila habis tempoh ia

dipilih atau dilantik untuk menjadi ahli ataupun apabila ia berhenti daripada menjadi ahli Dewan Negara dan ia boleh meletakkan jawatannya pada bila-bila masa.

(3) Dalam masa Yang di-Pertua tidak hadir dalam sesuatu persidangan maka Timbalan Yang di-Pertua atau, jika Timbalan Yang di-Pertua tidak hadir, seseorang ahli lain sebagaimana ditetapkan oleh kaedah-kaedah acara Dewan Negara, hendaklah menjalankan tugas sebagai Yang di-Pertua.

(4) Jika seseorang ahli Dewan Negeri dipilih menjadi Yang di-Pertua Dewan Negara ia hendaklah berhenti daripada Dewan Negeri itu sebelum menjalankan tugas-tugas jawatannya.

(5) Seseorang anggota yang dipilih menjadi Yang di-Pertua atau Timbalan Yang di-Pertua adalah hilang kelayakan dari memegang jawatan itu jika tiga bulan selepas dipilih memegang jawatan itu atau pada bila-bila masa selepas itu dia adalah atau menjadi anggota mana-mana lembaga pengarah atau lembaga pengurusan, atau seorang pegawai atau pekerja, atau melibatkan diri dalam hal-ehwal atau urusan, sesuatu pertubuhan atau badan, sama ada diperbadankan atau sebaliknya, atau sesuatu penguasaan perdagangan, perindustrian atau lain-lain penguasaan, sama ada dia menerima atau mendapat ataupun tidak apa-apa saraan, hadiah, untung atau faedah daripadanya:

Dengan syarat bahawa hilang kelayakan itu tidaklah terpakai jika pertubuhan atau badan itu menjalankan apa-apa kerja kebajikan atau sukarela atau tujuan yang berfaedah kepada masyarakat atau mana-mana baha-giannya, atau apa-apa kerja atau tujuan lain berupa khairat atau sosial, dan anggota itu tidak menerima atau mendapat apa-apa saraan, hadiah, untung atau faedah.

(6) Jika berbangkit sesuatu soal mengenai hilang kelayakan Yang di-Pertua atau Timbalan Yang di-Pertua di bawah Fasal (5) Dewan Negara hendaklah mengambil keputusan mengenainya dan keputusan itu adalah muktamad.

57. (1) Dewan Rakyat hendaklah dari semasa kesemasa memilih—

- (a) sebagai Yang di-Pertua Dewan Rakyat, seorang ahli Dewan itu atau seorang yang layak dipilih menjadi ahli Dewan itu; dan

- (b) sebagai Timbalan Yang di-Pertua, seorang ahli Dewan itu;

dan Dewan itu tidak boleh menjalankan apa-apa urusan dalam masa jawatan Yang di-Pertua kosong melainkan urusan memilih Yang di-Pertua.

(1A) Jika seseorang yang bukan ahli Dewan Rakyat dipilih sebagai Yang di-Pertua maka—

- (a) sebelum menjalankan kewajipan-kewajipan jawatannya, ia hendaklah mengangkat dan menandatangani di hadapan Dewan itu suatu sumpah jawatan dan taat setia yang dinyatakan dalam Jadual Keenam, dan

- (b) Oleh kerana ia memegang jawatan itu, ia adalah menjadi ahli Dewan itu sebagai tambahan kepada ahli-ahli yang dipilih menurut Perkara 46:

Dengan syarat bahawa perenggan (b) tidaklah dipakai bagi maksud mana-mana peruntukan Perlembagaan ini yang berikut, iaitu, Perkara 43, 43A, 43B, 50 hingga 52, 54 dan 59; dan tiada sesiapa pun berhak, menurut perenggan itu, mengundi atas apa-apa perkara dalam Dewan itu.

(2) Yang di-Pertua boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dengan mengutus surat yang ditandatangani olehnya kepada Setiausaha Dewan Rakyat dan hendaklah mengosongkan jawatannya—

- (a) apabila Dewan itu bermesyuarat bagi pertama kalinya selepas pilihanraya umum;

- (b) apabila ia berhenti daripada menjadi ahli Dewan itu melainkan dengan sebab Dewan itu telah dibubarkan atau, jika ia hanya seorang ahli semata-mata oleh sebab perenggan (b) Fasal (1A), apabila ia hilang kelayakan menjadi ahli;

- (bb) apabila dia hilang kelayakan di bawah Fasal (5);

- (c) jika pada bila-bila masa Dewan itu membuat ketetapan sedemikian.

(2A) Timbalan Yang di-Pertua boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dengan mengutus surat yang ditandatangani olehnya kepada Setiausaha Dewan Rakyat dan hendaklah mengosongkan jawatannya—

- (a) apabila berhenti daripada menjadi ahli Dewan itu;

(b) jika pada bila-bila masa Dewan itu membuat ketetapan sedemikian.

(3) Dalam masa berlakunya suatu kekosongan dalam jawatan Yang Dipertua atau dalam masa Yang Dipertua tidak hadir dalam sesuatu persidangan, atas apa-apa sebab yang lain daripada sebab Dewan itu bermesyuarat pada pertama kalinya selepas pilihanraya umum, maka Timbalan Yang di-Pertua atau, jika Timbalan Yang di-Pertua juga tidak hadir atau jika jawatannya juga kosong, seorang anggota lain sebagaimana ditetapkan oleh kaedah-kaedah prosedur Dewan itu bolehlah menjalankan tugas sebagai Yang Dipertua.

(4) Jika seseorang ahli Dewan Negeri dipilih menjadi Yang di-Pertua Dewan Rakyat maka ia hendaklah berhenti daripada Dewan Negeri itu sebelum menjalankan tugas-tugas jawatannya.

(5) Seseorang yang dipilih menjadi Yang di-Pertua atau Timbalan Yang Dipertua adalah hilang kelayakan dari memegang jawatan itu jika tiga bulan selepas dipilih memegang jawatan itu atau pada bila-bila masa selepas itu dia adalah atau menjadi anggota mana-mana lembaga pengarah atau lembaga pengurusan, atau seorang pegawai atau pekerja, atau melibatkan diri dalam hal-ehwal atau urusan, sesuatu pertubuhan atau badan, sama ada diperbadankan atau sebaliknya, atau sesuatu pengusahaan, perdagangan, perindustrian atau lain-lain pengusahaan, sama ada dia menerima atau mendapat atau pun tidak apa-apa saraan, hadiah, untung atau faedah daripadanya:

Dengan syarat bahawa hilang kelayakan itu tidaklah terpakai jika pertubuhan atau badan itu menjalankan apa-apa kerja kebajikan atau sukarela atau tujuan yang berfaedah kepada masyarakat atau mana-mana bahagiannya, atau apa-apa kerja atau tujuan lain berupa khairat atau sosial, dan anggota itu tidak menerima atau mendapat apa-apa saraan, hadiah, untung atau faedah.

(6) Di mana sebarang persoalan timbul berhubung dengan hilang kelayakan Yang di-Pertua atau Timbalan Yang di-Pertua di bawah Fasal (5) keputusan Ahli Dewan Rakyat hendaklah diambil dan keputusan itu adalah muktamad.

58. Parlimen hendaklah dengan undang-undang membuat peruntukan bagi saraan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, dan saraan yang diperuntukkan sedemikian bagi Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang di-Pertua Dewan Rakyat hendaklah dipertanggungjawabkan kepada Kumpulanwang Disatukan.

Saraan bagi Yang di-Pertua, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

59. (1) Tiap-tiap ahli mana-mana Majlis Parlimen hendaklah sebelum mengambil tempatnya mengangkat dan menandatangani di hadapan orang yang mengetuai Majlis Parlimen itu suatu sumpah mengikut bentuk yang dinyatakan dalam Jadual Keenam, tetapi seseorang ahli boleh sebelum mengangkat sumpah itu mengambil bahagian dalam urusan memilih Yang di-Pertua Dewan Negara atau Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

Sumpah oleh ahli-ahli.

(2) Jika seseorang ahli tidak mengambil tempatnya dalam masa tiga bulan dari tarikh Majlis Parlimen itu bersidang bagi pertama kalinya selepas ia dipilih atau dalam masa yang lebih lanjut sebagaimana dibenarkan oleh Majlis Parlimen itu, maka kosonglah tempatnya itu.

60. Yang di-Pertuan Agong boleh memberi ucapan dalam mana-mana Majlis Parlimen atau dalam kedua-dua Majlis Parlimen bersesama.

Ucapan Yang di-Pertuan Agong.

61. (1) Sebagai tambahan kepada hak-hak seorang ahli bagi mana-mana Majlis Parlimen tiap-tiap ahli Jumaah Menteri adalah berhak mengambil bahagian dalam perjalanan Majlis Parlimen yang satu lagi itu.

Peruntukan khas mengenai Jumaah Menteri dan Peguam Negara.

(2) Mana-mana Majlis Parlimen boleh melantik Peguam Negara atau mana-mana ahli Jumaah Menteri menjadi seorang ahli bagi mana-mana jawatankuasanya walaupun ia bukan seorang ahli Majlis Parlimen itu.

(3) Perkara ini tidak membenarkan sesiapa yang bukan ahli sesuatu Majlis Parlimen mengundi dalam Majlis Parlimen itu atau dalam mana-mana jawatankuasanya.

(4) Dalam Perkara ini "ahli Jumaah Menteri" adalah termasuk Timbalan Menteri.

62. (1) Tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan ini dan peruntukan undang-undang persekutuan, tiap-tiap satu Majlis Parlimen hendaklah membuat peraturan-peraturan mengenai acaranya sendiri.

(2) Walaupun ada sesuatu kekosongan dalam keanggotaannya, tiap-tiap satu Majlis Parlimen boleh menjalankan urusannya, dan kehadiran atau penyertaan seseorang yang tidak berhak hadir atau menyertai tidaklah membatalkan apa-apa perjalanannya.

(3) Tertakluk kepada Fasal (4) dan kepada Perkara 89 (1) dan 159 (3) dan kepada seksyen 10 dan 11 Jadual Ketiga belas, tiap-tiap satu Majlis Parlimen hendaklah, jika tidak sebulat suara, mengambil keputusannya mengikut lebihsuara ahli-ahli yang mengundi; dan orang yang mengetuai, melainkan jika ia hanya menjadi ahli Majlis Parlimen itu semata-mata oleh sebab perenggan (b) Fasal (1A) Perkara 57, hendaklah membuang undinya apabila perlu bagi mengelakkan supaya bilangan undi tidak sama banyaknya, tetapi tidak boleh mengundi dalam apa-apa hal lain.

(4) Pada membuat peraturan-peraturan mengenai acaranya, tiap-tiap satu Majlis hendaklah memperuntukkan supaya tiada apa-apa keputusan mengenai perjalanannya boleh dibuat melainkan mengikut lebihsuara yang ditentukan atau mengikut bilangan undi yang ditentukan.

(5) Ahli-ahli yang tidak hadir dalam mesyuarat Majlis Parlimen tidak boleh dibenarkan mengundi.

63. (1) Sahnya apa-apa perjalanan dalam mana-mana Majlis Parlimen atau mana-mana jawatankuasanya tidak boleh dipersoal dalam mana-mana mahkamah.

(2) Tiada seseorang pun boleh dikena dakwa dalam apa-apa jua pembicaraan dalam mana-mana mahkamah mengenai apa-apa jua yang dikatakan atau apa-apa undi yang diberi olehnya apabila mengambil bahagian dalam apa-apa perjalanan mana-mana Majlis Parlimen atau mana-mana jawatankuasanya.

(3) Tiada seseorang pun boleh dikena dakwa dalam apa-apa jua pembicaraan dalam mana-mana mahkamah mengenai apa-apa jua yang disiarkan dengan atau di bawah kuasa mana-mana Majlis Parlimen.

(4) Fasal (2) tidak boleh dipakai bagi seseorang yang dipertuduh atas suatu kesalahan di bawah undang-undang

yang diluluskan oleh Parlimen di bawah Perkara 10 (4) atau atas suatu kesalahan di bawah Akta Asutan, 1948 mengikut sebagaimana yang dipinda oleh Ordinan No. 45 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat, 1970.

64. Parlimen hendaklah dengan undang-undang membuat peruntukan bagi saraan ahli-ahli tiap-tiap satu Majlis Parlimen.

Saraan  
bagi  
ahli-ahli.

65. (1) Maka hendaklah ada seorang Setiausaha Dewan Negara dan seorang Setiausaha Dewan Rakyat.

Setiausaha-  
setiausaha  
Dewan  
Negara dan  
Dewan  
Rakyat.

(2) Setiausaha Dewan Negara dan Setiausaha Dewan Rakyat hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong dan, tertakluk kepada Fasal (3), tiap-tiap seorang daripada mereka hendaklah memegang jawatan sehingga mencapai umur enam puluh tahun atau apa-apa had umur sebagaimana diperuntukkan oleh Parlimen dengan undang-undang, melainkan jika ia terlebih dahulu meletakkan jawatannya:

Dengan syarat bahawa Fasal ini tidak boleh dikira sebagai menghalang Yang di-Pertuan Agong daripada membuat perlantikan itu dari antara anggota-anggota perkhidmatan awam, yang baginya dipakai Bahagian X, bagi apa-apa tempoh yang lebih pendek sebagai yang difikirkan patut, dan proviso ini hendaklah disifatkan sebagai telah menjadi sebahagian integral perkara ini dari Hari Merdeka.

(3) Setiausaha Dewan Negara dan Setiausaha Dewan Rakyat boleh dipecat daripada jawatan atas alasan-alasan dan dengan cara sama seperti seseorang hakim Mahkamah Persekutuan, dikecualikan rayuan yang tersebut dalam Perkara 125 (3) hendaklah dibuat kepada Yang di-Pertua Dewan Negara atau, mengikut mana yang berkenaan, kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

(4) Kecuali sebagaimana selainnya diperuntukkan dengan nyatanya oleh Perkara ini, peraturan-peraturan boleh dibuat dengan undang-undang persekutuan mengenai kelayakan-kelayakan untuk perlantikan dan syarat-syarat perkhidmatan bagi Setiausaha Dewan Negara dan Setiausaha Dewan Rakyat, dan bagi kakitangan Majlis Parlimen.

(5) Setiausaha Dewan Negara, Setiausaha Dewan Rakyat dan kakitangan Parlimen tidak berkelayakan menjadi ahli Dewan Negara atau Dewan Rakyat atau Dewan Negeri.

Bab 5—Acara perundangan

Menjalankan kuasa perundangan.

66. (1) Kuasa bagi Parlimen membuat undang-undang hendaklah dijalankan dengan Rang Undang-undang yang diluluskan oleh kedua-kedua Majlis Parlimen (atau, dalam hal yang tersebut dalam Perkara 68, oleh Dewan Rakyat) dan dipersetujui oleh Yang di-Pertuan Agong.

(2) Tertakluk kepada Perkara 67, sesuatu Rang Undang-undang boleh dikemukakan pada asalnya dalam mana-mana Majlis Parlimen.

(3) Apabila sesuatu Rang Undang-undang telah diluluskan oleh Majlis Parlimen di mana ia dikemukakan pada asalnya maka Rang Undang-undang itu hendaklah dihantar kepada Majlis Parlimen yang satu lagi itu; dan Rang Undang-undang itu hendaklah diserahkan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk persetujuannya apabila ia telah diluluskan oleh Majlis Parlimen yang satu lagi itu; dan Rang Undang-undang itu hendaklah diserahkan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk persetujuannya apabila ia telah diluluskan oleh Majlis Parlimen yang satu lagi itu dan persetujuan telah dicapai antara kedua-dua Majlis Parlimen itu mengenai apa-apa pindaan yang dibuat dalamnya atau apabila Rang Undang-undang itu dikehendaki diserahkan sedemikian di bawah Perkara 68.

(4) Yang di-Pertuan Agong hendaklah menyatakan persetujuannya terhadap sesuatu Rang Undang-undang dengan mengarahkan Rang Undang-undang itu dicap dengan Mohor Besar dan selepas memersetujui sesuatu Rang Undang-undang, Yang di-Pertuan Agong hendaklah mengarahkan Rang Undang-undang itu disiarkan sebagai undang-undang.

(5) Sesuatu Rang Undang-undang adalah menjadi undang-undang apabila ia dipersetujui oleh Yang di-Pertuan Agong, tetapi tiada sesuatu undang-undang boleh berkuatkuasa sehingga ia telah disiarkan, tetapi, walau bagaimanapun ini tidaklah menyentuh kuasa Parlimen bagi menangguhkan kuatkuasa sesuatu undang-undang atau bagi membuat undang-undang supaya berkuatkuasa kebelakangan.

(6) Tiada apa-apa jua dalam Perkara ini atau dalam Perkara 68 boleh membatalkan mana-mana undang-undang yang mengesahkan kesanggupan yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan yang bermaksud bahawa Rang Undang-undang

yang dimaksudkan oleh kesanggupan itu tidak akan diserahkan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk persetujuannya kecuali mengikut kesanggupan itu.

67. (1) Sesuatu Rang Undang-undang atau Pindaan yang membuat peruntukan (sama ada secara langsung atau secara tidak langsung) bagi—

- (a) mengena atau menaikkan apa-apa cukai atau menghapuskan, menurunkan atau meremit apa-apa cukai yang ada, atau
- (b) membenarkan Persekutuan meminjam wang, atau memberi apa-apa gerenti atau meminda undang-undang berhubung dengan tanggungan kewangan Persekutuan;
- (c) menjaga Kumpulanwang Disatukan, mempertanggungkan apa-apa wang kepada Kumpulanwang Disatukan atau menghapus atau mengubah apa-apa pertanggungan itu;
- (d) membayar masuk wang ke dalam Kumpulanwang Disatukan atau membayar, mengeluarkan atau mengambil daripada Kumpulanwang Disatukan apa-apa wang yang tidak dipertanggungkan kepadanya, atau menambah jumlah wang yang dibayar kepada, dikeluarkan atau diambil daripada Kumpulanwang Disatukan;
- (e) mengkompaun atau meremit apa-apa hutang yang kena dibayar kepada Persekutuan;
- (f) menyerahkan sesuatu cukai atau bayaran atau memberi pemberian kepada mana-mana Negeri;
- (g) menerima wang-wang bagi Kumpulanwang Disatukan atau menjaga atau mengeluarkan wang-wang itu atau mengodit akaun-akaun bagi Persekutuan atau sesuatu Negeri;

Sekatan terhadap mengemukakan Rang Undang-undang dan mencadangkan pindaan-pindaan berkenaan dengan cukai, perbelanjaan, dsb.

tidak boleh dikemukakan atau dicadangkan supaya diluluskan kecuali oleh seseorang Menteri, jika Menteri yang bertanggungjawab atas kewangan menyatakan bahawa peruntukan itu adalah lebih daripada apa yang dikatakan bersampingan sahaja, tetapi tidak dari jenis yang terbesar memandang kepada maksud-maksud Rang Undang-undang atau pindaan itu, dan sesuatu Rang Undang-undang yang membuat apa-apa peruntukan itu tidak boleh dikemukakan dalam Dewan Negara.

(2) Sesuatu Rang Undang-undang atau pindaan tidak boleh disifatkan sebagai membuat peruntukan bagi mana-mana perkara yang tersebut itu semata-mata oleh sebab Rang Undang-undang atau pindaan itu mengadakan peruntukan—

- (a) bagi mengenakan atau mengubah apa-apa denda atau lain-lain penalti yang berupa wang atau bagi membayar atau menuntut bayaran lesen atau lain-lain bayaran bagi apa-apa perkhidmatan yang diberi; atau
- (b) bagi membenarkan mana-mana pihak berkuasa atau badan tempatan mengenakan, mengubah atau membuat peraturan-peraturan mengenai apa-apa cukai atau kadar bagi maksud-maksud tempatan.

Persetujuan terhadap Rang Undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Rakyat sahaja.

68. (1) Jika sesuatu Rang Undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Rakyat dan, setelah dihantar kepada Dewan Negara sekurang-kurangnya sebulan sebelum akhir penggal Parlimen, Rang Undang-undang itu tidak diluluskan oleh Dewan Negara dengan tiada pindaan dalam tempoh sebulan, maka Rang Undang-undang itu hendaklah diserahkan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk persetujuannya melainkan jika selainnya diarahkan oleh Dewan Rakyat.

(2) Jika—

- (a) sesuatu Rang Undang-undang yang bukan suatu Rang Undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Rakyat dan, setelah dihantar kepada Dewan Negara sekurang-kurangnya sebulan sebelum akhir penggal Parlimen, Rang Undang-undang itu tidak diluluskan oleh Dewan Negara ataupun diluluskan oleh Dewan Negara dengan pindaan-pindaan yang tidak dipersetujui oleh Dewan Rakyat; dan
- (b) dalam penggal yang berikutnya (sama ada penggal Parlimen itu juga atau tidak) akan tetapi tidak dahulu daripada setahun selepas ia mula-mula diluluskan oleh Dewan Rakyat, Rang Undang-undang itu juga, dengan tiada apa-apa perubahan yang lain daripada yang tersebut dalam Fasal (3), diluluskan sekali lagi oleh Dewan Rakyat dan dihantar kepada Dewan Negara sekurang-kurangnya sebulan sebelum akhir penggal Parlimen dan tidak diluluskan oleh Dewan Negara atau

diluluskan oleh Dewan Negara dengan pindaan-pindaan yang tidak dipersetujui oleh Dewan Rakyat,

maka Rang Undang-undang itu hendaklah, melainkan jika selainnya diarahkan oleh Dewan Rakyat, diserahkan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk persetujuannya dengan apa-apa pindaan, jika ada, yang dipersetujui oleh kedua-dua Majlis Parlimen.

(3) Perubahan-perubahan yang tersebut dalam Fasal (2) ialah perubahan-perubahan yang diperakui oleh Yang di-Pertua Dewan Rakyat sebagai perlu oleh kerana masanya telah luput semenjak Rang Undang-undang itu diluluskan dalam penggal yang terdahulu, atau untuk mengemukakan pindaan-pindaan yang dibuat dalam penggal yang terdahulu itu oleh Dewan Negara.

(4) Apabila sesuatu Rang Undang-undang diserahkan kepada Yang di-Pertuan Agong menurut Perkara ini, Rang Undang-undang itu hendaklah mengandungi suatu perakuan daripada Yang di-Pertua Dewan Rakyat menyatakan bahawa peruntukan-peruntukan Perkara ini telah dipatuhi, dan perakuan itu adalah muktamad bagi segala maksud dan tidak boleh dipersoal dalam mana-mana mahkamah.

(5) Perkara ini tidaklah dipakai bagi apa-apa Rang Undang-undang yang membuat apa-apa pindaan kepada Perlembagaan ini, melainkan pindaan yang dikecualikan daripada peruntukan-peruntukan Perkara 159 (3).

(6) Dalam Perkara ini “Rang Undang-undang yang” ertinya suatu Rang Undang-undang yang, pada pendapat Yang di-Pertua Dewan Rakyat, mengandungi hanya peruntukan-peruntukan yang berkenaan dengan kesemua atau mana-mana daripada perkara yang berikut sahaja, iaitu—

- (a) perkara-perkara yang tersebut dalam Perkara 67 (1) atau peraturan mengenai apa-apa cukai;
- (b) mengurangkan jumlah wang yang tersebut dalam perenggan (d) Perkara 67 (1); dan
- (c) apa-apa perkara yang bersampingan dengan perkara-perkara itu atau mana-mana satu daripada perkara itu, dan Rang Undang-undang itu diperakui oleh Yang di-Pertua Dewan Rakyat sebagai suatu Rang Undang-undang yang.

*Bab 6—Keupayaan terhadap harta, kontrak dan guaman*

Keupayaan Persekutuan terhadap harta, kontrak dan guaman.

69. (1) Persekutuan adalah mempunyai kuasa bagi mengambil, memegang dan melepaskan apa-apa jenis harta dan bagi membuat kontrak.

(2) Persekutuan boleh mendakwa dan didakwa.

BAHAGIAN V  
NEGERI-NEGERI

Keutamaan Raja dan Yang di-Pertua Negeri.

70. (1) Tertakluk kepada keutamaan Yang di-Pertuan Agong dan Permaisurinya, Raja dan Yang di-Pertua Negeri adalah mengambil keutamaan mengatasi segala orang lain dan tiap-tiap seorang Raja atau Yang di-Pertua Negeri adalah, dalam Negerinya sendiri, mengambil keutamaan mengatasi Raja dan Yang di-Pertua Negeri yang lain.

(2) Tertakluk kepada Fasal (1), Raja adalah mengambil keutamaan mengatasi Yang di-Pertua Negeri dan, antara mereka sendiri, mengikut tarikh mereka diangkat menjadi Raja, dan Yang di-Pertua Negeri adalah, antara mereka sendiri, mengambil keutamaan mengikut tarikh mereka dilantik sebagai Yang di-Pertua Negeri; dan jika Yang di-Pertua Negeri dilantik sama sehari maka yang tua adalah mengambil keutamaan mengatasi yang muda.

Jaminan Persekutuan terhadap Perlembagaan Negeri.

71. (1) Persekutuan adalah menjamin hak Raja sesuatu Negeri untuk mewarisi dan memegang, menikmati dan menjalankan hak-hak perlembagaan dan keistimewaan-keistimewaan Raja Negeri itu mengikut Perlembagaan Negeri itu; akan tetapi apa-apa pertikaian tentang hak untuk mewarisi sebagai Raja mana-mana Negeri hendaklah diputuskan hanya oleh mana-mana pihak berkuasa dan hanya mengikut apa-apa cara sebagaimana yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Negeri itu.

(2) Fasal (1) hendaklah, dengan pengubahsuaian yang perlu, dipakai bagi seseorang Pembesar Memerintah Negeri Sembilan sebagaimana Fasal itu dipakai bagi Raja sesuatu Negeri.

(3) Jika pada pendapat Parlimen mana-mana peruntukan Perlembagaan ini atau peruntukan Perlembagaan sesuatu Negeri tidak dipatuhi pada lazimnya dalam Negeri itu maka, walau apapun yang terkandung dalam Perlembagaan ini, Parlimen boleh dengan undang-undang membuat peruntukan supaya peruntukan itu dipatuhi.

(4) Jika pada bila-bila masa Perlembagaan sesuatu Negeri tidak mengandungi peruntukan-peruntukan yang dinyatakan dalam Bahagian 1 Jadual Kelapan, sama ada berserta atau tidak berserta pengubahsuaian-pengubahsuaian yang dibenarkan di bawah Fasal (5) (kemudian daripada ini disebut sebagai "peruntukan-peruntukan perlu") atau peruntukan-peruntukan yang pada isinya mempunyai maksud yang sama, ataupun mengandungi peruntukan-peruntukan yang berlawanan dengan peruntukan-peruntukan perlu itu maka, walau apapun yang terkandung dalam Perlembagaan ini, Parlimen boleh dengan undang-undang membuat peruntukan bagi menguatkuasakan dalam Negeri itu peruntukan-peruntukan perlu itu atau bagi membuang peruntukan-peruntukan yang berlawanan itu.

(5) Peruntukan-peruntukan yang dinyatakan dalam Bahagian 1 Jadual Kelapan boleh diubahsuai dengan menggantikan seksyen 2 atau seksyen 4 atau kedua-keduanya dengan peruntukan-peruntukan yang dinyatakan dalam Bahagian 2 Jadual Kelapan sebagai alternatif—

- (a) bagi tiap-tiap Negeri, sehingga dibubarkan Dewan Negeri kedua yang ditubuhkan mengikut peruntukan-peruntukan itu atau peruntukan-peruntukan yang diubahsuai sedemikian;
- (b) bagi Negeri Perlis, sehingga masa yang lebih lanjut sebagaimana ditetapkan oleh Dewan Negeri itu dan, berkenaan dengan peruntukan yang dinyatakan dalam seksyen 2 Jadual Kelapan, sehingga masa yang tidak ditentukan.

(6) Sesuatu undang-undang yang dibuat bagi sesuatu Negeri menurut Perkara ini, melainkan terlebih dahulu dimansuhkan oleh Parlimen, hendaklah berhenti berkuatkuasa pada hari yang ditetapkan oleh Dewan Negeri yang baharu yang ditubuhkan di Negeri itu selepas daripada undang-undang itu diluluskan.

(7) Mengenai sesuatu Negeri Sabah atau Sarawak—

- (a) Fasal (5) tidaklah dipakai; akan tetapi
- (b) sehingga akhir bulan Ogos, 1975, atau sehingga suatu tarikh yang lebih awal sebagaimana diarah dengan perintah oleh Yang di-Pertuan Agong, dengan persetujuan Yang di-Pertua Negeri, Fasal (4) hendaklah dipakai seolah-olah sebutan



mengenai pengubahsuaian-pengubahsuaian yang dibenarkan di bawah Fasal (5) adalah sebutan mengenai pengubahsuaian-pengubahsuaian yang dibuat oleh Perlembagaan Negeri itu sebagaimana yang berkuatkuasa pada Hari Malaysia.

(8) *(Dimansuhkan).*

Keistimewaan-keistimewaan Dewan Negeri.

72. (1) Sahnya apa-apa perjalanan dalam mana-mana Dewan Negeri tidak boleh dipersoal dalam mana-mana mahkamah.

(2) Tiada seseorang pun boleh dikena dakwa dalam apa-apa jua pembicaraan dalam mana-mana mahkamah mengenai apa-apa jua yang dikatakan atau apa-apa undi yang diberi olehnya apabila mengambil bahagian dalam perjalanan mana-mana Dewan Negeri atau mana-mana jawatankuasanya.

(3) Tiada seseorang pun boleh dikena dakwa dalam apa-apa jua pembicaraan dalam mana-mana mahkamah mengenai apa-apa jua yang disiarkan dengan atau di bawah kuasa mana-mana Dewan Negeri.

(4) Fasal (2) tidak boleh dipakai bagi seseorang yang dipertuduh atas suatu kesalahan di bawah undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen di bawah Perkara 10 (4) atau atas suatu kesalahan di bawah Akta Asutan, 1948 mengikut sebagaimana yang dipinda oleh Ordinan No. 45 (Kuasa-kuasa Perlu) Darurat, 1970.

## BAHAGIAN VI

### PERHUBUNGAN ANTARA PERSEKUTUAN DENGAN NEGERI-NEGERI

#### *Bab 1—Pembahagian kuasa-kuasa perundangan*

Had Undang-undang persekutuan dan Negeri.

73. Pada menjalankan kuasa-kuasa perundangan yang diberi kepadanya oleh Perlembagaan ini—

- (a) Parlimen boleh membuat undang-undang bagi seluruh atau mana-mana bahagian Persekutuan dan juga undang-undang yang berkuatkuasa luar serta dalam Persekutuan;
- (b) Badan Perundangan Negeri boleh membuat undang-undang bagi seluruh atau mana-mana bahagian Negeri itu.

74. (1) Dengan tidak menyentuh apa-apa kuasa yang diberi kepada Parlimen untuk membuat undang-undang oleh mana-mana Perkara lain, Parlimen boleh membuat undang-undang mengenai mana-mana perkara yang disebutkan dalam Senarai Persekutuan atau Senarai Bersama (iaitu, Senarai Pertama atau Ketiga yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan).

Hal perkara bagi undang-undang persekutuan dan Negeri.

(2) Dengan tidak menyentuh apa-apa kuasa yang diberi kepada Badan Perundangan Negeri untuk membuat undang-undang oleh mana-mana Perkara lain, Badan Perundangan Negeri boleh membuat undang-undang mengenai mana-mana perkara yang disebutkan dalam Senarai Negeri (iaitu Senarai Kedua yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan) atau Senarai Bersama.

(3) Kuasa untuk membuat undang-undang yang diberi oleh Perkara ini hendaklah dijalankan tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan yang dikenakan oleh Perlembagaan ini ke atas sesuatu perkara tertentu.

(4) Jika perbahasan am serta perbahasan tertentu di gunakan pada memperihalkan mana-mana jua perkara yang disebutkan dalam Senarai-senarai yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan maka keluasan makna perbahasan am itu tidak boleh ditafsirkan sebagai terhad oleh perbahasan tertentu itu.

75. Jika mana-mana undang-undang Negeri adalah berlawanan dengan sesuatu undang-undang persekutuan, maka undang-undang persekutuan itu hendaklah dipakai dan undang-undang Negeri itu hendaklah terbatal, setakat mana ianya berlawanan dengan undang-undang persekutuan itu.

Undang-undang Negeri yang berlawanan dengan undang-undang persekutuan.

76. (1) Parlimen boleh membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara yang disebutkan dalam Senarai Negeri, tetapi hanya seperti berikut sahaja, iaitu:

Kuasa Parlimen membuat undang-undang untuk negeri-negeri dalam hal tertentu.

(a) bagi maksud melaksanakan apa-apa triti perjanjian atau konvensyen antara Persekutuan dengan mana-mana negeri lain, atau apa-apa keputusan pertubuhan antarabangsa yang dianggotai oleh Persekutuan; atau

(b) bagi maksud mengadakan persamaan undang-undang dari antara dua buah Negeri atau lebih; atau

(c) jika diminta sedemikian oleh mana-mana Dewan Negeri.

(2) Tiada sesuatu undang-undang boleh dibuat menurut perenggan (a) Fasal (1) mengenai apa-apa perkara berhubung dengan hukum Syarak atau adat istiadat orang Melayu atau mengenai apa-apa perkara berhubung dengan undang-undang atau adat istiadat bumiputra di Negeri-negeri Borneo dan tiada sesuatu Rang Undang-undang bagi maksud dijadikan suatu undang-undang di bawah perenggan itu boleh dikemukakan dalam mana-mana Majlis Parlimen sehingga Kerajaan Negeri yang berkenaan itu telah diminta fikirannya.

(3) Tertakluk kepada Fasal (4), sesuatu undang-undang yang dibuat menurut perenggan (b) atau perenggan (c) Fasal (1) tidak boleh berkuatkuasa di mana-mana Negeri sehingga undang-undang itu telah diterima dengan suatu undang-undang yang dibuat oleh Badan Perundangan Negeri itu dan selepas itu undang-undang itu hendaklah disifatkan sebagai suatu undang-undang Negeri dan bukan suatu undang-undang persekutuan, dan oleh yang demikian undang-undang itu boleh dipinda atau dimansuhkan oleh suatu undang-undang yang dibuat oleh Badan Perundangan Negeri itu.

(4) Parlimen boleh, bagi maksud hanya menentukan persamaan undang-undang dan dasar, membuat undang-undang mengenai pemegangan tanah, perhubungan antara tuan tanah dengan penyewa, pendaftaran hakmilik dan surat-ikatan berhubung dengan tanah, pindah milik tanah, gadai-janji, pajakan dan gadaian mengenai tanah, ismen dan lain-lain hak dan kepentingan mengenai tanah, mengambil tanah dengan paksa, mengenai kadar dan penilaian tanah, dan kerajaan tempatan; dan Fasal (1) (b) dan (3) tidak boleh dipakai bagi apa-apa undang-undang mengenai mana-mana perkara itu.

Kuasa Parlimen memperluaskan kuasa-kuasa perundangan bagi Negeri-negeri.

76A. (1) Adalah dengan ini ditetapkan bahawa kuasa Parlimen bagi membuat undang-undang mengenai sesuatu perkara yang disebutkan dalam Senarai Persekutuan adalah termasuk kuasa membenarkan Badan-badan Perundangan Negeri atau mana-mana daripadanya membuat undang-undang mengenai kesemua atau sebahagian perkara itu tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan (jika ada) yang dikenakan oleh Parlimen.

(2) Walau apapun peruntukan Perkara 75, sesuatu undang-undang Negeri yang dibuat menurut kuasa yang diberi oleh Akta Parlimen seperti tersebut dalam Fasal (1) boleh, jika dan setakat mana yang diperuntukkan oleh Akta itu, meminda atau memansuhkan (mengenai Negeri yang berkenaan itu) mana-mana undang-undang persekutuan yang telah diluluskan sebelum Akta itu.

(3) Jika Badan Perundangan Negeri pada masa itu dibenarkan oleh Akta Parlimen membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara maka perkara itu hendaklah, bagi maksud Perkara 79, 80 dan 82, disifatkan mengenai Negeri yang berkenaan itu, sebagai suatu perkara yang disebutkan dalam Senarai Bersama.

77. Badan Perundangan Negeri adalah berkuasa membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara yang tidak disebutkan dalam mana-mana senarai yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan, iaitu bukan perkara yang Parlimen berkuasa membuat undang-undang mengenainya.

Kuasa baki Perundangan.

78. Setakat mana sesuatu undang-undang yang dibuat oleh Parlimen atau sesuatu peraturan yang dibuat menurut undang-undang itu menyekat hak sesuatu Negeri atau hak penduduk-penduduknya bagi menggunakan untuk pelayaran atau pengairan mana-mana sungai yang terletak kesemuanya dalam Negeri itu maka undang-undang atau peraturan itu tidak boleh setakat itu berkuatkuasa dalam Negeri itu melainkan ia telah diluluskan oleh Dewan Negeri itu dengan suatu ketetapan yang disokong oleh sebilangan besar daripada bilangan semua ahlinya.

Undang-undang menyekat penggunaan sungai.

79. (1) Jika pegawai yang mengetuai mana-mana Majlis Parlimen atau pegawai yang mengetuai Dewan Negeri berpendapat bahawa sesuatu Rang Undang-undang atau sesuatu pindaan kepada sesuatu Rang Undang-undang adalah mencadangkan supaya diubah undang-undang mengenai mana-mana daripada perkara yang disebutkan dalam Senarai Bersama, atau mengenai mana-mana daripada perkara yang disebutkan dalam Senarai Negeri yang mengenainya Persekutuan sedang menjalankan tugas-tugas mengikut Perkara 94, maka pegawai yang mengetuai itu hendaklah memperakui Rang Undang-undang atau pindaan itu bagi maksud-maksud Perkara ini.

Menjalankan kuasa-kuasa perundangan bersama.

(2) Sesuatu Rang Undang-undang atau pindaan yang diperakui di bawah Perkara ini tidak boleh diteruskan selanjutnya sehingga empat minggu selepas ia disiarkan, melainkan jika pegawai yang mengetuai itu membenarkan ia diteruskan selanjutnya atas alasan-alasan mustahak disegerakan, selepas ia berpuashati bahawa Kerajaan-kerajaan Negeri atau, mengikut mana yang berkenaan, Kerajaan Persekutuan telah diminta fikirannya.

### Bab 2—Pembahagian kuasa-kuasa pemerintah

Pembahagian kuasa-kuasa pemerintah.

80. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perkara ini yang berikut kuasa pemerintah bagi Persekutuan adalah meliputi segala perkara yang Parlimen boleh membuat undang-undang mengenainya, dan kuasa pemerintah bagi sesuatu Negeri adalah meliputi segala perkara yang Badan Perundangan Negeri itu boleh membuat undang-undang mengenainya.

(2) Kuasa pemerintah bagi Persekutuan tidaklah meliputi apa-apa perkara yang disebutkan dalam Senarai Negeri, kecuali setakat mana yang diperuntukkan dalam Perkara 93 hingga 95 dan juga tidaklah meliputi apa-apa perkara yang disebutkan dalam Senarai Bersama, kecuali setakat mana yang diperuntukkan oleh undang-undang persekutuan atau undang-undang Negeri; dan setakat mana undang-undang persekutuan atau undang-undang Negeri; memberi kuasa pemerintah kepada Persekutuan mengenai apa-apa perkara yang disebutkan dalam Senarai Bersama maka undang-undang itu boleh memberi kuasa pemerintah itu kepada Persekutuan dengan tidak memberi kuasa pemerintah kepada Negeri itu.

(3) Setakat mana sesuatu undang-undang yang dibuat di bawah Perkara 76 (4) membuat peruntukan bagi memberi kuasa pemerintah kepada Persekutuan maka undang-undang itu tidak boleh berkuatkuasa di mana-mana Negeri melainkan jika diluluskan oleh Dewan Negeri itu dengan suatu ketetapan.

(4) Undang-undang persekutuan boleh membuat peruntukan supaya kuasa pemerintah bagi sesuatu Negeri meliputi pentadbiran mengenai mana-mana peruntukan undang-undang persekutuan yang tertentu dan bagi maksud itu undang-undang persekutuan boleh memberi kuasa-kuasa dan menanggungkan kewajipan-kewajipan ke atas mana-mana pihak berkuasa Negeri itu.

(5) Tertakluk kepada apa-apa peruntukan undang-undang persekutuan atau undang-undang Negeri, perkiraan-perkiraan boleh dibuat antara Persekutuan dengan sesuatu Negeri bagi pelaksanaan apa-apa tugas oleh pihak berkuasa Persekutuan bagi pihak berkuasa Negeri atau sebaliknya dan perkiraan-perkiraan itu boleh membuat peruntukan bagi pembayaran apa-apa belanja yang dilakukan di bawah perkiraan-perkiraan itu.

(6) Jika, menurut Fasal (4), apa-apa tugas diberi oleh undang-undang persekutuan kepada mana-mana pihak berkuasa sesuatu Negeri maka Persekutuan hendaklah membuat apa-apa pembayaran kepada Negeri itu sebagaimana yang dipersetujui antara Persekutuan dengan Negeri itu atau, jika sekiranya tiada apa-apa persetujuan, pembayaran itu hendaklah diputuskan oleh suatu tribunal yang dilantik oleh Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan.

81. Kuasa pemerintah tiap-tiap Negeri hendaklah dijalankan dengan sesuatu cara supaya—

- (a) apa-apa undang-undang persekutuan yang dipakai bagi Negeri itu dipatuhi; dan
- (b) tidak menghalang atau menyentuh perjalanan kuasa pemerintah Persekutuan.

Kewajipan Negeri-negeri kepada Persekutuan.

### Bab 3—Pembahagian beban kewangan

82. Jika sesuatu undang-undang atau tindakan pemerintah menenai apa-apa perkara yang disebutkan dalam Senarai Bersama melibatkan perbelanjaan, maka sesuatu tindakan hendaklah diambil di bawah Perlembagaan ini, melainkan jika selanjutnya dipersetujui, supaya beban perbelanjaan itu boleh ditanggung—

- (a) oleh Persekutuan, jika perbelanjaan itu diakibatkan oleh kesanggupan persekutuan ataupun oleh kesanggupan Negeri yang dijalankan mengikut dasar persekutuan dan dengan persetujuan tertentu Kerajaan Persekutuan;
- (b) oleh Negeri atau Negeri-negeri yang berkenaan, jika perbelanjaan itu diakibatkan oleh kesanggupan Negeri yang dijalankan oleh Negeri atau Negeri-negeri atas kuasa Negeri atau Negeri-negeri itu sendiri.

Pembiayaan perbelanjaan mengenai perkara-perkara dalam Senarai Bersama.

#### Bab 4—Tanah

Pengambilan tanah bagi maksud-maksud persekutuan.

83. (1) Jika Kerajaan Persekutuan berpuashati bahawa tanah disesuatu Negeri, iaitu bukannya tanah milik, adalah dikehendaki bagi maksud-maksud persekutuan maka Kerajaan Persekutuan boleh, selepas berunding dengan Kerajaan Negeri itu, menghendaki Kerajaan Negeri itu mengarahkan supaya mana-mana tanah sebagaimana diarah oleh Kerajaan Persekutuan itu diberi kepada Kerajaan Persekutuan atau kepada mana-mana pihak berkuasa awam sebagaimana diarah oleh Kerajaan Persekutuan dan kemudiannya adalah menjadi kewajipan bagi Kerajaan Negeri itu berbuat demikian:

Dengan syarat bahawa Kerajaan Persekutuan tidak boleh menghendaki diberi mana-mana tanah yang dirizab untuk sesuatu maksud Negeri melainkan jika berpuashati bahawa tanah itu adalah dikehendaki demi kepentingan negara.

(2) Jika, menurut Fasal (1), kerajaan Persekutuan berkehendakkan Kerajaan Negeri mengarahkan tanah diberi untuk selama-lamanya, maka tanah itu hendaklah diberi dengan tidak dikenakan apa-apa sekatan tentang kegunaan tanah itu tetapi tertakluk kepada syarat bahawa cukai tanah yang berkenaan hendaklah dibayar pada tiap-tiap tahun dan Persekutuan hendaklah membayar kepada Negeri itu premium yang sama banyak dengan nilai pasar tanah itu; dan jika Kerajaan Persekutuan berkehendakkan Kerajaan Negeri mengarahkan diberi apa-apa kepentingan lain mengenai tanah, Persekutuan hendaklah membayar kepada Negeri itu cukai tahunan yang sepatutnya bagi kepentingan itu dan juga premium yang berpatutan, jika dikehendaki oleh Kerajaan Negeri:

Dengan syarat bahawa jika nilai tanah itu telah naik oleh kerana tanah itu telah dimajukan (atas perbelanjaan sesiapa yang lain daripada Negeri) semasa tanah itu dirizab bagi maksud-maksud persekutuan, maka kenaikan itu tidak boleh diambil kira pada menentukan nilai pasar, cukai atau premium bagi maksud-maksud Fasal ini.

(3) Jika tanah adalah dikehendaki di bawah Fasal (1) dan pada tarikh dikehendaki itu, tanah itu telah dicadangkan bagi apa-apa maksud Negeri, maka jika—

(a) tanah lain diambil oleh Negeri bagi maksud itu sebagai ganti tanah yang dikehendaki itu; dan

(b) harga tanah yang diambil sedemikian lebih daripada jumlah yang dibayar oleh Persekutuan (kerana apa-apa lain daripada cukai) menurut Fasal (2) mengenai kepentingan yang diberi kepada Persekutuan itu,

Persekutuan hendaklah membayar kepada Negeri itu sejumlah wang yang berpatutan oleh kerana kelebihan itu.

(4) Jika menurut Perkara ini tanah diberi sebagai tambahan dan kepentingan mengenai tanah itu adalah terletak pada Persekutuan atau mana-mana pihak berkuasa awam, maka apa-apa jumlah wang yang kena dibayar sebagai premium di bawah Fasal (2) bagi tanah itu hendaklah dikurangkan sebanyak nilai pasar bagi apa-apa kemajuan yang telah dilakukan (atas perbelanjaan sesiapa yang lain daripada Negeri) semenjak kepentingan itu mula terletak seperti tersebut di atas.

(5) Peruntukan-peruntukan Perkara ini yang tersebut di atas (kecuali Fasal (3)) hendaklah dipakai mengenai tanah milik sebagaimana peruntukan-peruntukan itu dipakai mengenai tanah yang bukan tanah milik, tetapi tertakluk kepada pengubahsuaian-pengubahsuaian yang berikut:

(a) dalam Fasal (1), perkataan “selepas berunding dengan Kerajaan Negeri itu” hendaklah ditinggalkan;

(b) jika tanah adalah dikehendaki di bawah Fasal itu, maka adalah menjadi kewajipan bagi Kerajaan Negeri mengarahkan supaya apa-apa kepentingan mengenai tanah itu sebagaimana yang perlu untuk mematuhi kehendak itu diambil dengan cara perjanjian atau paksa;

(c) apa-apa perbelanjaan yang dilakukan oleh Negeri pada atau berkenaan dengan mengambil tanah mengikut perenggan (b) hendaklah dibayar balik oleh Persekutuan, dikecualikan bahawa jika tanah itu diambil dengan cara perjanjian maka Persekutuan tidak boleh, melainkan jika ia adalah satu pihak dalam perjanjian itu, dikehendaki membayar lebih daripada apa yang sepatut dibayar olehnya jika tanah itu diambil dengan cara paksa;

(d) apa-apa wang yang dibayar oleh Persekutuan kepada Negeri mengikut perenggan (c) hendaklah, bagi maksud-maksud Fasal (2), diambil kira pada

menentukan nilai pasar, cukai tanah yang berkenaan atau cukai tahunan yang sepatutnya, dan hendaklah dipotong daripada apa-apa premium yang kena dibayar oleh Persekutuan di bawah Fasal itu.

(6) Jika tanah diberi kepada Persekutuan menurut Fasal (1) dan tanah itu atau kepentingan mengenainya telah diambil oleh Kerajaan Negeri atas perbelanjaan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu sebelum Hari Merdeka, maka perenggan (d) Fasal (5) hendaklah dipakai terhadap wang yang telah dibayar mengenai pengambilan itu oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu seolah-olah wang itu dibayar oleh Persekutuan mengikut perenggan (c) Fasal (5); dan Fasal (3) tidak boleh dipakai bagi mana-mana tanah itu.

(7) Tiada apa-apa jua dalam Perkara ini boleh menghalang tanah disesuatu Negeri daripada dirizab bagi maksud-maksud persekutuan mengikut apa-apa syarat yang diper-setujui antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri, atau boleh menyentuh kuasa pihak berkuasa yang berkenaan disesuatu Negeri untuk mengambil, mengikut apa-apa undang-undang yang berkuatkuasa pada masa itu, mana-mana tanah milik bagi maksud-maksud persekutuan dengan tiada Kerajaan Persekutuan menghendaki tanah itu di bawah Perkara ini.

Perkem-  
balian  
kepada  
Negeri-  
negeri akan  
tanah yang  
dipegang  
bagi maksud-  
maksud  
persekutuan.

84. (1) Jika apa-apa kepentingan mengenai tanah di sesuatu Negeri, yang terletak pada Persekutuan atau sesuatu pihak berkuasa awam bagi maksud-maksud persekutuan tidak lagi dikehendaki bagi maksud-maksud persekutuan maka kepentingan itu hendaklah dikembalikan kepada Negeri itu jika Kerajaan Negeri bersetuju membayar kepada Persekutuan—

(a) sekiranya tanah itu, atau kepentingan mengenainya, telah diambil oleh Kerajaan Negeri menurut Fasal (5) Perkara 83, atau telah diambil oleh Kerajaan Negeri atas perbelanjaan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu sebelum Hari Merdeka, sejumlah wang yang sama banyak dengan nilai pasar bagi kepentingan yang terletak pada Persekutuan atau pihak berkuasa awam itu;

(b) sekiranya tanah atau kepentingan itu tidak diambil seperti tersebut dalam perenggan (a), atas pilihan Kerajaan Negeri, sama ada—

- (i) sejumlah wang yang sama banyak dengan nilai pasar bagi kepentingan itu; atau
- (ii) sejumlah wang yang sama banyak dengan jumlah wang yang telah dibayar (kerana apa-apa lain daripada cukai) oleh Persekutuan, atau oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu sebelum Hari Merdeka, mengenai pemberian kepentingan itu, berserta dengan nilai pasar bagi apa-apa kemajuan yang telah dilakukan (atas perbelanjaan sesiapa yang lain daripada Negeri) terhadap tanah itu selepas pemberian itu.

(2) Jika apa-apa kepentingan mengenai tanah yang kena diselenggara di bawah Fasal (1) tidak dikembalikan kepada Negeri mengikut Fasal itu, maka Kerajaan Persekutuan atau pihak berkuasa awam itu, mengikut mana yang berkenaan, boleh menjual kepentingan itu mengikut syarat-syarat sebagaimana difikirkan patut oleh Kerajaan atau pihak-berkuasa itu.

85. (1) Jika mana-mana tanah di sesuatu Negeri adalah dirizab bagi apa-apa maksud persekutuan dan tanah itu tidak lagi dikehendaki bagi maksud-maksud itu, maka Kerajaan Persekutuan hendaklah menawar untuk melepaskan tanah itu kepada Negeri itu dengan syarat Negeri itu membayar kepada Persekutuan—

Melepaskan  
tanah yang  
dirizab bagi  
maksud-  
maksud  
persekutuan.

- (a) nilai pasar bagi apa-apa kemajuan yang telah dilakukan (atas perbelanjaan sesiapa lain daripada Negeri) semasa tanah itu digunakan bagi maksud-maksud persekutuan; dan
- (b) jumlah wang, jika ada, yang telah dibayar oleh Persekutuan, atau yang telah dibayar sebelum Hari Merdeka oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, kerana belanja mengambil apa-apa kepentingan mengenai tanah itu oleh Kerajaan Negeri;

dan jika sekiranya Kerajaan Negeri menerima tawaran itu maka tanah itu adalah terhenti menjadi rizab.

(2) Jika Kerajaan Negeri tidak menerima tawaran yang dibuat mengikut Fasal (1), maka, melainkan jika dengan cara persetujuan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri itu tanah itu dirizab bagi maksud persekutuan yang lain, Kerajaan Persekutuan boleh menghendaki Kerajaan Negeri itu mengarahkan tanah itu diberi kepada Persekutuan untuk selama-lamanya dengan tidak dikenakan apa-apa sekatan tentang kegunaan tanah itu, dan kemudiannya adalah menjadi kewajipan bagi Kerajaan Negeri itu berbuat demikian, tetapi tertakluk kepada syarat bahawa hendaklah dibayar premium yang sama banyak dengan nilai pasar tanah itu tetapi dikurangkan sebanyak jumlah yang sepatut dibayar kepada Persekutuan di bawah Fasal (1) jika tawaran tersebut diterima, dan juga tertakluk kepada syarat bahawa cukai tanah yang berkenaan bagi tanah itu hendaklah dibayar pada tiap-tiap tahun; dan jika tanah itu diberi demikian kepada Persekutuan, maka Kerajaan Persekutuan boleh menjual dan memindah milik atau memajakkan tanah itu mengikut apa-apa syarat yang difikirkannya patut.

(3) Kecuali sebagaimana diperuntukkan oleh Perkara ini, tanah di sesuatu Negeri yang dirizab bagi maksud-maksud persekutuan tidak boleh terhenti daripada dirizab sedemikian, dan segala tanah yang dirizab sedemikian hendaklah dijaga dan diuruskan oleh atau bagi pihak Kerajaan Persekutuan.

Melepaskan tanah yang dipegang bagi maksud-maksud persekutuan.

**86.** (1) Jika apa-apa kepentingan mengenai tanah adalah terletak pada Persekutuan maka, tertakluk kepada Perkara 84 dan kepada Fasal (2) Perkara ini, Persekutuan boleh melepaskan kepentingan itu atau apa-apa kepentingan yang lebih kecil mengenai tanah itu.

(2) Tiap-tiap kepentingan mengenai tanah yang dilepaskan itu hendaklah disyaratkan supaya tanah itu digunakan bagi maksud persekutuan yang dinyatakan dan tiada apa-apa kepentingan mengenai tanah boleh dilepaskan kepada seseorang melainkan kepada pihak-berkuasa awam kecuali—

(a) di bawah dan mengikut peruntukan undang-undang persekutuan; atau

(b) dengan suatu perintah Yang di-Pertuan Agong yang dibentang dan diluluskan mengikut Fasal (3):

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa jua dalam Fasal ini boleh dipakai bagi sesuatu pelepasan yang dibenarkan oleh Perkara 84 atau Perkara 85, atau bagi sesuatu pelepasan oleh Persekutuan kepada seseorang bagi maksud melaksanakan apa-apa teriti, perjanjian atau konvensyen dengan mana-mana negeri lain, atau kepada seseorang atas sifatnya sebagai wakil konsol atau wakil diplomat bagi mana-mana negeri lain.

(3) Sesuatu perintah yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah perenggan (b) Fasal (2) hendaklah dibentangkan dalam kedua-dua Majlis Parlimen dan tidak boleh berkuatkuasa sehingga ia diluluskan dengan ketetapan tiap-tiap satu Majlis Parlimen.

(4) Kecuali sebagaimana diperuntukkan oleh Perkara 84, tiada apa-apa kepentingan mengenai tanah, yang terletak pada sesuatu pihak berkuasa awam bagi maksud-maksud persekutuan atau yang terletak pada mana-mana orang lain menurut sesuatu pelepasan di bawah Perkara ini, boleh dilepaskan oleh pihak berkuasa atau orang itu kecuali kepada Persekutuan.

(5) Jika apa-apa kepentingan mengenai tanah di sesuatu Negeri dilepaskan oleh atau kepada Persekutuan atau mana-mana pihak berkuasa awam menurut Perkara ini atau Perkara 84 atau 85, maka adalah menjadi kewajipan bagi Kerajaan Negeri itu mendaftarkan urusan melepaskan itu dengan sewajarnya.

**87.** (1) Jika berbangkit apa-apa pertikaian antara Kerajaan Persekutuan dengan sesuatu Kerajaan Negeri tentang pembayaran yang akan dibuat oleh atau kepada Persekutuan di bawah Perkara-perkara Bab ini yang tersebut di atas, atau tentang jumlah mana-mana pembayaran itu, maka, atas permintaan Kerajaan Persekutuan atau permintaan Kerajaan Negeri itu, pertikaian itu hendaklah dirujukan kepada Tribunal Tanah yang dilantik mengikut Perkara ini.

Memutuskan pertikaian tentang nilai tanah.

(2) Tribunal Tanah hendaklah mengandungi—

(a) seorang pengerusi yang dilantik oleh Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan dan yang menjadi, atau telah menjadi, atau layak menjadi, seorang

hakim Mahkamah Persekutuan atau Mahkamah Tinggi, atau yang menjadi seorang hakim Mahkamah Besar sebelum Hari Malaysia;

(b) seorang ahli yang dilantik oleh Kerajaan Persekutuan; dan

(c) seorang ahli yang dilantik oleh Kerajaan Negeri.

(3) Amalan dan acara Tribunal Tanah hendaklah diatur menurut kaedah-kaedah mahkamah yang dibuat oleh Jawatankuasa Kaedah atau pihak berkuasa lain yang berkuasa di bawah undang-undang bertulis membuat kaedah-kaedah atau perintah-perintah bagi mengatur amalan dan acara Mahkamah Persekutuan.

(4) Sesuatu rayuan terhadap keputusan Tribunal Tanah mengenai apa-apa soal undang-undang hendaklah dibuat kepada Mahkamah Persekutuan.

**88.** Perkara 83 hingga 87, apabila dipakai bagi Negeri yang tidak mempunyai Raja adalah berkuatkuasa—

(a) tertakluk kepada apa-apa penyesuaian (jika ada) sebagaimana diperuntukkan dengan undang-undang oleh Parlimen iaitu penyesuaian yang dikehendaki untuk membolehkan Perkara-perkara itu dipakai (dengan seberapa hampir yang boleh memandang kepada perbezaan-perbezaan tentang sistem pemegangan tanah) sama seperti Perkara-perkara itu dipakai bagi Negeri-negeri lain; dan

(b) mengenai Negeri-negeri Sabah dan Sarawak, dengan meninggalkan perenggan (a) Fasal (5) dalam Perkara 83.

**89.** (1) Jika mana-mana tanah di sesuatu Negeri yang menjadi tanah rizab orang Melayu sebelum sahaja Hari Merdeka mengikut undang-undang yang ada maka tanah itu boleh terus menerus menjadi tanah rizab orang Melayu mengikut undang-undang itu sehingga selainnya diperuntukkan oleh Badan Perundangan Negeri itu dengan suatu Enakmen—

(a) yang diluluskan oleh sebilangan besar daripada bilangan semua ahli Dewan Negeri itu dan dengan undi tidak kurang daripada dua pertiga daripada ahli-ahli yang hadir dan mengundi; dan

(b) yang dipersetujui dengan ketetapan tiap-tiap satu Majlis Parlimen yang diluluskan oleh sebilangan

besar daripada bilangan semua ahli Majlis Parlimen itu dan dengan undi tidak kurang daripada dua pertiga daripada ahli-ahli yang mengundi.

(1A) Sesuatu undang-undang yang dibuat di bawah Fasal (1) yang membuat peruntukan mengenai perlucutan hak atau perkembalian kepada Pihak Berkuasa Negeri, atau mengenai perlucutan, keempunyaan sesuatu tanah rizab orang Melayu, atau sesuatu hak atau kepentingan mengenainya, disebabkan seseorang, atau sesuatu perbadanan, syarikat atau badan-badan lain (sama ada diperbadankan atau tidak diperbadankan) yang memegangnya terhenti menjadi layak atau kompetan di bawah undang-undang relevan yang berhubungan dengan tanah rizab orang Melayu untuk memegangnya, tidak boleh menjadi terbatal semata-mata oleh sebab ketakkonsistenan dengan Perkara 13.

(2) Mana-mana tanah di sesuatu Negeri yang pada masa itu bukan tanah rizab orang Melayu mengikut undang-undang yang ada dan yang belum dimajukan atau dicucuk tanam boleh diistiharkan sebagai tanah rizab orang Melayu mengikut undang-undang itu:

Dengan syarat bahawa—

(a) jika mana-mana tanah di sesuatu Negeri adalah diistiharkan sebagai tanah rizab orang Melayu di bawah Fasal ini, maka suatu keluasan tanah yang sama dengan luas tanah itu dalam Negeri itu, yang belum dimajukan atau dicucuk tanam hendaklah diadakan untuk diberi milik kepada umum; dan

(b) jumlah luasnya tanah di sesuatu Negeri yang pada masa itu diistiharkan sebagai tanah rizab orang Melayu di bawah Fasal ini tidak boleh pada bila-bila masa lebih daripada jumlah luasnya tanah di Negeri itu yang telah diadakan untuk diberi milik kepada umum menurut perenggan (a).

(3) Tertakluk kepada Fasal (4), Kerajaan mana-mana Negeri boleh, mengikut undang-undang yang ada, mengisytiharkan sebagai tanah rizab orang Melayu—

(a) mana-mana tanah yang diambil oleh Kerajaan itu dengan cara perjanjian bagi maksud itu:

Pemakaian  
Perkara  
83 hingga  
87 bagi  
Negeri-  
negeri yang  
tidak mem-  
punyai Raja.

Tanah rizab  
orang  
Melayu.

- (b) mana-mana tanah lain, apabila permohonan dibuat oleh tuannya, dan dengan persetujuan tiap-tiap orang yang ada mempunyai sesuatu hak atau kepentingan mengenainya;

dan mengikut undang-undang yang terpakai sekarang hendaklah diisytiharkan segera sebagai rizab orang Melayu dalam kes di mana sebarang tanah yang luput menjadi rizab Melayu, maka sebarang tanah lain yang sama bentuk dan keluasannya tidak melebihi keluasan tanah itu menjadi rizab Melayu.

(4) Tiada apa-apa jua dalam Perkara ini boleh membenarkan mana-mana tanah diisytiharkan sebagai tanah rizab orang Melayu jika pada masa pengisytiharan itu tanah itu dipunyai atau diduduki oleh seseorang yang bukan orang Melayu atau jika pada masa itu seseorang yang bukan orang Melayu ada mempunyai apa-apa hak atau kepentingan mengenai tanah itu.

(5) Dengan tidak menyentuh Fasal (3), Kerajaan mana-mana Negeri boleh, mengikut undang-undang, mengambil tanah untuk menempatkan orang-orang Melayu atau kaum-kaum lain, dan menubuhkan amanah-amanah bagi maksud itu.

(6) Dalam Perkara ini "tanah rizab orang Melayu" ertinya tanah yang dirizab untuk diberi milik kepada orang-orang Melayu atau kepada bumiputera-bumiputera bagi Negeri di mana tanah itu terletak; dan "orang Melayu" termasuklah seseorang yang disifatkan sebagai seorang Melayu bagi maksud-maksud merizab tanah di bawah undang-undang bagi Negeri di mana ia bermastautin.

(7) Perkara ini hendaklah berkuatkuasa tertakluk kepada Perkara 161A walau apapun peruntukan lain yang ada dalam Perlembagaan ini; tetapi (dengan tidak menyentuh apa-apa peruntukan lain itu) tiada sesuatu tanah boleh disimpan atau diisytiharkan sebagai tanah rizab orang Melayu kecuali sebagaimana diperuntukkan oleh Perkara ini dan Perkara 90.

90. (1) Tiada apa-apa jua dalam Perlembagaan ini boleh menyentuh sahnya apa-apa sekatan yang dikenakan oleh undang-undang ke atas pemindahan milik atau pemajakan tanah adat di Negeri Sembilan atau Negeri Melaka, atau pemindahan milik atau pemajakan apa-apa kepentingan mengenai tanah itu.

(2) Walau apapun yang terkandung dalam Perlembagaan ini, undang-undang yang ada di Negeri Trengganu mengenai tanah pegangan orang Melayu hendaklah terus-menerus berkuatkuasa sehingga selainnya diperuntukkan oleh Badan Perundangan Negeri itu dengan suatu Enakmen yang diluluskan dan dipersetujui seperti tersebut dalam Fasal (1) Perkara 89.

(3) Apa-apa jua Enakmen Badan Perundangan Negeri Trengganu itu boleh membuat peruntukan bagi tanah rizab orang Melayu yang bersamaan dengan undang-undang yang ada berkuatkuasa di mana-mana Negeri lain yang ada mempunyai Raja; dan dalam hal yang demikian Perkara 89 tersebut hendaklah berkuatkuasa mengenai Trengganu dengan tertakluk kepada pengubahsuaian-pengubahsuaian yang berikut, iaitu—

(a) dalam Fasal (1), sebutan mengenai tanah yang sebelum sahaja Hari Merdeka ialah tanah rizab orang Melayu mengikut undang-undang yang ada hendaklah digantikan dengan sebutan mengenai tanah yang sebelum sahaja daripada diluluskan Enakmen tersebut itu ialah suatu tanah pegangan orang Melayu; dan

(b) tertakluk sebagaimana tersebut di atas apa-apa sebutan mengenai undang-undang yang ada hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Enakmen tersebut.

91. (1) Maka hendaklah ada suatu Majlis Tanah Negera yang mengandungi seorang Menteri sebagai pengerusi, seorang wakil dari tiap-tiap satu Negeri yang dilantik oleh Raja atau Gabenor, dan beberapa orang wakil bagi Kerajaan Persekutuan yang dilantik oleh Kerajaan Persekutuan tetapi, tertakluk kepada Fasal (5) Perkara 95E, bilangan wakil-wakil bagi Kerajaan Persekutuan tidak boleh lebih daripada sepuluh.

Peruntukan khas mengenai tanah adat di Negeri Sembilan dan Melaka, dan tanah pegangan orang Melayu di Trengganu.

Majlis Tanah Negera.



(2) Pengerusi boleh mengundi mengenai apa-apa soal dalam mesyuarat Majlis Tanah Negara tetapi tidak mempunyai undi pemutus.

(3) Majlis Tanah Negara hendaklah dipanggil bermesyuarat oleh pengerusi beberapa kali yang difikirkannya perlu tetapi sekurang-kurangnya satu mesyuarat hendaklah diadakan pada tiap-tiap tahun.

(4) Jika pengerusi atau seseorang wakil bagi sesuatu Negeri atau bagi Kerajaan Persekutuan tidak dapat hadir dalam sesuatu mesyuarat, maka pihak berkuasa yang melantiknya itu boleh melantik seorang lain untuk mengambil tempatnya dalam mesyuarat itu.

(5) Adalah menjadi kewajipan Majlis Tanah Negara membentuk, dari semasa kesemasa, dengan berunding dengan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan-kerajaan Negeri dan Majlis Kewangan Negara, suatu dasar negara untuk memajukan dan mengawal penggunaan tanah di seluruh Persekutuan bagi maksud perlombongan, pertanian, perhutanan atau apa-apa maksud lain, dan untuk mentadbirkan apa-apa undang-undang mengenainya; dan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri hendaklah mengikuti dasar yang dibentuk itu.

(6) Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan mana-mana Negeri boleh berunding dengan Majlis Tanah Negara mengenai apa-apa perkara lain berhubung dengan penggunaan tanah atau mengenai apa-apa undang-undang yang dicadangkan mengenai tanah atau mengenai pentadbiran mana-mana undang-undang itu, dan adalah menjadi kewajipan Majlis Tanah Negara menasihatkan Kerajaan itu mengenai mana-mana perkara itu.

#### *Bab 5—Pembangunan Negara*

92. (1) Jika, selepas sesuatu syor diterima daripada suatu jawatankuasa pakar dan selepas rundingan diadakan di antara Majlis Kewangan Negara, Majlis Tanah Negara dan Kerajaan mana-mana Negeri yang berkenaan, Yang di-Pertuan Agong berpuashati bahawa adalah mendatangkan faedah bagi kepentingan negara dijalankan sesuatu rancangan pembangunan di mana-mana kawasan atau di kawasan-kawasan dalam satu atau beberapa buah Negeri maka Yang di-Pertuan Agong boleh, selepas menyiarkan rancangan itu, mengisytiharkan kawasan atau

kawasan-kawasan itu sebagai kawasan pembangunan; dan kemudiannya Parlimen adalah berkuasa melaksanakan rancangan pembangunan itu atau mana-mana bahagiannya, walaupun mana-mana perkara yang dimaksudkan oleh rancangan itu adalah perkara-perkara yang, jika tidak kerana Perkara ini, hanya Negeri-negeri sahaja berkuasa membuat undang-undang mengenainya.

(2) Sesuatu Akta yang diluluskan menurut Perkara ini hendaklah menyatakan pada permulaannya bahawa Akta itu telah diluluskan sedemikian dan bahawa peruntukan Fasal (1) telah dipatuhi; dan Perkara 79 tidaklah boleh dipakai bagi sesuatu Rang Undang-undang untuk Akta tersebut atau bagi apa-apa pindaan kepada Rang Undang-undang tersebut.

(3) Dalam Perkara ini, "rancangan pembangunan" ertinya suatu rancangan untuk membangun, memaju, atau memelihara, hasil bumi dalam sesuatu kawasan pembangunan, mengusahakan hasil bumi itu, atau menambah peluang-peluang bekerja dalam kawasan itu.

(4) Dengan tidak menyentuh kuasa Kerajaan Persekutuan di bawah mana-mana Perkara lain untuk menghendaki apa-apa kepentingan mengenai tanah diambil atau diberi bagi maksud persekutuan, Kerajaan Persekutuan boleh dari semasa kesemasa menghendaki dirizab, setakat mana yang dinyatakannya, mana-mana tanah dalam sesuatu kawasan pembangunan yang tidak diduduki oleh orang-orang persendirian; akan tetapi apa-apa kekurangan hasil tahunan yang diterima oleh Negeri oleh kerana tanah dirizab sedemikian hendaklah diganti kepada Negeri itu oleh Persekutuan.

(5) Segala pendapatan yang diterima oleh Persekutuan dari sesuatu rancangan pembangunan yang dijalankan hendaklah, tertakluk kepada Fasal (6), digunakan—

(a) pertamanya, bagi mengadakan peruntukan modal dan membayar belanja-belanja kerja bagi rancangan pembangunan itu;

(b) keduanya, bagi membayar balik kepada Persekutuan apa-apa perbelanjaan, termasuk perbelanjaan di bawah Fasal (4), yang dilakukan oleh Persekutuan bagi menjalankan rancangan itu; dan

(c) bakinya, untuk dibayar kepada Negeri di mana kawasan pembangunan itu terletak atau, jika kawasan pembangunan itu terletak dalam dua buah Negeri atau lebih, kepada Negeri-negeri itu mengikut kadar yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan.

(6) Jika sekiranya ada persetujuan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan mana-mana Negeri yang di dalamnya termasuk kesemua atau mana-mana bahagian kawasan pembangunan bahawa apa-apa perbelanjaan yang dilakukan bagi menjalankan rancangan pembangunan itu dibayar oleh Negeri itu, maka apa-apa perbelanjaan yang dibayar demikian itu hendaklah dibayar balik kepada Negeri itu dan pembayaran balik itu adalah bertaraf pari passu dengan pembayaran balik kepada Persekutuan apa-apa perbelanjaan yang dilakukan oleh Persekutuan.

(7) Parlimen boleh memansuhkan atau meminda mana-mana Akta yang diluluskan menurut Perkara ini, dan, bagi maksud itu, boleh membuat apa-apa peruntukan yang bersampingan dan yang berbangkit sebagaimana yang difikirkannya perlu.

(8) Tiada apa-apa jua dalam Perkara ini boleh menyetujui kuasa Parlimen atau kuasa Badan Perundangan mana-mana Negeri—

(a) bagi mengenakan apa-apa cukai atau kadar yang boleh dikenakan olehnya di bawah mana-mana peruntukan lain Perlembagaan ini; atau

(b) bagi mengeluarkan daripada Kumpulanwang Persekutuan Disatukan atau Kumpulanwang Negeri Disatukan, mengikut mana yang berkenaan, pemberian-pemberian yang tidak kena dibayar balik di bawah Fasal (5) atau (6);

kecuali jika, menurut Fasal (1), suatu kadar dikenakan ke atas apa-apa harta oleh undang-undang persekutuan iaitu kadar yang, jika tidak kerana Perkara ini, mungkin dikenakan oleh undang-undang Negeri maka tiada apa-apa jua kadar sejenis itu boleh dikenakan oleh undang-undang Negeri selama tempoh kadar yang dikenakan oleh undang-undang persekutuan itu kena dibayar.

*Bab 6—Tinjauan Persekutuan, nasihat Persekutuan kepada Negeri dan pemeriksaan Persekutuan mengenai kegiatan Negeri*

93. (1) Kerajaan Persekutuan boleh menjalankan apa-apa siasatan (sama ada dengan Suruhanjaya atau lain-lain), membenarkan apa-apa tinjauan dan mengumpul dan menyiarkan apa-apa perangkaan yang difikirkannya patut, walaupun siasatan, tinjauan dan kumpulan dan siaran perangkaan-perangkaan itu berhubung dengan sesuatu perkara yang Badan Perundangan Negeri boleh membuat undang-undang mengenainya.

Siasatan,  
tinjauan  
dan  
perangkaan.

(2) Adalah menjadi kewajipan Kerajaan Negeri dan kewajipan semua pegawai dan pihak berkuasa Negeri itu membantu Kerajaan Persekutuan pada menjalankan kuasa-kuasanya di bawah Perkara ini; dan bagi maksud ini Kerajaan Persekutuan boleh memberi apa-apa arahan yang difikirkannya perlu.

94. (1) Kuasa pemerintah bagi Persekutuan adalah meliputi kuasa menjalankan penyelidikan, mengadakan serta menyenggara pusat-pusat percubaan dan pertunjukan, memberi nasihat dan bantuan teknik kepada Kerajaan mana-mana Negeri, dan mengadakan pelajaran, penyertaan dan pertunjukan untuk penduduk-penduduk mana-mana Negeri, berkenaan dengan apa-apa perkara yang Badan Perundangan Negeri boleh membuat undang-undang mengenainya; dan pegawai-pegawai pertanian dan pegawai-pegawai hutan bagi mana-mana Negeri hendaklah menerima apa-apa nasihat profesyen yang diberi kepada Kerajaan Negeri itu di bawah Fasal ini.

Kuasa-kuasa  
Persekutuan  
mengenai  
rakyat  
Negeri.

(2) Walau apapun yang terkandung dalam Perlembagaan ini, Jabatan Pertanian, Jabatan Pesuruhjaya Tanah, Jabatan Hutan dan Jabatan Kebajikan Masyarakat yang ada boleh terus menjalankan tugas-tugas yang dijalankan olehnya sebelum sahaja Hari Merdeka.

(3) Tiada apa-apa jua dalam Perlembagaan ini boleh menghalang Kerajaan Persekutuan menubuhkan Kementerian-kementerian atau Jabatan-jabatan Kerajaan bagi menjalankan tugas-tugas Kerajaan Persekutuan di bawah Perkara 93 dan di bawah Perkara ini mengenai perkara-perkara yang termasuk dalam kuasa perundangan

sesuatu Negeri, dan perkara-perkara itu bolehlah termasuk pemeliharaan tanah, kerajaan tempatan dan perancangan bandar dan kampung.

Pemeriksaan  
kegiatan  
Negeri.

95. (1) Tertakluk kepada Fasal (3), pada menjalankan kuasa pemerintah Persekutuan seseorang pegawai yang diberi kuasa oleh Kerajaan Persekutuan boleh memeriksa mana-mana jabatan atau apa-apa kerja Kerajaan Negeri dengan tujuan hendak membuat suatu laporan mengenainya kepada Kerajaan Persekutuan.

(2) Sesuatu laporan yang dibuat di bawah Perkara ini, jika diarah oleh Kerajaan Persekutuan, hendaklah dikemukakan kepada Kerajaan Negeri dan dibentangkan dalam Dewan Negeri itu.;

(3) Perkara ini tidaklah membenarkan pemeriksaan dijalankan mengenai sesuatu jabatan atau kerja yang menguruskan hanya atau yang dijalankan hanya mengenai perkara-perkara yang termasuk dalam kuasa perundangan sesuatu Negeri.

#### *Bab 7—Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan*

Majlis  
Negara  
bagi  
Kerajaan  
Tempatan.

95A. (1) Maka hendaklah ada suatu Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan yang mengandungi seorang Menteri sebagai pengerusi, seorang wakil dari tiap-tiap satu Negeri yang dilantik oleh Raja atau Yang di-Pertua Negeri, dan beberapa orang wakil bagi Kerajaan Persekutuan yang dilantik oleh Kerajaan Persekutuan tetapi, tertakluk kepada Fasal (5) Perkara 95E, bilangan wakil-wakil bagi Kerajaan Persekutuan tidak boleh lebih daripada sepuluh.

(2) Pengerusi boleh mengundi mengenai apa-apa soal dalam mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan dan adalah mempunyai undi pemutus.

(3) Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan hendaklah dipanggil bermesyuarat oleh pengerusi beberapa kali yang difikirkannya perlu tetapi sekurang-kurangnya satu mesyuarat hendaklah diadakan pada tiap-tiap tahun.

(4) Jika pengerusi atau seseorang wakil Kerajaan Negeri atau seseorang wakil Kerajaan Persekutuan tidak dapat hadir dalam sesuatu mesyuarat, maka pihak berkuasa yang melantiknya itu boleh melantik seorang lain untuk mengambil tempatnya dalam mesyuarat itu.

(5) Adalah menjadi kewajipan Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan membentuk dari semasa ke semasa dengan berunding dengan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri, suatu dasar negara untuk menggalak, memajukan dan mengawal kerajaan tempatan di seluruh Persekutuan dan untuk mentadbirkan apa-apa undang-undang mengenainya; dan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri hendaklah mengikuti dasar yang dibentuk itu.

(6) Adalah juga menjadi kewajipan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan mana-mana Negeri berunding dengan Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan berkenaan apa-apa undang-undang yang dicadangkan mengenai kerajaan tempatan dan adalah menjadi kewajipan Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan menasihatkan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan mana-mana Negeri itu berkenaan mana-mana perkara itu.

(7) Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan mana-mana Negeri boleh berunding dengan Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan berkenaan apa-apa perkara lain berhubung dengan kerajaan tempatan, dan adalah menjadi kewajipan Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan menasihatkan Kerajaan itu berkenaan mana-mana perkara itu.

#### *Bab 8—Pemakaian bagi Negeri-negeri Borneo*

95B. (1) Mengenai Negeri-negeri Borneo—

- (a) tambahan kepada Senarai 2 yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan hendaklah disifatkan sebagai menjadi sebahagian daripada Senarai Negeri, dan perkara-perkara yang disebutkan dalamnya itu hendaklah disifatkan sebagai tidak termasuk dalam Senarai Persekutuan atau Senarai Bersama; dan
- (b) tambahan kepada Senarai 3 yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan, tertakluk kepada Senarai Negeri, hendaklah disifatkan sebagai menjadi sebahagian daripada Senarai Bersama, dan perkara-perkara yang disebutkan dalamnya itu hendaklah disifatkan sebagai tidak termasuk dalam Senarai Persekutuan (tetapi tidaklah sehingga menyentuh pentafsiran Senarai Negeri, jika tambahan kepada Senarai 3 itu ditujukan kepada Senarai Persekutuan).

Pengubah-  
suaran bagi  
Negeri-  
negeri  
Borneo  
mengenai  
pembaha-  
gian kuasa-  
kuasa  
perundangan.

(2) Jika menurut kuasa Fasal (1) sesuatu butiran adalah dimasukkan dalam Senarai Bersama untuk sesuatu Negeri selama sesuatu tempoh sahaja, maka tidaklah tersentuh perjalanan seterusnya akan kuatkuasa apa-apa undang-undang Negeri yang telah diluluskan menurut butiran itu apabila habis tempoh itu atau apabila tempoh itu diamatkan, kecuali sebagaimana diperuntukkan oleh undang-undang persekutuan atau undang-undang Negeri.

(3) Badan Perundangan sesuatu Negeri Sabah atau Sarawak boleh juga membuat undang-undang bagi mengenakan cukai jualan, dan apa-apa cukai jualan yang dikenakan oleh undang-undang Negeri di sesuatu Negeri Borneo hendaklah disifatkan sebagai termasuk dalam perkara-perkara yang disebutkan dalam Senarai Negeri dan tidak dalam Senarai Persekutuan; tetapi—

- (a) pada menetapkan bayaran atau mentadbirkan sesuatu cukai jualan Negeri, maka tidaklah boleh ada apa-apa perbezaan antara barang-barang yang sama jenisnya mengikut tempat asal barang-barang itu; dan
- (b) bayaran bagi apa-apa cukai jualan persekutuan hendaklah didapati daripada wang-wang yang dipungut daripada orang yang bertanggung membayar cukai itu terlebih dahulu daripada bayaran bagi sesuatu cukai jualan Negeri.

**95c.** (1) Tertakluk kepada peruntukan mana-mana Akta Parlimen yang diluluskan selepas Hari Malaysia, Yang di-Pertuan Agong boleh dengan perintah membuat, mengenai sesuatu Negeri, apa-apa peruntukan sebagaimana yang boleh dibuat dengan Akta Parlimen—

- (a) untuk membenarkan Badan Perundangan Negeri itu membuat undang-undang seperti tersebut dalam Perkara 76A; atau
- (b) untuk memperluaskan kuasa pemerintah Negeri itu, dan kuasa-kuasa atau kewajipan-kewajipan mana-mana pihak berkuasa Negeri itu, seperti tersebut dalam Fasal (4) Perkara 80.

(2) Sesuatu perintah yang dibuat menurut perenggan (a) Fasal (1) tidak boleh membenarkan Badan Perundangan Negeri meminda atau memansuhkan sesuatu Akta Parlimen

yang diluluskan selepas Hari Malaysia, melainkan jika Akta itu membenarkan sedemikian.

(3) Fasal (3) Perkara 76A dan Fasal (6) Perkara 80 hendaklah dipakai mengenai sesuatu perintah yang dibuat di bawah perenggan (a) dan perenggan (b) Fasal (1) Perkara ini mengikut susunannya masing-masing sebagaimana Fasal-fasal itu dipakai mengenai sesuatu Akta Parlimen.

(4) Jika sesuatu perintah di bawah Perkara ini adalah dibatalkan oleh suatu perintah yang kemudian, maka perintah yang kemudian itu boleh memasukkan peruntukan untuk meneruskan kuatkuasa (pada keseluruhannya atau setakat mana atau bagi apa-apa maksud yang dinyatakan dalam perintah itu) mana-mana undang-undang Negeri yang diluluskan menurut perintah yang dahulu itu atau mana-mana perundangan kecil yang dibuat atau apa-apa perkara yang dilakukan di bawah mana-mana undang-undang Negeri itu, dan mana-mana undang-undang Negeri yang diteruskan kuatkuasanya dengan demikian hendaklah berkuatkuasa sebagai undang-undang persekutuan mulai dari tarikh berjalan kuatkuasanya perintah yang kemudian itu:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa peruntukan boleh diteruskan kuatkuasanya menurut Fasal ini jika atau setakat mana peruntukan itu tidak boleh dibuat dengan Akta Parlimen.

(5) Apa-apa perintah yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah Perkara ini hendaklah dibentangkan dalam tiap-tiap satu Majlis Parlimen.

**95d.** Mengenai sesuatu Negeri Borneo, Fasal (4) Perkara 76 tidak boleh dipakai, dan perenggan (b) Fasal (1) Perkara 76 tidak membolehkan Parlimen membuat undang-undang mengenai mana-mana perkara yang tersebut dalam Fasal (4) Perkara 76.

Negeri-negeri Borneo terkeluar daripada kuasa Parlimen meluluskan undang-undang yang sama mengenai tanah atau kerajaan tempatan.

Kuasa dengan perintah untuk memperluaskan kuasa perundangan atau kuasa pemerintah Negeri-negeri.

Negeri-negeri Borneo terkeluar daripada rancangan-rancangan negara untuk penggunaan tanah. kerajaan tempatan. pembangunan. dsb.

**95E.** (1) Perkara 91, 92, 94 dan 95A hendaklah berkuatkuasa bagi sesuatu Negeri Borneo tertakluk kepada Fasal-fasal yang berikut.

(2) Tertakluk kepada Fasal (5), Kerajaan Negeri itu tidaklah diwajibkan di bawah Perkara 91 dan Perkara 95A mengikut dasar yang dibentuk oleh Majlis Tanah Negara atau oleh Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan, mengikut mana yang berkenaan, tetapi wakil Negeri itu tidaklah berhak mengundi mengenai apa-apa soal dalam mesyuarat Majlis itu.

(3) Di bawah Perkara 92 tiada sesuatu kawasan dalam Negeri itu boleh diisytiharkan sebagai suatu kawasan pembangunan bagi maksud apa-apa rancangan pembangunan dengan tiada persetujuan Yang di-Pertua Negeri.

(4) Di bawah Fasal (1) Perkara 94 (yang di bawahnya Persekutuan boleh menjalankan penyelidikan, memberi nasihat dan bantuan teknik, dsb. mengenai perkara-perkara dalam Senarai Negeri) pegawai-pegawai pertanian dan pegawai-pegawai hutan sesuatu Negeri Borneo hendaklah menimbang, tetapi tidaklah diwajibkan menerima, nasihat profesyen yang diberi kepada Kerajaan Negeri itu.

(5) Fasal (2) hendaklah terhenti dipakai bagi sesuatu Negeri—

(a) mengenai Perkara 91 jika Parlimen memperuntukkan sedemikian dengan persetujuan Yang di-Pertua Negeri; dan

(b) mengenai Perkara 95A, jika Parlimen memperuntukkan sedemikian dengan persetujuan Dewan Negeri;

tetapi bagi tiap-tiap seorang wakil Negeri Borneo yang berhak, menurut kuasa Fasal ini, mengundi mengenai apa-apa soal dalam mesyuarat Majlis Tanah Negara atau Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan, maka seorang wakil hendaklah ditambah kepada bilangan maksima wakil-wakil Kerajaan Persekutuan dalam Majlis itu.

## BAHAGIAN VII

### PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KEWANGAN

#### *Bab 1—Am*

**96.** Tiada apa-apa cukai kadar boleh di levi oleh atau bagi maksud-maksud Persekutuan kecuali dengan atau di bawah kuasa undang-undang persekutuan.

Tiada apa-apa cukai boleh di levi melainkan dibenarkan oleh undang-undang.

**97.** (1) Segala hasil dan wang walau bagaimanapun didapatkan atau diterima oleh Persekutuan, tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan ini dan undang-undang persekutuan, hendaklah dibayar masuk ke dalam serta menjadi satu kumpulanwang yang dinamakan Kumpulanwang Persekutuan Disatukan.

Kumpulanwang Disatukan.

(2) Segala hasil dan wang walau bagaimanapun didapatkan atau diterima oleh sesuatu Negeri, tertakluk kepada Fasal (3) dan kepada mana-mana undang-undang, hendaklah dibayar masuk ke dalam serta menjadi satu kumpulanwang yang dinamakan Kumpulanwang Disatukan bagi Negeri itu.

(3) Jika mengikut undang-undang Negeri atau di Wilayah Persekutuan, mengikut undang-undang Persekutuan apa-apa Zakat, Fitrah, Baitul-Mal atau hasil agama Islam yang seumpamanya adalah didapatkan, maka hasil itu hendaklah dibayar masuk ke dalam suatu kumpulanwang yang berasingan dan tidak boleh dikeluarkan kecuali di bawah kuasa undang-undang Negeri.

(4) Melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain, apa-apa sebutan dalam Perlembagaan ini mengenai Kumpulanwang Disatukan hendaklah disifatkan sebagai sebutan mengenai Kumpulanwang Persekutuan disatukan.

**98.** (1) Selain daripada apa-apa pemberian saraan atau apa-apa wang lain yang dipertanggungkan kepada Kumpulanwang Disatukan menurut mana-mana Perkara lain atau mana-mana undang-undang persekutuan lain maka hendaklah dipertanggungkan kepada Kumpulanwang disatukan—

- (a) segala pencen, pampasan kerana kehilangan jawatan dan ganjaran yang tertanggung kepada persekutuan;
- (b) segala caj hutang yang tertanggung kepada Persekutuan; dan
- (c) apa-apa wang yang dikehendaki bagi menunaikan apa-apa hukuman, keputusan atau award terhadap Persekutuan oleh mana-mana mahkamah atau tribunal.

(2) Persekutuan boleh, apabila membayar apa-apa pemberian kepada sesuatu Negeri mengikut peruntukan-peruntukan Bahagian ini, memotong jumlah apa-apa caj hutang yang kena dibayar oleh Negeri itu kepada Persekutuan dan yang dipertanggungkan kepada Kumpulanwang Disatukan bagi Negeri itu.

(3) Bagi maksud Perkara ini caj hutang adalah termasuk bunga, caj kumpulanwang penjelas hutang, membayar balik atau melunaskan hutang, dan segala perbelanjaan berkenaan dengan mendapatkan pinjaman-pinjaman atas jaminan Kumpulanwang Disatukan dan menyenggara dan menebus hutang yang terwujud dengan jalan demikian itu.

**99.** (1) Yang di-Pertuan Agong hendaklah, bagi tiap-tiap tahun kewangan, mengarah dibentangkan dalam Dewan Rakyat suatu penyata anggaran pendapatan dan perbelanjaan bagi Persekutuan untuk tahun itu, dan, melainkan jika selainnya diperuntukkan oleh Parlimen bagi mana-mana tahun, penyata itu hendaklah dibentangkan sedemikian sebelum permulaan tahun itu:

Dengan syarat bahawa penyata-penyata yang berasingan boleh dibuat bagi anggaran pendapatan dan anggaran perbelanjaan dan dalam hal yang demikian tidaklah perlu penyata pendapatan itu dibentangkan sedemikian sebelum permulaan tahun yang dimaksudkan oleh penyata itu.

(2) anggaran-anggaran perbelanjaan hendaklah menunjukkan—

- (a) jumlah wang yang dikehendaki untuk membayar perbelanjaan yang dipertanggungkan kepada Kumpulanwang Disatukan; dan
- (b) tertakluk kepada Fasal (3), wang yang dikehendaki untuk membayar perbelanjaan bagi maksud-maksud lain yang dicadangkan untuk dibayar daripada Kumpulanwang Disatukan.

(3) Jumlah wang yang akan ditunjukkan di bawah perenggan (b) Fasal (2) tidaklah termasuk—

- (a) jumlah wang pinjaman yang didapati oleh Persekutuan bagi maksud-maksud tertentu dan yang diuntukkan bagi maksud-maksud itu oleh Akta yang membenarkan pinjaman itu didapatkan;
- (b) jumlah wang yang diterima oleh Persekutuan, iaitu wang atau bunga bagi wang yang tertakluk kepada sesuatu amanah dan yang akan digunakan mengikut syarat-syarat amanah itu;
- (c) jumlah wang yang dipegang oleh Persekutuan, iaitu wang yang telah diterima atau diuntukkan bagi maksud sesuatu kumpulanwang amanah yang ditubuhkan di bawah atau mengikut undang-undang persekutuan.

(4) Penyata tersebut hendaklah juga menunjukkan, setakat mana yang boleh, aset dan tanggungan Persekutuan pada akhir tahun kewangan yang baharu genap, caranya aset itu dilabur atau dipegang, dan maksud-maksud am yang tanggungan-tanggungan mengenainya belum selesai.

**100.** Perbelanjaan yang akan dibayar daripada Kumpulanwang Disatukan tetapi tidak dipertanggungkan kepadanya, melainkan perbelanjaan yang akan dibayar dengan jumlah-jumlah wang yang tersebut dalam Fasal (3) Perkara 99, hendaklah dimasukkan dalam suatu Rang Undang-undang dinamakan Rang Undang-undang Perbekalan yang menguntukkan pengeluaran wang-wang yang perlu daripada Kumpulanwang Disatukan itu untuk membayar perbelanjaan itu dan yang menguntukkan wang-wang itu bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalamnya.

Perbelanjaan tambahan dan perbelanjaan lebih.

**101.** Jika sekiranya didapati bagi sesuatu tahun kewangan—

- (a) jumlah wang yang diuntukkan oleh Akta Perbekalan bagi apa-apa maksud tidak mencukupi, atau bahawa keperluan telah timbul untuk melakukan perbelanjaan bagi sesuatu maksud yang wang tidak ada diuntukkan baginya oleh Akta Perbekalan; atau
- (b) apa-apa wang telah dibelanjakan bagi sesuatu maksud lebih daripada jumlah yang diuntukkan (jika ada) bagi maksud itu oleh Akta Perbekalan,

maka suatu anggaran tambahan menunjukkan jumlah-jumlah wang yang dikehendaki atau dibelanjakan itu hendaklah dibentangkan dalam Dewan Rakyat dan maksud-maksud bagi apa-apa perbelanjaan itu hendaklah dimasukkan dalam suatu Rang Undang-undang Perbekalan.

Kuasa membenarkan perbelanjaan masuk akaun atau bagi maksud-maksud yang tidak ditentukan.

**102.** Parlimen adalah berkuasa mengenai sesuatu tahun kewangan—

- (a) sebelum meluluskan Rang Undang-undang Perbekalan, membenarkan dengan undang-undang, perbelanjaan bagi sebahagian tahun itu;
- (b) membenarkan dengan undang-undang, perbelanjaan bagi seluruh atau sebahagian tahun itu dengan apa-apa cara yang lain daripada Perkara 99 hingga 101, jika Parlimen dapati perlu berbuat demikian itu oleh sebab besarnya atau umumnya sesuatu perkhidmatan itu atau oleh sebab hal keadaan luarbiasa yang mustahak disegerakan.

Kumpulan-wang Luar-jangka.

**103.** (1) Parlimen boleh dengan undang-undang membuat peruntukan bagi mewujudkan suatu Kumpulanwang Luar-jangka dan membenarkan Menteri yang bertanggungjawab atas kewangan membuat pendahuluan-pendahuluan daripada Kumpulanwang Luar-jangka itu bagi memenuhi keperluan perbelanjaan yang segera dan luar-jangka jika Parlimen berpuashati keperluan itu telah timbul dan tiada apa-apa peruntukan lain ada didapati bagi perbelanjaan itu.

(2) Jika apa-apa pendahuluan dibuat mengikut Fasal (1), suatu anggaran tambahan hendaklah disediakan dan suatu Rang Undang-undang Perbekalan dikemukakan dengan

seberapa segera yang boleh bagi maksud mengganti jumlah wang yang didahulukan itu.

**104.** (1) Tertakluk kepada Fasal (2), tiada apa-apa wang boleh dikeluarkan daripada Kumpulanwang Disatukan melainkan jika wang-wang itu adalah—

Pengeluaran daripada Kumpulan-wang Disatukan.

- (a) dipertanggungkan kepada Kumpulanwang Disatukan; atau
- (b) dibenar dikeluarkan oleh Akta Perbekalan; atau
- (c) dibenar dikeluarkan di bawah Perkara 102.

(2) Fasal (1) tidaklah dipakai bagi apa-apa wang yang tersebut dalam Fasal (3) Perkara 99.

(3) Tiada apa-apa wang boleh dikeluarkan daripada Kumpulanwang disatukan kecuali mengikut cara yang diperuntukkan oleh undang-undang persekutuan.

**105.** (1) Maka hendaklah ada seorang Juru Odit Negara yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri dan selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja.

Juru Odit Negara.

(2) Seseorang yang telah memegang jawatan Juru Odit Negara boleh dilantik semula tetapi tidak boleh dilantik bagi apa-apa jawatan lain dalam perkhidmatan Persekutuan atau perkhidmatan sesuatu Negeri.

(3) Juru Odit Negara boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya tetapi tidak boleh di pecat daripada jawatan kecuali atas alasan-alasan dan dengan cara yang sama seperti seorang hakim Mahkamah Persekutuan.

(4) Parlimen hendaklah dengan undang-undang membuat peruntukan bagi saraan Juru Odit Negara, dan saraan yang dipertuntukkan itu hendaklah dipertanggungkan kepada Kumpulanwang Disatukan.

(5) Saraan dan lain-lain syarat jawatan (termasuk hak pencen) bagi Juru Odit Negara tidak boleh, selepas perlantikannya, dibuat apa-apa perubahan yang kurang baik baginya.

(6) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perkara ini, syarat-syarat perkhidmatan Juru Odit Negara hendaklah ditetapkan dengan undang-undang persekutuan dan, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan undang-undang persekutuan, oleh Yang di-Pertuan Agong.

Kuasa dan kewajipan Juru Odit Negara.

**106.** (1) Akaun-akaun bagi Persekutuan dan bagi Negeri-negeri hendaklah diudit oleh Juru Odit Negara, dan laporan dibuat olehnya.

(2) Juru Odit Negara hendaklah melaksanakan apa-apa kewajipan lain dan menjalankan apa-apa kuasa sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang persekutuan berhubung dengan akaun-akaun Persekutuan dan akaun-akaun Negeri-negeri dan berhubung dengan akaun-akaun pihakberkuasa-pihakberkuasa awam lain dan akaun-akaun badan-badan yang ditentukan dengan perintah yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong.

Pindaan bagi Perkara 106.

Laporan-laporan Juru Odit Negara.

**107.** (1) Juru Odit Negara hendaklah menghantar laporan-laporannya kepada Yang di-Pertuan Agong yang akan mengarahkan laporan-laporan itu dibentangkan dalam Dewan Rakyat.

(2) Satu naskhah mana-mana laporan itu mengenai akaun-akaun sesuatu Negeri atau mengenai akaun-akaun mana-mana pihak berkuasa awam yang menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh undang-undang Negeri, hendaklah dihantar kepada Raja atau Yang di-Pertua Negeri bagi Negeri itu yang akan mengarahkan laporan itu dibentangkan dalam Dewan Negeri itu.

Majlis Kewangan Negara.

**108.** (1) Maka hendaklah ada suatu Majlis Kewangan Negara yang mengandungi Perdana Menteri, Menteri-menteri lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Perdana Menteri dan seorang wakil dari tiap-tiap satu Negeri, yang dilantik oleh Raja atau Yang di-Pertua Negeri.

(2) Majlis Kewangan Negera hendaklah dipanggil bermesyuarat oleh Perdana Menteri beberapa kali yang difikirkannya perlu dan pada bila-bila masa diminta oleh wakli-wakli dari tiga buah Negeri atau lebih, tetapi sekurang-kurangnya satu mesyuarat hendaklah diadakan pada tiap-tiap dua belas bulan.

(3) Dalam sesuatu mesyuarat Majlis Kewangan Negara, Perdana Menteri boleh diwakili oleh Menteri persekutuan, dan Perdana Menteri, atau, jika Perdana Menteri tidak hadir, Menteri yang mewakilinya itu, hendaklah mengetahui mesyuarat itu.

(4) Adalah menjadi kewajipan Kerajaan Persekutuan berunding dengan Majlis Kewangan Negara berkenaan dengan—

- (a) pemberian yang akan diberi oleh Persekutuan kepada Negeri-negeri;
- (b) menyerahkan kepada Negeri-negeri kesemua atau apa-apa bahagian daripada pendapatan cukai atau bayaran persekutuan;
- (c) pinjaman tahunan yang dikehendaki oleh Persekutuan dan Negeri-negeri dan bagaimana Persekutuan dan Negeri-negeri itu menjalankan kuasa-kuasanya bagi meminjam wang;
- (d) memberi pinjaman kepada mana-mana Negeri;
- (e) membuat rancangan-rancangan pembangunan mengikut Perkara 92;
- (f) perkara-perkara yang tersebut dalam Butiran 7 (f) dan (g) Senarai Persekutuan;
- (g) apa-apa cadangan hendak mengemukakan suatu Rang Undang-undang untuk dijadikan undang-undang yang tersebut dalam Perkara 109 (2) atau Perkara 110 (3) atau (3A);
- (h) apa-apa perkara lain yang diperuntukkan oleh Perlembagaan ini atau oleh undang-undang persekutuan supaya rundingan diadakan mengenainya dengan Majlis Kewangan Negara.

(5) Kerajaan Persekutuan boleh berunding dengan Majlis Kewangan Negara mengenai apa-apa perkara lain, sama ada atau tidak perkara itu melibatkan soal-soal kewangan, dan Kerajaan sesuatu Negeri boleh berunding dengan Majlis itu mengenai apa-apa perkara yang menyentuh kedudukan kewangan Negeri itu.

**109.** (1) Persekutuan hendaklah memberi kepada tiap-tiap satu Negeri bagi tiap-tiap satu tahun kewangan—

- (a) pemberian, yang dinamakan pemberian mengikut bilangan orang yang dikira mengikut peruntukan-peruntukan Bahagian I Jadual Kesepuluh;
- (b) pemberian untuk menyenggara jalan-jalan Negeri, yang dinamakan pemberian jalan Negeri dan yang dikira mengikut peruntukan-peruntukan Bahagian II Jadual Kesepuluh.

Pemberian kepada Negeri-negeri.



(2) Parlimen boleh dari semasa ke semasa dengan undang-undang mengubah kadar-kadar pemberian mengikut bilangan orang; tetapi jika undang-undang itu akan menyebabkan kekurangan pemberian itu, peruntukan hendaklah dibuat dalam undang-undang itu supaya jumlah pemberian yang diterima oleh mana-mana Negeri bagi mana-mana tahun kewangan tidak kurang daripada sembilan puluh peratus daripada jumlah yang diterima oleh Negeri itu dalam tahun kewangan yang lalu.

(3) Parlimen boleh dengan undang-undang memberi pemberian bagi maksud-maksud tertentu kepada mana-mana Negeri mengikut apa-apa syarat sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang itu.

(4) Jumlah-jumlah yang dikehendaki untuk memberi pemberian yang tersebut dalam peruntukan-peruntukan yang di atas dalam Perkara ini hendaklah dipertanggungjawabkan kepada Kumpulanwang Disatukan.

(5) Jika, mengikut Perkara 103, suatu Kumpulanwang Luar-jangka diwujudkan, maka kuasa memberi pendahuluan-pendahuluan daripada Kumpulanwang itu bagi menemui keperluan perbelanjaan yang segera dan luar-jangka adalah termasuk kuasa memberi pendahuluan-pendahuluan itu kepada sesuatu Negeri bagi menemui keperluan yang sedemikian itu.

(6) Persekutuan hendaklah membayar masuk ke dalam suatu Kumpulanwang yang dinamakan Kumpulanwang Rizab Negeri—

(a) *(Dimansuhkan)*.

(b) bagi tiap-tiap tahun kewangan, apa-apa jumlah wang yang ditetapkan sebagai perlu oleh Kerajaan Persekutuan selepas berunding dengan Majlis Kewangan Negara;

dan Persekutuan boleh dari semasa ke semasa, selepas berunding dengan Majlis Kewangan Negara, memberi pemberian-pemberian daripada Kumpulanwang Rizab Negeri kepada mana-mana Negeri bagi maksud pembangunan atau amnya untuk menambah hasil Negeri itu.

**110.** (1) Tertakluk kepada Fasal (2), tiap-tiap satu Negeri hendaklah menerima segala pendapatan dari cukai, bayaran dan lain-lain punca hasil yang dinyatakan dalam Bahagian III Jadual Kesepuluh setakat mana yang dipungut, dilevi atau didapatkan dalam Negeri itu.

Menyerahkan cukai dan bayaran kepada Negeri-negeri.

(2) Parlimen boleh dari semasa ke semasa dengan undang-undang menggantikan mana-mana punca hasil yang dinyatakan dalam seksyen 1, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 12 atau 14 Bahagian III dalam Jadual Kesepuluh atau mana-mana punca hasil yang digantikan sedemikian, dengan suatu punca hasil lain yang pada keseluruhannya sama nilainya.

(3) Tiap-tiap satu Negeri hendaklah menerima, mengikut apa-apa syarat sebagaimana diperuntukkan oleh atau di bawah undang-undang persekutuan, sepuluh peratus atau apa-apa jumlah yang lebih besar sebagaimana diperuntukkan sedemikian daripada duti eksport atas timah yang dikeluarkan dalam Negeri itu.

(3A) Parlimen boleh dengan undang-undang memperuntukkan supaya tiap-tiap satu Negeri menerima, mengikut apa-apa syarat sebagaimana ditetapkan oleh atau di bawah undang-undang persekutuan, apa-apa bahagian sebagaimana ditetapkan oleh undang-undang itu daripada duti eksport atas galian (lain daripada timah) yang dikeluarkan dalam Negeri itu.

Dalam Perkara ini galian ertinya bijih galian, logam dan minyak galian.

(3B) Dengan tidak menyentuh kuasa untuk mengenakan syarat-syarat yang diberi oleh Fasal (3) atau (3A), Parlimen boleh dengan undang-undang membuat peruntukan bagi melarang atau menyekat dalam apa-apa hal, atau kecuali dalam apa-apa hal, sebagaimana diperuntukkan oleh atau di bawah undang-undang itu, daripada dilevi royalti atau bayaran-bayaran yang seumpamanya mengenai galian-galian (sama ada di bawah pajakan atau lain-lain suratcara atau di bawah mana-mana undang-undang Negeri, dan sama ada suratcara itu telah dibuat atau undang-undang itu diluluskan sebelum atau selepas berjalan kuatkuasa Fasal ini).

(4) Dengan tidak menyentuh peruntukan-peruntukan Fasal (1) hingga (3A), Parlimen boleh dengan undang-undang—

(a) menyerahkan kepada Negeri-negeri kesemua atau apa-apa bahagian daripada pendapatan apa-apa cukai atau bayaran yang didapatkan atau dilevi oleh Persekutuan; dan

(b) menyerahkan kepada Negeri-negeri tanggungjawab bagi memungut, bagi maksud-maksud Negeri, apa-apa cukai atau bayaran yang dibenarkan oleh undang-undang persekutuan.

(5) Jumlah-jumlah yang kena diterima oleh Negeri-negeri di bawah Fasal (1), (2), atau (4) tidak boleh dibayar masuk ke dalam Kumpulanwang Disatukan; dan jumlah-jumlah yang kena diterima oleh Negeri-negeri di bawah Fasal (3) dan (3A) hendaklah dipertanggungkan kepada Kumpulanwang Disatukan.

Sekatan meminjam.

**111.** (1) Persekutuan tidak boleh meminjam kecuali di bawah kuasa undang-undang persekutuan.

(2) Sesuatu Negeri tidak boleh meminjam kecuali di bawah kuasa undang-undang Negeri, dan undang-undang Negeri pula tidak boleh membenarkan sesuatu Negeri meminjam kecuali daripada Persekutuan atau, bagi tempoh tidak lebih daripada lima tahun, daripada sesuatu bank atau lain-lain sumber kewangan yang diluluskan bagi maksud itu oleh Kerajaan Persekutuan, dan tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Kerajaan Persekutuan.

(3) Sesuatu Negeri tidak boleh memberi apa-apa gerenti kecuali di bawah kuasa undang-undang Negeri, dan gerenti itu pula tidak boleh diberi kecuali dengan kelulusan Kerajaan Persekutuan dan tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang ditentukan olehnya.

Sekatan mengenai perubahan-perubahan dalam perjawatan Negeri.

**112.** (1) Tertakluk kepada Fasal (2), tiada sesuatu Negeri boleh, dengan tidak diluluskan oleh Persekutuan, membuat apa-apa tambahan kepada perjawatannya atau perjawatan bagi mana-mana jabatannya, atau mengubah kadar-kadar gaji dan pendapatan yang ditetapkan jika dengan berbuat demikian itu tanggungan Persekutuan mengenai pencen, ganjaran atau lain-lain elaun yang seumpamanya akan bertambah.

(2) Perkara ini tidaklah dipakai bagi—

(a) jawatan-jawatan tidak berpencen yang gaji maksimumnya tidak lebih daripada empat ratus ringgit sebulan atau apa-apa amaun lain sebagaimana yang ditetapkan dengan perintah oleh Yang di-Pertuan Agong; atau

(b) jawatan-jawatan berpencen yang gaji maksimumnya tidak lebih daripada seratus ringgit sebulan atau apa-apa amaun lain sebagaimana yang ditetapkan dengan perintah oleh Yang di-Pertuan Agong.

### *Bab 2—Pemakaian bagi Negeri-negeri Borneo*

**112A.** (1) Juru Odit Negara hendaklah menghantar laporan-laporannya mengenai akaun-akaun tiap-tiap satu Negeri Sabah atau Sarawak atau mengenai akaun-akaun mana-mana pihak berkuasa awam yang menjalankan kuasa-kuasa yang terletak padanya menurut undang-undang Negeri di mana-mana Negeri Sabah atau Sarawak itu, kepada Yang di-Pertuan Agong (yang akan mengarahkan laporan-laporan itu dibentangkan dalam Dewan Rakyat) dan kepada Yang di-Pertua Negeri itu; dan oleh yang demikian itu Fasal (2) Perkara 107 tidaklah dipakai mengenai laporan-laporan itu.

Odit Negeri di Negeri Borneo.

(2) Yang di-Pertua Negeri hendaklah mengarahkan mana-mana laporan yang dihantar kepadanya itu dibentangkan dalam Dewan Negeri.

(3) Kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan Juru Odit Negara berkenaan dengan akaun-akaun yang tersebut dalam Fasal (1) bagi apa-apa tempoh yang berakhir sebelum tahun 1969 hendaklah, di sesuatu Negeri Sabah atau Sarawak, dijalan dan disempurnakan bagi pihaknya oleh pegawai kanan jabatannya yang pada masa itu ditempatkan di Negeri yang berkenaan itu:

Dengan syarat bahawa pada masa pegawai kanan itu tidak ada atau tidak berupaya, atau dalam masa jawatannya kosong, kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan itu hendaklah dijalan dan disempurnakan oleh Juru Odit Negara atau mana-mana pegawai jabatannya yang ditetapkan olehnya.

**112B.** Fasal (2) Perkara 111 tidaklah menyekat kuasa sesuatu Negeri Sabah atau Sarawak untuk meminjam di bawah kuasa undang-undang Negeri dalam Negeri itu, jika Bank Negara Persekutuan yang ada pada masa itu meluluskan peminjaman itu.

Kuasa meminjam bagi Negeri-negeri Borneo.

Pemberian khas dan penyerahan hasil kepada Negeri-negeri Borneo.

**112c.** (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perkara 112d dan kepada apa-apa batasan yang dinyatakan dalam seksyen yang berkaitan dalam Jadual Kesepuluh—

(a) Persekutuan hendaklah memberi kepada Negeri-negeri Sabah dan Sarawak bagi tiap-tiap tahun kewangan pemberian yang dinyatakan dalam Bahagian IV Jadual itu; dan

(b) tiap-tiap satu Negeri Borneo hendaklah menerima segala pendapatan dari cukai, bayaran dan diu yang dinyatakan dalam Bahagian V Jadual itu, setakat mana yang dipungut, diveli atau didapatkan dalam Negeri itu atau apa-apa bahagian daripada pendapatan itu sebagaimana dinyatakan dalam Bahagian V Jadual itu.

(2) Jumlah-jumlah yang dikehendaki untuk memberi pemberian-pemberian yang dinyatakan dalam Bahagian IV itu, dan jumlah-jumlah yang kena diterima oleh sesuatu Negeri Sabah atau Sarawak di bawah seksyen 3 atau 4 dalam Bahagian V itu, hendaklah dipertanggungkan kepada Kumpulanwang Disatukan; dan jumlah-jumlah yang kena diterima oleh sesuatu Negeri Borneo di bawah mana-mana seksyen lain dalam Bahagian V tidak boleh dibayar masuk ke dalam Kumpulanwang Disatukan.

(3) Dalam Perkara 110, Fasal (3A) dan (4) tidak boleh dipakai bagi sesuatu Negeri Sabah atau Sarawak.

(4) Tertakluk kepada Fasal (5) Perkara 112d, mengenai sesuatu Negeri Sabah atau Sarawak, Fasal (3B) Perkara 110—

(a) hendaklah dipakai mengenai segala galian, termasuk minyak galian; tetapi

(b) tidak memberi kuasa kepada Parlimen melarang Negeri itu daripada melewi royalti ke atas apa-apa galian atau untuk menyekat royalti daripada dilevi oleh Negeri itu dalam apa-apa hal jika dengan sekatan itu Negeri itu tidak berhak menerima royalti berjumlah sepuluh peratus ad valorem (yang dikira bagi maksud duti eksport).

**112d.** (1) Pemberian-pemberian yang dinyatakan dalam seksyen 1 dan seksyen-kecil (1) seksyen 2 Bahagian IV dalam Jadual Kesepuluh, dan apa-apa pemberian gantian atau apa-apa pemberian tambahan yang diberi menurut Fasal ini, hendaklah diulangkaji oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri atau Kerajaan Negeri yang

Mengulang-kaji pemberian-pemberian khas kepada Negeri-negeri Borneo.

berkenaan itu, mengikut lat-tempoh yang tersebut dalam Fasal (4) dan jika Kerajaan-kerajaan itu bersetuju mana-mana pemberian itu diubah atau dihapuskan, atau memberi pemberian yang lain sebagai menggantikan atau berserta dengan pemberian-pemberian itu atau mana-mana satu daripada pemberian-pemberian itu maka Bahagian IV dan Fasal (2) Perkara 112c itu hendaklah diubahsuai dengan perintah Yang di-Pertuan Agong sebagaimana yang perlu untuk menguatkuasakan persetujuan itu:

Dengan syarat bahawa pada masa ulangkaji yang pertama pemberian yang dinyatakan dalam seksyen-kecil (2) seksyen 1 dalam Bahagian IV itu tidak boleh dipersoalkan kecuali bagi maksud menetapkan jumlah-jumlah bagi lima tahun yang berikutnya.

(2) Sesuatu ulangkaji di bawah Perkara ini hendaklah mengambilkira kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan, serta juga keperluan-keperluan bagi Negeri-negeri atau Negeri yang berkenaan, tetapi (tertakluk kepada itu) hendaklah berusaha memastikan supaya hasil Negeri itu cukup untuk membayar belanja perkhidmatan Negeri sebagaimana yang ada pada masa ulangkaji itu, dengan apa-apa peruntukan yang didapati berpatutan untuk memperbesar perkhidmatan-perkhidmatan itu.

(3) Peruntukan yang dikehendaki dibuat pada sesuatu ulangkaji ialah bagi tempoh lima tahun atau (kecuali bagi ulangkaji yang pertama) bagi tempoh yang lebih lama sebagaimana dipersetujui antara Persekutuan dengan Negeri-negeri atau Negeri yang berkenaan itu; tetapi apa-apa perintah di bawah Fasal (1) yang menguatkuasakan keputusan-keputusan sesuatu ulangkaji hendaklah terus berkuatkuasa selepas habis tempoh itu, kecuali setakat mana perintah itu diatasi oleh suatu perintah lain di bawah Fasal itu.

(4) Ulangkaji di bawah Perkara ini tidak boleh dijalankan lebih awal daripada yang menasabah perlu supaya keputusan-keputusan ulangkaji itu boleh dikuatkuasakan mulai dari akhir tahun 1968 atau, bagi ulangkaji kali kedua atau yang kemudiannya, mulai dari akhir tempoh yang diperuntukkan oleh ulangkaji yang lalu itu; tetapi, tertakluk kepada itu, ulangkaji-ulangkaji bagi kedua-kedua Negeri Sabah dan Sarawak hendaklah diadakan bagi tempoh-tempoh bermula dengan tahun 1969 dan dengan tahun 1974, dan selepas daripada itu bagi mana-

mana Negeri itu, pada bila-bila masa (dalam masa atau selepas tempoh yang diperuntukkan pada ulangkaji yang lalu itu) sebagaimana yang dikehendaki oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri itu.

(5) Jika dalam sesuatu ulangkaji di bawah Perkara ini Kerajaan Persekutuan memberitahu Negeri-negeri atau Negeri yang berkenaan tentang maksudnya hendak mengubah mana-mana penyerahan hasil di bawah Bahagian V Jadual Kesepuluh (termasuk apa-apa penyerahan gantian atau penyerahan tambahan yang dibuat menurut kuasa Fasal ini), atau tentang maksudnya hendak mengubah Fasal (4) Perkara 112c maka ulangkaji itu hendaklah mengambil kira perubahan itu, dan peruntukan hendaklah dibuat dengan perintah Yang di-Pertuan Agong supaya perubahan itu dikuatkuasakan mulai dari permulaan tempoh yang diperuntukkan dalam ulangkaji itu:

Dengan syarat bahawa Fasal ini tidak boleh dipakai bagi penyerahan-penyerahan di bawah seksyen 4, 7 dan 8, dan juga bagi penyerahan-penyerahan di bawah seksyen 5 atau 6 hingga ulangkaji kali kedua.

(6) Jika dalam sesuatu ulangkaji Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan sesuatu Negeri tidak dapat mencapai persetujuan atas apa-apa perkara, maka perkara itu hendaklah dirujuk kepada pentaksir bebas, dan syor-syor pentaksir bebas itu mengenai perkara itu hendaklah mengikat kedua-dua Kerajaan yang berkenaan itu dan hendaklah dikuatkuasakan seolah-olah syor-syor itu adalah persetujuan antara Kerajaan-kerajaan yang berkenaan itu.

(7) Fasal (4) Perkara 108 tidaklah dipakai bagi mewajibkan Kerajaan Persekutuan berunding dengan Majlis Kewangan Negara mengenai perkara-perkara yang berbangkit di bawah Perkara ini.

(8) Apa-apa perintah yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah Perkara ini hendaklah dibentangkan dalam tiap-tiap satu Majlis Parlimen.

**112e.** *(Dimansuhkan).*

## BAHAGIAN VIII

### PILIHANRAYA

Penjalanan  
Pilihanraya.

**113.** (1) Maka hendaklah ada sesuatu Suruhanjaya Pilihanraya yang ditubuhkan mengikut Perkara 114, dan yang akan menjalankan pilihanraya bagi Dewan Rakyat dan

Dewan Negeri serta menyedia dan menyemak daftar-daftar pemilih untuk pilihanraya itu tertakluk kepada peruntukan undang-undang persekutuan.

(2) Suruhanjaya Pilihanraya hendaklah mengulangkaji pembahagian bahagian-bahagian pilihanraya bagi Persekutuan dan Negeri-negeri pada lat-tempoh tidak lebih daripada sepuluh tahun dan, tertakluk kepada Fasal (3), tidak kurang daripada lapan tahun, serta mengesyorkan apa-apa perubahan yang difikirkannya perlu tentang pembahagian itu untuk mematuhi peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Jadual Ketiga belas; dan ulangkaji mengenai bahagian-bahagian pilihanraya bagi maksud pilihanraya Dewan Negeri hendaklah dijalankan serentak dengan ulangkaji mengenai bahagian-bahagian pilihanraya bagi maksud pilihanraya Dewan Rakyat.

(3) Jika pada pendapat Suruhanjaya Pilihanraya ulangkaji yang tersebut dalam Fasal (2) adalah perlu dijalankan oleh sebab suatu undang-undang yang dibuat di bawah Perkara 2, maka Suruhanjaya itu hendaklah menjalankan ulangkaji itu sama ada atau tidak lapan tahun telah luput semenjak ulangkaji yang akhir dijalankan di bawah Fasal itu.

(4) Undang-undang persekutuan atau undang-undang Negeri boleh memberi kuasa kepada Suruhanjaya Pilihanraya menjalankan apa-apa pilihanraya yang lain daripada pilihanraya yang dinyatakan dalam Fasal (1).

(5) Suruhanjaya Pilihanraya boleh membuat kaedah-kaedah setakat mana yang perlu bagi maksud tugas-tugasnya di bawah Perkara ini, tetapi mana-mana kaedah itu hendaklah berkuatkuasa tertakluk kepada peruntukan-peruntukan undang-undang persekutuan.

(6) Ulangkaji yang berasing-asing di bawah Fasal (2) hendaklah dijalankan bagi Negeri-negeri Tanah Melayu dan bagi tiap-tiap satu Negeri Sabah dan Sarawak, dan bagi maksud-maksud Bahagian ini perbincangan "yunit ulangkaji" ertinya, bagi bahagian-bahagian pilihanraya persekutuan, kawasan yang diulangkaji dan, bagi bahagian-bahagian pilihanraya Negeri, ertinya Negeri itu.

(7) Tertakluk kepada Fasal (3), tempoh ulangkaji yang pertama di bawah Fasal (2) bagi mana-mana yunit ulangkaji hendaklah dikira dari masa bahagian-bahagian pilihanraya bagi yunit itu mula-mula dipersempadankan di bawah Perlembagaan ini atau di bawah Akta Malaysia.

**114.** (1) Suruhanjaya Pilihanraya hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja, dan hendaklah mengandungi seorang, pengerusi Timbalan dan tiga orang ahli lain.

(2) Pada melantik ahli-ahli Suruhanjaya Pilihanraya, Yang di-Pertuan Agong hendaklah memandang kepada mustahaknya diadakan suatu Suruhanjaya Pilihanraya yang mendapat kepercayaan awam.

(3) Seseorang ahli Suruhanjaya Pilihanraya adalah terhenti memegang jawatan apabila mencapai umur enam puluh lima tahun atau apabila hilang kelayakan di bawah Fasal (4) dan boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dengan mengutus surat yang ditandatangani olehnya kepada Yang di-Pertuan Agong, tetapi tidak boleh dipecat daripada jawatan kecuali atas alasan-alasan dan dengan cara yang sama seperti seorang hakim Mahkamah Persekutuan.

(4) Walau apapun peruntukan Fasal (3), Yang di-Pertuan Agong boleh dengan perintah memecat mana-mana ahli Suruhanjaya Pilihanraya daripada jawatan jika ahli itu—

- (a) adalah seorang bankrap yang belum dilepaskan; atau
- (b) bertugas dalam apa-apa jawatan atau pekerjaan bergaji luar daripada kewajipan-kewajipan jawatannya; atau
- (c) adalah seorang ahli mana-mana Majlis Parlimen atau Dewan Negeri.

(4A) Hilang kelayakan dalam perenggan (b) Fasal (4) tidaklah terpakai jika pertubuhan atau badan itu menjalankan apa-apa kerja kebajikan atau sukarela atau tujuan yang berfaedah kepada masyarakat atau mana-mana bahagiannya, atau apa-apa kerja atau tujuan lain berupa khairat atau sosial, dan anggota itu tidak menerima atau mendapat apa-apa saraan, hadiah, untung atau faedah daripadanya.

(5) Parlimen hendaklah dengan undang-undang membuat peruntukan bagi saraan ahli-ahli Suruhanjaya Pilihanraya, dan saraan yang diperuntukkan sedemikian hendaklah dipertanggungjawabkan kepada Kumpulanwang Disatukan.

(5A) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perkara ini, Parlimen boleh dengan undang-undang membuat peruntukan bagi syarat-syarat jawatan ahli-ahli Suruhanjaya Pilihanraya selain daripada saraan mereka.

(6) Saraan dan lain-lain syarat jawatan bagi seseorang ahli Suruhanjaya Pilihanraya tidak boleh, selepas perantikannya, dibuat apa-apa perubahan yang kurang baik baginya.

(7) Jika, dalam masa sesuatu tempoh, pengerusi Suruhanjaya Pilihanraya telah diberi kebenaran bercuti oleh Yang di-Pertuan Agong atau adalah tidak berupaya, oleh kerana ianya tidak ada dalam Persekutuan, sakit atau apa-apa sebab lain, untuk menjalankan tugas-tugasnya, maka timbalan pengerusi hendaklah menjalankan fungsi pengerusi dalam masa tempoh itu, dan jika timbalan pengerusi fungsi juga tidak ada atau tidak berupaya menjalankan fungsi itu, maka seorang anggota Suruhanjaya Pilihanraya boleh dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong untuk menjalankan fungsi pengerusi itu dalam masa tempoh itu.

**115.** (1) Suruhanjaya Pilihanraya boleh mengambil bekerja beberapa orang mengikut dan tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang ditetapkan olehnya dengan persetujuan Yang di-Pertuan Agong.

Bantuan  
kepada  
Suruhanjaya  
Pilihanraya.

(2) Atas permintaan Suruhanjaya, semua pihak berkuasa awam hendaklah memberi apa-apa bantuan yang boleh kepada Suruhanjaya dalam melaksanakan kewajipan-kewajipannya; dan pada menjalankan tugas-tugasnya bagi membuat syor-syor untuk mempersempadan bahagian-bahagian pilihanraya-pilihanraya yang tersebut dalam Perkara 113 (1) Suruhanjaya hendaklah meminta nasihat daripada dua orang pegawai Kerajaan Persekutuan yang ada mempunyai pengetahuan khas mengenai topografi dan taburan penduduk dalam unit ulangkaji untuk pilihanraya persekutuan itu, dan pegawai-pegawai itu hendaklah dipilih bagi maksud itu oleh Yang di-Pertuan Agong.

**116.** (1) Bagi memilih ahli-ahli Dewan Rakyat, sesuatu unit ulangkaji hendaklah dibahagi kepada beberapa bahagian pilihanraya mengikut peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Jadual Ketiga belas.

Bahagian  
pilihanraya  
Persekutuan.

(2) Jumlah bilangan bahagian-bahagian pilihanraya hendaklah sama dengan bilangan ahli-ahli supaya seorang ahli dipilih bagi tiap-tiap satu bahagian pilihanraya, dan

daripada jumlah bilangan bahagian-pilihanraya dalam Negeri-negeri Tanah Melayu itu sebilangan yang ditetapkan mengikut peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Jadual Ketiga belas hendaklah diuntukkan bagi tiap-tiap satu Negeri.

(3) *(Dimansuhkan).*

(4) *(Dimansuhkan).*

(5) *(Dimansuhkan).*

Bahagian  
pilihanraya  
Negeri.

**117.** Bagi memilih ahli-ahli Dewan Negeri bagi sesuatu Negeri, Negeri itu hendaklah dibahagi kepada beberapa bahagian-pilihanraya mengikut bilangan ahli-ahli yang dipilih supaya seorang ahli dipilih bagi tiap-tiap satu bahagian-pilihanraya; dan pembahagian itu hendaklah dibuat mengikut peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Jadual Ketiga belas.

Cara  
mencabar  
pemilihan.

**118.** Tiada sesuatu pilihanraya bagi Dewan Rakyat atau Dewan Negeri boleh dipersoal kecuali dengan rayuan pilihanraya yang diserahkan kepada Mahkamah Tinggi yang mempunyai bidangkuasa di tempat pilihanraya itu diadakan.

Cara  
mempersoal  
rayuan  
pilihanraya  
mengenai  
tidak adanya  
pemilihan.

**118A.** Sesuatu rayuan yang mengadukan hal bahawa tiada apa-apa pemilihan telah dibuat bagi Dewan Rakyat hendaklah disifatkan sebagai suatu rayuan pilihanraya dan Mahkamah Tinggi boleh membuat apa-apa perintah yang difikirkannya patut mengenainya untuk memaksa suatu pemilihan dibuat tetapi jika pemilihan tidak dibuat dalam tempoh yang dinyatakan oleh Perkara 54 atau 55 maka itu tidaklah menjadi suatu alasan untuk mengisytiharkan bahawa seseorang ahli tidak dipilih dengan sempurna.

Kelayakan  
pemilih-  
pemilih.

**119.** (1) Tiap-tiap warganegara yang —

(a) telah mencapai umur dua puluh satu tahun pada tarikh kelayakan; dan

(b) bermastautin dalam sesuatu bahagian-pilihanraya pada tarikh kelayakan itu atau, jika tidak bermastautin sedemikian, adalah seorang pengundi tak hadir,

adalah berhak mengundi dalam bahagian-pilihanraya itu dalam sesuatu pilihanraya bagi Dewan Rakyat atau Dewan Negeri melainkan jika ia hilang kelayakan di bawah Fasal (3) atau di bawah mana-mana undang-undang berhubung

dengan kesalahan-kesalahan yang dilakukan berkenaan dengan pilihanraya; tetapi tiada sesiapa pun boleh mengundi dalam pilihanraya yang itu juga, dalam lebih daripada satu bahagian-pilihanraya.

(2) Jika seseorang berada dalam sesuatu bahagian-pilihanraya semata-mata oleh sebab ianya adalah seorang pesakit dalam sesuatu tempat yang disenggarakan semua sekali atau pada keseluruhannya untuk menerima dan merawat orang-orang yang mengidap sakit otak atau cacat otak atau semata-mata oleh sebab ianya ditahan dalam jagaan maka ia hendaklah bagi maksud Fasal (1) disifatkan sebagai tidak bermastautin dalam bahagian-pilihanraya itu.

(3) Seseorang adalah hilang-kelayakan untuk menjadi pemilih dalam sesuatu pilihanraya bagi Dewan Rakyat atau Dewan Negeri jika—

(a) pada tarikh kelayakan ia adalah ditahan sebagai seorang yang tidak sempurna akal atau adalah menjalani hukuman penjara; atau

(b) sebelum tarikh kelayakan ia telah disabitkan suatu kesalahan dalam mana-mana bahagian komanwel dan dijatuhkan hukum bunuh atau hukum penjara selama tempoh lebih daripada dua belas bulan dan pada tarikh kelayakan ia masih tertanggung menjalani apa-apa hukuman bagi kesalahan itu.

(4) Dalam Perkara ini "tarikh kelayakan" ertinya tarikh yang menurutnya daftar-daftar pemilih adalah disediakan atau disemak, dan "pengundi tak hadir", mengenai sesuatu bahagian-pilihanraya, ertinya mana-mana warganegara yang didaftarkan sebagai seorang pengundi tak hadir bagi bahagian-pilihanraya itu di bawah peruntukan mana-mana undang-undang berhubung dengan pilihanraya.

**120.** Jika menurut Perkara 45 (4) peruntukan adalah dibuat oleh Parlimen supaya ahli-ahli Dewan Negara dipilih dengan undi terus oleh pemilih-pemilih maka—

Pemilihan  
terus bagi  
Dewan  
Negara.

(a) seluruh sesuatu Negeri hendaklah menjadi satu bahagian pilihanraya dan dalam sesuatu pilihanraya bagi Dewan Negara tiap-tiap seorang pemilih hendaklah mempunyai undi sebanyak bilangan kerusi yang hendak dipenuhi dalam pilihanraya itu; dan

- (b) daftar-daftar pemilih untuk pilihanraya Dewan Rakyat hendaklah juga menjadi daftar-daftar pemilih untuk pilihanraya Dewan Negara; dan
- (c) Perkara 118, 118A dan 119 hendaklah dipakai bagi pilihanraya Dewan Negara sebagaimana Perkara-perkara itu dipakai bagi pilihanraya Dewan Rakyat.

BAHAGIAN IX  
PERHAKIMAN

Kuasa kehakiman bagi Persekutuan.

**121.** (1) Tertakluk kepada Fasal (2) kuasa kehakiman bagi Persekutuan adalah terletak pada dua Mahkamah Tinggi yang selaras bidangkuasa dan tarafnya, iaitu—

- (a) satu di Negeri-negeri Tanah Melayu, yang dinamakan Mahkamah Tinggi di Malaya dan yang mempunyai ibu pejabat pendaftarannya di Kuala Lumpur; dan
- (b) satu di Negeri-negeri Sabah dan Sarawak, yang dinamakan Mahkamah Tinggi di Borneo dan yang mempunyai ibu pejabat pendaftarannya di mana-mana tempat di Negeri-negeri Sabah dan Sarawak sebagaimana ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong;

(c) *(Dimansuhkan);*

dan juga pada mana-mana mahkamah bawahan sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang persekutuan.

(2) Bidangkuasa yang berikut hendaklah terletak pada suatu mahkamah yang dinamakan Mahkamah Persekutuan dan yang mempunyai ibu pejabat pendaftarannya di Kuala Lumpur, iaitu—

- (a) bidangkuasa tersendiri bagi memutuskan rayuan-rayuan terhadap keputusan-keputusan Mahkamah Tinggi atau keputusan-keputusan seseorang hakimnya (kecuali keputusan-keputusan Mahkamah Tinggi yang diberi oleh pendaftar atau lain-lain pegawai mahkamah itu dan yang boleh dirayukan kepada seorang hakim Mahkamah itu di bawah undang-undang persekutuan); dan

- (b) apa-apa bidangkuasa asal atau bidangkuasa menasihah sebagaimana dinyatakan dalam Perkara 128 dan 130.

(3) Tertakluk kepada apa-apa batasan yang dikenakan oleh atau di bawah undang-undang persekutuan, apa-apa perintah, dikri, hukuman atau proses daripada mahkamah-mahkamah yang dinyatakan dalam Fasal (1) atau daripada mana-mana hakimnya hendaklah (setakat mana keadaannya membenarkan) berkuatkuasa sepenuhnya mengikut maksudnya di seluruh Persekutuan dan boleh dilaksana atau dikuatkuasakan di mana-mana bahagian Persekutuan sewajarnya; dan undang-undang persekutuan boleh membuat peruntukan supaya mahkamah-mahkamah disatu bahagian Persekutuan atau pegawai-pegawai mahkamah itu bertindak pada membantu mahkamah-mahkamah di suatu bahagian lain.

(4) Pada menentukan tempat di mana akan diadakan ibu pejabat pendaftaran Mahkamah Tinggi di Borneo, Yang di-Pertuan Agong hendaklah bertindak atas nasihat Perdana Menteri yang akan meminta fikiran Ketua-ketua Menteri bagi Negeri-negeri Borneo dan Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Borneo.

**122.** (1) Mahkamah Persekutuan hendaklah mengandungi seseorang yang Dipertua Mahkamah (yang digelar "Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan"), Hakim-hakim Besar Mahkamah-mahkamah Tinggi dan, selainnya diperuntukkan dengan perintah oleh Yang di-Pertuan Agong, empat orang hakim lain dan beberapa orang hakim tambahan sebagaimana yang dilantik menurut Fasal (1A).

Keanggotaan Mahkamah Persekutuan.

(1A) Walau apapun peruntukan yang terkandung dalam Perlembagaan ini, Yang di-Pertuan Agong apabila bertindak atas nasihat Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan boleh melantik seseorang yang telah memegang jawatan kehakiman yang tinggi di Malaysia menjadi seorang hakim tambahan bagi Mahkamah Persekutuan bagi apa-apa maksud atau bagi apa-apa tempoh yang dinyatakan olehnya:

Dengan syarat bahawa seseorang hakim tambahan itu tidaklah menjadi tidak layak memegang jawatan dengan sebab ia telah mencapai umur enam puluh lima tahun.

(2) Seseorang hakim Mahkamah Tinggi, lain daripada Hakim Besar, boleh bersidang sebagai seorang hakim

Mahkamah Persekutuan jika pada pendapat Ketua Hakim Negara, kepentingan-kepentingan keadilan memerlukan sedemikian dan hakim itu hendaklah dinamakan bagi maksud itu (apabila perlu) oleh Ketua Hakim Negara.

**122A.** (1) Tiap-tiap satu Mahkamah Tinggi hendaklah mengandungi seorang Hakim Besar dan tidak kurang daripada empat orang hakim yang lain; tetapi sehingga selainnya diperuntukkan dengan perintah oleh Yang di-Pertuan Agong bilangan hakim-hakim yang lain tidak boleh lebih daripada—

(a) dua belas (sekarang lima belas—lihat P.U. (B) 83/1969), dan

(b) lapan, di Mahkamah Tinggi di Borneo.

(c) *(Dimansuhkan)*.

(2) Seseorang yang berkelayakan dilantik sebagai seorang hakim Mahkamah Tinggi boleh bersidang sebagai seorang hakim mahkamah itu, jika ditetapkan bagi maksud itu (apabila perlu) mengikut Perkara 122B.

(3) Untuk menyegerakan urusan Mahkamah Tinggi di Borneo disesuatu kawasan di mana seorang hakim mahkamah itu tidak ada pada masa itu untuk menjalankan urusan mahkamah itu, Yang di-Pertuan Agong apabila bertindak atas nasihat Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan, atau, bagi sesuatu kawasan di mana-mana satu Negeri Borneo, Yang di-Pertua Negeri itu apabila bertindak atas nasihat Hakim Besar mahkamah itu, boleh dengan perintah melantik seorang peguam atau seorang yang berkelayakan dari segi profesion diterima sebagai seorang peguam mahkamah itu menjadi pesuruhjaya kehakiman di kawasan itu bagi apa-apa tempoh atau bagi apa-apa maksud sebagaimana dinyatakan dalam perintah itu.

(4) Tertakluk kepada apa-apa batasan atau syarat yang dikenakan oleh perintah yang melantiknya, seseorang pesuruhjaya kehakiman adalah berkuasa, di kawasan yang baginya ia dilantik itu, menjalankan apa-apa tugas hakim Mahkamah Tinggi di Borneo, yang pada pendapatnya, perlu dijalankan dengan tidak lengah; dan apa-apa perkara yang dilakukan oleh seseorang pesuruhjaya kehakiman apabila bertindak mengikut perantikannya adalah sama sah dan sama kuatkuasanya seolah-olah perkara itu dilakukan oleh seorang hakim mahkamah itu, dan mengenai apa-apa

perkara yang dilakukan itu adalah mempunyai kuasa yang sama dan menikmati imuniti yang sama seolah-olah ia adalah seorang hakim mahkamah itu.

(5) Untuk menyegerakan urusan Mahkamah Tinggi di Malaya, Yang di-Pertuan Agong, apabila bertindak atas nasihat Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan, boleh dengan perintah melantik seseorang yang berkelayakan untuk dilantik sebagai hakim Mahkamah Tinggi untuk menjadi pesuruhjaya kehakiman bagi apa-apa tempoh atau apa-apa maksud sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu; dan orang yang dilantik sedemikian adalah mempunyai kuasa untuk menjalankan apa-apa tugas Hakim Mahkamah Tinggi di Malaya yang, pada pendapatnya, perlu dijalankan; dan apa-apa perkara yang dilakukan olehnya apabila bertindak mengikut perantikannya adalah sama sah dan sama kuatkuasanya seolah-olah dilakukan oleh seorang hakim mahkamah itu, dan mengenai apa-apa perkara yang dilakukan itu ia adalah mempunyai kuasa yang sama dan menikmati imuniti yang sama seolah-olah ia adalah seorang hakim mahkamah itu.

**122B.** (1) Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan, Hakim-hakim Besar Mahkamah Tinggi dan (tertakluk kepada Perkara 122C) hakim-hakim yang lain bagi Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah-mahkamah Tinggi hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong, apabila bertindak atas nasihat Perdana Menteri, setelah berunding dengan Majlis Raja-Raja.

Perlantikan hakim-hakim bagi Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Tinggi.

(2) Sebelum memberi nasihatnya di bawah Fasal (1) tentang perlantikan seseorang hakim, lain daripada Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan, Perdana Menteri hendaklah meminta fikiran Ketua Hakim Negara.

(3) Sebelum memberi nasihatnya di bawah Fasal (1) tentang perlantikan Hakim Besar Mahkamah Tinggi, Perdana Menteri hendaklah meminta fikiran Hakim Besar tiap-tiap satu Mahkamah Tinggi dan, jika perlantikan itu adalah bagi Mahkamah Tinggi di Borneo, Perdana Menteri hendaklah meminta fikiran Ketua Menteri bagi tiap-tiap satu negeri Sabah dan Sarawak.

(4) Sebelum memberi nasihatnya di bawah Fasal (1) tentang perlantikan seseorang hakim, lain daripada Ketua Hakim Negara atau Hakim Besar, maka, jika perlantikan itu adalah bagi Mahkamah Persekutuan Perdana Menteri hendaklah meminta fikiran Hakim Besar tiap-tiap satu



Mahkamah Tinggi itu, Perdana Menteri hendaklah meminta fikiran Hakim Besar mahkamah itu.

(5) Perkara ini hendaklah dipakai bagi menetapkan seseorang yang akan bersidang sebagai hakim Mahkamah Tinggi di bawah Perkara 122A (2) sebagaimana Perkara ini dipakai bagi melantik seseorang hakim mahkamah itu, lain daripada Hakim Besar.

**122c.** Perkara 122B tidaklah dipakai mengenai pertukaran seseorang hakim dari suatu Mahkamah Tinggi ke suatu Mahkamah Tinggi lain, melainkan pertukaran itu adalah pertukaran Hakim Besar atau pertukaran sebagai Hakim Besar; dan pertukaran itu boleh diperintah oleh Yang di-Pertuan Agong, atas syor Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan, setelah meminta fikiran Hakim-hakim Besar bagi kedua-dua Mahkamah Tinggi itu.

**123.** Seseorang adalah berkelayakan dilantik di bawah Perkara 122B sebagai hakim Mahkamah Persekutuan atau sebagai hakim mana-mana Mahkamah Tinggi jika—

- (a) ia adalah seorang warganegara; dan
- (b) dalam masa sepuluh tahun sebelum perlantikannya ia telah menjadi peguam bagi mahkamah-mahkamah tersebut atau mana-mana satu daripada mahkamah itu ataupun menjadi anggota bagi perkhidmatan kehakiman dan undang-undang Persekutuan atau perkhidmatan undang-undang sesuatu Negeri, atau pada suatu masa menjadi sebagai peguam dan pada suatu masa lain berkhidmat sebagai anggota perkhidmatan kehakiman dan undang-undang Persekutuan.

**124.** (1) Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan, sebelum menjalankan tugas jawatannya hendaklah mengangkat dan menandatangani di hadapan Yang di-Pertuan Agong suatu sumpah jawatan dan ta'at setia yang dinyatakan dalam Jadual Keenam.

(2) Hakim Mahkamah Persekutuan atau hakim Mahkamah Tinggi, lain daripada Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan, sebelum menjalankan tugas-tugas hakim, hendaklah mengangkat dan menandatangani sumpah itu mengenai kewajipan-kewajipan kehakimannya dalam apa-apa jua jawatan, dan, setelah berbuat demikian, ia tidaklah dikehendaki mengangkat sumpah itu lagi apabila

dilantik atau bertukar kesuatu jawatan kehakiman lain yang bukan jawatan Ketua Hakim Negara.

(3) Seseorang yang mengangkat sumpah apabila menjadi Hakim Besar Mahkamah Tinggi hendaklah mengangkat sumpah itu di hadapan hakim Mahkamah Tinggi itu yang kanan yang ada, melainkan jika orang itu mengangkat sumpah itu mengikut Fasal (4) sebagai hakim Mahkamah Persekutuan.

(4) Tertakluk kepada Fasal (3), seseorang yang mengangkat sumpah apabila menjadi seorang hakim Mahkamah Persekutuan hendaklah mengangkat sumpah itu di hadapan Ketua Hakim Negara atau, jika Ketua Hakim Negara tidak ada, di hadapan hakim Mahkamah Persekutuan yang kanan selepasnya yang ada.

(5) Seseorang yang mengangkat sumpah apabila menjadi hakim Mahkamah Tinggi (tetapi bukan Hakim Besar) hendaklah mengangkat sumpah itu di hadapan Hakim Besar mahkamah itu atau, jika Hakim Besar tidak ada, di hadapan hakim Mahkamah Tinggi itu yang kanan selepasnya yang ada.

**125.** (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Fasal (2) hingga (5), seseorang hakim Mahkamah Persekutuan hendaklah memegang jawatan sehingga ia mencapai umur enam puluh lima tahun atau sehingga suatu masa kemudiannya sebagaimana diluluskan oleh Yang di-Pertuan Agong, tetapi masa itu tidak boleh terkemudian daripada enam bulan selepas ia mencapai umur enam puluh lima tahun.

(2) Seseorang hakim Mahkamah Persekutuan boleh meletakkan jawatannya pada bila-bila masa dengan mengutus surat yang ditandatangani olehnya kepada Yang di-Pertuan Agong tetapi ia tidak boleh dipecat daripada jawatan kecuali mengikut peruntukan-peruntukan Perkara ini yang berikut.

(3) Jika Perdana Menteri, atau Ketua Hakim Negara selepas berunding dengan Perdana Menteri, merayu kepada Yang di-Pertuan Agong menyatakan bahawa seseorang hakim Mahkamah Persekutuan patut dipecat oleh kerana kelakuannya tidak baik atau oleh kerana ia tidak berupaya, oleh sebab kelemahan tubuh atau otak atau apa-apa sebab lain, menyempurnakan tugas jawatannya dengan sepatutnya, maka Yang di-Pertuan Agong hendaklah

Tempoh memegang jawatan dan saraan bagi hakim Mahkamah Persekutuan.

Pertukaran hakim dari suatu Mahkamah Tinggi kesuatu Mahkamah Tinggi lain.

Kelayakan hakim-hakim Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Tinggi.

Sumpah jawatan hakim.

melantik suatu tribunal mengikut Fasal (4) dan merujuk rayuan itu kepadanya; dan atas syor tribunal itu, Yang di-Pertuan Agong boleh memecat hakim itu daripada jawatan.

(4) Tribunal tersebut hendaklah mengandungi tidak kurang daripada lima orang yang memegang atau telah memegang jawatan sebagai hakim Mahkamah Persekutuan atau Mahkamah Tinggi, atau sebelum Hari Malaysia telah memegang jawatan sebagai hakim Mahkamah Besar atau, jika didapati oleh Yang di-Pertuan Agong perlantikan mustahak dibuat bagi tribunal itu, orang-orang yang memegang atau telah memegang jawatan yang setaraf di mana-mana bahagian Komanwel yang lain, dan tribunal itu hendaklah diketuai oleh ahli yang pertama mengikut susunan yang berikut, iaitu, Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan, Hakim-hakim Besar mengikut tarikh perlantikan mereka bagi jawatan yang melayakkan mereka menjadi ahli (antara dua orang ahli, yang tua mendahului yang muda jika tarikh perlantikan mereka sama).

(5) Sementara menantikan apa-apa rujukan dan laporan di bawah Fasal (3) Yang di-Pertuan Agong boleh atas syor Perdana Menteri dan, mengenai mana-mana hakim lain selepas berunding dengan Ketua Hakim Negara, menggantung seseorang hakim Mahkamah Persekutuan daripada menjalankan tugas-tugasnya.

(6) Parlimen hendaklah dengan undang-undang membuat peruntukan bagi saraan hakim-hakim Mahkamah Persekutuan, dan saraan yang diperuntukkan sedemikian hendaklah dipertanggungjawabkan kepada Kumpulanwang Disatukan.

(6A) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perkara ini, Parlimen boleh dengan undang-undang membuat peruntukan bagi syarat-syarat jawatan hakim-hakim Mahkamah Persekutuan, selain daripada saraan mereka.

(7) Saraan dan lain-lain syarat jawatan (termasuk hak pencen) bagi seseorang hakim Mahkamah Persekutuan tidak boleh, selepas perlantikannya, dibuat apa-apa perubahan yang kurang baik baginya.

(8) Walau apapun peruntukan Fasal (1), sahnya apa-apa perkara yang dilakukan oleh seseorang hakim Mahkamah Persekutuan tidak boleh dipersoal atas alasan bahawa hakim itu telah mencapai had umur yang ia dikehendaki bersara.

(9) Perkara ini hendaklah dipakai bagi seseorang hakim Mahkamah Tinggi sebagaimana ianya dipakai bagi seseorang hakim Mahkamah Persekutuan dikecualikan, sebelum menggantung di bawah Fasal (5) seseorang hakim Mahkamah Tinggi lain daripada Hakim Besar, Yang di-Pertuan Agong hendaklah meminta fikiran Hakim Besar Mahkamah itu dan bukan fikiran Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan.

(10) *(Dimansuhkan mulai daripada 19-9-66).*

**125A.** (1) Walaupun apa jua yang terkandung dalam Perlembagaan ini, adalah dengan ini ditetapkan bahawa:

- (a) Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan dan seseorang hakim Mahkamah Persekutuan boleh menjalankan semua atau mana-mana daripada kuasa-kuasa hakim Mahkamah Tinggi; dan
- (b) hakim Mahkamah Tinggi di Malaya boleh menjalankan semua atau mana-mana daripada kuasa-kuasa hakim Mahkamah Tinggi di Borneo, dan sebaliknya.

(2) Peruntukan-peruntukan Perkara ini hendaklah disifatkan sebagai telah menjadi sebahagian integral Perlembagaan ini mulai dari Hari Malaysia.

Penjalanan kuasa-kuasa hakim Mahkamah Tinggi oleh Ketua Hakim Negara dan hakim-hakim Mahkamah Persekutuan, dan Penjalanan kuasa-kuasa hakim Mahkamah Tinggi di Borneo oleh hakim Mahkamah Tinggi di Malaya, dan sebaliknya.

**126.** Mahkamah Persekutuan atau Mahkamah Tinggi adalah berkuasa menghukum sesiapa yang melakukan apa-apa penghinaan terhadapnya.

Kuasa Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Tinggi menghukum kerana penghinaan terhadap mahkamah.

**127.** Kelakuan seseorang hakim Mahkamah Persekutuan atau Mahkamah Tinggi tidak boleh dibincangkan dalam mana-mana Majlis Parlimen kecuali dengan suatu usul yang tersendiri dan notis mengenainya telah diberi oleh tidak kurang daripada satu perempat daripada jumlah bilangan ahli Majlis Parlimen itu, dan juga tidak boleh dibincangkan dalam mana-mana Dewan Negeri.

Sekatan mengenai perbincangan Parlimen tentang kelakuan hakim.

128. (1) Hanya Mahkamah Persekutuan sahaja, dan tidak termasuk mahkamah-mahkamah lain, yang ada bidangkuasa bagi memutuskan mengikut mana-mana kaedah yang mengawal penjalanan bidangkuasa itu—

- (a) apa-apa soal sama ada sesuatu undang-undang yang dibuat oleh Parlimen atau oleh sesuatu Badan Perundangan Negeri adalah terbatal oleh kerana undang-undang itu membuat peruntukan mengenai sesuatu perkara yang Parlimen atau, mengikut mana yang berkenaan, Badan Perundangan Negeri itu tidak berkuasa membuat undang-undang; dan
- (b) pertikaian mengenai apa-apa soal lain di antara Negeri-negeri atau di antara Persekutuan dengan mana-mana Negeri.

(2) Dengan tidak menyentuh bidangkuasa Mahkamah Persekutuan untuk membicarakan rayuan-rayuan, Mahkamah Persekutuan adalah mempunyai bidangkuasa (tertakluk kepada apa-apa kaedah mahkamah yang mengatitkan cara bidangkuasa itu akan dijalankan) memutuskan sesuatu soal yang timbul dalam pembicaraan di suatu mahkamah lain tentang kuatkuasa mana-mana peruntukan Perlembagaan ini dan menghantar balik kes itu kepada mahkamah yang lain itu untuk diselesaikan mengikut keputusan itu.

(3) Bidangkuasa Mahkamah Persekutuan bagi memutuskan rayuan-rayuan dari Mahkamah Tinggi atau seseorang hakim Mahkamah Tinggi ialah sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang persekutuan.

129. (Dimansuhkan).

130. Yang di-Pertuan Agong boleh merujukkan kepada Mahkamah Persekutuan untuk pendapatnya apa-apa soal tentang kuatkuasa mana-mana peruntukan Perlembagaan ini yang telah timbul atau yang pada pendapat Yang di-Pertuan Agong mungkin timbul, dan Mahkamah Persekutuan hendaklah mengumumkan pendapatnya mengenai apa-apa soal yang dirujukkan kepadanya itu dalam mahkamah terbuka.

131. (1) Yang di-Pertuan Agong boleh membuat perkiraan dengan Baginda Queen untuk merujukkan rayuan-rayuan dari Mahkamah Persekutuan kepada Jawatankuasa Kehakiman Privy Council Baginda Queen; dan, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perkara ini, sesuatu rayuan dari Mahkamah itu hendaklah dibuat kepada Yang di-Pertuan Agong jika rayuan itu dibenarkan oleh undang-undang persekutuan, dan mengenai rayuan itu peruntukan bagi merujukkannya kepada Jawatankuasa tersebut ada dibuat oleh atau di bawah undang-undang yang mengatitkan perjalanan Jawatankuasa tersebut.

(2) (Dimansuhkan).

(3) Sesuatu rayuan di bawah Perkara ini adalah tertakluk kepada apa-apa syarat tentang kebenaran atau apa-apa lain sebagaimana ditetapkan oleh undang-undang persekutuan atau oleh atau di bawah undang-undang yang mengatitkan perjalanan Jawatankuasa Kehakiman Privy Council Baginda Queen.

(4) Apabila menerima laporan atau syor Jawatankuasa tersebut mengenai sesuatu rayuan di bawah Perkara ini daripada Kerajaan Baginda Queen di United Kingdom, Yang di-Pertuan Agong hendaklah membuat perintah sebagaimana yang perlu untuk melaksanakan laporan atau syor itu.

131A. (1) Apa-apa peruntukan yang dibuat oleh undang-undang persekutuan membenarkan tugas-tugas Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan dijalankan oleh seorang hakim lain Mahkamah Persekutuan, sekiranya berlaku kekosongan dalam jawatan itu atau sekiranya Ketua Hakim Negara itu tidak berupaya menjalankan tugas-tugasnya, boleh meliputi tugas-tugas Ketua Hakim Negara di bawah Perlembagaan ini.

(2) Apa-apa peruntukan yang dibuat oleh undang-undang persekutuan membenarkan tugas-tugas Hakim Besar Mahkamah Tinggi dijalankan oleh seorang hakim lain mahkamah itu, sekiranya berlaku kekosongan dalam jawatan itu atau sekiranya Hakim Besar itu tidak berupaya menjalankan tugas-tugasnya, boleh meliputi tugas-tugas Hakim Besar di bawah Perlembagaan ini kecuali tugas-tugasnya sebagai hakim Mahkamah Persekutuan.

BAHAGIAN X

PERKHIDMATAN AWAM

Perkhid-  
matan  
Awam.

132. (1) Bagi maksud-maksud Perlembagaan ini, perkhidmatan awam ialah—

- (a) angkatan tentera;
- (b) perkhidmatan kehakiman dan undang-undang;
- (c) perkhidmatan awam am Persekutuan;
- (d) pasukan polis;
- (e) perkhidmatan keretapi;
- (f) perkhidmatan awam bersama yang tersebut dalam Perkara 133;
- (g) perkhidmatan awam tiap-tiap satu Negeri; dan
- (h) perkhidmatan pelajaran.

(2) Kecuali sebagaimana selainnya diperuntukkan dengan nyata oleh Perlembagaan ini, kelayakan untuk perlantikan bagi orang-orang dalam perkhidmatan awam dan syarat-syarat perkhidmatan mereka, lain daripada orang-orang dalam perkhidmatan yang tersebut dalam perenggan (g) Fasal (1) boleh dibuat peraturan oleh undang-undang persekutuan dan juga, tertakluk kepada peruntukan mana-mana undang-undang persekutuan itu, oleh Yang di-Pertuan Agong; dan kelayakan untuk perlantikan bagi orang-orang dalam perkhidmatan awam mana-mana Negeri dan syarat-syarat perkhidmatan mereka boleh dibuat peraturan oleh undang-undang Negeri dan juga, tertakluk kepada peruntukan mana-mana undang-undang Negeri itu, oleh Raja atau Yang di-Pertua Negeri itu.

(2A) Kecuali sebagaimana diperuntukkan dengan nyata oleh Perlembagaan ini, tiap-tiap orang anggota bagi mana-mana perkhidmatan yang tersebut dalam perenggan (a), (b), (c), (d), (e), (f) dan (h) Fasal (1) adalah memegang jawatan selama diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong, dan, kecuali sebagaimana diperuntukkan dengan nyata oleh Perlembagaan Negeri, tiap-tiap orang anggota bagi perkhidmatan awam Negeri adalah memegang jawatan selama diperkenankan oleh Raja atau Gabnor Negeri itu.

(3) Perkhidmatan awam tidak dikira sebagai mengandungi—

- (a) jawatan mana-mana anggota pentadbiran dalam Persekutuan atau dalam sesuatu Negeri; atau
- (b) jawatan Yang Dipertua Dewan Negara, Yang Dipertua Dewan Rakyat, Timbalan Yang Dipertua Dewan Negara, Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat atau ahli mana-mana Majlis Parlimen atau ahli sesuatu Dewan Negeri; atau
- (c) jawatan hakim Mahkamah Persekutuan atau hakim Mahkamah Tinggi; atau
- (d) jawatan ahli mana-mana Suruhanjaya atau Majlis yang ditubuhkan oleh Perlembagaan ini atau mana-mana Suruhanjaya atau Majlis yang bersamaan yang ditubuhkan oleh Perlembagaan sesuatu Negeri; atau
- (e) apa-apa jawatan diplomat sebagaimana yang ditetapkan dengan perintah oleh Yang di-Pertuan Agong iaitu jawatan yang, jika tidak kerana perintah itu, akan menjadi jawatan dalam perkhidmatan awam am Persekutuan.

(4) Sebutan-sebutan dalam Bahagian ini, kecuali dalam Perkara 136 dan 147, mengenai orang dalam perkhidmatan awam atau anggota mana-mana perkhidmatan awam tidaklah dipakai mengenai—

- (a) Setiausaha mana-mana Majlis Parlimen atau mana-mana kakitangan Parlimen; atau
- (b) Peguam Negara ataupun penasihat undang-undang mana-mana Negeri, jika peruntukan bagi cara perlantikan dan pemecatan penasihat undang-undang Negeri itu dari jawatan adalah dimasukkan dengan tertentu dalam Perlembagaan Negeri itu, atau jika ia dilantik dari antara orang-orang yang lain daripada anggota-anggota perkhidmatan kehakiman dan undang-undang atau perkhidmatan awam Negeri itu; atau
- (c) seseorang kakitangan peribadi bagi Yang di-Pertuan Agong atau bagi seorang Raja atau Yang di-Pertua Negeri; atau

(d) mengenai Melaka dan Pulau Pinang, jika peruntukan dibuat oleh undang Negeri bagi perlantikan mereka—

- (i) Yang Dipertua Jabatan Hal Ehwal Agama;
- (ii) Setiausaha Jabatan Hal Ehwal Agama;
- (iii) Mufti;
- (iv) Kadi Besar; atau
- (v) Kadi.

Perkhid-  
matan ber-  
sama, dsb.

**133.** (1) Perkhidmatan bersama yang am bagi Persekutuan dan bagi satu atau beberapa buah Negeri atau, atas permintaan Negeri-negeri yang berkenaan itu, bagi dua buah Negeri atau lebih, boleh ditubuhkan oleh undang-undang persekutuan.

(2) Jika seseorang anggota mana-mana perkhidmatan awam adalah diambil bekerja—

- (a) sebahagian bagi maksud persekutuan dan sebahagian bagi maksud Negeri, atau
- (b) bagi maksud dua buah Negeri atau lebih,

maka, tertakluk kepada undang-undang persekutuan, kadar saraannya, jika ada, yang kena dibayar oleh Persekutuan dan Negeri atau Negeri-negeri yang berkenaan itu atau, mengikut mana yang berkenaan, oleh tiap-tiap Negeri yang berkenaan itu, hendaklah ditetapkan dengan persetujuan atau, jika tidak ada persetujuan, oleh Suruhanjaya yang bidangkuasanya adalah meliputi anggota itu.

Meminjam-  
kan pegawai-  
pegawai.

**134.** (1) Persekutuan boleh, atas permintaan sesuatu Negeri, meminjamkan seseorang anggota mana-mana perkhidmatan yang tersebut dalam perenggan (a), (b), (d), atau (f) Fasal (1) Perkara 132 kepada perkhidmatan Negeri itu; dan sesuatu Negeri boleh, atas permintaan Persekutuan atau permintaan suatu Negeri lain, meminjamkan seseorang anggota perkhidmatan awamnya sendiri kepada perkhidmatan Persekutuan atau, mengikut mana yang berkenaan, kepada perkhidmatan Negeri yang lain itu.

(2) Seseorang yang dipinjamkan di bawah Perkara ini adalah tetap menjadi anggota perkhidmatan yang dianggotainya, tetapi saraannya hendaklah dibayar oleh

Negeri yang berkenaan itu, jika ia dipinjamkan kepada perkhidmatan Negeri itu, atau oleh Persekutuan, jika ia dipinjamkan kepada perkhidmatan Persekutuan.

**135.** (1) Tiada seseorang anggota mana-mana perkhidmatan yang tersebut dalam perenggan (b) hingga (h) Fasal (1) Perkara 132 boleh dibuang kerja atau diturunkan pangkat oleh sesuatu pihak berkuasa yang rendah daripada pihak berkuasa yang, pada masa pembuangan kerja atau penurunan pangkat itu, ada mempunyai kuasa melantik seorang anggota perkhidmatan itu yang sama pangkatnya:

Sekatan  
mengenai  
pembuangan  
kerja dan  
penurunan  
pangkat.

Dengan syarat bahawa dalam pemakaiannya terhadap anggota-anggota perkhidmatan yang tersebut dalam perenggan (g) Fasal (1) Perkara 132, Fasal ini tidaklah dipakai bagi apa-apa undang-undang yang mungkin dibuat oleh badan perundangan mana-mana Negeri, lain daripada Pulau Pinang dan Melaka, iaitu undang-undang yang memberi kuasa kepada sesuatu Jumaah yang dilantik oleh Raja Negeri itu menjalankan semua kuasa dan tugas Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri itu, lain daripada kuasa bagi membuat perlantikan mula-mula kepada perjawatan tetap atau perjawatan berpencen;

Dan dengan syarat selanjutnya bahawa Fasal ini tidak boleh dipakai bagi sesuatu kes di mana seorang anggota mana-mana perkhidmatan yang tersebut dalam Fasal ini dibuang kerja atau diturunkan pangkat oleh sesuatu pihak berkuasa menurut sesuatu kuasa yang diwakilkan kepadanya oleh sesuatu Suruhanjaya yang baginya dipakai Bahagian ini, dan proviso ini hendaklah disifatkan sebagai telah menjadi sebahagian integral Fasal ini mulai dari Hari Merdeka.

(2) Tiada seseorang anggota mana-mana perkhidmatan yang tersebut di atas itu boleh dibuang kerja atau diturunkan pangkat dengan tidak diberi peluang yang munasabah untuk didengar;

Dengan syarat bahawa Fasal ini tidak boleh dipakai bagi kes-kes yang berikut—

- (a) di mana seorang anggota sesuatu perkhidmatan itu dibuang kerja atau diturunkan pangkat oleh sebab kelakuan yang mengenainya suatu pertuduhan jenayah telah dibuktikan terhadap anggota itu; atau

- (b) di mana pihakberkuasa yang diberi kuasa untuk membuang kerja atau menurunkan pangkat seorang anggota sesuatu perkhidmatan itu berpuashati bahawa oleh kerana sesuatu sebab, yang akan direkodkan oleh pihakberkuasa itu secara bertulis, kehendak-kehendak Fasal ini tidak munasabah dijalankan secara praktik; atau
- (c) di mana Yang di-Pertuan Agong, atau, mengenai seseorang anggota perkhidmatan awam sesuatu Negeri, Raja atau Yang di-Pertua Negeri bagi Negeri itu, berpuashati bahawa bagi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya kehendak-kehendak Fasal ini tidaklah mustahak dijalankan; atau
- (d) di mana sesuatu perintah tahanan, pengawasan, kediaman terhad, buang-negeri atau deportasi telah dibuat ke atas seseorang anggota sesuatu perkhidmatan itu atau di mana sesuatu bentuk sekatan atau pengawasan dengan bon atau selainnya telah dikenakan ke atas seseorang anggota itu, di bawah mana-mana undang-undang berkaitan dengan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, pencegahan jenayah, tahanan pencegahan, kediaman terhad, buang-negeri, imigresen, atau perlindungan bagi wanita dan gadis.

Dengan syarat selanjutnya bahawa bagi maksud Perkara ini, jika perkhidmatan seorang anggota perkhidmatan itu ditamatkan untuk kepentingan awam di bawah mana-mana undang-undang yang pada masa itu berkuatkuasa atau di bawah mana-mana peraturan yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah Perkara 132 (2), penamatan perkhidmatan itu tidaklah bermakna buang kerja sama ada atau tidak keputusan menamatkan perkhidmatan itu berhubung dengan salahlaku pegawai itu atau pelaksanaan tugas yang tidak memuaskan olehnya berkaitan dengan jawatannya atau akibat-akibat penamatan itu melibatkan suatu elemen hukuman; dan proviso ini hendaklah disifatkan sebagai sebahagian integral Perkara ini mulai dari Hari Merdeka.

(3) Dengan tiada persetujuan Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-undang, tiada seseorang anggota mana-mana perkhidmatan yang tersebut dalam perenggan

(c), (f) atau (g) Fasal (1) Perkara 132 boleh dibuang kerja atau diturunkan pangkat atau menanggung apa-apa lain tindakan tatatertib kerana sesuatu yang dilaku atau tidak dilakukan olehnya pada menjalankan sesuatu tugas kehakiman yang diberi kepadanya oleh undang-undang.

136. Tertakluk kepada syarat-syarat pekerjaan mereka, semua orang dari apa-apa kaum juapun dalam tingkat yang sama dalam perkhidmatan persekutuan hendaklah diberi layanan yang samarata.

Layanan  
sama rata  
bagi pekerja-  
pekerja  
persekutuan.

137. (1) Maka hendaklah ada sesuatu Majlis Angkatan Tentera yang akan bertanggungjawab di bawah kuasa am Yang di-Pertuan Agong atas perintah, tatatertib dan pentadbiran angkatan tentera, dan segala perkara lain mengenainya, melainkan perkara-perkara berkenaan dengan menggunakan angkatan tentera bagi maksud gerakan.

Majlis  
Angkatan  
Tentera.

(2) Fasal (1) adalah berkuatkuasa tertakluk kepada peruntukan mana-mana undang-undang persekutuan, dan mana-mana undang-undang persekutuan itu boleh membuat peruntukan bagi meletakkan apa-apa tugas mengenai angkatan tentera pada Majlis Angkatan Tentera.

(3) Majlis Angkatan Tentera hendaklah mengandungi ahli-ahli yang berikut, iaitu—

- (a) Menteri yang pada masa itu bertanggungjawab atas pertahanan, yang akan menjadi Pengerusi;
- (b) seorang ahli mewakili Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja, yang dilantik oleh Majlis Raja-Raja;
- (c) Ketua Turus Angkatan Tentera yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong;
- (d) seorang sivilan iaitu orang yang menjalankan kewajipan-kewajipan jawatan Setiausaha Pertahanan yang bertindak sebagai Setiausaha Majlis Angkatan Tentera;
- (e) dua orang pegawai turus kanan Angkatan Tentera Persekutuan, yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong;
- (f) seorang pegawai kanan Tentera Laut Persekutuan, yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong;
- (g) seorang pegawai kanan Tentera Udara Persekutuan, yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong;

- (h) dua orang ahli tambahan, jika ada, sama ada anggota tentera atau sivilan, yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.

(4) Majlis Angkatan Tentera boleh bertindak walaupun ada sesuatu kekosongan dalam keanggotaannya dan, tertakluk kepada Perlembagaan ini dan kepada undang-undang persekutuan, ia boleh membuat peruntukan bagi semua atau mana-mana daripada perkara yang berikut:

- (a) penyusunan kerjanya dan cara-cara bagaimana tugas-tugasnya akan dijalankan, dan penyimpanan rekod-rekod dan minit-minit;
- (b) kewajipan dan tanggungjawab ahli-ahli Majlis itu masing-masing, termasuk memberi perwakilan mana-mana daripada kuasa atau kewajibannya kepada mana-mana ahli Majlis itu;
- (c) rundingan yang akan diadakan oleh Majlis itu dengan orang-orang, lain daripada ahli-ahlinya;
- (d) acara yang akan diikuti oleh Majlis itu pada menjalankan urusannya (termasuk menetapkan korum), melantik, mengikut pilihannya, seorang naib-pengerusi dari antara ahli-ahlinya dan tugas-tugas naib-pengerusi;
- (e) apa-apa perkara lain yang peruntukan-peruntukan baginya, pada pendapatnya, perlu atau mustahak dibuat untuk menjalankan tugas-tugasnya dengan cara yang lebih baik.

Suruhanjaya  
Perkhid-  
matan  
Kehakiman  
dan Undang-  
undang

**138.** (1) Maka hendaklah ada suatu Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-undang yang bidangnya adalah meliputi semua anggota perkhidmatan kehakiman dan undang-undang.

(2) Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-undang hendaklah mengandungi—

- (a) Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, yang akan menjadi Pengerusi;
- (b) Peguam Negara; atau, jika Peguam Negara adalah seorang ahli Parlimen atau adalah dilantik bukan dari antara anggota-anggota Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-undang, Peguamcara Negara; dan

- (c) seorang atau beberapa orang ahli lain yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong, selepas berunding dengan Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan, dari antara orang-orang yang menjadi atau telah menjadi atau yang berkelayakan menjadi hakim Mahkamah Persekutuan atau Mahkamah Tinggi atau yang menjadi hakim Mahkamah Besar sebelum Hari Malaysia.

**139.** (1) Maka hendaklah ada suatu Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan, tertakluk kepada Perkara 144, bidangnya hendaklah meliputi semua orang yang menjadi anggota perkhidmatan yang tersebut dalam perenggan (c), (e) dan (f) Fasal (1) Perkara 132, lain daripada Juru Odit Negara, meliputi anggota-anggota perkhidmatan awam bagi Negeri Melaka dan Negeri Pulau Pinang, dan, setakat mana yang diperuntukkan oleh Fasal (2), meliputi anggota-anggota perkhidmatan awam bagi mana-mana Negeri lain.

Suruhanjaya  
Perkhidmatan  
Awam

(1A) Bidang kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam hendaklah meliputi—

- (a) anggota-anggota perkhidmatan awam am Persekutuan yang diambil bekerja dalam sesuatu jabatan persekutuan di Negeri Sabah atau Sarawak;
- (b) anggota-anggota perkhidmatan awam Negeri Sabah atau Sarawak yang dipinjamkan ke perkhidmatan awam am Persekutuan; dan
- (c) anggota-anggota perkhidmatan awam Negeri Sabah atau Sarawak yang berkhidmat dalam jawatan-jawatan persekutuan atau dalam mana-mana jawatan yang dijadikan jawatan persekutuan di Negeri itu dan yang telah membuat pilihan untuk menjadi anggota-anggota perkhidmatan awam am Persekutuan.

(2) Badan Perundangan bagi mana-mana Negeri, lain daripada Melaka dan Pulau Pinang, boleh dengan undang-undang memperluaskan bidangnya Suruhanjaya Perkhidmatan Awam supaya meliputi semua atau mana-mana orang dalam perkhidmatan awam Negeri itu, tetapi tiada sesuatu undang-undang itu boleh berkuatkuasa terlebih dahulu daripada dua belas bulan dari tarikh undang-undang itu diluluskan; dan jika Suruhanjaya Perkhidmatan

Awam Negeri tidak ada ditubuhkan serta menjalankan tugas-tugasnya pada bila-bila masa di mana-mana Negeri itu di mana tiada undang-undang itu berkuatkuasa maka, jika peruntukan ada dibuat oleh undang-undang persekutuan, bidangkuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam hendaklah diperluaskan supaya meliputi semua anggota perkhidmatan awam Negeri itu.

(3) Apa-apa perluasan bidangkuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang dibuat oleh badan perundangan mana-mana Negeri menurut Fasal (2) boleh dibatalkan atau diubahsuai oleh suatu undang-undang yang diluluskan oleh badan perundangan Negeri itu.

(4) Suruhanjaya Perkhidmatan Awam hendaklah mengandungi ahli-ahli yang berikut yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong menurut budibicaranya tetapi selepas menimbang nasihat Perdana Menteri dan selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja, iaitu, seorang pengerusi, seorang timbalan pengerusi dan tidak kurang daripada empat orang tetapi tidak lebih daripada dua belas orang ahli lain.

(5) Sama ada pengerusi atau timbalan pengerusi hendaklah dan kedua-duanya boleh, dilantik dari antara orang-orang yang menjadi anggota mana-mana perkhidmatan awam, atau yang telah pernah menjadi anggota mana-mana perkhidmatan awam pada bila-bila masa dalam tempoh lima tahun sebelum sahaja tarikh mereka mula-mula dilantik.

(6) Seseorang anggota mana-mana perkhidmatan awam yang dilantik menjadi pengerusi atau timbalan pengerusi tidaklah berkelayakan untuk apa-apa perlantikan lagi dalam perkhidmatan Persekutuan melainkan sebagai seorang ahli bagi sesuatu Suruhanjaya yang dimaksudkan oleh Bahagian ini.

Suruhanjaya  
Pasukan  
Polis.

**140.** (1) Maka hendaklah ada suatu Suruhanjaya Pasukan Polis dan bidangkuasanya hendaklah meliputi semua orang yang menjadi anggota pasukan polis dan, tertakluk kepada peruntukan mana-mana undang-undang yang ada, Suruhanjaya itu hendaklah bertanggungjawab bagi melantik, mengesahkan, memasukkan ke dalam perjawatan tetap atau perjawatan berpencen, kenaikan pangkat, pertukaran dan menjalankan kawalan tatatertib ke atas anggota pasukan polis;

“Dengan syarat bahawa Parlimen boleh dengan undang-undang mengadakan peruntukan mengenai penjalanan apa-apa kawalan tatatertib ke atas semua atau mana-mana daripada anggota-anggota pasukan polis mengikut apa-apa cara dan oleh mana-mana pihakberkuasa sebagaimana yang diperuntukkan dalam undang-undang itu, dan dalam hal yang demikian, jika pihakberkuasa itu adalah lain daripada Suruhanjaya itu, kawalan tatatertib yang kena dijalankan oleh Suruhanjaya itu; dan tiada apa-apa peruntukan undang-undang itu boleh menjadi taksah oleh sebab ia berlawanan dengan mana-mana peruntukan Bahagian ini.”

(2) Undang-undang persekutuan boleh membuat peruntukan bagi Suruhanjaya Pasukan Polis menjalankan tugas-tugas lain.

(3) Suruhanjaya Pasukan Polis hendaklah mengandungi ahli-ahli yang berikut, iaitu—

- (a) Menteri yang pada masa itu bertanggungjawab mengenai polis, yang akan menjadi Pengerusi;
- (b) pegawai polis yang memerintah seluruh pasukan polis;
- (c) orang yang menjalankan kewajipan-kewajipan jawatan Setiausaha Kementerian di bawah Menteri yang pada masa itu bertanggungjawab mengenai polis;
- (d) seorang ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong;
- (e) tidak kurang daripada dua orang tetapi tidak lebih daripada enam orang ahli lain, yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.

(4) Yang di-Pertuan Agong boleh menetapkan sebagai jawatan-jawatan khas jawatan-jawatan Ketua Polis Negara, Timbalan Ketua Polis Negara dan apa-apa jawatan lain dalam pasukan polis yang pada pendapatnya, adalah serupa atau lebih tinggi tarafnya; dan perlantikan bagi apa-apa jawatan yang ditetapkan itu tidak boleh dibuat mengikut Fasal (1) tetapi hendaklah dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong atas syor Suruhanjaya Pasukan Polis.

(5) Sebelum bertindak mengikut Fasal (4) atas syor Suruhanjaya Pasukan Polis, Yang di-Pertuan Agong hendaklah menimbang nasihat Perdana Menteri, dan boleh merujuk balik satu kali syor itu kepada Suruhanjaya itu untuk dipertimbangkan semula.



(6) Suruhanjaya Pasukan Polis boleh membuat peruntukan bagi semua atau mana-mana daripada perkara yang berikut—

- (a) penyusunan kerjanya dan cara-cara bagaimana tugas-tugasnya akan dijalankan, dan penyimpanan rekod-rekod dan minit-minut;
- (b) kewajipan dan tanggungjawab ahli-ahli Suruhanjaya itu masing-masing, termasuk memberi perwakilan kuasa atau kewajibannya kepada mana-mana ahli Suruhanjaya itu atau mana-mana anggota pasukan polis atau mana-mana ahli jumaah pegawai-pegawai pasukan polis;
- (c) rundingan yang akan diadakan oleh Suruhanjaya itu dengan orang-orang, lain daripada ahli-ahlinya;
- (d) acara yang akan diikuti oleh Suruhanjaya itu pada menjalankan urusannya (termasuk menetapkan korum), melantik mengikut pilihannya, seorang naib-pengerusi;
- (e) apa-apa perkara lain yang peruntukan-peruntukan baginya, pada pendapatnya, perlu atau mustahak dibuat untuk menjalankan tugas-tugasnya dengan cara yang lebih baik.

(7) Dalam Perkara ini "pertukaran" tidak termasuk pertukaran dengan tiada perubahan pangkat dalam pasukan polis.

#### 141. (Dimansuhkan).

Suruhanjaya  
Perkhid-  
matan  
Pelajaran.

141A. (1) Maka hendaklah diadakan suatu Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran yang bidangnya hendaklah, tertakluk kepada Perkara 144, meliputi semua orang yang menjadi anggota perkhidmatan yang dinyatakan dalam perenggan (h) Fasal (1) Perkara 132.

(2) Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran hendaklah terdiri daripada ahli-ahli yang berikut yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong mengikut budibicaranya tetapi selepas menimbang nasihat Perdana Menteri dan selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja, iaitu seorang Pengerusi dan tidak kurang daripada empat tetapi tidak lebih daripada lapan orang ahli lain.

(3) Seseorang anggota mana-mana daripada perkhidmatan-perkhidmatan awam yang dilantik sebagai Pengerusi, Timbalan Pengerusi tidak layak untuk dilantik selanjutnya dalam perkhidmatan persekutuan lain daripada menjadi ahli sesuatu Suruhanjaya yang baginya Bahagian ini dipakai.

142. (1) Tertakluk kepada perenggan (a) Fasal (3) Perkara 140, seseorang ahli bagi mana-mana Majlis Parlimen Dewan Negeri tidak boleh dilantik menjadi ahli sesuatu Suruhanjaya yang dimaksudkan oleh Bahagian ini.

Peruntukan  
am mengenai  
Suruhanjaya

(2) Tertakluk kepada Fasal (3), seseorang tidak boleh dilantik menjadi ahli bagi mana-mana Suruhanjaya yang dimaksudkan oleh Bahagian ini dan juga tidak boleh terus menjadi ahli mana-mana Suruhanjaya itu jika ia adalah atau menjadi—

- (a) seorang anggota bagi mana-mana perkhidmatan awam;
- (b) seorang pegawai atau pekerja bagi mana-mana pihak berkuasa tempatan atau bagi sesuatu pertubuhan perbadanan atau pihak berkuasa yang ditubuhkan oleh undang-undang bagi maksud-maksud awam;
- (c) seorang ahli bagi sesuatu kesatuan sekerja atau sesuatu badan atau persatuan yang bergabung dengan sesuatu kesatuan sekerja.

(2A) Hilang kelayakan dalam perenggan (b) Fasal (2) tidaklah terpakai jika pertubuhan atau badan itu menjalankan apa-apa kerja kebajikan atau sukarela atau tujuan yang berfaedah kepada masyarakat atau mana-mana bahagiannya, atau apa-apa kerja atau tujuan lain berupa khairat atau sosial, dan anggota itu tidak menerima atau mendapat apa-apa saraan, hadiah, untung atau faedah daripadanya.

(3) Fasal (2) tidaklah dipakai bagi ahli-ahli ex officio; dan seseorang anggota mana-mana perkhidmatan awam boleh dilantik menjadi pengerusi atau timbalan pengerusi bagi mana-mana Suruhanjaya tersebut dan boleh terus menjadi sebagai demikian itu dan, jika ia dalam cuti sebelum bersara, ia boleh dilantik menjadi seorang ahli lagi bagi mana-mana Suruhanjaya tersebut.

(3A) Di mana, dalam masa sesuatu tempoh, pengerusi mana-mana Suruhanjaya tersebut telah diberi kebenaran bercuti oleh Yang di-Pertuan Agong atau adalah tidak berupaya, oleh kerana dianya tidak ada dalam Persekutuan, sakit atau apa-apa sebab lain, untuk menjalankan fungsinya, maka timbalan pengerusi Suruhanjaya itu hendaklah menjalankan fungsi pengerusi dalam masa tempoh itu, dan jika timbalan pengerusi juga tidak ada atau tidak berupaya menjalankan tugas-tugas tersebut, seorang ahli Suruhanjaya bolehlah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong untuk mengambilalih tugas-tugas Pengerusi dalam jangkamasa ketidakhadiran Pengerusi tersebut.

(4) Jika, dalam sesuatu tempoh, seseorang ahli bagi mana-mana Suruhanjaya tersebut telah dibenarkan bercuti oleh Yang di-Pertuan Agong atau ianya tidak berupaya menjalankan tugas-tugas sebagai seorang ahli oleh sebab tidak ada dalam Persekutuan, sakit atau apa-apa sebab lain, maka—

(a) sekiranya ia adalah seorang ahli yang dilantik, Yang di-Pertuan Agong boleh melantik sesiapa jua yang berkelayakan dilantik untuk mengambil tempatnya bagi menjalankan tugas-tugasnya dalam tempoh itu, dan perlantikan orang itu hendaklah dibuat mengikut cara sama seperti perlantikan ahli yang tugas-tugasnya akan dijalankan olehnya itu;

(b) sekiranya ia adalah seorang ahli ex officio maka sesiapa jua yang dibenarkan di bawah undang-undang persekutuan bagi menjalankan tugas-tugas jawatannya boleh dalam tempoh itu menjalankan juga tugasnya sebagai seorang ahli Suruhanjaya itu.

(5) Sesuatu Suruhanjaya yang dimaksudkan oleh Bahagian ini boleh bertindak walaupun ada sesuatu kekosongan dalam keanggotaannya, dan tiada apa-apa urusan sesuatu Suruhanjaya itu boleh terbatal semata-mata oleh sebab seseorang yang tidak berhak telah mengambil bahagian dalam urusan itu.

(6) Sebelum menjalankan tugas-tugasnya sebagai seorang ahli mana-mana Suruhanjaya tersebut atau di bawah Fasal (4) seseorang, lain daripada seseorang ahli ex officio, hendaklah mengangkat dan menandatangani di hadapan seorang hakim Mahkamah Persekutuan atau hakim Mahkamah Tinggi suatu sumpah jawatan dan taat setia yang dinyatakan dalam Jadual Keenam.

143. (1) Seseorang ahli bagi sesuatu Suruhanjaya yang dimaksudkan oleh Bahagian ini, lain daripada seorang ahli ex officio—

Syarat-syarat perkhidmatan bagi ahli-ahli Suruhanjaya.

(a) hendaklah dilantik selama tempoh lima tahun atau, jika ditetapkan dalam sesuatu hal tertentu oleh Yang di-Pertuan Agong apabila bertindak menurut budibicaranya tetapi selepas menimbang nasihat Perdana Menteri, selama tempoh kurang daripada lima tahun;

(b) boleh, melainkan jika hilang-kelayakan, dilantik semula dari semasa kesemasa; dan

(c) boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya tetapi tidak boleh dipecat dari jawatan kecuali atas alasan-alasan dan dengan cara yang sama seperti seorang hakim Mahkamah Persekutuan.

(2) Parlimen hendaklah dengan undang-undang membuat peruntukan bagi saraan mana-mana ahli Suruhanjaya tersebut, lain daripada seseorang ahli yang peruntukan bagi saraannya sebagai pemegang apa-apa jawatan lain ada dibuat oleh undang-undang persekutuan; dan saraan yang diperuntukkan sedemikian hendaklah dipertanggungjawabkan kepada Kumpulanwang Disatukan.

(3) Saraan dan lain-lain syarat jawatan seorang ahli bagi sesuatu Suruhanjaya yang dimaksudkan oleh Bahagian ini tidak boleh, selepas perlantikannya, dibuat apa-apa perubahan yang kurang baik baginya.

144. (1) Tertakluk kepada peruntukan mana-mana undang-undang yang ada dan kepada peruntukan Perlembagaan ini, maka adalah menjadi kewajipan sesuatu Suruhanjaya yang dimaksudkan oleh Bahagian ini melantik, mengesahkan, memasukkan ke dalam perjawatan tetap atau perjawatan berpenyen, menaikkan pangkat, menukar dan menjalankan kawalan tatatertib ke atas anggota-anggota bagi perkhidmatan atau perkhidmatan-perkhidmatan yang diliputi oleh bidangnya.

Tugas-tugas Suruhanjaya Perkhidmatan.

(2) Undang-undang persekutuan boleh membuat peruntukan bagi mana-mana Suruhanjaya itu menjalankan tugas-tugas lain.

(3) Yang di-Pertuan Agong boleh menetapkan sebagai jawatan-jawatan khas apa-apa jawatan dalam perkhidmatan awam yang dipegang oleh ketua atau timbalan ketua sesuatu jabatan atau oleh seseorang pegawai yang, pada

pendapatnya, adalah serupa tarafnya, dan perlantikan bagi mana-mana jawatan yang ditetapkan sedemikian tidak boleh dibuat mengikut Fasal (1) tetapi hendaklah dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong atas syor Suruhanjaya yang bidangkuasanya meliputi perkhidmatan yang berkenaan dengan jawatan yang dipegang itu.

(4) Raja atau Yang di-Pertua Negeri sesuatu Negeri boleh menetapkan sebagai jawatan-jawatan khas apa-apa jawatan dalam perkhidmatan awam Negerinya yang dipegang oleh ketua atau timbalan ketua sesuatu jabatan atau oleh seseorang pegawai yang, pada pendapatnya, adalah serupa tarafnya; dan perlantikan bagi mana-mana jawatan yang ditetapkan sedemikian tidak boleh dibuat mengikut Fasal (1) tetapi hendaklah dibuat oleh Raja atau Gabnor atas syor Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (atau, jika ada dalam Negeri itu sesuatu Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri, atas syor Suruhanjaya itu).

(5) Sebelum bertindak, mengikut Fasal (3) atau (4), atas syor Suruhanjaya yang tersebut dalamnya itu—

(a) Yang di-Pertuan Agong hendaklah menimbang nasihat Perdana Menteri; dan

(b) Raja atau Gabnor hendaklah menimbang nasihat Ketua Menteri Negerinya;

dan boleh merujuk balik satu kali syor itu kepada Suruhanjaya itu untuk dipertimbangkan semula.

(5A) Kecuali sebagaimana diperuntukkan dalam Fasal (5B), undang-undang persekutuan dan, tertakluk kepada peruntukan mana-mana undang-undang itu, peraturan-peraturan yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong boleh, walau apapun peruntukan Fasal (1) Perkara 135, membuat peruntukan bagi seseorang pegawai dalam sesuatu perkhidmatan yang diliputi oleh bidangkuasa Suruhanjaya yang dimaksudkan oleh Bahagian ini, atau bagi sesuatu jumaah pegawai-pegawai itu, menjalankan apa-apa tugas Suruhanjaya itu di bawah Fasal (1):

Dengan syarat bahawa—

(a) tiada sesuatu undang-undang atau peraturan itu boleh membuat peruntukan bagi mana-mana pegawai atau jumaah pegawai itu menjalankan apa-apa kuasa membuat perlantikan pertama bagi perjawatan tetap atau perjawatan berpencen, atau apa-apa kuasa menaikkan pangkat (lain daripada menaikkan pangkat untuk jawatan memangku); dan

(b) mana-mana orang yang tidak puashati dengan perjalanan mana-mana kuasa kawalan tatatertib oleh mana-mana pegawai atau jumlah pegawai itu boleh merayu kepada Suruhanjaya itu dalam masa dan mengikut cara yang ditetapkan oleh undang-undang atau peraturan itu, dan Suruhanjaya itu boleh membuat apa-apa perintah yang difikirkannya patut mengenainya.

(5B) (i) Walau apapun peruntukan Fasal (1) Perkara 135 dan Perkara 139 dan Perkara 141A, semua kuasa dan tugas Suruhanjaya Perkhidmatan Awam atau Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran yang ditubuhkan di bawah Perkara 139 dan perkara 141A, lain daripada kuasa membuat perlantikan pertama bagi perjawatan tetap atau perjawatan berpencen, boleh dijalankan oleh suatu jumaah yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.

(ii) Mana-mana orang yang tidak puashati dengan perjalanan mana-mana kuasa atau tugas yang tersebut di atas oleh jumaah itu boleh merayu kepada suatu Jumaah Rayuan yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.

(iii) Yang di-Pertuan Agong boleh dengan peraturan-peraturan membuat peruntukan bagi perkara-perkara berhubung dengan perlantikan ahli-ahli Jumaah Rayuan itu, dan acara yang akan diikuti oleh jumaah atau Jumaah Rayuan itu di bawah Fasal ini.

(iv) Jika Yang di-Pertuan Agong telah melantik jumaah itu di bawah perenggan (i) Fasal ini bagi maksud menjalankan mana-mana kuasa atau tugas yang tersebut dalam perenggan itu, maka kuasa atau tugas itu hendaklah terhenti daripada dijalankan oleh Suruhanjaya tersebut selagi kuasa atau tugas itu masih menjadi suatu kuasa atau tugas yang akan dijalankan oleh jumaah itu.

(6) Sesuatu Suruhanjaya yang dimaksudkan oleh Bahagian ini boleh mewakilkan mana-mana tugasnya di bawah Fasal (1) mengenai sesuatu tingkatan perkhidmatan kepada mana-mana pegawai dalam sesuatu perkhidmatan yang diliputi oleh bidangkuasanya, atau kepada mana-mana jumaah pegawai-pegawai yang dilantik olehnya itu, dan pegawai atau jumaah itu hendaklah menjalankan tugas-tugas itu di bawah arahan dan kawalan Suruhanjaya itu.

(6A) Berkenaan dengan anggota-anggota perkhidmatan awam Persekutuan yang diambil bekerja dalam jawatan-jawatan tambahan kepada angkatan tentera atau mana-mana daripadanya atau jawatan tambahan kepada pasukan

polis, atau berkenaan dengan mana-mana tingkatan anggota-anggota perkhidmatan itu yang diambil bekerja sedemikian, maka tugas-tugas Suruhanjaya Perkhidmatan Awam boleh, di bawah Fasal (5A) atau (6), dijalankan oleh seorang pegawai atau suatu jumaah pegawai-pegawai dari angkatan tentera atau pasukan polis, mengikut mana yang berkenaan, seolah-olah pegawai atau jumaah pegawai-pegawai itu adalah anggota-anggota perkhidmatan awam Persekutuan.

(7) Dalam Perkara ini "pertukaran" tidaklah termasuk pertukaran dengan tiada perubahan pangkat dalam sesuatu jabatan Kerajaan.

(8) Sesuatu Suruhanjaya yang dimaksudkan oleh Bahagian ini, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini dan peruntukan-peruntukan undang-undang persekutuan, boleh membuat kaedah-kaedah mengaturkan acaranya dan menetapkan bilangan ahlinya untuk menjadikan korum.

**145.** (1) Yang di-Pertuan Agong hendaklah, atas nasihat Perdana Menteri, melantik seorang yang berkelayakan menjadi hakim Mahkamah Persekutuan sebagai Peguam Negara bagi Persekutuan.

(2) Adalah menjadi kewajipan Peguam Negara menasihatkan Yang di-Pertuan Agong atau Jumaah Menteri atau mana-mana Menteri mengenai apa-apa perkara undang-undang, dan menjalankan apa-apa kewajipan lain yang bercorak undang-undang, sebagaimana dari semasa ke semasa dirujuk atau diberi kepadanya oleh Yang di-Pertuan Agong atau Jumaah Menteri, dan menjalankan tugas-tugas yang diberi kepadanya oleh atau di bawah Perlembagaan ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

(3) Peguam Negara adalah mempunyai kuasa, dan kuasa itu hendaklah dijalankan menurut budibicaranya, bagi membawa, menjalankan atau memberhentikan apa-apa pembicaraan mengenai sesuatu kesalahan, lain daripada pembicaraan di hadapan mahkamah Syariah, mahkamah bumphutra atau mahkamah tentera.

(4) Pada menjalankan kewajipan-kewajipannya Peguam Negara adalah berhak untuk didengar dalam mana-mana mahkamah atau tribunal di Persekutuan dan adalah

mengambil keutamaan mengatasi mana-mana orang lain yang hadir di hadapan mahkamah atau tribunal itu.

(5) Tertakluk kepada Fasal (6), Peguam Negara hendaklah memegang jawatan selama diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong dan boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dan, melainkan jika ia seorang anggota Jumaah Menteri, hendaklah menerima apa-apa saraan sebagaimana yang ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong.

(6) Orang yang memegang jawatan Peguam Negara sebelum sahaja berjalan kuatkuasa Perkara ini hendaklah terus memegang jawatan itu mengikut syarat-syarat yang tidak kurang baiknya daripada syarat-syarat yang dipakai baginya sebelum sahaja berjalan kuatkuasa Perkara ini dan tidak boleh dipecat dari jawatan kecuali atas alasan-alasan dan dengan cara yang sama seperti seorang hakim Mahkamah Persekutuan.

**146.** (1) Tiap-tiap satu Suruhanjaya yang dimaksudkan oleh Bahagian ini hendaklah membuat suatu laporan tahunan mengenai kegiatan-kegiatan kepada Yang di-Pertuan Agong dan salinan-salinan laporan itu hendaklah dibentangkan dalam kedua-dua Majlis Parlimen.

Laporan Suruhanjaya.

(2) Suruhanjaya Perkhidmatan Awam hendaklah menghantar satu salinan tiap-tiap laporan yang dibuat di bawah Perkara ini kepada Raja atau Yang di-Pertua Negeri tiap-tiap satu Negeri yang anggota-anggota perkhidmatan awamnya diliputi oleh bidangkuasa Suruhanjaya itu, dan Raja atau Gabnor Negeri itu hendaklah membentangkan laporan itu dalam Dewan Negeri.

**146A.** (*Dimansuhkan*).

**146B.** (*Dimansuhkan*).

**146C.** (*Dimansuhkan*).

**146D.** Walau apapun peruntukan Fasal (2) Perkara 134, bidangkuasa Suruhanjaya Pasukan Polis hendaklah meliputi anggota-anggota perkhidmatan awam sesuatu Negeri Sabah atau Sarawak yang dipinjamkan kepada pasukan Polis; dan bagi maksud-maksud Suruhanjaya Pasukan Polis anggota-anggota itu hendaklah disifatkan sebagai anggota pasukan polis.

Bidangkuasa Suruhanjaya Pasukan Polis ke atas anggota-anggota perkhidmatan Negeri di Borneo yang dipinjamkan.

**147.** (1) Undang-undang yang dipakai bagi apa-apa pencen, ganjaran atau lain-lain elaun sepertinya (dalam Perkara ini disebut sebagai "award") yang diberi kepada seorang anggota mana-mana perkhidmatan awam, atau kepada balunya anaknya, orang tanggungannya atau wakil dirinya, ialah undang-undang yang berkuatkuasa pada hari yang berkaitan atau apa-apa undang-undang kemudiannya yang tidak kurang baiknya kepada orang yang diberi award itu.

(2) Bagi maksud-maksud Perkara ini hari yang berkaitan—

- (a) mengenai sesuatu award yang diberi sebelum Hari Merdeka, ialah tarikh bila award itu diberi;
- (b) mengenai sesuatu award yang diberi selepas Hari Merdeka kepada atau berkenaan dengan seseorang yang menjadi anggota mana-mana perkhidmatan awam sebelum Hari Merdeka, ialah tiga puluh haribulan Ogos tahun seribu sembilan ratus lima puluh tujuh;
- (c) mengenai sesuatu award yang diberi kepada atau berkenaan dengan seseorang yang menjadi anggota mana-mana perkhidmatan awam bagi pertama kali, pada atau selepas Hari Merdeka, ialah tarikh bila ia pertama kali menjadi anggota demikian itu.

(3) Bagi maksud-maksud Perkara ini, jika undang-undang yang dipakai bagi sesuatu award bergantung kepada pilihan orang yang diberi award itu, undang-undang yang dipilih olehnya itu hendaklah dikira sebagai lebih baik kepadanya daripada mana-mana undang-undang lain yang mungkin telah dipilih olehnya.

**148.** (1) Sebutan-sebutan dalam Perlembagaan ini mengenai sesuatu Suruhanjaya yang dimaksudkan oleh Bahagian ini ialah sebutan-sebutan mengenai mana-mana Suruhanjaya yang ditubuhkan di bawah Perkara 138 hingga 141A melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain.

(2) Dalam Bahagian ini "ahli ex officio" termasuklah seseorang Menteri dan seseorang hakim Mahkamah Persekutuan atau hakim Mahkamah Tinggi dan "Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri", mengenai sesuatu Negeri, ertinya sesuatu Suruhanjaya yang menjalankan tugas-tugas mengenai anggota-anggota

perkhidmatan awam Negeri itu dan yang taraf dan bidangkuasanya adalah bersamaan dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

## BAHAGIAN II

### KUASA-KUASA MENENTANG PERBUATAN SUBVERSIF DAN KUASA-KUASA DARURAT

**149.** (1) Jika sesuatu Akta Parlimen menyebut pada permulaannya bahawa tindakan telah diambil atau ancaman telah dibuat oleh sekumpulan orang yang terbesar sama ada dalam atau luar Persekutuan—

- (a) untuk menyebabkan kekerasan yang dirancang terhadap orang atau harta, atau untuk menyebabkan sebilangan besar warganegara takut akan kekerasan itu; atau
- (b) membangkitkan perasaan tidak suka terhadap Yang di-Pertuan Agong atau mana-mana Kerajaan dalam Persekutuan; atau
- (c) mengembangkan perasaan jahat atau permusuhan antara beberapa kaum atau golongan penduduk yang mungkin menyebabkan kekerasan; atau
- (d) untuk mendapatkan diubah, dengan apa-apa cara lain daripada cara yang sah, apa-apa juga yang tertubuh menurut undang-undang; atau
- (e) yang mendatangkan mudarat kepada penyenggaraan atau perjalanan apa-apa bekalan atau perkhidmatan kepada orang ramai atau mana-mana golongan orang ramai dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya; atau
- (f) yang mendatangkan mudarat kepada ketenteraman awam dalam, atau keselamatan, Persekutuan atau mana-mana bahagiannya;

maka apa-apa peruntukan undang-undang itu yang dimaksud untuk memberhentikan atau mencegah tindakan itu adalah sah walaupun peruntukan itu berlawanan dengan mana-mana peruntukan Perkara 5, 9 atau 10, atau walaupun, jika tidak kerana Perkara ini, peruntukan itu akan terkeluar daripada kuasa perundangan Parlimen; dan Perkara 79 tidaklah dipakai bagi suatu Rang Undang-undang untuk sesuatu Akta itu atau bagi apa-apa pindaan kepada sesuatu Rang Undang-undang itu.

Undang-undang menentang perbuatan subversif, tindakan yang memudaratkan ketenteraman awam, dsb.

(2) Sesuatu undang-undang yang mengandungi sebutan permulaan yang tersebut dalam Fasal (1), jika tidak terlebih dahulu dimansuhkan, hendaklah terhenti berkuatkuasa jika ketetapan diluluskan oleh kedua-dua Majlis Parlimen membatalkan undang-undang itu tetapi dengan tidak menyentuh apa-apa yang dilakukan dahulunya menurut undang-undang itu atau dengan tidak menyentuh kuasa Parlimen membuat suatu undang-undang baharu di bawah Perkara ini.

Perisytiharan  
Darurat.

**150.** (1) Jika Yang di-Pertuan Agong berpuashati bahawa suatu darurat besar sedang berlaku dan keselamatan atau kehidupan ekonomi Persekutuan atau mana-mana bahagiannya adalah terancam oleh kerananya, maka Yang di-Pertuan Agong boleh mengeluarkan suatu Perisytiharan Darurat.

(2) Jika Perisytiharan Darurat dikeluarkan dalam masa Parlimen tidak bersidang maka Yang di-Pertuan Agong hendaklah memanggil Parlimen dengan seberapa segera yang boleh dan, sehingga kedua-dua Majlis Parlimen bersidang, Yang di-Pertuan Agong boleh mengisytiharkan ordinar-ordinan yang mempunyai kuatkuasa undang-undang, jika berpuashati bahawa tindakan segera adalah dikehendaki.

(2A) Kuasa yang diberi kepada Yang di-Pertuan Agong oleh Perkara ini hendaklah termasuk kuasa mengeluarkan Perisytiharan-perisytiharan yang berlainan atas alasan-alasan yang berlainan atau dalam hal-hal keadaan yang berlainan, sama ada suatu Perisytiharan atau Perisytiharan-perisytiharan telahpun dikeluarkan atau tidak oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah Fasal (1) dan Perisytiharan atau Perisytiharan-perisytiharan itu ada berkuatkuasa.

(2B) Jika pada bila-bila masa semasa Perisytiharan Darurat berkuatkuasa, kecuali apabila kedua-dua Majlis Parlimen bersidang serentak, Yang di-Pertuan Agong berpuas hati bahawa ada hal-hal keadaan tertentu yang menyebabkan perlu baginya mengambil tindakan segera, maka Yang di-Pertuan Agong boleh mengisytiharkan apa-apa ordinar sebagaimana Yang di-Pertuan Agong dapati perlu mengikut hal-hal keadaan.

(2c) Sesuatu ordinar yang diisytiharkan di bawah Fasal (2B) hendaklah berkuatkuasa sama seperti Akta Parlimen dan hendaklah terus berkuatkuasa sepenuhnya seolah-olah

ianya Akta Parlimen sehingga ianya dibatalkan atau dimansuhkan di bawah Fasal (3) atau sehingga ianya luput di bawah Fasal (7); dan kuasa Yang di-Pertuan Agong untuk mengisytiharkan ordinar-ordinan di bawah Fasal (2B) boleh dijalankan berhubungan dengan apa-apa yang Parlimen berkuasa membuat undang-undang berkenaan dengannya, tidak kira prosedur perundangan atau lain-lain prosedur yang dikehendaki diikuti, atau bahagian dari jumlah undi yang dikehendaki diperolehi dalam mana-mana satu Majlis Parlimen.

(3) Perisytiharan Darurat dan apa-apa ordinar yang diisytiharkan di bawah Fasal (2B) hendaklah dibentangkan dalam kedua-dua Majlis Parlimen dan, jika tidak terlebih dahulu dibatalkan, hendaklah terhenti berkuatkuasa ketetapan diluluskan oleh kedua-dua Majlis itu membatalkan Perisytiharan atau ordinar itu, tetapi dengan tidak menyentuh apa-apa yang dilakukan dahulunya menurut Perisytiharan atau ordinar itu atau dengan tidak menyentuh kuasa Yang di-Pertuan Agong mengeluarkan suatu Perisytiharan baharu di bawah Fasal (1) atau mengisytiharkan apa-apa ordinar di bawah Fasal (2B).

(4) Semasa Perisytiharan Darurat berkuatkuasa kuasa pemerintah Persekutuan adalah, walau apapun peruntukan dalam Perlembagaan ini, meliputi apa-apa perkara di dalam kuasa perundangan sesuatu Negeri dan adalah termasuk memberi arahan-arahan kepada Kerajaan sesuatu Negeri atau kepada mana-mana pegawai atau pihakberkuasa Negeri itu.

(5) Tertakluk kepada Fasal (6A), semasa Perisytiharan Darurat berkuatkuasa, Parlimen boleh, walau apapun peruntukan dalam Perlembagaan ini\*, membuat undang-undang berkenaan dengan apa-apa perkara, jika Parlimen berpendapat bahawa undang-undang itu adalah dikehendaki oleh sebab darurat itu; dan Perkara 79 tidaklah dipakai bagi suatu Rang Undang-undang untuk sesuatu undang-undang itu atau bagi sesuatu pindaan kepada sesuatu Rang Undang-undang itu, dan juga tidaklah dipakai bagi apa-apa peruntukan Perlembagaan ini atau apa-apa peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang menghendaki apa-apa kebenaran atau persetujuan bagi meluluskan sesuatu undang-undang atau apa-apa rundingan mengenai undang-undang itu, atau yang menyekat

\* Lihat pindaan sementara, s. 3 (1) (a) Akta 68 tahun 1966.

perjalanan kuatkuasa sesuatu undang-undang selepas undang-undang itu diluluskan atau yang menyekat sesuatu Rang Undang-undang daripada diserahkan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk persetujuannya.

(6) Tertakluk kepada Fasal (6A), tiada apa-apa peruntukan sesuatu ordinan yang disyitiharkan di bawah Perkara ini, dan tiada apa-apa peruntukan sesuatu Akta Parlimen yang diluluskan semasa Perisytiharan Darurat berkuatkuasa dan yang menyatakan bahawa undang-undang itu adalah, pada pendapat Parlimen, dikehendaki oleh sebab darurat, boleh terbatal atas alasan bahawa ia adalah berlawanan dengan mana-mana peruntukan Perlembagaan ini\*.

(6A) Fasal (5) tidak boleh memperluaskan kuasa Parlimen berkenaan dengan apa-apa perkara mengenai hukum Syarak atau adat istiadat Melayu atau berkenaan dengan apa-apa perkara mengenai undang-undang atau adat istiadat bumiputera di sesuatu Negeri Borneo; dan juga Fasal (6) tidak boleh mengesahkan mana-mana peruntukan yang berlawanan dengan peruntukan Perlembagaan ini berhubung dengan apa-apa perkara itu atau berhubung dengan agama, kewarganegaraan, atau bahasa.

(7) Apabila habis tempoh enam bulan dari tarikh Perisytiharan Darurat itu terhenti berkuatkuasa, apa-apa ordinan yang disyitiharkan menurut Perisytiharan itu dan apa-apa undang-undang yang dibuat semasa Perisytiharan itu berkuatkuasa, iaitu setakat mana ianya tidak mungkin dapat dibuat dengan sah jika tidak kerana Perkara ini, hendaklah terhenti berkuatkuasa, kecuali mengenai perkara-perkara yang telah dilakukan atau tidak dilakukan sebelum habis tempoh enam bulan yang tersebut itu.

(8) Walau apapun yang terkandung dalam Perlembagaan ini—

(a) puas hati Yang di-Pertuan Agong yang disebut dalam Fasal (1) dan Fasal (2B) adalah muktamad dan tidak boleh dicabar atau dipersoal dalam mana-mana mahkamah atas apa-apa alasan; dan

\* Lihat pindaan sementara, S. (1) (a) Akta 68 Tahun 1966.

(b) tiada satu pun mahkamah boleh mempunyai bidang kuasa untuk melayan atau memutuskan apa-apa permohonan, persoalan atau prosiding, dalam apa jua bentuk, atas apa-apa alasan, mengenai sahnya—

(i) Perisytiharan di bawah Fasal (1) atau pengumuman yang dibuat dalam Perisytiharan itu yang bermaksud sebagaimana dinyatakan dalam Fasal (1);

(ii) kuatkuasa berterusan Perisytiharan itu;

(iii) apa-apa ordinan yang diisytiharkan di bawah Fasal (2B); atau

(iv) penerusan kuatkuasa mana-mana ordinan itu.

(9) Bagi maksud Perkara ini Majlis-majlis Parlimen hendaklah dianggap sebagai bersidang hanya jika anggota tiap-tiap satu Majlis itu masing-masingnya berhimpun bersama dan menjalankan urusan Majlis itu.

151. (1) jika mana-mana undang-undang atau ordinan yang dibuat atau disyitiharkan menurut Bahagian ini mengadakan peruntukan bagi tahanan pencegahan—

Sekatan-  
sekatan  
terhadap  
tahanan  
pencegahan.

(a) pihakberkuasa yang atas perintahnya seseorang adalah ditahan di bawah undang-undang atau ordinan itu hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh, memberitahu orang itu mengenai alasan-alasan ia ditahan dan, tertakluk kepada Fasal (3), tuduhan-tuduhan nyata yang berasaskan perintah itu dibuat, dan juga hendaklah memberi ia peluang membuat rayuan terhadap perintah itu dengan seberapa segera yang boleh.

(b) tiada seorang pun warganegara boleh ditahan seterusnya di bawah undang-undang atau ordinan itu melainkan jika suatu lembaga penasihat yang ditubuhkan sebagaimana tersebut dalam Fasal (2) telah menimbangkan apa-apa representasi yang dibuat oleh warganegara itu di bawah perenggan (a) dan lembaga penasihat itu telah membuat syor-syor mengenainya kepada Yang di-Pertuan Agong dalam masa tiga bulan setelah menerima

representasi itu, atau dalam tempoh yang lebih lama mengikut sebagaimana dibenarkan oleh Yang di-Pertuan Agong.

(2) Sesuatu lembaga penasihat yang ditubuhkan bagi maksud Perkara ini hendaklah mengandungi seorang pengerusi, yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong dan ianya hendaklah seorang yang menjadi atau telah menjadi, atau layak menjadi, hakim Mahkamah Persekutuan atau Mahkamah Tinggi, atau yang menjadi seorang hakim Mahkamah Besar sebelum Hari Malaysia, dan dua orang ahli lain yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong selepas berunding dengan Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan.

(3) Perkara ini tidaklah menghendaki mana-mana pihak-berkuasa menzahirkan nyataan-nyataan yang penzahirannya, pada pendapatnya, akan bertentangan dengan kepentingan negara.

## BAHAGIAN XII AM DAN PELBAGAI

Bahasa  
Kebangsaan.

**152.** (1) Bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu dan hendaklah ditulis dalam apa-apa tulisan sebagaimana yang diperuntukkan dengan undang-undang oleh Parlimen:

Dengan syarat bahawa—

- (a) tiada sesiapa pun boleh dilarang atau ditahan daripada menggunakan (bagi apa-apa maksud, lain daripada maksud rasmi), atau daripada mengajar atau belajar, apa-apa bahasa lain; dan
- (b) tiada apa-apa jua dalam Fasal ini boleh menyentuh hak Kerajaan Persekutuan atau hak mana-mana Kerajaan Negeri bagi memelihara dan meneruskan penggunaan dan pengajian bahasa mana-mana kaum lain dalam Persekutuan.

(2) Walau apapun peruntukan Fasal (1), selama tempoh sepuluh tahun selepas Hari Merdeka, dan selepas daripada itu sehingga selainnya diperuntukkan oleh Parlimen, bahasa Inggeris boleh digunakan dalam kedua-dua Majlis Parlimen, dalam Dewan Negeri, dan bagi segala maksud rasmi yang lain.

(3) Walau apapun peruntukan Fasal (1), selama tempoh sepuluh tahun selepas Hari Merdeka, dan selepas daripada itu sehingga selainnya diperuntukkan oleh Parlimen, naskah yang sah—

- (a) bagi segala Rang Undang-undang yang hendak dikemukakan atau pindaan-pindaan mengenainya yang hendak dicadangkan dalam mana-mana Majlis Parlimen, dan
- (b) bagi segala Akta Parlimen dan segala perundangan kecil yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan,

hendaklah dalam bahasa Inggeris.

(4) Walau apapun peruntukan Fasal (1), selama tempoh sepuluh tahun selepas Hari Merdeka, dan selepas daripada itu sehingga selainnya diperuntukkan oleh Parlimen, segala pembicaraan dalam Mahkamah Persekutuan atau Mahkamah Tinggi hendaklah dijalankan dalam bahasa Inggeris:

Dengan syarat bahawa, jika Mahkamah dan peguam bagi kedua-dua pihak bersetuju, keterangan yang diambil dalam bahasa yang digunakan oleh saksi tidak payah diterjemah atau direkodkan dalam bahasa Inggeris.

(5) Walau apapun peruntukan Fasal (1), sehingga selainnya diperuntukkan oleh Parlimen, segala pembicaraan dalam mahkamah rendah lain daripada mengambil keterangan, hendaklah dijalankan dalam bahasa Inggeris.

(6) Dalam Perkara ini, "maksud rasmi" ertinya apa-apa jua maksud Kerajaan, sama ada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri, dan termasuklah apa-apa maksud sesuatu pihakberkuasa awam.

**153.** (1) Adalah menjadi tanggungjawab Yang di-Pertuan Agong memelihara kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera mana-mana Negeri Borneo dan kepentingan-kepentingan sah kaum-kaum lain mengikut peruntukan Perkara ini.

(2) Walau apapun yang terkandung dalam Perlembagaan ini, tetapi tertakluk kepada peruntukan Perkara 40 dan peruntukan Perkara ini, Yang di-Pertuan Agong hendaklah menjalankan tugas-tugasnya di bawah Perlembagaan ini dan di bawah undang-undang persekutuan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang perlu untuk memelihara

Perizapan  
Kuota  
mengenai  
perkhid-  
matan, dsb.,  
untuk  
orang  
Melayu dan  
Bumiputera  
mana-mana  
Negeri  
Borneo.



kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera mana-mana Negeri Borneo dan juga untuk menentukan perizapan bagi orang Melayu dan bumiputera mana-mana Negeri Borneo suatu kadar yang difikirkan patut oleh Yang di-Pertuan Agong mengenai jawatan dalam perkhidmatan awam (lain daripada perkhidmatan awam sesuatu Negeri) dan mengenai biasiswa, bantuan dan lain-lain keistimewaan pelajaran atau latihan yang seumpamanya atau lain-lain kemudahan khas yang diberi atau diadakan oleh Kerajaan Persekutuan dan suatu kadar yang difikirkan patut oleh Yang di-Pertuan Agong mengenai permit dan lesen jika undang-undang persekutuan menghendaki permit atau lesen bagi menjalankan apa-apa tred atau perniagaan, dan perizapan permit dan lesen itu adalah tertakluk kepada peruntukan undang-undang itu dan Perkara ini.

(3) Bagi menentukan, mengikut Fasal (2), perizapan bagi orang Melayu dan bumiputera mana-mana Negeri Borneo mengenai jawatan-jawatan dalam perkhidmatan awam dan mengenai biasiswa bantuan dan lain-lain keistimewaan pelajaran atau latihan atau kemudahan-kemudahan khas, Yang di-Pertuan Agong boleh memberi apa-apa arahan am sebagaimana yang dikehendaki bagi maksud itu kepada mana-mana Suruhanjaya yang dimaksudkan oleh Bahagian X atau kepada mana-mana pihakberkuasa yang bertanggungjawab atas pemberian biasiswa, bantuan atau lain-lain keistimewaan pelajaran atau latihan atau kemudahan-kemudahan khas itu; dan Suruhanjaya atau pihakberkuasa itu hendaklah mematuhi arahan-arahan itu dengan sempurna.

(4) Pada menjalankan tugas-tugasnya di bawah Perlembagaan ini dan di bawah undang-undang persekutuan mengikut Fasal (1) hingga (3) Yang di-Pertuan Agong tidak boleh melucutkan jawatan awam yang dipegang oleh seseorang atau melucutkan biasiswa, bantuan atau lain-lain keistimewaan pelajaran atau latihan atau kemudahan-kemudahan khas yang dinikmati oleh orang itu.

(5) Perkara ini tidaklah mengurangkan kuasa peruntukan Perkara 136.

(6) Jika sesuatu permit atau lesen untuk menjalankan apa-apa tred atau perniagaan adalah dikehendaki oleh undang-undang persekutuan yang ada maka Yang di-Pertuan Agong boleh menjalankan tugas-tugasnya di bawah undang-undang itu mengikut apa-apa cara, atau memberi

apa-apa arahan am kepada mana-mana pihakberkuasa yang bertanggungjawab di bawah undang-undang itu atas pemberian permit atau lesen itu, sebagaimana yang dikehendaki bagi menentukan perizapan apa-apa kadar mengenai permit atau lesen itu untuk orang Melayu dan bumiputera mana-mana Negeri Borneo sebagaimana yang difikirkan patut oleh Yang di-Pertuan Agong; dan pihakberkuasa itu hendaklah mematuhi arahan itu dengan sempurna.

(7) Tiada apa-apa jua dalam Perkara ini boleh berkuatkuasa untuk melucut atau memberi kuasa supaya dilucutkan apa-apa hak, keistimewaan, permit atau lesen seseorang yang terakru kepada orang itu atau yang dinikmati atau dipegang oleh orang itu ataupun untuk memberi kuasa supaya ditolak permintaan daripada seseorang untuk membaharui sesuatu permit atau lesen itu atau memberi kuasa supaya enggan memberi sesuatu permit atau lesen kepada waris, pengganti atau penerima serahak seseorang jika pembaharuan atau pemberian itu dijangka menasabah pada ghalibnya.

(8) Walau apapun yang terkandung dalam Perlembagaan ini, jika untuk menjalankan sesuatu tred atau perniagaan sesuatu permit atau lesen adalah dikehendaki oleh undang-undang persekutuan, maka peruntukan boleh dibuat oleh undang-undang itu bagi merizapkan suatu kadar mengenai permit atau lesen itu untuk orang Melayu dan bumiputera mana-mana Negeri Sabah dan Sarawak, tetapi tiada sesuatu undang-undang itu boleh, bagi maksud menentukan perizapan itu—

- (a) melucutkan atau memberi kuasa supaya dilucutkan apa-apa hak, keistimewaan, permit atau lesen seseorang, yang terakru kepada orang itu atau yang dinikmati atau dipegang oleh orang itu; atau
- (b) memberi kuasa supaya ditolak permintaan daripada seseorang untuk membaharui sesuatu permit atau lesen itu atau memberi kuasa supaya enggan memberi sesuatu permit atau lesen kepada waris, pengganti atau penerima serahak seseorang jika pembaharuan atau pemberian itu, mengikut

peruntukan-peruntukan yang lain dalam undang-undang itu, dijangka menasabah pada ghalibnya, ataupun menahan seseorang daripada memindah milik bersama dengan perniagaannya sesuatu lesen yang boleh dipindah milik bagi menjalankan perniagaan itu; atau

- (c) jika dahulunya tiada dikehendaki apa-apa permit atau lesen bagi menjalankan tred atau perniagaan itu, memberi kuasa supaya enggan memberi sesuatu permit atau lesen kepada seseorang bagi menjalankan sesuatu tred atau perniagaan yang telah dijalankan olehnya secara bona fide sebelum sahaja mula berkuatkuasa undang-undang itu, ataupun memberi kuasa supaya ditolak kemudiannya permintaan daripada mana-mana orang itu untuk membaharui sesuatu permit atau lesen, atau memberi kuasa supaya enggan memberi sesuatu permit atau lesen itu kepada waris, pengganti atau penerima serahak mana-mana orang itu jika, mengikut peruntukan yang lain dalam undang-undang itu, pembaharuan atau pemberian itu dijangka menasabah pada ghalibnya.

(8A) Walau apapun yang terkandung dalam Perlembagaan ini, jika dalam sesuatu Universiti, Maktab atau institusi pelajaran lain yang memberi pelajaran selepas daripada Sijil Pelajaran Malaysia atau yang setaraf dengannya, bilangan tempat-tempat yang ditawarkan oleh pihakberkuasa yang bertanggungjawab atas pengelolaan Universiti, Maktab atau institusi pelajaran itu kepada calon-calon untuk sesuatu kursus pengajian adalah kurang daripada bilangan calon-calon yang berkelayakan bagi tempat-tempat itu maka sahlah bagi Yang di-Pertuan Agong menurut Perkara ini, memberi apa-apa arahan sebagaimana yang dikehendaki kepada pihakberkuasa bagi menentukan perizapan sesuatu kadar daripada tempat-tempat itu bagi orang Melayu dan bumiputera mana-mana Negeri Sabah dan Sarawak mengikut sebagaimana yang difikirkan menasabah oleh Yang di-Pertuan Agong; dan pihakberkuasa itu hendaklah mematuhi arahan itu dengan sempurna.

(9) Tiada apa-apa jua dalam Perkara ini boleh memberi kuasa kepada Parlimen menyekat perniagaan atau tred

semata-mata bagi maksud perizapan untuk orang Melayu dan bumiputera mana-mana Negeri borneo.

(9A) Dalam Perkara ini perbahasan "bumiputera" mengenai sesuatu Negeri Borneo hendaklah mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Perkara 161A.

(10) Perlembagaan bagi Negeri yang ber-Raja boleh membuat peruntukan-peruntukan yang bersamaan (dengan apa-apa pengubahsuaian yang perlu) dengan peruntukan-peruntukan Perkara ini.

154. (1) Sehingga selainnya diputuskan oleh Parlimen, perbandaran Kuala Lumpur ialah Ibu Kota Persekutuan. Ibu Kota Persekutuan.

(2) Walau apapun yang terkandung dalam Bahagian VI, Parlimen adalah mempunyai kuasa tersendiri bagi membuat undang-undang mengenai sempadan bagi Ibu Kota Persekutuan.

(3) *(Dimansuhkan).*

155. (1) Jika undang-undang yang berkuatkuasa di mana-mana bahagian Komanwel yang lain memberi apa-apa hak atau keistimewaan kepada warganegara Persekutuan maka adalah sah bagi Parlimen memberi sesuatu hak atau keistimewaan yang serupa itu kepada warganegara dari bahagian Komanwel itu yang bukan warganegara Persekutuan walau apapun peruntukan yang terkandung dalam Perlembagaan ini. Berbalas-balas layanan dengan negeri-negeri Komanwel.

(2) Sebutan dalam Fasal (1) mengenai warganegara sesuatu bahagian Komanwel berhubung dengan United Kingdom atau mana-mana bahagian Komanwel yang lain yang bukan suatu negeri Komanwel atau bukan suatu wilayah yang ditadbirkan oleh Kerajaan sesuatu negeri Komanwel yang lain daripada United Kingdom, hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai warganegara United Kingdom dan Tanah-tanah Jajahan.

(3) Perkara ini adalah dipakai berkenaan dengan Republic Ireland sebagaimana ia dipakai berkenaan dengan sesuatu negeri Komanwel.

Sumbangan bagi membantu kadar mengenai harta persekutuan dan harta Negeri.

156. Jika tanah, bangunan, atau hereditamen adalah diduduki bagi maksud-maksud awam oleh atau bagi pihak Persekutuan, sesuatu Negeri atau sesuatu pihakberkuasa awam, maka Persekutuan, Negeri atau pihakberkuasa awam itu tidaklah bertanggung membayar kadar tempatan mengenai tanah bangunan atau hereditamen itu tetapi bagi membantu pembayaran kadar-kadar itu hendaklah memberi sumbangan terhadapnya sebanyak yang dipersetujui antara Persekutuan, Negeri atau pihakberkuasa awam, mengikut mana yang berkenaan, dengan pihakberkuasa yang melevi kadar-kadar itu atau, sekiranya tiada apa-apa persetujuan, sebanyak yang ditetapkan oleh tribunal yang terdiri daripada pengerusi Tribunal Tanah yang ditubuhkan di bawah Perkara 87, yang akan mengetuai, dan dua orang ahli lain, seorang dilantik oleh satu pihak dan seorang oleh pihak yang satu lagi itu.

Mewakulkan tugas-tugas Negeri kepada suatu Negeri lain.

157. Tertakluk kepada apa-apa peruntukan undang-undang Negeri, perkiraan boleh dibuat antara mana-mana dua buah Negeri bagi membenarkan pihakberkuasa suatu Negeri menjalankan apa-apa tugas bagi pihak-pihakberkuasa Negeri yang satu lagi itu, dan perkiraan itu boleh mengadakan peruntukan bagi membuat apa-apa pembayaran mengenai apa-apa belanja yang dilakukan menurut perkiraan itu.

Perkiraan-perkiraan dengan Brunei.

158. (1) Tiada apa-apa jua dalam Perlembagaan ini boleh dikira sebagai melarang daripada dibuat atau diteruskan apa-apa perkiraan yang menurutnya—

- (a) jabatan-jabatan, pihak-pihakberkuasa atau perkhidmatan-perkhidmatan adalah disenggara oleh Kerajaan Persekutuan bersama-sama dengan Kerajaan Brunei; atau
- (b) kerajaan Persekutuan atau mana-mana pegawai atau pihakberkuasanya adalah bertindak sebagai ejen bagi Kerajaan Brunei; atau
- (c) apa-apa bahagian daripada kuasa pemerintah Persekutuan adalah dijalankan oleh mana-mana pegawai atau pihakberkuasa Kerajaan Brunei dengan persetujuan Kerajaan Persekutuan.

(2) (*Dimansuhkan*).

159. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan yang berikut dalam Perkara ini dan kepada Perkara 161E, peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini boleh dipinda oleh undang-undang persekutuan.

Pindaan Perlembagaan.

(2) (*Dimansuhkan*).

(3) Sesuatu Rang Undang-undang bagi membuat apa-apa pindaan kepada Perlembagaan (lain daripada pindaan yang dikecualikan daripada peruntukan-peruntukan Fasal ini dan sesuatu Rang Undang-undang bagi membuat apa-apa pindaan kepada sesuatu undang-undang yang diluluskan di bawah perkara 10 (4)) tidak boleh diluluskan dalam mana-mana Majlis Parlimen melainkan jika Rang Undang-undang itu telah disokong pada Bacaan Kali Kedua dan Kali Ketiga dengan undi sebanyak tidak kurang daripada dua pertiga daripada jumlah bilangan ahli Majlis Parlimen itu.

(4) Pindaan-pindaan yang berikut adalah dikecualikan daripada peruntukan-peruntukan Fasal (3), iaitu:

- (a) apa-apa pindaan kepada bahagian III dalam Jadual Kedua atau kepada Jadual Keenam atau Jadual Ketujuh;
- (b) apa-apa pindaan yang bersampingan dengan atau berbangkit daripada penjalanan apa-apa kuasa membuat undang-undang, yang diberi kepada Parlimen oleh mana-mana Peruntukan Perlembagaan ini, lain daripada Perkara 74 dan 76;
- (bb) tertakluk kepada Perkara 161E apa-apa pindaan yang dibuat bagi atau berkenaan dengan kemasukan mana-mana Negeri ke dalam Persekutuan atau pergabungan Negeri itu dengan Negeri-negeri Persekutuan, atau apa-apa pengubahsuaian yang dibuat tentang pemakaian Perlembagaan ini terhadap sesuatu Negeri yang dahulu dimasuk atau digabungkan sedemikian;
- (c) apa-apa pindaan yang berbangkit daripada sesuatu pindaan yang dibuat di bawah perenggan (a).

(5) Sesuatu undang-undang yang membuat sesuatu pindaan kepada Perkara 10 (4) undang-undang yang diluluskan di bawahnya, peruntukan Bahagian III, Perkara 38, 63 (4), 70, 71 (1), 72 (4), 152, atau 153 atau kepada Fasal ini tidak boleh diluluskan dengan tiada persetujuan Majlis Raja-Raja.

(6) Dalam Perkara ini "pindaan" termasuklah tambahan dan pemansuhan; dan dalam Perkara ini dan juga dalam Perkara 2 (a) "Negeri" termasuklah sesuatu wilayah.

Perjalanan  
kuatkuasa  
peruntukan  
peralihan  
dalam  
Akta  
Malaysia.

**159A.** Peruntukan Bahagian IV Akta Malaysia (yang mengandungi peruntukan sementara dan peralihan berhubung dengan perjalanan kuatkuasa Akta itu) adalah berkuatkuasa seolah-olah dimasukkan dalam Perlembagaan ini, dan adalah berkuatkuasa walau apapun yang terkandung dalam Perlembagaan ini sebagaimana dipinda oleh Akta itu; dan peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini, dan khususnya Fasal (1) Perkara 4 dan Perkara 159 dan 161E, adalah berkuatkuasa berhubung dengan peruntukan Bahagian 4 Akta Malaysia dengan sewajarnya.

Tafsiran.

**160.** (1) Ordinan Tafsiran dan Fasal Am, 1948, sebagaimana berkuatkuasa sebelum sahaja Hari Merdeka, setakat mana yang dinyatakan dalam Jadual Kesebelas, hendaklah dipakai bagi; mentafsirkan Perlembagaan ini sebagaimana ia dipakai bagi mentafsirkan mana-mana undang-undang bertulis yang ditakrifkan dalam Ordinan itu, tetapi dengan menggantikan sebutan mengenai Pesuruhjaya Tinggi dengan sebutan mengenai Yang di-Pertuan Agong.

(2) Dalam Perlembagaan ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain, perbahasan-perbahasan yang berikut adalah mempunyai erti-erti sebagaimana diberi dengan ini kepadanya masing-masing, iaitu—

"Akta Parlimen" ertinya undang-undang yang dibuat oleh Parlimen;

"Anggota pentadbiran", mengenai Persekutuan, ertinya seseorang yang memegang jawatan sebagai Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen atau Setiausaha Politik dan, mengenai sesuatu Negeri, ertinya seseorang yang memegang sesuatu jawatan yang bersamaan dalam Negeri itu atau yang memegang jawatan sebagai ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (lain daripada ahli kerana jawatan);

"Badan Perundangan", mengenai sesuatu Negeri, ertinya pihakberkuasa yang mempunyai kuasa di bawah Perlembagaan Negeri itu membuat undang-undang bagi Negeri itu;

"Cukai" termasuklah impos atau duti tetapi tidak termasuk kadar yang dilevi bagi maksud-maksud tempatan atau bayaran kerana perkhidmatannya yang diberi;

"Dewan Negeri" ertinya dewan perwakilan, tidak kira dengan apa jua namanya disebut, dalam Badan Perundangan sesuatu Negeri (dan khususnya termasuklah Council Negeri di Sarawak), tetapi, kecuali dalam Jadual Kelapan, termasuklah juga Majlis Mesyuarat Perundangan, tidak kira dengan apa jua namanya disebut;

"Enakmen", di mana perbahasan itu terdapat dalam Jadual Kelapan, ertinya undang-undang yang dibuat oleh Badan Perundangan sesuatu Negeri;

"Hak pencen" termasuklah hak persaraan dan hak kumpulanwang simpanan;

"Hari Merdeka" ertinya tiga puluh satu haribulan Ogos, tahun seribu sembilan ratus lima puluh tujuh;

"Hutang" termasuklah apa-apa jua tanggungan mengenai apa-apa kewajipan membayar balik wang modal dengan jalan anuiti dan apa-apa tanggungan menurut apa-apa gerenti, dan "caj hutang" hendaklah ditafsirkan sewajarnya.

"Jawatan berpendapatan" ertinya apa-apa jua jawatan sepenuh masa dalam mana-mana Perkhidmatan Awam, dan termasuklah—

- (a) jawatan seseorang hakim Mahkamah Persekutuan atau hakim Mahkamah Tinggi; dan
- (b) Jawatan Juru Odit Negara; dan
- (c) jawatan seseorang ahli Suruhanjaya Pilihanraya, jawatan seseorang ahli (lain daripada ahli *ex officio*) sesuatu Suruhanjaya yang dimaksudkan oleh Bahagian X, atau jawatan seseorang ahli (lain daripada ahli *ex officio*) mana-mana Suruhanjaya yang bersamaan yang ditubuhkan oleh Perlembagaan sesuatu Negeri; dan
- (d) apa-apa jawatan lain yang tidak dinyatakan dalam Fasal (3) Perkara 132 yang boleh diisytiharkan sebagai suatu jawatan berpendapatan oleh Akta Parlimen;

"Jawatankuasa Kaedah" (*Dimansuhkan*).

"Kadar tempatan" (*Dimansuhkan*).

“Kekosongan luar-jangka” ertinya kekosongan yang berlaku dalam Dewan Rakyat atau dalam sesuatu Dewan Negeri dengan apa-apa sebab lain daripada sebab pembubaran Parlimen atau pembubaran Dewan Negeri itu;

“Ketua Menteri” dan “Menteri Besar” ertinya yang di-pertua Majlis Mesyuarat Kerajaan dalam sesuatu Negeri, tidak kira dengan apa jua gelaran dikenali;

“Majlis Mesyuarat Kerajaan” ertinya Jumaah Menteri atau lain-lain badan, tidak kira dengan apa jua namanya disebut, yang dalam kerajaan sesuatu Negeri adalah bersamaan, sama ada ahli-ahlinya adalah Menteri-menteri atau tidak, dengan Jumaah Menteri dalam Kerajaan Persekutuan (dan khususnya termasuklah Supreme Council di Sarawak);

“Majlis Mesyuarat Perundangan” (*Dimansuhkan*).

“Maksud-maksud Negeri”, mengenai sesuatu Negeri, termasuklah maksud-maksud Negeri itu berkenaan dengan perkara-perkara yang disebutkan dalam Senarai Bersama dan berkenaan dengan apa-apa perkara lain yang mengenainya Badan Perundangan Negeri itu berkuasa membuat undang-undang;

“Maksud-maksud persekutuan” termasuklah maksud-maksud Persekutuan berkenaan dengan perkara-perkara yang disebutkan dalam Senarai Bersama dan berkenaan dengan apa-apa perkara lain yang Parlimen berkuasa membuat undang-undang mengenainya lain daripada menurut Perkara 76;

“Melayu” ertinya seseorang yang menganuti agama Islam, lazim bercakap bahasa Melayu, menurut adat istiadat Melayu dan—

(a) lahir, sebelum Hari Merdeka, di Persekutuan atau di Singapura atau ibu atau bapanya telah lahir di Persekutuan atau di Singapura, atau pada Hari Merdeka, ia adalah berdomisil di Persekutuan atau di Singapura; atau

(b) ia adalah keturunan seseorang yang tersebut;

“Meminjam” termasuklah mendapatkan wang dengan pemberian anuiti atau dengan membuat apa-apa perkiraan yang menghendaki sesuatu cukai, kadar, royalti, bayaran atau sesuatu lain dibayar sebelum tarikhnya yang sepatut atau dengan membuat apa-apa perjanjian menghendaki

Kerajaan itu membayar balik atau memulangkan balik apa-apa faedah yang ia telah nikmati di bawah perjanjian itu, dan “pinjaman” hendaklah ditafsirkan sewajarnya;

“Negeri” ertinya Negeri dalam Persekutuan;

“Negeri asing” tidaklah termasuk mana-mana bahagian Komanwel atau Republik Ireland;

“Negeri Komanwel” ertinya mana-mana negeri yang diiktiraf oleh Yang di-Pertuan Agong sebagai negeri Komanwel; dan “bahagian Komanwel” ertinya mana-mana negeri Komanwel, mana-mana tanah jajahan, tanah naungan atau negeri yang dinaungi atau mana-mana wilayah lain yang ditadbirkan oleh Kerajaan mana-mana negeri Komanwel;

“Orang asli” ertinya orang asli Semenanjung Tanah Melayu;

“Peguam Negara” ertinya Peguam Negara bagi Persekutuan;

“Pihakberkuasa awam” ertinya Yang di-Pertuan Agong, Raja atau Yang di-Pertua Negeri sesuatu Negeri, Kerajaan Persekutuan, Kerajaan sesuatu Negeri, pihakberkuasa tempatan, pihakberkuasa berkanun yang menjalankan kuasa-kuasa yang terletak padanya menurut undang-undang persekutuan atau undang-undang Negeri, mana-mana mahkamah atau tribunal lain daripada Mahkamah Persekutuan atau Mahkamah Tinggi, atau mana-mana pegawai atau pihakberkuasa yang dilantik oleh atau yang bertindak bagi pihak mana-mana daripada orang, mahkamah, tribunal atau pihakberkuasa tersebut itu;

“Pemilih” ertinya seseorang yang berhak mengundi dalam pilihanraya bagi Dewan Rakyat atau Dewan Negeri;

“Persekutuan” ertinya Persekutuan yang ditubuhkan di bawah Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu, 1957;

“Peruntukan Diraja” ertinya peruntukan yang dibuat daripada wang awam untuk penyenggaraan Yang di-Pertuan Agong, Permaisurinya, seseorang Raja atau Yang di-Pertua Negeri;

“Raja”,—

(a) mengenai Negeri Sembilan, ertinya Yang di-Pertua Besar yang bertindak bagi pihak dirinya sendiri dan Pembesar-pembesar Memerintah mengikut Perlembagaan Negeri itu; dan

- (b) mengenai Negeri-negeri lain, kecuali dalam Perkara 181 (2) dan Jadual Ketiga dan Jadual Kelima, termasuklah seseorang yang, mengikut Perlembagaan Negeri itu, menjalankan tugas-tugas Raja Negeri itu;

“Saraan” termasuklah gaji, elaun, hak pencen, perumahan percuma atau dibantu, pengangkutan percuma atau dibantu, dan lain-lain keistimewaan yang boleh dinilai dengan wang;

“Senarai Bersama” ertinya Senarai Ketiga yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan;

“Senarai Negeri” ertinya Senarai Kedua yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan;

“Undang-undang” termasuklah undang-undang bertulis, common law setakat mana ianya berkuatkuasa dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, dan apa-apa adat atau kelaziman yang mempunyai kuatkuasa undang-undang dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya;

“Undang-undang bertulis” termasuklah Perlembagaan ini dan Perlembagaan mana-mana Negeri.

“Undang-undang Negeri” ertinya—

- (a) apa-apa undang-undang yang ada berkenaan dengan sesuatu perkara yang mengenainya Badan Perundangan sesuatu Negeri berkuasa membuat undang-undang iaitu undang-undang yang diteruskan perjalanan kuatkuasanya di bawah Bahagian XIII; dan

- (b) sesuatu undang-undang yang dibuat oleh Badan Perundangan sesuatu Negeri;

“Undang-undang persekutuan” ertinya—

- (a) sesuatu undang-undang yang ada mengenai sesuatu perkara yang Parlimen berkuasa membuat undang-undang mengenainya iaitu undang-undang yang diteruskan kuatkuasanya di bawah Bahagian XIII; dan

- (b) sesuatu Akta Parlimen;

“Undang-undang yang ada” ertinya mana-mana undang-undang yang berkuatkuasa dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya sebelum sahaja Hari Merdeka;

“Warganegara” ertinya warganegara Persekutuan:

(3) Melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain, apa-apa sebutan dalam Perlembagaan ini mengenai sesuatu Bahagian, Perkara atau Jadual yang ditentukan ialah sebutan mengenai Bahagian atau Perkara dalam Perlembagaan ini, atau Jadual kepada Perlembagaan ini, apa-apa sebutan mengenai sesuatu bab, fasal, seksyen atau perenggan yang ditentukan ialah sebutan mengenai bab yang ditentukan dalam Bahagian itu, fasal yang ditentukan dalam Perkara itu, seksyen yang ditentukan dalam Jadual itu atau perenggan yang ditentukan dalam fasal atau seksyen itu, yang di dalamnya terdapat sebutan itu; dan apa-apa sebutan mengenai sesuatu kumpulan Perkara, seksyen atau penggal Perkara-perkara atau seksyen hendaklah ditafsirkan sebagai termasuk kedua-duanya sekali iaitu yang pertama dan yang akhir dalam kumpulan yang disebutkan itu.

(4) Jika di bawah Perlembagaan ini seseorang adalah dikehendaki mengangkat dan menandatangani suatu sumpah, ia hendaklah dibenarkan mematuhi kehendak itu dengan membuat dan menandatangani suatu ikrar jika ia suka berbuat demikian.

(5) Sebutan-sebutan dalam Perlembagaan ini mengenai Persekutuan dan Negeri-negeri Persekutuan dan mengenai wilayah-wilayah Persekutuan atau wilayah mana-mana Negeri Persekutuan, dan mengenai mana-mana pegawai yang memegang jawatan di bawah Persekutuan atau mana-mana pihakberkuasa atau badan dalam atau bagi Persekutuan hendaklah ditafsirkan—

- (a) berhubung dengan bila-bila masa selepas berjalan kuatkuasa Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu, 1948, dan sebelum Hari Merdeka, sebagai sebutan-sebutan mengenai Persekutuan yang ditubuhkan di bawah Perjanjian itu, dan Negeri-negeri dan Negeri-negeri Selat yang terkandung dalamnya dan mengenai wilayah-wilayah Persekutuan atau wilayah-wilayah mana-mana Negeri atau Negeri Selat yang terkandung dalamnya, dan mengenai pegawai yang bersamaan yang memegang jawatan di bawahnya atau pihakberkuasa atau badan yang bersamaan dalam atau bagi Persekutuan itu;

- (b) berhubung dengan bila-bila masa sebelum berjalan kuatkuasa Perjanjian tersebut (setakat mana kandungan ayatnya membenarkan) sebagai sebutan-sebutan mengenai mana-mana Negeri, wilayah, jawatan, pihak berkuasa atau badan yang pentafsirannya telah diperuntukkan oleh Fasal 135 (2) Perjanjian itu, mengikut sebagaimana yang berkenaan.

(6) Sebutan-sebutan dalam Perlembagaan ini mengenai sesuatu tempoh hendaklah ditafsirkan, setakat mana kandungan ayatnya membenarkan, sebagai termasuk sebutan-sebutan mengenai sesuatu tempoh yang bermula sebelum Hari Merdeka.

(7) Sebutan-sebutan dalam Perlembagaan ini mengenai Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu, 1948, hendaklah ditafsirkan, kecuali jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain, sebagai sebutan-sebutan mengenai Perjanjian itu sebagaimana yang berkuatkuasa sebelum sahaja Hari Merdeka.

## BAHAGIAN XIII

### PERLINDUNGAN TAMBAHAN BAGI NEGERI-NEGERI BORNEO

Penggunaan bahasa Inggeris dan bahasa bumiputera dalam negeri-negeri Borneo.

**161.** (1) Tiada sesuatu Akta Parlimen yang menamatkan atau menyekat penggunaan bahasa Inggeris bagi apa-apa maksud yang tersebut dalam Fasal (2) hingga (5) Perkara 152 boleh berkuatkuasa tentang penggunaan bahasa Inggeris dalam apa-apa hal yang tersebut dalam Fasal (2) Perkara ini sehingga sepuluh tahun selepas Hari Malaysia.

(2) Fasal (1) adalah dipakai—

- (a) mengenai penggunaan bahasa Inggeris dalam mana-mana Majlis Parlimen oleh seseorang ahli bagi atau dari sesuatu Negeri Borneo; dan
- (b) mengenai penggunaan bahasa Inggeris bagi pembicaraan dalam Mahkamah Tinggi di Borneo

atau dalam sesuatu Mahkamah rendah di sesuatu Negeri Borneo, atau bagi apa-apa pembicaraan dalam Mahkamah Persekutuan sebagaimana yang tersebut dalam Fasal (4); dan

- (c) mengenai penggunaan bahasa Inggeris di sesuatu Negeri Borneo dalam Dewan Negerinya atau bagi maksud-maksud rasmi yang lain (termasuk maksud-maksud rasmi Kerajaan Persekutuan).

(3) Dengan tidak menyentuh Fasal (1), tiada sesuatu Akta Parlimen sebagaimana yang tersebut dalamnya itu boleh berjalan kuatkuasanya tentang penggunaan bahasa Inggeris bagi pembicaraan dalam Mahkamah Tinggi di Sabah atau Sarawak atau bagi apa-apa pembicaraan dalam Mahkamah Persekutuan sebagaimana yang tersebut dalam Fasal (4), sehingga Akta itu atau peruntukannya yang berkaitan itu telah diluluskan oleh undang-undang Badan-badan Perundangan Negeri-negeri Borneo itu; dan tiada sesuatu Akta itu boleh berjalan kuatkuasanya tentang penggunaan bahasa Inggeris di sesuatu Negeri Sabah atau Sarawak dalam mana-mana hal lain yang tersebut dalam perenggan (b) atau (c) Fasal (2), sehingga Akta itu atau peruntukannya yang berkaitan itu telah diluluskan oleh suatu undang-undang Badan Perundangan Negeri itu.

(4) Pembicaraan dalam Mahkamah Persekutuan yang disebutkan dalam Fasal (2) dan (3) ialah apa-apa pembicaraan atas rayuan dari Mahkamah Tinggi di Borneo atau seorang hakim Mahkamah Tinggi di Borneo itu, dan apa-apa jua pembicaraan di bawah Fasal (2) Perkara 128 untuk memutuskan sesuatu soal yang telah berbangkit dalam pembicaraan di Mahkamah Tinggi di Borneo atau sesuatu mahkamah rendah di sesuatu Negeri Sabah atau Sarawak.

(5) Walau apapun yang terkandung dalam Perkara 152, dalam sesuatu Negeri Sabah atau Sarawak bahasa bumiputera yang pada masa itu digunakan dalam Negeri itu boleh digunakan dalam mahkamah-mahkamah bumiputera atau bagi apa-apa kanun undang-undang dan adat istiadat bumiputera, dan mengenai Sarawak, sehingga selainnya diperuntukkan oleh undang-undang Badan Per-

undangannya, bahasa bumiputera itu boleh digunakan oleh seseorang ahli apabila berucap dalam Dewan Negeri itu atau mana-mana jawatankuasanya.

Kedudukan istimewa bumiputera Negeri-negeri Borneo.

**161A.** (1), (2) dan (3) (*Dimansuhkan*).

(4) Perlembagaan Negeri-negeri Borneo boleh membuat peruntukan yang bersamaan (dengan apa-apa pengubahsuaian yang perlu) dengan Perkara 153.

(5) Perkara 89 tidaklah dipakai bagi sesuatu Negeri Borneo, dan Perkara 8 tidaklah membatalkan atau melarang apa-apa jua peruntukan undang-undang Negeri di sesuatu Negeri Borneo bagi merizabkan tanah untuk bumiputera-bumiputera Negeri itu atau bagi memberi milik kepada mereka, atau bagi memberi layanan keutamaan kepada mereka mengenai pemberian milik tanah oleh Negeri itu.

(6) Dalam Perkara ini "bumiputera" ertinya—

(a) mengenai Sarawak, seseorang warganegara dan ianya adalah seorang dari mana-mana satu kaum yang dinyatakan dalam Fasal (7) sebagai kaum asli Negeri itu atau ianya adalah seorang yang berketurunan campuran yang berasal hanya daripada kaum-kaum itu; dan

(b) mengenai Sabah, seseorang warganegara dan ianya adalah anak atau cucu kepada seseorang dari suatu kaum asli Sabah, dan telah lahir (sama ada atau tidak pada atau selepas Hari Malaysia) di Sabah atau bapanya, pada masa ia lahir itu, adalah berdomisil di Sabah.

(7) Kaum-kaum yang akan disifatkan sebagai asli bagi Sarawak bagi maksud-maksud takrif "bumiputera" dalam Fasal (6) ialah Bukitan, Bisayah, \*Dusun, Dayak Laut, Dayak Darat, Kadayan, Kalabit, Kayan, Kenyah (termasuk Sabup dan Sipeng), Kajang (termasuk Sekapan, Kejaman, Lehanan, Punan, Tanjong dan Kanowit), Lugat, Lisum, Melayu, Melano, Murut, Penan, Sian, Tagal, Tabun dan Ukit.

**161B.** (1) Setakat mana apa-apa peruntukan yang dibuat oleh atau di bawah sesuatu Akta Parlimen memberi hak dengan menghapuskan atau mengubah kelayakan kemastautinan untuk menjalankan amalan sebagai peguam di mahkamah dalam Negeri-negeri Borneo atau dalam mana-mana satu Negeri Borneo kepada orang yang dahulunya tidak berhak mempunyai hak itu maka peruntukan itu tidak boleh berjalan kuatkuasanya sehingga diterima dalam Negeri-negeri itu atau dalam mana-mana satu Negeri yang berkenaan itu dengan suatu undang-undang Badan Perundangannya.

Sekatan mengenai hak orang-orang yang tidak bermastautin untuk menjalankan amalan sebagai peguam di mahkamah dalam Negeri-negeri Borneo.

(2) Perkara ini adalah dipakai bagi hak menjalankan amalan sebagai peguam di hadapan Mahkamah Persekutuan apabila bersidang di Negeri-negeri Borneo dan apabila menguruskan pembicaraan-pembicaraan atas rayuan dari Mahkamah Tinggi di Borneo atau dari seseorang hakimnya atau pembicaraan yang diadakan di bawah Fasal (2) Perkara 128 bagi memutuskan sesuatu soal yang telah berbangkit dalam pembicaraan di hadapan Mahkamah Tinggi di Borneo atau sesuatu mahkamah rendah di sesuatu Negeri Sabah atau Sarawak.

**161C.** (*Dimansuhkan*).

**161D.** (*Dimansuhkan*).

**161E.** (1) Mulai dari tarikh Akta Malaysia diluluskan tiada apa-apa pindaan kepada Perlembagaan yang dibuat berhubung dengan kemasukan sesuatu Negeri Borneo ke dalam Persekutuan boleh dikecualikan daripada Fasal (3) Perkara 159 oleh Fasal (4) (*bb*) Perkara itu; dan juga tiada apa-apa pengubahsuaian yang dibuat tentang pemakaian Perlembagaan bagi sesuatu Negeri Sabah atau Sarawak boleh dikecualikan sedemikian melainkan jika pengubahsuaian itu adalah dari jenis yang akan menyama atau menyatukan kedudukan Negeri itu di bawah Perlembagaan dengan kedudukan Negeri-negeri Tanah Melayu.

Pemeliharaan kedudukan dari segi perlembagaan mengenai Negeri-negeri Borneo.

(2) Tiada apa-apa pindaan boleh dibuat kepada Perlembagaan dengan tiada persetujuan Yang di-Pertua bagi Negeri Sabah dan Sarawak itu atau tiap-tiap satu Negeri Borneo yang berkenaan itu jika pindaan itu adalah dari jenis



yang akan menyentuh perjalanan kuatkuasa Perlembagaan mengenai mana-mana daripada perkara yang berikut:

- (a) hak untuk menjadi warganegara bagi orang-orang yang lahir sebelum Hari Malaysia oleh sebab perhubungan mereka dengan Negeri itu, dan (kecuali setakat mana peruntukan yang berlain-lain dibuat oleh Perlembagaan sebagaimana berkuatkuasa pada hari Malaysia) layanan yang sama rata, tentang kewarganegaraan mereka sendiri dan juga kewarganegaraan orang-orang lain, bagi orang-orang yang lahir atau bermastautin di Negeri itu dan bagi orang-orang yang lahir atau bermastautin di Negeri-negeri Tanah Melayu;
  - (b) keanggotaan dan bidangkuasa Mahkamah Tinggi di Borneo dan perlantikan, pemecatan dan penggantungan jawatan hakim-hakim mahkamah itu;
  - (c) perkara-perkara yang Badan Perundangan bagi Negeri itu boleh (atau Parlimen tidak boleh) membuat undang-undang mengenainya; dan kuasa pemerintah Negeri itu dalam perkara-perkara itu, dan (setakat mana yang berkaitan dengan perkara-perkara itu) perkiraan-perkiraan kewangan antara Persekutuan dengan Negeri itu;
  - (d) Agama dalam Negeri itu, penggunaan apa-apa bahasa dalam Negeri itu atau dalam Parlimen dan layanan istimewa bagi bumiputera Negeri itu;
  - (e) penguntukan bagi Negeri itu, dalam Parlimen yang dipanggil bermesyuarat sebelum akhir bulan Ogos, 1970, sesuatu kuota ahli-ahli Dewan Rakyat yang tidak kurang, mengikut kadar jumlah yang diuntukkan bagi Negeri-negeri lain yang menjadi anggota Persekutuan pada Hari Malaysia, daripada kuota yang diuntukkan bagi Negeri itu pada Hari Malaysia
- (3) Tiada apa-apa pindaan kepada Perlembagaan yang menyentuh perjalanan kuatkuasanya tentang kuota ahli-ahli Dewan Rakyat yang diuntukkan bagi sesuatu Negeri Sabah atau Sarawak boleh dikira bagi maksud Fasal (1) sebagai menyama atau menyatukan kedudukan Negeri itu dengan kedudukan Negeri-negeri Tanah Melayu.

(4) Mengenai apa-apa hak dan kuasa yang diberi oleh undang-undang persekutuan kepada Kerajaan sesuatu Negeri Sabah atau Sarawak tentang kemasukan dan kemastautin dalam Negeri itu dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya (sama ada atau tidak undang-undang itu diluluskan sebelum Hari Malaysia), Fasal (2) hendaklah dipakai, kecuali setakat mana undang-undang itu memperuntukkan atasnya, seolah-olah undang-undang itu telah dimasukkan dalam Perlembagaan dan hak dan kuasa itu telah dimasukkan antara perkara-perkara yang tersebut dalam perenggan (a) hingga (e) Fasal itu.

(5) Dalam Perkara ini "pindaan" termasuklah tambahan dan pemansuhan.

161F. (Dimansuhkan).

161G. (Dimansuhkan).

161H. (Dimansuhkan).

### BAHAGIAN XIII

#### PERUNTUKAN SEMENTARA DAN PERALIHAN

162. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan yang berikut dalam Perkara ini dan Perkara 163, undang-undang yang ada hendaklah, sehingga dimansuhkan oleh pihak berkuasa yang berkuasa berbuat demikian itu di bawah Perlembagaan ini, terus berkuatkuasa pada dan selepas Hari Merdeka, dengan apa-apa pengubahsuaian sebagaimana yang dibuat dalamnya di bawah Perkara ini dan tertakluk kepada apa-apa pindaan yang dibuat oleh undang-undang persekutuan atau undang-undang Negeri.

Undang-undang yang ada.

(2) Jika sesuatu undang-undang Negeri meminda atau memansuhkan sesuatu undang-undang yang ada dan yang dibuat oleh Badan Perundangan Negeri, maka tiadalah apa-apa jua dalam Perkara 75 boleh membatalkan pindaan atau pemansuhan itu semata-mata oleh sebab undang-undang yang ada itu, berkenaan dengan sesuatu perkara yang Parlimen dan juga Badan Perundangan sesuatu Negeri berkuasa membuat undang-undang mengenainya, adalah undang-undang persekutuan sebagaimana ditakrifkan oleh Perkara 160.

(3) Sebutan-sebutan mana-mana undang-undang yang ada mengenai Persekutuan yang ditubuhkan di bawah

Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu, 1948, dan wilayah-wilayahnya, dan mengenai mana-mana pegawai yang memegang jawatan di bawah Persekutuan itu atau mengenai mana-mana pihak berkuasa atau badan yang ditubuhkan dalam atau bagi Persekutuan itu (termasuklah apa-apa sebutan yang kena ditafsirkan sebagai sebutan-sebutan demikian itu menurut Fasal 135 Perjanjian tersebut itu) hendaklah ditafsir, mengenai bila-bila masa pada atau selepas Hari Merdeka, sebagai sebutan-sebutan mengenai Persekutuan (iaitu, Persekutuan yang ditubuhkan di bawah Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu, 1957) dan wilayah-wilayahnya dan mengenai pegawai, pihak berkuasa atau badan yang bersamaan masing-masing itu; dan Yang di-Pertuan Agong boleh dengan perintah mengisytiharkan pegawai, pihakberkuasa atau badan manakah yang akan dikira bagi maksud-maksud Fasal ini sebagai bersamaan dengan pegawai, pihakberkuasa atau badan yang disebut dalam mana-mana undang-undang yang ada.

(4) *(Dimansuhkan)*.

(5) Apa-apa perintah yang dibuat di bawah Fasal (4) boleh dipinda atau dimansuhkan oleh pihak berkuasa yang berkuasa membuat undang-undang mengenai perkara yang dimaksudkan oleh perintah itu.

(6) Mana-mana mahkamah atau tribunal yang memakai peruntukan mana-mana undang-undang yang ada dan yang belum diubahsuai pada atau selepas Hari Merdeka di bawah Perkara ini atau selainnya boleh memakainya dengan apa-apa pengubahsuaian sebagaimana yang perlu untuk menyelaraskannya dengan peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini.

(7) Dalam Perkara ini "pengubahsuaian" termasuklah pindaan, penyesuaian dan pemansuhan.

163. *(Dimansuhkan)*.

164. *(Dimansuhkan)*.

165. *(Dimansuhkan)*.

166. (1) *(Dimansuhkan)*.

(2) *(Dimansuhkan)*.

(3) Mana-mana tanah yang terletak pada Negeri Melaka atau Negeri Pulau Pinang yang sebelum sahaja Hari Merdeka telah diduduki atau digunakan oleh Kerajaan

Persekutuan atau Kerajaan Baginda Queen atau oleh mana-mana pihak berkuasa awam bagi maksud-maksud yang, mengikut peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini, menjadi maksud-maksud persekutuan hendaklah pada dan selepas Hari Merdeka diduduki, digunakan, dikawal dan diuruskan oleh Kerajaan Persekutuan atau, mengikut mana yang berkenaan, oleh pihak berkuasa awam yang tersebut itu, selagi tanah itu dikehendaki bagi maksud-maksud persekutuan, dan—

(a) tidak boleh dilepaskan atau digunakan bagi apa-apa maksud, lain daripada maksud-maksud persekutuan dengan tiada persetujuan Kerajaan Persekutuan, dan

(b) tidak boleh digunakan bagi maksud-maksud persekutuan yang lain daripada yang baginya tanah itu telah digunakan sebelum sahaja Hari Merdeka dengan tiada persetujuan Kerajaan Negeri itu.

(4) *(Dimansuhkan)*.

(5) *(Dimansuhkan)*.

(6) *(Dimansuhkan)*.

(7) *(Dimansuhkan)*.

(8) Mana-mana harta yang, sebelum sahaja Hari Merdeka, kena dikembalikan kepada Baginda Queen mengenai Kerajaan Melaka atau Kerajaan Pulau Pinang hendaklah pada Hari Merdeka kena dikembalikan kepada Negeri Melaka atau Negeri Pulau Pinang, mengikut mana yang berkenaan.

167. (1) *(Dimansuhkan)*.

(2) *(Dimansuhkan)*.

(3) *(Dimansuhkan)*.

(4) *(Dimansuhkan)*.

(5) *(Dimansuhkan)*.

(6) Peguam Negara hendaklah, atas permintaan mana-mana pihak yang ada kepentingan dalam apa-apa pembicaraan, lain daripada pembicaraan antara Persekutuan dengan sesuatu Negeri, memperakui sama ada, menurut Perkara ini apa-apa hak, tanggungan atau kewajipan adalah suatu hak, tanggungan atau kewajipan

Hak,  
tanggungan  
dan  
kewajipan.

bagi Persekutuan atau bagi sesuatu Negeri yang tersebut dalam perakuan itu, dan sesuatu perakuan itu adalah semua mahkamah, tetapi perakuan itu tidak berkuatkuasa menyentuh hak dan kewajiban Persekutuan dan mana-mana Negeri di antara sesamanya sendiri.

(7) Persekutuan hendaklah membuat pembayaran tahunan yang sama sebagaimana yang kena dibuat sebelum Hari Merdeka di bawah Perkara 2 dalam Triti yang dibuat pada enam haribulan Mei tahun seribu lapan ratus enam puluh sembilan antara Baginda Queen sebagai satu pihak dengan Raja Siam sebagai pihak yang satu lagi berkenaan dengan Negeri Kedah.

168. (Dimansuhkan).

169. Bagi maksud Perkara 76 (1)—

- (a) apa-apa triti, perjanjian atau konvensyen yang dibuat sebelum Hari Merdeka antara Baginda Queen atau pendahulu-pendahulunya atau Kerajaan United Kingdom bagi pihak Persekutuan atau mana-mana bahagiannya dengan suatu negeri lain hendaklah disifatkan sebagai suatu triti, perjanjian atau konvensyen antara Persekutuan dengan negeri yang lain itu;
- (b) apa-apa keputusan yang diambil oleh sesuatu pertubuhan antarabangsa dan diterima sebelum Hari Merdeka oleh Kerajaan United Kingdom bagi pihak Persekutuan atau mana-mana bahagiannya hendaklah disifatkan sebagai keputusan sesuatu pertubuhan antarabangsa yang dianggotai oleh Persekutuan;
- (c) mengenai Negeri-negeri Borneo, perenggan (a) dan (b) hendaklah dipakai dengan menggantikan sebutan mengenai Hari Merdeka dengan sebutan mengenai Hari Malaysia dan sebutan mengenai Persekutuan atau mana-mana bahagiannya hendaklah digantikan dengan sebutan mengenai wilayah-wilayah yang terkandung dalam negeri-negeri itu atau mana-mana daripadanya.

170. (Dimansuhkan).

171. (Dimansuhkan).

172. (Dimansuhkan).

173. (Dimansuhkan).

174. (Dimansuhkan).

175. Orang yang memegang jawatan sebagai Pengarah Odit sebelum sahaja Hari Merdeka hendaklah, mulai dari hari itu memegang jawatan sebagai Juru Odit Negara mengikut syarat-syarat yang tidak kurang baiknya daripada syarat-syarat yang dikenakan kepadanya sebelum sahaja Hari Merdeka.

Pengarah Odit hendaklah menjadi Juru Odit Negara yang pertama.

176. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini dan mana-mana undang-undang yang ada, semua orang yang berkhidmat berhubung dengan hal ehwal Persekutuan sebelum sahaja Hari Merdeka hendaklah terus mempunyai kuasa-kuasa itu juga dan menjalankan tugas-tugas itu juga pada Hari Merdeka mengikut syarat-syarat sebagaimana yang dikenakan kepada mereka sebelum sahaja hari itu.

Pertukaran pegawai-pegawai.

(2) Perkara ini tidak dipakai bagi Pesuruhjaya Tinggi atau Ketua Setiausaha.

177. Seseorang yang memegang jawatan di bawah Persekutuan menurut mana-mana peruntukan Bahagian ini oleh kerana orang itu telah menjadi pemegang suatu jawatan yang bersamaan sebelum sahaja Hari Merdeka boleh, sehingga selainnya diperuntukkan oleh Parlimen, menjalankan tugas-tugasnya dengan tidak payah mengangkat sumpah sebagaimana yang dikehendaki bagi pemegang-pemegang lain jawatan itu.

Melepaskan atau menanggungkan sumpah jawatan jika perantikan berjalan terus di bawah Bahagian ini.

178. Sehingga selainnya diperuntukkan oleh Parlimen, saraan yang kena dibayar kepada orang-orang yang memegang jawatan Perdana Menteri dan jawatan Menteri-menteri lain hendaklah sama seperti yang kena dibayar, sebelum sahaja Hari Merdeka, kepada Ketua Menteri dan Menteri-menteri lain Persekutuan.

Saraan selepas Hari Merdeka.

179. Apa-apa perjanjian yang berkuatkuasa sebelum sahaja Hari Merdeka mengenai kadar saraan yang kena dibayar oleh Persekutuan dan mana-mana Negeri berkenaan dengan apa-apa pekerjaan yang disebutkan dalam Perkara 133 (2) hendaklah terus berkuatkuasa sehingga diganti dengan suatu perjanjian atau undang-undang persekutuan yang baru.

Sumbangan mengenai perkhidmatan bersama.

Pemeliharaan  
pencen, dsb.

**180.** (1) Jadual Kesepuluh kepada Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu, 1948, hendaklah terus berkuatkuasa pada dan selepas Hari Merdeka, tetapi dengan diubahsuai supaya apa-apa sebutan dalamnya mengenai Pesuruhjaya Tinggi ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Yang di-Pertuan Agong.

(2) Jadual yang tersebut itu hendaklah bagi maksud-maksud Perlembagaan ini disifatkan sebagai undang-undang persekutuan dan boleh, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perkara 147, dipinda dan dimansuhkan sewajarnya.

(3) Dalam pemakaiannya bagi mana-mana undang-undang yang dibuat di bawah Fasal (2), Perkara 147 hendaklah mempunyai kuatkuasa seolah-olah sebutan-sebutan dalamnya itu mengenai sesuatu award itu adalah termasuk pampasan.

#### BAHAGIAN XIV

##### PERKECUALIAN BAGI KEDAULATAN RAJA-RAJA, DSB.

Perkecualian  
bagi  
kedaulatan  
Raja-Raja,  
dsb.

**181.** (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini, kedaulatan, hak kedaulatan, kuasa dan bidangkuasa Raja-Raja dan hak kedaulatan, kuasa dan bidangkuasa Pembesar-pembesar Memerintah Negeri Sembilan dalam wilayah mereka masing-masing sebagaimana yang telah ada dan dinikmati hingga sekarang adalah tetap tidak tersentuh.

(2) Tiada apa-apa pembicaraan boleh dibawa dalam mana-mana mahkamah terhadap Raja bagi sesuatu Negeri atas sifat dirinya sendiri.

#### JADUAL-JADUAL

##### JADUAL PERTAMA

##### SUMPAH BAGI PEMOHON-PEMOHON PENDAFTARAN ATAU MASUKAN

Perkara 18 (1),  
19 (9).

Saya  
beralamat di  
dengan ini mengaku atas sumpah bahawa saya adalah dengan sesungguhnya dan sepenuhnya menolak dan meluputkan segala kesetiaan saya kepada mana-mana negeri atau Negara di luar Persekutuan, dan saya bersumpah bahawa saya akan jujur dan menumpahkan segala taat setia saya yang sebenar kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan akan menjadi seorang warganegara Persekutuan yang sebenar, setia dan jujur.

#### JADUAL KEDUA

##### BAHAGIAN I

Perkara 39.

Perkara 14 (1) (a).

##### KEWARGANEGARAAN DENGAN CARA KUATKUASA UNDANG-UNDANG BAGI ORANG-ORANG YANG LAHIR SEBELUM HARI MALAYSIA

1. (1) Tertakluk kepada peruntukan Bahagian III Perlembagaan ini dan kepada sesuatu yang dilakukan di bawahnya sebelum Hari Malaysia, orang-orang yang berikut yang lahir sebelum Hari Malaysia adalah warganegara dengan cara kuatkuasa undang-undang, iaitu:

- (a) tiap-tiap orang yang sebelum sahaja Hari Merdeka menjadi warganegara Persekutuan menurut mana-mana peruntukan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu, 1948, sama ada dengan cara kuatkuasa undang-undang atau selainnya;
- (b) tiap-tiap orang yang lahir di Persekutuan pada atau selepas Hari Merdeka tetapi sebelum bulan Oktober, 1962;
- (c) tiap-tiap orang yang lahir di Persekutuan selepas bulan September, 1962, dan sekurang-kurangnya ibu atau bapanya pada masa kelahiran itu adalah seorang warganegara atau bermastautin tetap di Persekutuan, atau tiap-tiap orang yang pada masa lahir tidak menjadi warganegara mana-mana negeri lain;
- (d) tiap-tiap orang yang lahir di luar Persekutuan pada atau selepas Hari Merdeka, dan bapanya pada masa kelahiran itu adalah seorang warganegara dan juga telah lahir di Persekutuan atau pada masa kelahiran itu berada dalam perkhidmatan di bawah Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan sesuatu Negeri;
- (e) tiap-tiap orang yang lahir di luar Persekutuan pada atau selepas Hari Merdeka dan bapanya, pada masa lahir itu, adalah seorang warganegara, jika dalam masa satu tahun selepas ia lahir itu atau dalam masa sesuatu tempoh yang lebih lanjut sebagaimana yang dibenarkan oleh Kerajaan Persekutuan dalam sesuatu hal tertentu, kelahiran itu didaftarkan di suatu pejabat konsol Persekutuan, atau, jika kelahiran itu berlaku di Singapura, Sarawak, Brunei atau Borneo Utara, kelahiran itu didaftarkan dengan Kerajaan Persekutuan.

(2) Seseorang tidak menjadi seorang warganegara menurut perenggan (b) atau (c) seksyen-kecil (1) jika, pada masa ia lahir, bapanya yang bukan seorang warganegara ada mempunyai apa-apa imuniti daripada guaman dan proses undang-undang

2. Tertakluk kepada peruntukan Bahagian III Perlembagaan ini, seseorang yang biasanya bermastautin di sesuatu Negeri Borneo atau di Brunei pada Hari Malaysia adalah seorang warganegara dengan cara kuatkuasa undang-undang jika sebelum sahaja hari itu ia adalah seorang warganegara United Kingdom dan Tanah-tanah Jajahan; dan:

- (a) telah lahir di wilayah yang terkandung dalam Negeri-negeri Sabah dan Sarawak; atau
- (b) telah menjadi seorang warganegara United Kingdom dan Tanah-tanah Jajahan dengan cara pendaftaran di wilayah itu atau dengan cara atau disebabkan oleh masukan di wilayah itu.

## BAHAGIAN II

### KEWARGANEGARAAN DENGAN CARA KUATKUASA UNDANG-UNDANG BAGI ORANG-ORANG YANG LAHIR PADA ATAU SELEPAS HARI MALAYSIA

1. Tertakluk kepada peruntukan Bahagian III Perlembagaan ini, orang-orang yang berikut yang lahir pada atau selepas Hari Malaysia adalah warganegara dengan cara kuatkuasa undang-undang, iaitu:

- (a) tiap-tiap orang yang lahir di Persekutuan dan sekurang-kurangnya ibu atau bapanya, pada masa kelahiran itu, adalah seorang warganegara atau berma'istau'in tetap di Persekutuan; dan
- (b) tiap-tiap orang yang lahir di luar Persekutuan dan bapanya pada masa ia lahir itu adalah seorang warganegara dan telah lahir di Persekutuan atau, pada masa ia lahir itu, berada dalam perkhidmatan Persekutuan atau perkhidmatan sesuatu Negeri; dan
- (c) tiap-tiap orang yang lahir di luar Persekutuan dan bapanya, pada masa kelahiran itu, adalah seorang warganegara, dan dalam masa satu tahun selepas kelahiran itu berlaku atau dalam masa sesuatu tempoh yang lebih lanjut sebagaimana yang dibenarkan oleh Kerajaan Persekutuan dalam sesuatu hal tertentu, kelahiran itu didaftarkan di suatu pejabat konsol Persekutuan atau, jika kelahiran itu berlaku di Brunei atau di sesuatu wilayah yang ditetapkan bagi maksud ini dengan perintah Yang di-Pertuan Agong, kelahiran itu didaftarkan dengan Kerajaan Persekutuan; dan
- (d) tiap-tiap orang yang lahir di Singapura dan sekurang-kurangnya ibu atau bapanya, pada masa kelahiran itu, adalah seorang warganegara dan orang itu, pada masa ia lahir tidak menjadi seorang warganegara dengan apa-apa cara melainkan dengan menurut perenggan ini; dan
- (e) tiap-tiap orang yang lahir di Persekutuan dan pada masa ia lahir tidak menjadi warganegara mana-mana negeri dengan apa-apa cara melainkan dengan menurut perenggan ini.

2. (1) Seseorang tidak menjadi seorang warganegara menurut perenggan (a), (d) atau (e) seksyen 1 jika, pada masa lahir, bapanya yang bukan seorang warganegara ada mempunyai apa-apa imuniti daripada guaman dan proses undang-undang sebagaimana yang diberi kepada wakil sesuatu Negara yang dipersembahkan dengan tauliahnya kepada Yang di-Pertuan Agong, atau jika bapanya itu adalah orang negara musuh dan kelahirannya itu berlaku di suatu tempat yang ditakluk oleh musuh itu.

(2) Dalam seksyen 1, sebutan dalam perenggan (b) mengenai seseorang yang lahir di Persekutuan termasuklah kelahiran sebelum Hari Malaysia di mana-mana wilayah yang terkandung dalam Negeri-negeri Sabah dan Sarawak.

(3) Bagi maksud perenggan (e) seksyen 1, seseorang hendaklah dikira sebagai ada memiliki, pada masa ia lahir, sesuatu kewarganegaraan yang diperolehinya dalam masa satu tahun kemudiannya menurut peruntukan-peruntukan yang bersamaan dengan perenggan (c) seksyen 1 atau selainnya.

## BAHAGIAN III

Perkara 31.

### PERUNTUKAN TAMBAHAN MENGENAI KEWARGANEGARAAN

#### Menteri

1. Tugas-tugas Kerajaan Persekutuan di bawah Bahagian III Perlembagaan ini hendaklah dijalankan oleh mana-mana Menteri Kerajaan Persekutuan yang diarahkan dari semasa kesemasa oleh Yang di-Pertuan Agong, dan sebutan dalam Jadual ini mengenai Menteri hendaklah ditafsirkan sewajarnya.
2. Suatu keputusan Kerajaan Persekutuan di bawah Bahagian III Perlembagaan ini tidaklah tertakluk kepada rayuan atau ulangkaji dalam mana-mana mahkamah.
3. *(Dimansuhkan)*.
4. (1) Menteri boleh mewakili kepada mana-mana pegawai Kerajaan Persekutuan atau, dengan persetujuan Raja atau Gabnor sesuatu Negeri, kepada mana-mana pegawai Kerajaan Negeri itu, mana-mana daripada tugasnya di bawah Bahagian III Perlembagaan ini mengenai kewarganegaraan dengan cara pendaftaran dan penyimpanan daftar-daftar, dan juga, berhubung dengan perintah-perintah di bawah perenggan (c) Fasal (1) Perkara 25 atau di bawah Perkara 26, mana-mana daripada tugasnya di bawah Perkara 27 sebelum daripada memutuskan sama ada hendak membuat sesuatu perintah itu; tetapi sesiapa yang tidak puashati dengan keputusan orang yang kepadanya tugas-tugas Menteri itu diperwakilan sedemikian boleh merayu kepada Menteri.
- (2) Menteri boleh juga, dengan persetujuan Gabnor bagi Negeri yang berkenaan itu, mewakili kepada suatu pihakberkuasa sesuatu Negeri Borneo (tertakluk atau tidak tertakluk kepada syarat-syarat sesuatu rayuan dari pihakberkuasa itu kepada Menteri) mana-mana daripada tugas Menteri di bawah Fasal (6) Perkara 28A yang tidak dikehendaki diwakilan oleh Fasal 7 Perkara itu.
- (3) Seksyen-kecil (1) hendaklah dipakai bagi membuat senarai di bawah Fasal (2) Perkara 19A sebagaimana ia dipakai bagi kewarganegaraan dengan cara pendaftaran, dan bagi membatalkan di bawah Fasal (4) Perkara 19A sesuatu senarai di bawah Perkara itu sebagaimana ia dipakai bagi sesuatu perintah di bawah Perkara 26.
5. *(Dimansuhkan)*.

#### Tugas-tugas Menteri

6. Tertakluk kepada undang-undang persekutuan, Menteri boleh membuat kaedah-kaedah dan menetapkan borang-borang bagi maksud menjalankan tugas-tugasnya di bawah Bahagian III Perlembagaan ini.

7. Apa-apa kuasa Kerajaan Persekutuan untuk melanjutkan bagi maksud-maksud Bahagian III Perlembagaan ini, tempoh mendaftarkan sesuatu kelahiran yang berlaku di luar Persekutuan boleh dijalankan sebelum atau selepas kelahiran itu didaftarkan.

8. *(Dimansuhkan).*

9. Apa-apa pemberitahu yang akan diberi oleh Menteri kepada seseorang di bawah Perkara 27 boleh dihantar kepada orang itu di alamatnya yang akhir yang diketahui, atau, bagi seseorang yang berumur kurang daripada dua puluh satu tahun (yang bukan seorang perempuan bersuami), kepada ibu bapanya atau penjaganya di alamat ibu bapa atau penjaga itu yang akhir yang diketahui; dan jika sesuatu alamat ke mana pemberitahu boleh dihantar kepada seseorang di bawah seksyen ini tidak diketahui dan tidak dapat ditentukan selepas siasatan yang berpatutan dibuat, maka pemberitahu itu boleh diberi dengan menyiarkan dalam *Warta*.

10. (1) Adalah menjadi kewajipan Menteri menyusun dan menyenggara:

- (a) suatu daftar warganegara-warganegara dengan cara pendaftaran;
- (b) suatu daftar warganegara-warganegara dengan cara masukan;
- (c) suatu daftar orang-orang kepada siapa perakuan-perakuan telah dikeluarkan di bawah Fasal (1) Perkara 30;
- (d) suatu daftar orang-orang yang telah menolak atau telah dilucutkan kewarganegaraan di bawah mana-mana peruntukan Bahagian III Perlembagaan ini;
- (e) *(Dimansuhkan).*
- (f) suatu indeks abjad semua orang yang disebutkan dalam perenggan (a) hingga (d).

(2) Sebutan dalam seksyen ini mengenai warganegara-warganegara dengan cara pendaftaran atau dengan cara masukan hendaklah ditafsirkan mengikut Perkara 28 seolah-olah seksyen ini adalah termasuk antara peruntukan-peruntukan yang dimaksudkan oleh Perkara itu.

11. Jika Menteri ada sebab mempercayai bahawa sesuatu kesilapan adalah terdapat dalam sesuatu daftar yang disusun di bawah seksyen 10, ia hendaklah, selepas memberitahu orang yang berkenaan itu dan selepas menimbang apa-apa rayuan daripadanya, membuat apa-apa perubahan yang didapati perlu oleh Menteri bagi membetulkan kesilapan itu.

12. Tertakluk kepada seksyen 11, daftar tersebut itu hendaklah menjadi suatu keterangan muktamad mengenai perkara yang terkandung dalamnya.

13-15. *(Dimansuhkan).*

#### *Kesalahan-kesalahan*

16. (1) Adalah menjadi suatu kesalahan yang boleh dihukum penjara selama dua tahun atau denda sebanyak satu ribu ringgit atau kedua-duanya bagi seseorang:

- (a) dengan diketahuinya membuat sesuatu pernyataan palsu dengan tujuan mendorong Menteri memberi atau menolak sesuatu permohonan di bawah Bahagian III Perlembagaan ini, termasuk permohonan bagi menentukan sama ada pemohon itu adalah seorang warganegara dengan cara kuatkuasa undang-undang; atau
- (b) mempalsukan atau dengan tiada kuasa yang sah mengubah sesuatu perakuan sama ada dikeluarkan atau diberi di Persekutuan atau di mana-mana tempat lain, atau dengan tiada kuasa yang sah menggunakan atau ada dalam miliknya sesuatu perakuan yang telah dipalsukan atau diubah sedemikian; atau
- (c) tidak mematuhi apa-apa kehendak yang dikenakan ke atasnya oleh mana-mana kaedah yang dibuat di bawah seksyen 6 mengenai hal menyerahkan perakuan;
- (d) menyamar atau dengan palsu merupakan dirinya sebagai atau bukan sebagai seorang yang kepadanya suatu perakuan, sama ada dikeluarkan di Persekutuan atau di mana-mana tempat lain, telah dikeluarkan atau diberi dengan sempurna.

(2) Dalam seksyen ini "perakuan" ertinya sesuatu perakuan dari jenis-jenis yang berikut yang dikeluarkan di bawah Bahagian III Perlembagaan ini, iaitu—

- (a) sesuatu perakuan pendaftaran atau perakuan masukan sebagai seorang warganegara; dan
- (b) sesuatu perakuan pendaftaran yang disempurnakan di suatu pejabat konsol Persekutuan atau di mana tempat lain di luar Persekutuan; dan
- (c) apa-apa perakuan yang disebutkan dalam Perkara 30.

#### *Tafsiran*

17. Berhubung dengan seseorang anak luarnikah, sebutan mengenai bapa atau ibu-bapa, atau ibu atau bapanya adalah, bagi maksud Bahagian III Perlembagaan ini, ditafsirkan sebagai sebutan mengenai ibunya, dan oleh yang demikian seksyen 19 dalam Jadual ini tidaklah dipakai bagi orang itu.

18. Mengenai seseorang anak angkat yang pengambilannya sebagai anak angkat telah didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berkuatkuasa di Persekutuan, termasuk mana-mana undang-undang itu yang berkuatkuasa sebelum Hari Merdeka, Fasal (3) Perkara 15 hendaklah dipakai seolah-olah sebutan mengenai bapanya digantikan dengan sebutan mengenai orang yang mengambilnya sebagai anak angkat itu, dan sebutan dalam Fasal itu dan seksyen 9 Bahagian ini mengenai ibu-bapanya hendaklah ditafsirkan sewajarnya.

19. Apa-apa sebutan dalam Bahagian III Perlembagaan ini mengenai taraf atau perihal bapa seseorang pada masa orang itu lahir hendaklah, mengenai seseorang yang lahir selepas bapanya mati, ditafsirkan sebagai sebutan mengenai taraf atau perihal bapanya pada masa bapanya mati; dan jika bapanya mati sebelum Hari Merdeka dan orang itu lahir pada atau selepas Hari Merdeka, maka taraf atau perihal yang tetap dipakai bagi bapa itu sekiranya ia mati selepas Hari Merdeka hendaklah disifatkan sebagai taraf atau perihal yang dipakai baginya pada masa ia mati itu. Seksyen ini adalah berkuatkuasa mengenai Hari Malaysia sebagaimana ianya berkuatkuasa mengenai Hari Merdeka.

19A. Bagi maksud I atau II Jadual ini, seseorang yang lahir dalam sesuatu kapal atau kapal udara berdaftar hendaklah disifatkan sebagai telah lahir di tempat di mana kapal atau kapal udara itu telah didaftarkan, dan seseorang yang lahir dalam sesuatu kapal atau kapal udara tak berdaftar kepunyaan Kerajaan mana-mana negeri hendaklah disifatkan sebagai telah lahir dalam negeri itu.

19B. Bagi maksud Bahagian I atau II Jadual ini seseorang kanak-kanak yang baru lahir yang dijumpai terdedah di mana-mana tempat hendaklah dianggap, sehingga akasnya dibuktikan, sebagai telah lahir di tempat itu dan ibunya bermastautin tetap di tempat itu; dan jika kanak-kanak itu dikira menurut seksyen ini sebagai telah lahir sedemikian, maka tarikh ia dijumpai hendaklah dikira sebagai tarikh lahirnya.

19C. Bagi maksud Bahagian I atau II Jadual ini seseorang hendaklah dikira sebagai telah bermastautin tetap pada bila-bila masa dalam Persekutuan jika, tetapi hanya jika, ia pada masa itu bermastautin di Persekutuan dan:

- (a) ia pada masa itu ada mempunyai kebenaran yang diberi dengan tiada had masa di bawah mana-mana undang-undang persekutuan untuk bermastautin di Persekutuan; atau
- (b) adalah diperakui oleh Kerajaan Persekutuan bahawa ia akan dikira bagi maksud-maksud itu sebagai seorang yang bermastautin tetap di Persekutuan.

20. (1) Pada mengira sesuatu kemastautinan di Persekutuan bagi maksud Bahagian III Perlembagaan ini:

- (a) tempoh seseorang berada di luar Persekutuan selama tidak kurang daripada enam bulan;
- (b) tempoh seseorang berada di luar Persekutuan bagi maksud menjalani apa-apa jenis pelajaran, di mana-mana negeri, dan selama apa-apa tempoh, yang diluluskan dari semasa kesemasa oleh Menteri sama ada secara am atau secara khas;
- (c) tempoh seseorang berada di luar Persekutuan kerana sebab-sebab kesihatan;
- (d) tempoh seseorang berada di luar Persekutuan kerana bertugas dalam perkhidmatan Persekutuan atau perkhidmatan sesuatu Negeri, jika tempoh itu tidak bertentangan dengan tempoh terus-menerus yang perlu bagi kemastautinan itu; dan

(e) tempoh seseorang berada di luar Persekutuan kerana apa-apa sebab lain hendaklah dikira sebagai kemastautinan di Persekutuan.

(2) Pada mengira sesuatu kemastautinan di Persekutuan bagi maksud Bahagian III Perlembagaan ini—

- (a) tempoh selama seseorang tidak bermastautin dengan sah di Persekutuan;
- (b) tempoh seseorang berada sebagai penghuni dalam mana-mana penjara atau sebagai seorang tahanan dalam jagaan yang sah di mana-mana tempat kecuali tempoh berada di rumah sakit otak, di bawah peruntukan mana-mana undang-undang bertulis Persekutuan; dan
- (c) tempoh yang selamanya seseorang dibenarkan tinggal bagi sementara di Persekutuan di bawah kuasa sesuatu pas yang dikeluarkan atau di bawah kuasa perintah pengecualian yang dibuat di bawah peruntukan mana-mana undang-undang bertulis Persekutuan berhubung dengan imigresen,

tidak boleh dikira sebagai kemastautinan di Persekutuan, kecuali apa-apa tempoh yang tersebut dalam perenggan (c) sebagaimana dibenarkan oleh Menteri.

(3) Bagi maksud Bahagian III Perlembagaan ini seseorang hendaklah disifatkan sebagai bermastautin di Persekutuan pada sesuatu hari tertentu jika ia telah bermastautin di Persekutuan sebelum hari itu dan hari itu adalah termasuk dalam tempoh seseorang berada di luar Persekutuan yang tersebut dalam seksyen-kecil (1).

(4) Seksyen ini adalah dipakai mengenai mana-mana bahagian Persekutuan dan wilayah-wilayah yang terkandung dalam bahagian itu sebelum Hari Malaysia sebagaimana ianya dipakai mengenai Persekutuan pada keseluruhannya, dan sebutan dalam seksyen-kecil (1) (d) mengenai perkhidmatan sesuatu Negeri adalah termasuk, mengenai wilayah-wilayah itu, perkhidmatan sesuatu Negeri adalah termasuk, mengenai wilayah-wilayah itu, perkhidmatan mana-mana Kerajaan yang ada mempunyai bidangkuasa di wilayah-wilayah itu sebelum Hari Malaysia; dan mengenai Hari Malaysia atau mana-mana hari yang kemudiannya seksyen-kecil (3) adalah dipakai seolah-olah wilayah-wilayah yang terkandung dalam negeri-negeri Borneo pada setiap masa menjadi sebahagian daripada Persekutuan.

21. Bagi maksud Bahagian III Perlembagaan ini "pejabat konsol Persekutuan" adalah termasuk mana-mana pejabat yang menjalankan tugas-tugas konsol bagi pihak Persekutuan.

22. Kecuali setakat mana kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain, sebutan-sebutan dalam Jadual kepada Bahagian III Perlembagaan ini hendaklah dibaca sebagai termasuk sebutan-sebutan mengenai Jadual ini.

JADUAL KETIGA  
PEMILIHAN YANG DI-PERTUAN AGONG DAN TIMBALAN  
KEPALA UTAMA NEGARA

BAHAGIAN I  
PEMILIHAN YANG DI-PERTUAN AGONG

1. (1) Seseorang Raja adalah layak dipilih menjadi Yang di-Pertuan Agong melainkan jika:

- (a) ia adalah seorang belum-dewasa, atau
- (b) ia telah memberitahu kepada Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja bahawa ia tidak berkehendak dipilih, atau
- (c) Majlis Raja-Raja mengambil ketetapan dengan undi sulit bahawa ia adalah tidak sesuai untuk menjalankan tugas-tugas Yang di-Pertuan Agong disebabkan oleh kelemahan akal atau tubuhnya atau oleh kerana apa-apa sebab lain.

(2) Sesuatu ketetapan di bawah seksyen ini tidak boleh diluluskan melainkan sekurang-kurangnya lima orang ahli Majlis itu telah mengundi menyokongnya.

2. Majlis Raja-Raja hendaklah menawarkan jawatan Yang di-Pertuan Agong kepada Raja yang layak untuk dipilih, yang Negerinya ialah yang pertama dalam senarai pemilihan yang disebutkan dalam seksyen 4, dan jika Raja itu tidak menerima jawatan itu maka Majlis Raja-Raja hendaklah menawarkan jawatan itu kepada Raja yang Negerinya ialah yang kemudian selepas Negeri yang pertama dalam senarai itu, dan demikianlah seterusnya sehingga seorang Raja menerima jawatan itu.

3. Apabila Raja yang telah ditawarkan jawatan Yang di-Pertuan Agong kepada Raja yang layak untuk dipilih, yang Negerinya ialah yang pertama dalam senarai pemilihan yang disebutkan dalam seksyen 4, dan jika Raja itu tidak menerima jawatan itu maka Majlis Raja-Raja hendaklah menawarkan jawatan itu kepada Raja yang Negerinya ialah yang kemudian selepas Negeri yang pertama dalam senarai itu, dan demikianlah seterusnya sehingga seorang Raja menerima jawatan itu.

3. Apabila Raja yang telah ditawarkan Yang di-Pertuan Agong mengikut seksyen 2 menerima jawatan itu, Majlis Raja-Raja hendaklah mengisytiharkan Raja itu sebagai dipilih dan Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja hendaklah memberitahu keputusan itu dengan bertulis kepada kedua-dua Majlis Parlimen.

4. (1) Senarai pemilihan itu:

- (a) bagi maksud pemilihan pertama ialah suatu yang mengandungi Negeri semua Raja-Raja mengikut susunan Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja mengiktiraf keutamaan antara mereka sendiri pada masa itu;
- (b) bagi maksud pemilihan yang kemudian ialah senarai yang tersebut di atas sebagaimana diubah mengikut seksyen-kecil (2) sehingga senarai itu disusun semula di bawah seksyen-kecil

(3), dan kemudiannya senarai pemilihan itu ialah senarai yang disusun semula sedemikian, tetapi diubah, bagi maksud-maksud pemilihan yang kemudian, mengikut seksyen-kecil (4).

(2) Senarai yang berkuatkuasa pada pemilihan pertama hendaklah diubah seperti berikut—

- (a) selepas tiap-tiap satu pemilihan mana-mana Negeri dalam senarai itu yang mendahului Negeri yang Rajanya telah dipilih hendaklah dipindahkan (mengikut susunan Negeri-negeri itu dalam senarai itu pada masa itu) ke hujung senarai itu, dan Negeri yang Rajanya telah dipilih itu hendaklah ditinggalkan;
- (b) apabila ada sesuatu perubahan Raja bagi sesuatu Negeri yang pada masa itu ada dalam senarai itu, Negeri itu hendaklah dipindahkan ke hujung senarai itu (dan jika pada hari itu juga ada perubahan Raja bagi lebih daripada satu Negeri yang tersebut itu, Negeri-negeri itu hendaklah dipindahkan mengikut susunannya pada masa itu dalam senarai itu).

(3) Apabila tiada sesuatu Negeri lagi dalam senarai itu kena diubah mengikut seksyen-kecil (2), atau jika pada sesuatu pemilihan tiada Raja bagi sesuatu Negeri dalam senarai itu layak untuk dipilih atau menerima jawatan, senarai pemilihan itu hendaklah disusun semula supaya mengandungi sekali lagi Negeri-negeri bagi semua Raja, tetapi mengikut susunan yang berikut, iaitu Negeri-negeri yang Raja-Rajanya telah memegang jawatan Yang di-Pertuan Agong mengikut susunan Raja-Rajanya telah memegang jawatan itu, dan yang lain-lain (jika ada) selepas Negeri-negeri itu mengikut susunannya dalam senarai itu sebelum senarai itu disusun semula.

(4) Selepas tiap-tiap satu pemilihan yang diadakan mengikut senarai yang disusun semula itu, senarai itu hendaklah diubah seperti berikut—

- (a) mana-mana Negeri dalam senarai itu yang mendahului Negeri yang Rajanya telah dipilih hendaklah dipindahkan (mengikut susunan Negeri-negeri itu pada masa itu dalam senarai itu) ke hujung senarai itu; dan
- (b) Negeri yang Rajanya telah dipilih hendaklah kemudiannya diletakkan kemudian sekali.

BAHAGIAN II  
PEMILIHAN TIMBALAN KEPALA UTAMA NEGARA

5. Seseorang Raja adalah layak dipilih menjadi Timbalan Kepala Utama Negara melainkan jika—

- (a) ia tidak akan layak dipilih menjadi Yang di-Pertuan Agong; atau
- (b) ia telah memberitahu kepada Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja bahawa ia tidak berkehendak dipilih.

6. Majlis Raja-Raja tidak boleh memilih seseorang Timbalan Yang di-Pertuan Agong semasa jawatan Yang di-Pertuan Agong kosong.



7. Majlis Raja-Raja hendaklah menawarkan jawatan Timbalan Yang di-Pertuan Agong kepada Raja yang layak untuk dipilih, iaitu Raja yang pertama sekali berhak ditawarkan jawatan Yang di-Pertuan Agong, apabila mati Yang di-Pertuan Agong yang akhir sekali dipilih dan, jika Raja itu tidak menerima jawatan itu, Majlis Raja-Raja hendaklah menawarkan jawatan itu kepada Raja yang kemudian selepasnya dan demikianlah seterusnya sehingga seorang Raja menerima jawatan itu.

### BAHAGIAN III

#### PEMECATAN YANG DI-PERTUAN AGONG

8. Sesuatu ketetapan Majlis Raja-Raja bagi memecat Yang di-Pertuan Agong dari jawatan tidak boleh diluluskan melainkan sekurang-kurangnya lima orang ahli Majlis Raja-Raja telah mengundi menyokongnya.

### BAHAGIAN IV

AM

9. *(Dimansuhkan).*

10. Dalam seksyen 4 (3) perbahasan "Raja" termasuklah seseorang bekas Raja.

### JADUAL KEEMPAT

#### SUMPAH JAWATAN BAGI YANG DI-PERTUAN AGONG DAN TIMBALAN YANG DI-PERTUAN AGONG

### BAHAGIAN I

#### SUMPAH BAGI YANG DI-PERTUAN AGONG

Kami.....ibni.....  
Yang di-Pertuan Agong bagi Malaysia bersumpah dengan melafazkan:

Wallahi;                      Wabillahi;                      Watallahi;

maka dengan lafaz ini berikrarlah kami dengan sesungguhnya dan dengan sebenarnya mengaku akan taat setia pada menjalankan dengan adilnya pemerintahan bagi Malaysia dengan mengikut sebagaimana Undang-undang dan Perlembagaan Negeri yang telah disah dan dimasyhurkan dan yang akan disah dan dimasyhurkan dimasa hadapan ini. Dan lagi kami berikrar mengaku dengan sesungguhnya dan dengan sebenarnya memelihara pada setiap masa Agama Islam dan berdiri tetap di atas pemerintahan yang adil dan aman di dalam negeri.

### BAHAGIAN II

#### SUMPAH BAGI TIMBALAN YANG DI-PERTUAN AGONG

Kami.....ibni.....  
yang telah dilantik menjadi Timbalan Yang di-Pertuan Agong bagi Malaysia bersumpah dengan melafazkan:

Wallahi;                      Wabillahi;                      Watallahi;

dan dengan lafaz ini berikrarlah kami dengan sesungguhnya dan dengan sebenarnya mengaku akan taat setia pada menjalankan tanggungan kami yang telah ditetapkan dan yang akan ditetapkan pada suatu masa kesuatu masa yang ke hadapan ini oleh Undang-undang dan Perlembagaan Negeri Malaysia.

### BAHAGIAN III

#### TERJEMAHAN DALAM BAHASA INGGERIS

We .....ibni.....  
Yang di-Pertuan Agong of Malaysia do hereby swear:

Wallahi;                      Wabillahi;                      Watallahi;

and by virtue of that oath do solemnly and truly declare that We shall justly and faithfully perform (carry out) our duties in the administration of Malaysia in accordance with its laws and constitution which have been promulgated or which may be promulgated from time to time in the future. Further We do solemnly and truly declare that We shall at all time protect the Muslim Religion and uphold the rules of law and order in the Country.

We .....ibni.....  
being elected to be the Deputy Yang di-Pertuan Agong of Malaysia do hereby swear:

Wallahi;                      Wabillahi;                      Watallahi;

and by virtue of that oath do solemnly and truly declare that We shall faithfully perform (carry out) our duties as Timbalan Yang di-Pertuan Agong as laid down and as may from time to time be laid down by the laws and the Constitution of Malaysia.

### JADUAL KELIMA

#### MAJLIS RAJA-RAJA

1. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan yang berikut dalam Jadual ini. Majlis Raja-Raja hendaklah mengandungi Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja dan Gabnor-gabnor bagi Negeri-negeri yang tidak mempunyai Raja.

2. Tempat Duli Yang Maha Mulia Raja mana-mana Negeri atau tempat Gabnor mana-mana Negeri, sebagai ahli Majlis Raja-Raja boleh, jika peruntukan ada dibuat oleh Perlembagaan Negeri itu, diambil oleh seseorang sebagaimana yang diperuntukkan oleh Perlembagaan itu.

3. Majlis Raja-Raja hendaklah mempunyai suatu Mohor Besar Raja-Raja, yang akan disimpan dalam jagaan seorang yang dilantik oleh Majlis itu.

4. Orang yang dilantik di bawah seksyen 3 adalah dinamakan Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja, hendaklah bertindak sebagai setiausaha kepada Majlis Raja-Raja dan adalah memegang jawatannya selama yang diperkenankan oleh Majlis itu.

5. Sebilangan besar daripada ahli Majlis Raja-Raja adalah mencukupi korum dan, tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan ini, Majlis itu boleh menetapkan acaranya sendiri.

6. Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja hendaklah memanggil mesyuarat Majlis Raja-Raja apabila dikehendaki berbuat demikian itu oleh Yang di-Pertuan Agong atau oleh tidak kurang daripada tiga orang ahli Majlis itu dan, dengan tidak payah dikehendaki berbuat sedemikian, tidak lewat daripada empat minggu sebelum habis tempoh jawatan Yang di-Pertuan Agong dan juga apabila kekosongan berlaku dalam jawatan itu atau dalam jawatan Timbalan Yang di-Pertuan Agong bagi upacara agama.

7. Yang di-Pertuan Yang di-Pertuan Negeri-negeri yang tidak mempunyai Raja tidak boleh menjadi ahli Majlis Raja-Raja bagi maksud apa-apa mesyuarat berhubung dengan pemilihan atau pemecatan Yang di-Pertuan Agong atau pemilihan Timbalan Kepala Utama Negara bagi Persekutuan atau berhubung semata-mata dengan keistimewaan, kedudukan, kehormatan dan kebesaran Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja atau berhubung dengan perbuatan, amalan atau upacara agama.

8. Jika dalam apa-apa hal Majlis Raja-Raja tidak bersebulat suara maka ia hendaklah mengambil keputusannya mengikut lebih-suara ahli-ahli yang mengundi, tertakluk walau bagaimanapun kepada peruntukan-peruntukan Jadual Ketiga.

9. Apa-apa persetujuan, perlantikan atau nasihat Majlis Raja-Raja yang dikehendaki di bawah Perlembagaan ini hendaklah dinyatakan dengan dicap dengan Mohor Besar Raja-Raja; dan jika, mengenai sesuatu perlantikan yang dicadangkan, sebilangan besar daripada ahli Majlis itu telah menunjukkan dengan mengutus surat kepada Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja menyatakan bahawa mereka bersetuju atas perlantikan itu, maka Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja hendaklah menyatakan sedemikian nasihat Majlis itu dengan tidak payah memanggilnya bermesyuarat.

#### JADUAL KEENAM

#### BENTUK SUMPAN DAN IKRAR

##### 1. *Sumpah Jawatan dan Taat Setia*

"Saya....., setelah dipilih (atau dilantik) memegang jawatan adalah dengan ini mengangkat sumpah (atau berikrar) dengan sesungguhnya bahawa saya akan menunaikan

kewajipan-kewajipan jawatan itu dengan jujur dengan segala daya upaya saya, bahawa saya akan menumpahkan taat setia yang sebenar kepada Malaysia, dan akan memelihara, melindungi serta mempertahankan Perlembagaannya."

(PERINGATAN—Seseorang hakim Mahkamah Persekutuan, lain daripada Ketua Hakim Negara, atau hakim Mahkamah Tinggi hendaklah menggunakan perkataan "kewajipan-kewajipan kehakiman saya dalam jawatan itu atau mana-mana jawatan lain" bagi menggantikan perkataan-perkataan "kewajipan-kewajipan jawatan itu").

##### 2. *Sumpah sebagai Ahli Parlimen dan sumpah Taat Setia.*

"Saya..... setelah dipilih (atau dilantik) sebagai seorang ahli Dewan Rakyat (atau Dewan Negara) adalah dengan ini mengangkat sumpah (atau berikrar) dengan sesungguhnya bahawa saya akan menunaikan kewajipan-kewajipan saya sebagai yang demikian dengan jujur dengan segala daya upaya saya, bahawa saya akan menumpahkan taat setia yang sebenar kepada Malaysia, dan akan memelihara, melindungi serta mempertahankan Perlembagaannya."

##### 3. *Sumpah Rahsia*

"Saya..... adalah dengan sesungguhnya bersumpah (atau berikrar) bahawa saya tidak akan memberitahu atau menzahirkan kepada sesiapa sama ada secara langsung atau secara tidak langsung apa-apa perkara yang dibawa untuk pertimbangan saya atau yang akan diketahui oleh saya sebagai seorang ..... kecuali sebagaimana yang mungkin dikehendaki untuk menunaikan dengan sempurna kewajipan-kewajipan saya sebagai yang demikian atau sebagaimana yang mungkin dibenarkan dengan khas oleh Yang di-Pertuan Agong."

#### JADUAL KETUJUH

Perkara 45.

#### PEMILIHAN DAN PERSARAAN AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

#### BAHAGIAN I

#### PEMILIHAN AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

##### 1. (1) *(Dimansuhkan).*

(2) Setiap kali berlaku kekosongan antara Ahli-ahli Dewan Negara yang dipilih oleh Negeri. Yang di-Pertuan Agong hendaklah memberi notis kepada Raja atau Gabenor Negeri itu bahawa seorang ahli Dewan Negara adalah dikehendaki dipilih, dan Raja atau Gabenor itu hendaklah meminta Dewan Negeri memilih seorang ahli Dewan Negara dengan seberapa segera yang boleh.

2. (1) Nama calon-calon untuk dipilih hendaklah dicadang dan disokong oleh ahli-ahli Dewan Negeri dan ahli yang mencadang atau ahli yang menyokong itu hendaklah menghantar suatu kenyataan

dengan bertulis, ditandatangani oleh orang yang dinamakan itu, bahawa ia bersetuju untuk berkhidmat sebagai seorang ahli Dewan Negara jika dipilih.

(2) Apabila semua namaan telah diterima, pegawai pengetua hendaklah mengumumkan nama orang-orang yang dinamakan itu mengikut susunan abjad dan kemudiannya hendaklah mengundi nama-nama mereka mengikut susunan itu.

(3) Tiap-tiap seorang ahli yang hadir adalah berhak mengundi sebanyak bilangan calon yang ada mengikut bilangan kekosongan yang akan dipenuhi itu, dan nama ahli-ahli yang mengundi tiap-tiap seorang calon hendaklah direkodkan; dan jika mana-mana ahli membuang undi selain daripada undi yang dibenarkan oleh seksyen-kecil ini maka undi itu adalah terbatal.

(4) Pegawai pengetua hendaklah mengisytiharkan sebagai dipilih calon atau calon-calon yang mendapat bilangan undi yang banyak sekali, tetapi jika dua orang calon ataupun lebih mendapat bilangan undi yang sama banyaknya dan bilangan calon lebih besar daripada bilangan kekosongan yang akan dipenuhi maka pemilihan calon-calon itu hendaklah diputuskan dengan cara cabut undi.

3. Walau apapun yang terkandung dalam seksyen 2, jika suatu kekosongan yang disebabkan oleh habis tempoh jawatan ahli Dewan Negara akan dipenuhi pada mesyuarat yang sama seperti suatu kekosongan yang berlaku dengan apa cara lain, maka pemilihan hendaklah pertamanya diadakan bagi memenuhi kekosongan yang disebabkan oleh habis tempoh jawatan itu dan kemudiannya suatu pemilihan yang berasingan untuk memenuhi kekosongan yang satu lagi itu.

4. Pegawai pengetua hendaklah berperakui kepada setiausaha Dewan Negara, dengan bersurat yang ditandatangani, nama orang yang dipilih sebagai ahli Dewan Negara mengikut peruntukan-peruntukan Jadual ini.

5. Jika berbangkit apa-apa soal sama ada seorang ahli Dewan Negara telah dipilih dengan sempurnanya mengikut peruntukan-peruntukan Jadual ini maka soal itu hendaklah diputuskan oleh Dewan Negara dan keputusannya itu adalah muktamad, tetapi jika sesuatu pemilihan di bawah seksyen 1(2) tidak diadakan dengan seberapa segera yang boleh maka hal itu tidaklah dengan sendirinya membatalkan pemilihan seseorang ahli Dewan Negara.

## BAHAGIAN II

### PERSARAAN AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

6. (Dimansuhkan).

7. (Dimansuhkan).

8. Tempoh jawatan bagi seseorang yang dipilih atau dilantik untuk menggantikan seseorang yang telah mati atau yang telah berhenti menjadi ahli Dewan Negara sebelum habis tempoh jawatannya ialah selama baki tempoh jawatan itu.

## JADUAL KELAPAN

### PERUNTUKAN-PERUNTUKAN YANG AKAN DIMASUKKAN DALAM PERLEMBAGAAN-PERLEMBAGAAN NEGERI

#### BAHAGIAN I

#### PERUNTUKAN TETAP

##### *Raja bertindak atas nasihat*

1. (1) Pada menjalankan tugas-tugasnya di bawah Perlembagaan Negeri ini atau mana-mana undang-undang atau sebagai seorang ahli Majlis Raja-Raja, Raja hendaklah bertindak mengikut nasihat Majlis Mesyuarat Kerajaan atau nasihat seseorang ahlinya yang bertindak di bawah kuasa am Majlis itu, kecuali sebagaimana selainnya diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan atau Perlembagaan Negeri; tetapi Raja adalah berhak, atas permintaannya mendapat apa-apa maklumat berkenaan dengan Kerajaan Negerinya yang boleh didapati oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan.

(2) Raja boleh bertindak menurut budibicaranya pada menjalankan tugas-tugas yang berikut (selain daripada tugas-tugas yang pada menjalankannya ia boleh bertindak menurut budibicaranya di bawah Perlembagaan Persekutuan) iaitu—

- (a) melantik seorang Menteri Besar,
- (b) tidak mempersetujui permintaan membubar Dewan Negeri,
- (c) meminta supaya diadakan suatu mesyuarat Majlis Raja-Raja yang semata-mata mengenai keistimewaan, kedudukan, kemudian dan kebesaran Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja atau perbuatan, amalan atau upacara agama,
- (d) apa-apa tugas sebagai Ketua Agama Islam atau mengenai adat istiadat Melayu,
- (e) melantik waris atau waris-waris, permaisuri, Pemangku Raja atau Jumaah Pemangku Raja,
- (f) melantik orang memegang pangkat, gelaran, kemuliaan dan kebesaran disisi adat Melayu dan menetapkan tugas-tugas berkenaan dengannya,
- (g) membuat peraturan-peraturan mengenai balai-balai diraja dan istana-istana.

(3) Undang-undang Negeri boleh membuat peruntukan bagi menghendaki Raja menjalankan tugas-tugas yang lain daripada yang berikut, selepas berunding dengan atau atas syor mana-mana orang atau kumpulan orang lain daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan—

- (a) tugas-tugas yang boleh dijalankan menurut budibicaranya,

- (b) tugas-tugas lain jika untuk menjalankannya peruntukan ada dibuat dalam Perlembagaan Negeri atau dalam Perlembagaan Persekutuan.

#### *Majlis Mesyuarat Kerajaan*

2. (1) Raja hendaklah melantik suatu Majlis Mesyuarat Kerajaan.
- (2) Majlis Mesyuarat Kerajaan hendaklah dilantik seperti berikut, iaitu—
- (a) Raja hendaklah terlebih dahulu melantik sebagai Menteri Besar untuk mengetuai Majlis Mesyuarat Kerajaan seorang ahli Dewan Negeri yang pada pendapatnya akan mendapat kepercayaan sebilangan besar ahli-ahli Dewan itu; dan
- (b) atas nasihat Menteri Besar, Raja hendaklah melantik tidak lebih daripada lapan atau tidak kurang daripada empat orang ahli lain antara ahli-ahli Dewan Negeri.

tetapi jika sesuatu perlantikan dibuat dalam masa Dewan Negeri dibubarkan, seseorang ahli bagi Dewan Negeri yang terakhir itu boleh dilantik tetapi tidak boleh memegang jawatan seterusnya selepas persidangan pertama Dewan Negeri yang kemudiannya melainkan jika ianya adalah seorang ahlinya.

(3) Walau apa pun yang terkandung dalam seksyen ini, seseorang yang menjadi warganegara dengan cara masukan atau dengan cara pendaftaran di bawah Perkara 17 Perlembagaan Persekutuan tidak boleh dilantik menjadi Menteri Besar.

(4) Pada melantik seorang Menteri Besar, Raja boleh, menurut budibicaranya, mengeneipkan mana-mana peruntukan Perlembagaan Negeri ini yang menyekatnya memilih seorang Menteri Besar, jika demikian itu, pada pendapatnya, perlu dilakukan untuk mematuhi peruntukan seksyen ini.

(5) Majlis Mesyuarat Kerajaan adalah bersesama bertanggungjawab kepada Dewan Negeri.

(6) Jika Menteri Besar tidak lagi mendapat kepercayaan sebilangan besar ahli Dewan Negeri, ia hendaklah meletakkan jawatan Majlis Mesyuarat Kerajaan, melainkan jika Dewan Negeri dibubarkan oleh Raja atas permintaan Menteri Besar.

(7) Tertakluk kepada seksyen-kecil (6), seseorang ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, lain daripada Menteri Besar, adalah memegang jawatan selama yang diperkenankan oleh Raja, akan tetapi mana-mana ahli Majlis itu boleh meletakkan jawatannya pada bila-bila masa.

(8) Seseorang ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan tidak boleh mengambil bahagian dalam apa-apa tred, perniagaan atau profesion yang berkaitan dengan apa-apa perkara atau mana-mana jabatan yang ia bertanggungjawab dan selagi ia mengambil bahagian dalam apa-apa tred, perniagaan atau profesion itu, ia tidak boleh mengambil bahagian dalam apa-apa keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan berhubung dengan

tred, perniagaan atau profesion itu atau dalam apa-apa keputusan yang mungkin menyentuh kepentingan kewangannya dalam tred, perniagaan atau profesion itu.

#### *Badan Perundangan Negeri*

3. Badan Perundangan Negeri hendaklah mengandungi Raja dan satu Majlis, iaitu, Dewan Negeri.

#### *Keanggotaan Dewan Negeri*

4. (1) Dewan Negeri hendaklah mengandungi beberapa orang ahli yang dipilih sebagaimana yang diperuntukkan dengan undang-undang oleh Badan Perundangan.

(2) Bilangan ahli Dewan Negeri yang dipilih hendaklah sama banyaknya atau beberapa kali ganda bilangan bahagian-bahagian pilihanraya Persekutuan dalam Negeri ini sebagaimana Negeri ini telah dibahagi menurut Perkara 116 Perlembagaan Persekutuan.

#### *Kelayakan ahli-ahli*

5. Tiap-tiap warganegara yang berumur dua puluh satu tahun atau lebih yang bermastautin di Negeri ini adalah layak menjadi seorang ahli Dewan Negeri, melainkan jika ia hilang kelayakan menjadi ahli menurut Perlembagaan Persekutuan atau Perlembagaan ini atau menurut mana-mana undang-undang sebagaimana yang tersebut dalam seksyen 6 Jadual Kelapan kepada Perlembagaan Persekutuan.

#### *Hilang-kelayakan menjadi ahli Dewan Negeri*

6. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan seksyen ini, seseorang adalah hilang kelayakannya menjadi ahli Dewan Negeri jika—

- (a) ia adalah dan telah didapati atau diisytiharkan sebagai seorang yang tidak sempurna akal;
- (b) ia seorang bankrup yang belum dilepaskan;
- (c) ia memegang sesuatu jawatan berpendapatan;
- (d) setelah dinamakan untuk pilihanraya bagi mana-mana Majlis Parlimen atau bagi Dewan Negeri, atau setelah bertugas sebagai ejen pilihanraya bagi seseorang yang dinamakan sedemikian, ia tidak menghantar apa-apa penyata perbelanjaan pilihanraya yang dikehendaki oleh undang-undang dalam masa dan mengikut cara yang dikehendaki; atau
- (e) ia telah disabitkan suatu kesalahan oleh sesuatu mahkamah di Persekutuan (atau, sebelum Hari Malaysia, di wilayah-wilayah yang terkandung dalam sesuatu Negeri Borneo atau di Singapura) dan dihukum penjara selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun atau denda tidak kurang daripada dua ribu ringgit dan ia tidak mendapat ampun;
- (f) ia hilang kelayakan di bawah mana-mana undang-undang mengenai kesalahan-kesalahan berkenaan dengan pilihanraya bagi mana-mana Majlis Parlimen atau bagi Dewan Negeri oleh

sebab telah disabitkan kesalahan itu atau telah dibuktikan sebagai melakukan kesalahan itu dalam pembicaraan berhubung dengan sesuatu pilihanraya itu; atau

- (g) ia telah dengan sengaja memperolehi kewarganegaraan suatu negeri asing atau telah dengan sengaja menggunakan hak-hak kewarganegaraan di suatu negeri asing atau telah membuat suatu akuan ta'at setia kepada suatu negeri asing.

(2) Hilang-kelayakan seseorang di bawah perenggan (d) atau (e) dalam seksyen-kecil (1) boleh dibatalkan oleh Raja dan jika sekiranya tidak dibatalkan sedemikian, hilang kelayakan itu hendaklah terhenti pada akhir tempoh lima tahun yang dikira mulai dari tarikh penyata yang tersebut dalam perenggan (d) itu dikehendaki dihantar atau, mengikut mana yang berkenaan, dari tarikh orang yang disabitkan sebagaimana yang tersebut dalam perenggan (e) dilepaskan daripada jagaan atau dari tarikh denda yang tersebut dalam perenggan (e) itu dikenakan ke atas orang itu, dan seseorang tidak boleh hilang kelayakan di bawah perenggan (g) seksyen-kecil (1) semata-mata oleh sebab sesuatu yang dilakukan olehnya sebelum ia menjadi warganegara.

#### *Peruntukan melarang dua keanggotaan*

7. Seseorang tidak boleh menjadi ahli Dewan Negeri pada suatu masa untuk lebih daripada satu bahagian pilihanraya.

#### *Keputusan mengenai hilang-kelayakan*

8. Jika berbangkit apa-apa soal sama ada seseorang ahli Dewan Negeri telah hilang kelayakannya daripada menjadi ahli, maka soal itu hendaklah diputuskan oleh Dewan itu dan keputusannya itu adalah muktamad:

Dengan syarat bahawa seksyen ini tidak boleh ditafsirkan sebagai menghalang amalan Dewan menengguhkan sesuatu keputusan supaya langkah-langkah (termasuk langkah-langkah membatalkan hilang-kelayakan itu) yang mungkin menyentuh keputusannya boleh diambil atau ditamatkan.

#### *Memanggil, memberhenti dan membubarkan Dewan Negeri*

9. (1) Raja hendaklah memanggil Dewan Negeri bermesyuarat dari semasa kesemasa dan tidak boleh membiarkan jarak enam bulan antara persidangan yang akhir dalam satu penggal dengan tarikh yang ditetapkan untuk mesyuarat pertamanya dalam penggal yang kemudiannya.

(2) Raja boleh memberhenti atau membubarkan Dewan Negeri.

(3) Melainkan jika dibubarkan terlebih dahulu, Dewan Negeri hendaklah terus berjalan selama lima tahun dari tarikh mesyuarat pertamanya dan selepas itu adalah terbubar.

(4) Apabila Dewan Negeri dibubarkan suatu pilihanraya umum hendaklah diadakan dalam tempoh enam puluh hari di Negeri-negeri Tanah Melayu dan sembilan puluh hari di Negeri-Negeri Borneo dari

tarikh pembubaran itu dan Dewan Negeri yang baharu itu hendaklah dipanggil bermesyuarat pada suatu tarikh yang tidak lewat daripada satu ratus dua puluh hari dari tarikh itu.

(5) Sesuatu kekosongan luar-jangka hendaklah dipenuhi dalam tempoh enam puluh hari dari tarikh kekosongan itu disahkan berlaku atau mengenai Dewan Negeri bagi tiap-tiap satu Negeri Borneo, dalam tempoh sembilan puluh hari dari tarikh kekosongan itu disahkan berlaku:

Dengan syarat bahawa jika sesuatu kekosongan luar-jangka disahkan berlaku pada suatu tarikh dalam tempoh enam bulan dari tarikh Dewan Negeri itu akan terbubar menurut seksyen-kecil (3) seksyen ini, maka kekosongan itu tidaklah akan dipenuhi.

#### *Yang Dipertua Dewan Negeri*

10. (1) Dewan Negeri hendaklah dari semasa kesemasa memilih seorang daripada ahli-ahlinya untuk menjadi Yang Dipertua dan Dewan Negeri tidak boleh menjalankan apa-apa urusan dalam masa jawatan Yang Dipertua kosong melainkan urusan memilih Yang Dipertua.

(2) Seseorang ahli yang memegang jawatan sebagai Yang Dipertua hendaklah mengosongkan jawatannya apabila berhenti menjadi ahli Dewan Negeri dan boleh meletakkan jawatannya pada bila-bila masa.

(3) Dalam masa Yang Dipertua tidak hadir dalam sesuatu persidangan Dewan Negeri seseorang ahli lain sebagaimana ditetapkan oleh kaedah-kaedah acara Dewan itu hendaklah menjalankan tugas sebagai Yang Dipertua.

#### *Menjalankan kuasa perundangan*

11. (1) Kuasa bagi Badan Perundangan membuat undang-undang hendaklah dijalankan dengan Rang Undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Negeri dan dipersetujui oleh Raja.

(2) Tiada sesuatu Rang Undang-undang atau pindaan yang melibatkan perbelanjaan daripada Kumpulanwang Disatukan bagi Negeri boleh dikemukakan atau dicadangkan dalam Dewan Negeri kecuali oleh seorang ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan.

(3) Sesuatu Rang Undang-undang adalah menjadi undang-undang apabila ia dipersetujui oleh Raja, tetapi tiada sesuatu undang-undang boleh berkuatkuasa sehingga ia telah disiarkan, tetapi walau bagaimanapun ini tidaklah menyentuh kuasa Badan Perundangan bagi menengguhkan kuatkuasa sesuatu undang-undang atau bagi membuat undang-undang supaya berkuatkuasa kebelakangan.

#### *PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KEWANGAN*

*Tiada apa-apa cukai boleh dilevi melainkan dibenarkan oleh undang-undang.*

12. Tiada apa-apa cukai atau kadar boleh dilevi oleh atau bagi maksud-maksud Negeri kecuali dengan atau di bawah kuasa undang-undang.

*Perbelanjaan dipertanggungjawabkan kepada Kumpulanwang Disatukan*

13. (1) Selain daripada apa-apa pemberian, saraan atau apa-apa wang lain yang dipertanggungjawabkan kepada Kumpulanwang Disatukan bagi Negeri, menurut mana-mana peruntukan lain dalam Perlembagaan Negeri atau mana-mana undang-undang Negeri maka hendaklah dipertanggungjawabkan kepada Kumpulanwang Disatukan bagi Negeri—

- (a) Peruntukan Diraja bagi Raja dan saraan bagi Yang Dipertua Dewan Negeri;
- (b) segala caj hutang yang tertanggung oleh Negeri; dan
- (c) apa-apa wang yang dikehendaki bagi menunaikan apa-apa hukuman, keputusan atau award terhadap Negeri oleh mana-mana mahkamah atau tribunal.

(2) Bagi maksud peruntukan ini caj hutang adalah termasuk bunga, caj kumpulanwang penjelas hutang, membayar balik atau melunaskan hutang dan segala perbelanjaan berkenaan dengan mendapatkan pinjaman-pinjaman atas jaminan Kumpulanwang Disatukan dan menyenggara dan menebus hutang yang terwujud dengan jalan demikian itu.

*Penyata kewangan tahunan*

14. (1) Tertakluk kepada seksyen-kecil (3) Raja hendaklah, bagi tiap-tiap tahun kewangan, mengarah dibentangkan dalam Dewan Negeri suatu penyata anggaran pendapatan dan perbelanjaan bagi Negeri untuk tahun itu, dan, melainkan jika selainnya diperuntukkan oleh Badan Perundangan Negeri bagi mana-mana tahun, penyata itu hendaklah dibentangkan sedemikian sebelum permulaan tahun itu.

(2) Anggaran perbelanjaan itu hendaklah menunjukkan berasing-asing—

- (a) jumlah wang yang dikehendaki untuk membayar perbelanjaan yang dipertanggungjawabkan kepada Kumpulanwang Disatukan; dan
- (b) tertakluk kepada seksyen-kecil (3), jumlah wang yang masing-masing dikehendaki untuk membayar kepala-kepala bagi perbelanjaan lain yang dicadangkan untuk dibayar daripada Kumpulanwang Disatukan.

(3) Anggaran pendapatan yang ditunjukkan dalam penyata tersebut tidaklah termasuk apa-apa jumlah wang yang diterima dengan jalan Zakat, Fitrah dan Bait-ul-Mal atau hasil agama Islam yang seumpamanya; dan jumlah wang yang akan ditunjukkan di bawah perenggan (b) seksyen-kecil (2) tidaklah termasuk—

- (a) jumlah wang pinjaman yang didapatkan oleh Negeri bagi maksud-maksud tertentu dan yang diuntukkan bagi maksud-maksud itu oleh undang-undang yang membenarkan pinjaman itu didapatkan;
- (b) jumlah wang yang diterima oleh Negeri, iaitu wang atau bunga bagi wang yang tertakluk kepada sesuatu amanah dan yang akan digunakan mengikut syarat-syarat amanah itu;

(c) jumlah wang yang dipegang oleh Negeri, iaitu wang yang telah diterima atau diuntukkan bagi maksud sesuatu kumpulanwang amanah yang ditubuhkan oleh atau mengikut undang-undang persekutuan atau undang-undang Negeri.

(4) Penyata tersebut hendaklah juga menunjukkan, setakat mana yang boleh, aset dan tanggungan Negeri pada akhir tahun kewangan yang baharu genap, caranya aset itu dilabur atau dipegang, dan kepala-kepala am yang tanggungan-tanggungan mengenainya belum selesai.

*Rang Undang-undang Perbekalan*

15. Kepala-kepala bagi perbelanjaan yang akan dibayar daripada Kumpulanwang Disatukan bagi Negeri tetapi tidak dipertanggungjawabkan kepadanya, melainkan jumlah wang yang tersebut dalam perenggan (a) dan (b) seksyen 14 (3) dalam Jadual Kelapan kepada Perlembagaan Persekutuan, hendaklah dimasukkan dalam suatu Rang Undang-undang dinamakan Rang Undang-undang Perbekalan yang menguntukkan pengeluaran wang-wang yang perlu daripada Kumpulanwang Disatukan untuk membayar perbelanjaan itu dan yang menguntukkan wang-wang itu bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalamnya.

*Perbelanjaan tambahan dan perbelanjaan lebih*

16. Jika sekiranya didapati bagi sesuatu tahun kewangan—

- (a) jumlah wang yang diperuntukkan oleh Enakmen Perbekalan bagi apa-apa maksud tidak mencukupi, atau bahawa keperluan telah timbul untuk melakukan perbelanjaan bagi sesuatu maksud yang wang tidak ada diuntukkan baginya oleh Enakmen Perbekalan; atau
- (b) apa-apa wang telah dibelanjakan bagi sesuatu maksud lebih daripada jumlah yang diuntukkan (jika ada) bagi maksud itu oleh Enakmen Perbekalan,

maka suatu anggaran tambahan menunjukkan jumlah-jumlah wang yang dikehendaki atau dibelanjakan itu hendaklah dibentangkan dalam Dewan Negeri dan kepala-kepala bagi apa-apa perbelanjaan itu hendaklah dimasukkan dalam suatu Rang Undang-undang Perbekalan.

*Pengeluaran daripada Kumpulanwang Disatukan*

17. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan yang berikut dalam seksyen ini, tiada apa-apa wang boleh dikeluarkan daripada Kumpulanwang Disatukan melainkan jika wang-wang itu adalah—

- (a) dipertanggungjawabkan kepada Kumpulanwang Disatukan; atau
- (b) dibenarkan dikeluarkan oleh Enakmen Perbekalan.

(2) Tiada apa-apa wang boleh dikeluarkan daripada Kumpulanwang Disatukan kecuali mengikut cara yang diperuntukkan oleh undang-undang persekutuan.

(3) Seksyen-kecil (1) tidaklah dipakai bagi apa-apa wang yang tersebut dalam perenggan (a), (b) dan (c) seksyen 14 (3) dalam Jadual Kelapan kepada Perlembagaan Persekutuan.

(4) Badan Perundangan Negeri, sebelum diluluskan Enakmen Perbekalan, boleh membenarkan perbelanjaan bagi sebahagian daripada sesuatu tahun kewangan dan juga pengeluaran daripada Kumpulanwang Disatukan apa-apa wang yang dikehendaki untuk membayar perbelanjaan itu.

#### LAYANAN SAMA RATA BAGI PEKERJA-PEKERJA NEGERI

*Layanan sama rata bagi pekerja-pekerja Negeri*

18. Tertakluk kepada syarat-syarat pekerjaan mereka, semua orang dari apa-apa kaum jua pun dalam tingkat yang sama dalam perkhidmatan Negeri hendaklah diberi layanan yang sama rata.

#### PINDAAN PERLEMBAGAAN

*Pindaan Perlembagaan*

19. (1) Peruntukan-peruntukan berikut dalam seksyen ini hendaklah dipakai mengenai pindaan Perlembagaan Negeri ini.

(2) Peruntukan-peruntukan yang berkenaan dengan mewarisi takhta Kerajaan dan kedudukan Pembesar-pembesar Memerintah dan pembesar-pembesar adat Melayu yang seumpamanya tidak boleh dipinda oleh Badan Perundangan Negeri.

(3) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan yang berikut dalam seksyen ini, mana-mana peruntukan lain boleh dipinda dengan suatu Enakmen Badan Perundangan Negeri tetapi tidak boleh dipinda dengan apa-apa cara lain.

(4) Sesuatu Rang Undang-undang bagi membuat pindaan kepada Perlembagaan tersebut (lain daripada pindaan yang dikecualikan daripada peruntukan-peruntukan seksyen-kecil ini) tidak boleh diluluskan oleh Dewan Negeri melainkan pindaan itu telah disokong pada Bacaan Kali Kedua dan Kali Ketiga dengan undi sebanyak tidak kurang daripada dua pertiga daripada jumlah bilangan ahlinya.

(5) Pindaan-pindaan berikut adalah dikecualikan daripada peruntukan-peruntukan seksyen-kecil (4), iaitu—

(a) apa-apa pindaan yang berbangkit dari sesuatu undang-undang yang tersebut dalam seksyen 4 atau seksyen 21 Jadual Kelapan kepada Perlembagaan Persekutuan; dan

(aa) Sebarang pindaan kepada definisi sempadan Negeri yang mana dibuat akibat dari kelulusan undang-undang meminda sempadan-sempadan negeri di bawah Fasal 2 Perlembagaan Persekutuan yang mana telah dipersetujui di bawah perkara oleh Majlis Persidangan Negeri dan Majlis Mesyuarat Raja-Raja di bawah Perkara tersebut; dan

(b) apa-apa pindaan yang akan menyelaraskan Perlembagaan Negeri ini dengan mana-mana peruntukan Jadual tersebut, tetapi hanya jika pindaan itu dibuat selepas Dewan Negeri dipilih mengikut seksyen 4 Jadual itu.

(6) Seksyen ini tidak membatalkan mana-mana peruntukan Perlembagaan Negeri ini yang berkehendakkan persetujuan mana-mana kumpulan orang terhadap apa-apa pindaan mengenai perkara berikut—

(a) perlantikan dan sifat-sifat yang dikehendaki bagi waris atau waris-waris takhta, Permaisuri Raja atau Pemangku Raja atau ahli-ahli Jumaah Pemangku Raja bagi Negeri ini,

(b) Raja atau waris atau waris-warisnya dipecat, menarik diri atau turun takhta,

(c) perlantikan dan sifat-sifat yang dikehendaki bagi Pembesar-pembesar Memerintah atau pembesar-pembesar adat Melayu yang seumpamanya dan ahli-ahli Majlis Penasihat mengenai agama atau adat atau ahli badan yang seumpamanya,

(d) mengadakan, mengaturkan, mengesahkan dan melucutkan pangkat, gelaran, kehormatan, kebesaran dan kurniaan adat Melayu dan sifat-sifat yang dikehendaki bagi pemegang-pemegangnya dan mengadakan peraturan mengenai balai-balai diraja dan istana-istana.

(7) Dalam seksyen ini "pindaan" adalah termasuk tambahan dan pemansuhan.

#### PERUNTUKAN-PERUNTUKAN MENGENAI YANG DI- PERTUA NEGERI BERKAITAN DENGAN NEGERI-NEGERI MELAKA, PULAU PINANG, SABAH DAN SARAWAK

*Yang di-Pertua Negeri*

19A. (1) Maka hendaklah ada seorang Yang di-Pertua Negeri bagi Negeri, yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong dengan bertindak menurut budibicaranya tetapi selepas berunding dengan Ketua Menteri.

(2) Yang di-Pertua Negeri itu hendaklah dilantik selama tempoh empat tahun tetapi boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dengan mengutus surat yang ditandatangani kepada Yang di-Pertuan Agong dan boleh dipecat dari jawatan oleh Yang di-Pertuan Agong menurut suatu persembahan oleh Dewan Negeri yang disokong dengan undi tidak kurang daripada dua pertiga dari jumlah bilangan ahli-ahlinya.

(3) Badan Perundangan boleh dengan undang-undang membuat peruntukan bagi membolehkan Yang di-Pertuan Agong, dengan bertindak menurut budi bicaranya tetapi selepas berunding dengan

Ketua Menteri, melantik seseorang untuk menjalankan tugas-tugas Yang di-Pertua Negeri dalam tempoh Yang di-Pertua Negeri itu tidak dapat berbuat demikian sendiri oleh kerana sakit, tidak ada atau apa-apa sebab lain; tetapi tiada seseorang boleh dilantik sedemikian melainkan jika ia akan layak dilantik menjadi Yang di-Pertua Negeri.

(4) Seseorang yang dilantik di bawah seksyen-kecil (3) boleh mengambil tempat Yang di-Pertua Negeri itu sebagai ahli Majlis Raja-Raja dalam sesuatu tempoh ia boleh menjalankan tugas-tugas Yang di-Pertua Negeri di bawah seksyen-kecil itu.

*Kelayakan dan perkara-perkara yang tidak boleh dibuat oleh Yang di-Pertua Negeri*

19b. (1) Seseorang yang bukan warganegara atau seseorang warganegara dengan cara masukan atau cara pendaftaran di bawah Perkara 17 Perlembagaan Persekutuan tidak boleh dilantik menjadi Yang di-Pertua Negeri.

(2) Yang di-Pertua Negeri itu tidak boleh memegang apa-apa jawatan berpendapatan dan tidak boleh mengambil bahagian dengan giat dalam apa-apa enterpris perniagaan.

*Peruntukan Utama bagi Yang di-Pertua Negeri*

19c. Badan Perundangan hendaklah dengan undang-undang mengadakan suatu Peruntukan Utama bagi Yang di-Pertua Negeri, dan Peruntukan Utama itu hendaklah dipertanggungjawabkan kepada Kumpulanwang Disatukan dan tidak boleh dikurangkan dalam masa ia masih memegang jawatannya.

*Sumpah jawatan bagi Yang di-Pertua Negeri*

19d. (1) Yang di-Pertua Negeri hendaklah, sebelum menjalankan tugas-tugasnya, mengangkat dan menandatangani di hadapan Hakim Besar atau dihadapan seorang Hakim Mahkamah Tinggi, suatu sumpah atau ikrar dalam bentuk yang berikut, iaitu—

“Saya, ..... setelah dilantik menjadi Yang di-Pertua Negeri bagi Negeri ..... adalah dengan sesungguhnya mengangkat sumpah (atau berikrar) bahawa saya akan menunaikan kewajipan-kewajipan saya sebagai demikian dengan jujur dengan segala daya upaya saya, bahawa saya akan menumpahkan taat setia yang sebenar kepada Negeri ..... dan kepada Persekutuan Malaysia, dan bahawa saya akan memelihara, melindungi dan mempertahankan Perlembagaan Persekutuan Malaysia dan Perlembagaan Negeri .....”.

(2) Apa-apa undang-undang yang dibuat di bawah seksyen-kecil (3) seksyen 19A hendaklah membuat peruntukan yang bersamaan (dengan ubahsuaian-ubahsuaian yang perlu) dengan seksyen-kecil (1).

BAHAGIAN II

PERUNTUKAN SEMENTARA SEBAGAI ALTERNATIF KEPADA PERUNTUKAN DALAM BAHAGIAN I

*Majlis Mesyuarat Kerajaan (sebagai alternatif kepada seksyen 2)*

20. (1) Raja hendaklah melantik suatu Majlis Mesyuarat Kerajaan.

(2) Majlis Mesyuarat Kerajaan hendaklah dilantik seperti berikut, iaitu—

(a) Raja hendaklah terlebih dahulu melantik sebagai Menteri Besar untuk mengetahui Majlis Mesyuarat Kerajaan seorang ahli Dewan Negeri yang, pada pendapatnya akan mendapat kepercayaan sebilangan besar ahli-ahli Dewan Negeri; dan

(b) atas nasihat Menteri Besar, Raja hendaklah melantik tidak lebih daripada lapan atau tidak kurang daripada empat orang ahli lain.

(3) Walau apapun yang terkandung dalam seksyen ini, seseorang yang menjadi warganegara dengan cara masukan atau dengan cara pendaftaran di bawah Perkara 17 Perlembagaan Persekutuan tidak boleh dilantik menjadi Menteri Besar.

(4) Pada melantik seorang Menteri Besar, Raja boleh, menurut budi bicaranya, mengenyepikan mana-mana peruntukan Perlembagaan Negeri ini yang menyekatnya memilih seorang Menteri Besar, jika demikian itu pada pendapatnya perlu dilakukan untuk mematuhi peruntukan seksyen ini.

(5) Majlis Mesyuarat Kerajaan adalah bersesama bertanggungjawab kepada Dewan Negeri.

(6) Menteri Besar hendaklah terhenti memegang jawatan apabila habis tempoh tiga bulan dari tarikh perlantikannya melainkan jika sebelum habis tempoh itu suatu ketetapan memberi kepercayaan kepadanya telah diluluskan oleh Dewan Negeri; dan jika pada bila-bila masa ia tidak lagi mendapat kepercayaan sebilangan besar ahli-ahli Dewan Negeri maka Menteri Besar hendaklah meletakkan jawatan Majlis Mesyuarat Kerajaan melainkan jika Dewan Negeri dibubarkan oleh Raja atas permintaan Menteri Besar.

(7) Tertakluk kepada seksyen-kecil (6), seseorang ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, lain daripada Menteri Besar, adalah memegang jawatan selama yang diperkenankan oleh Raja, akan tetapi mana-mana ahli Majlis itu boleh meletakkan jawatannya pada bila-bila masa.

(8) Seseorang ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan tidak boleh mengambil bahagian dalam apa-apa tred, perniagaan atau profesion yang berkaitan dengan apa-apa perkara atau mana-mana jabatan yang ia bertanggungjawab dan selagi ia mengambil bahagian dalam apa-apa tred, perniagaan atau profesion itu, ia tidak boleh mengambil bahagian dalam apa-apa keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan berhubung dengan tred, perniagaan atau profesion itu atau dalam apa-apa keputusan yang mungkin menyentuh kepentingan kewangannya dalam tred, perniagaan, atau profesion itu.



*Keanggotaan Dewan Negeri (sebagai alternatif kepada seksyen 4)*

21. (1) Dewan Negeri hendaklah mengandungi—

- (a) beberapa orang ahli yang dipilih sebagaimana diperuntukkan dengan undang-undang oleh Badan Perundangan, dan
- (b) beberapa orang ahli lagi, iaitu kurang daripada bilangan ahli-ahli yang dipilih, sebagaimana ditetapkan oleh Raja;

dan, sehingga peruntukan-peruntukan lain dibuat seperti tersebut di atas, bilangan ahli-ahli yang dipilih ialah seperti dinvatakan dalam Perkara 171 Perlembagaan Persekutuan.

(2) Walau apapun yang terkandung dalam seksyen 6 Jadual Kelapan kepada Perlembagaan Persekutuan, seseorang tidak boleh hilang kelayakan menjadi seorang ahli yang dilantik bagi Dewan Negeri sematamata oleh sebab ia memegang suatu jawatan berpendapatan.

BAHAGIAN III

PENGUBAHSUAIAN BAHAGIAN I DAN II BERHUBUNG DENGAN MELAKA DAN PULAU PINANG

22. Dalam pemakaian Bahagian I dan II Jadual ini kepada Negeri Melaka dan Negeri Pulau Pinang sebutan mengenai Gabnor hendaklah menggantikan sebutan mengenai Raja, dan yang berikut hendaklah ditinggalkan, iaitu perenggan (c) hingga (g) seksyen 1 (2), seksyen 2 (4), seksyen-kecil (2) dan (6) seksyen 19, seksyen 20 (4), perkataan yang mendahului "jumlah wang yang akan ditunjukkan di bawah perenggan (b)" dalam seksyen 14 (3) dan perkataan "lain" yang mula-mula terdapat dalam seksyen 19 (3).

23. (1) Bahagian I Jadual ini hendaklah dipakai bagi Negeri Sabah dan Negeri Sarawak sebagaimana ianya dipakai bagi Negeri Pulau Pinang dan Negeri Melaka kecuali seksyen 10 yang di ubahsuai seperti dinyatakan dalam seksyen-kecil (2) seksyen ini.

(2) Seksyen 10, dalam pemakaiannya bagi Negeri Sabah atau Negeri Sarawak, boleh diubahsuai dengan menggantikan perkataan "seorang daripada ahli-ahlinya untuk menjadi Yang di-Pertua dalam seksyen-kecil (1) dengan perkataan-perkataan "sebagai Yang di-Pertua seseorang yang ditetapkan oleh Dewan," dengan meninggalkan perkataan "lain" dalam seksyen-kecil (3), dan dengan menambah satu seksyen-kecil (4)—

"(4) Seseorang tidak boleh dipilih untuk menjadi Yang di-Pertua melainkan ia adalah seorang ahli Dewan Negeri atau seorang yang layak menjadi ahli Dewan Negeri, dan Yang di-Pertua, sama ada ahli atau tidak, hendaklah mengosongkan jawatannya apabila Dewan Negeri dibubarkan dan ia boleh meletakkan jawatannya pada bila-bila masa".

JADUAL KESEMBILAN  
SENARAI PERUNDANGAN  
*Senarai I—Senarai Persekutuan*

1. Hal ehwal luarnegeri, termasuk—
  - (a) Triti, perjanjian dan konvensyen dengan negeri-perkara yang menghubungkan Persekutuan dengan mana-mana negara lain;
  - (b) Pelaksanaan triti, perjanjian dan konvensyen dengan negeri-negeri lain;
  - (c) Perwakilan diplomat, konsol dan perdagangan;
  - (d) Pertubuhan-pertubuhan antarabangsa; mengambil bahagian dalam badan-badan antarabangsa dan melaksanakan keputusan-keputusan yang diambil dalam badan-badan itu;
  - (e) Ekstradisi; pesalah fujitif; masuk ke dalam Persekutuan, pindah dan pengusiran dari Persekutuan;
  - (f) Pasport; visa; permit masuk atau lain-lain perakuan; kerantina;
  - (g) Bidangkuasa di negeri asing dan di luar wilayah; dan
  - (h) Ziarah ke tempat-tempat di luar Malaysia.
2. Pertahanan bagi Persekutuan atau bagi mana-mana bahagiannya, termasuk—
  - (a) Angkatan laut, darat dan udara dan lain-lain angkatan tentera;
  - (b) Mana-mana angkatan tentera yang bertugas atau menjalankan gerakan bersama dengan mana-mana angkatan tentera Persekutuan; angkatan tentera pelawat;
  - (c) Kerja pertahanan; kawasan-kawasan tentera dan kawasan-kawasan larangan; pangkalan-pangkalan bagi angkatan laut, darat dan udara; berek, padang terbang dan lain-lain kerja;
  - (d) Manuver;
  - (e) Peperangan dan keamanan; musuh dari bangsa asing dan orang negara musuh; harta musuh; perdagangan dengan musuh; kerosakan perang; insuran bahaya perang;
  - (f) Senjata, senjatapi, ubat bedil dan letupan;
  - (g) Perkhidmatan negara; dan
  - (h) Pertahanan awam.
3. Keselamatan dalam negeri, termasuk—
  - (a) Polis; penyiasatan jenayah; pendaftaran penjenayah; ketenteraman awam;
  - (b) Penjara; tempat pemulihan akhlak; rumah tahanan budak-budak; tempat tahanan; percubaan bagi pesalah; budak-budak pesalah;
  - (c) Tahanan pencegahan; sekatan kediaman;
  - (d) Perkhidmatan risekan; dan
  - (e) Pendaftaran negara.

4. Undang-undang dan acara sivil dan jenayah dan pentadbiran keadilan, termasuk—

- (a) Keanggotaan dan penyusunan semua mahkamah, lain daripada Mahkamah Syariah;
- (b) Bidangkuasa dan kuasa bagi semua mahkamah itu;
- (c) Saraan dan lain-lain keistimewaan bagi hakim dan pegawai yang mengetuai mahkamah itu;
- (d) Orang-orang yang berhak menjalankan amalan sebagai peguam dalam mahkamah itu;
- (e) Tertakluk kepada perenggan (ii), perkara-perkara yang berikut—

(i) Kontrak; perkongsian, perejenan dan lain-lain kontrak khas; majikan dan pekerja; rumah inapan dan tuannya; rumah inapan; perbuatan-salah yang boleh diambil tindakan; harga, menindah milik harta dan mencagar harta kecuai tanah; *bona vacantia*; ekuiti dan amanah; perkahwinan, penceraian dan taraf anak; harta dan taraf perempuan bersuami; pentafsiran undang-undang persekutuan; suratcara boleh niaga; akuan berkanun; timbangtara; undang-undang persaudagaran; pendaftaran perniagaan dan nama-nama perniagaan; umur dewasa; remaja; pengambilan anak angkat; pewarisan harta berwasiat dan tak berwasiat; probet dan surat mentadbir pesaka; kebangkrapan dan tak berkemampuan; sumpah dan ikrar; batasan; berbalas-balas menguatkuasakan hukuman dan perintah; undang-undang keterangan;

(ii) Perkara-perkara yang tersebut dalam perenggan (i) tidak termasuk undang-undang diri orang Islam berhubung dengan perkahwinan, penceraian, penjagaan anak, nafkah, pengambilan anak angkat, taraf anak, undang-undang keluarga, pemberian atau pewarisan harta berwasiat dan tak berwasiat;

- (f) Rahsia Kerajaan; perbuatan rasuah;
- (g) Mengguna atau menunjukkan jata, lambang, kebangsawanan, bendera, lambang, pakaian seragam, bintang-bintang kehormatan, lain daripada bintang-bintang kehormatan sesuatu Negeri;
- (h) Mengadakan kesalahan-kesalahan mengenai apa-apa perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan atau yang diselenggara di bawah undang-undang persekutuan;
- (i) Lepas-tanggungan mengenai apa-apa perkara dalam Senarai Persekutuan atau perkara-perkara yang diselenggara di bawah undang-undang persekutuan;

- (j) Bidangkuasa Admiralty;
- (k) Menentukan Hukum Syarak dan lain-lain undang-undang diri bagi maksud undang-undang persekutuan; dan
- (l) Pertaruhan dan loteri.

5. Kewarganegaraan Persekutuan dan masukan; orang negara asing.

6. Jentera kerajaan, tertakluk kepada Senarai Negeri, tetapi termasuk—

- (a) Pilihanraya bagi kedua-dua Majlis Parlimen dan Dewan-dewan Negeri dan segala perkara yang berhubung dengannya;
- (b) Majlis Angkatan Tentera dan Suruhanjaya-suruhanjaya yang dimaksudkan oleh Bahagian X;
- (c) Perkhidmatan persekutuan, termasuklah mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan yang am bagi Persekutuan dan Negeri-negeri; perkhidmatan yang am bagi dua buah Negeri atau lebih;
- (d) Pencen dan pampasan kerana hilang jawatan; ganjaran dan syarat-syarat perkhidmatan;
- (e) Kerajaan tempatan dan perancangan bandar bagi ibu kota, dan bekalan air bagi ibu kota persekutuan;
- (f) Kontrak-kontrak Kerajaan Persekutuan;
- (g) Pihakberkuasa awam Persekutuan; dan
- (h) Membeli, mengambil, memegang, dan membuat apa-apa urusan mengenai harta bagi maksud-maksud persekutuan.

7. Kewangan, termasuk—

- (a) Matawang, sah diperlakukan dan hal ehwal duit;
- (b) Simpanan negara dan bank simpanan;
- (c) Meminjam atas jaminan Kumpulanwang Persekutuan Disatukan;
- (d) Pinjaman kepada atau peminjaman oleh Negeri, pihak berkuasa awam dan enterpris persendirian;
- (e) Hutang awam Persekutuan;
- (f) Acara kewangan dan pengakaunan, termasuk acara bagi memungut, menjaga dan membayar wang awam Persekutuan dan wang awam Negeri, dan membeli, menjaga dan melepaskan harta awam, lain daripada tanah Persekutuan dan tanah Negeri;
- (g) Odit dan akaun bagi Persekutuan dan Negeri dan lain-lain pihakberkuasa awam;
- (h) Cukai; kadar di ibu kota persekutuan;
- (i) Bayaran mengenai mana-mana daripada perkara dalam Senarai Persekutuan atau yang diselenggara di bawah undang-undang persekutuan;

- (j) Urusan bank; memberi pinjam wang; pajak-gadai; kawalan kredit;
  - (k) Bil pertukaran, cek, surat janjihutang dan lain-lain suratcara yang seumpamanya;
  - (l) Pertukaran wang asing; dan
  - (m) Keluaran-keluaran modal; pasaran-pasaran saham dan barang-barang.
8. Tred, perdagangan dan perusahaan, termasuk—
- (a) Pengeluaran, pembekalan dan pembahagian barang-barang, kawalan harga dan kawalan barang-barang makanan; pencemohan barang-barang makanan dan lain-lain barang;
  - (b) Import ke Persekutuan dan eksport dari Persekutuan;
  - (c) Memperbadan, membuat peraturan dan menggulung perbadanan, lain daripada perbadanan perbandaran (tetapi termasuk perbadanan perbandaran ibu kota persekutuan; peraturan mengenai perbadanan asing; baunti atas perkeluaran di Persekutuan atau atas eksport dari Persekutuan);
  - (d) Insuran, termasuk insuran yang diwajibkan;
  - (e) Patent; rekabentuk; rekacipta; tanda dagangan dan tanda persaudagaran; hakcipta;
  - (f) Menetapkan piawai timbang dan sukat;
  - (g) Menetapkan mutu barang-barang yang dikilang dalam Persekutuan atau dieksport dari Persekutuan;
  - (h) Lelong dan pelelong;
  - (i) Perusahaan; peraturan mengenai kegiatan-kegiatan perusahaan;
  - (j) Tertakluk kepada butiran 2 (c) dalam Senarai Negeri; Memajukan sumber-sumber galian; lombong, pelombongan, galian dan bijih galian; minyak dan kawasan telaga minyak; membeli, menjual, mengimport dan mengeksport galian dan bijih galian; hasil petroleum; peraturan mengenai buruh dan keselamatan dalam lombong dan kawasan telaga minyak;
  - (k) Kilang; dandang dan jentera; tred merbahaya; dan
  - (l) Benda-benda merbahaya dan mudah terbakar.
9. Perkapalan, pelayaran dan perikanan, termasuk—
- (a) Perkapalan dan pelayaran di lautan lepas, di perairan pasang-surut dan di perairan daratan;
  - (b) Port dan pelabuhan; pantai pasang-surut;
  - (c) Rumah api dan lain-lain peruntukan bagi keselamatan pelayaran;

- (d) Menangkap ikan di laut dan di muara dan perikanan, tidak termasuk penyus;
  - (e) Diu rumah api; dan
  - (f) Karaman dan salvej.
10. Perhubungan dan pengangkutan, termasuk—
- (a) Jalan, jambatan, feri dan lain-lain cara perhubungan jika diisytiharkan sebagai dipunyai oleh Kerajaan Persekutuan oleh atau di bawah undang-undang persekutuan;
  - (b) Keretapi, tidak termasuk Keretapi Bukit Pulau Pinang;
  - (c) Penerbangan, kapal udara dan pelayaran udara; padang terbang awam; peruntukan-peruntukan bagi keselamatan kapal udara;
  - (d) Peraturan mengenai lalulintas jalan darat, lalulintas jalan sungai dan udara, lain daripada lalulintas di sungai-sungai di luar kawasan pelabuhan yang kesemuanya terletak dalam satu Negeri;
  - (e) Membawa penumpang-penumpang dan barang-barang mengikut jalan darat, jalan sungai dan udara;
  - (f) Kereta didorongi jentera;
  - (g) Pos dan talikom; dan
  - (h) Wailes, penyiaran dan talivisyen.
11. Kerja-kerja Persekutuan dan kuasa, termasuk—
- (a) Kerjaraya bagi maksud-maksud persekutuan;
  - (b) Bekalan air, sungai dan terusan, kecuali yang kesemuanya terletak dalam satu Negeri atau yang peraturan-peraturan mengenainya ada dibuat dengan suatu perjanjian antara semua Negeri yang berkenaan; pengeluaran, pembahagian dan bekalan kuasa air; dan
  - (c) Letrik; gas dan kerja-kerja gas; dan lain-lain kerja bagi mengeluarkan dan membahagikan kuasa dan tenaga.
12. Tinjauan, siasatan dan penyelidikan, termasuk—
- (a) Banci; pendaftaran beranak dan mati; pendaftaran perkahwinan; pendaftaran pengambilan anak angkat, lain daripada pengambilan anak angkat menurut hukum Syarak atau adat istiadat Melayu;
  - (b) Tinjauan Persekutuan; tinjauan sosial, ekonomi dan sains; pertubuhan-pertubuhan kajicuaca;
  - (c) Penyelidikan sains dan teknik; dan
  - (d) Suruhanjaya siasatan.

13. Pelajaran, termasuk—
  - (a) Pelajaran rendah, menengah dan universiti; pelajaran vokasional dan teknik; latihan guru-guru; pendaftaran dan kawalan bagi guru-guru, pengurus-pengurus dan sekolah-sekolah; memajukan pengajian dan penyelidikan khas; pertubuhan sains dan sastera;
  - (b) Perpustakaan; muzium; tugu-tugu dan rekod-rekod purbakala dan bersejarah; tapakbina-tapakbina dan bekas-bekas purbakala.
14. Ubat dan kesihatan termasuk kebersihan di ibu kota persekutuan dan termasuk—
  - (a) Rumah sakit, klinik dan gudang ubat; profesion perubatan; kebajikan ibu dan anak; orang-orang kusta dan tempat orang-orang kusta;
  - (b) Gila dan cacat otak, termasuk tempat-tempat untuk melayani dan berubat;
  - (c) Racun dan dadah merbahaya; dan
  - (d) Dadah dan minuman mabuk; pembuatan dan penjualan dadah.
15. Buruh dan keselamatan sosial, termasuk—
  - (a) Kesatuan sekerja; pertikaian perusahaan dan buruh; kebajikan buruh termasuk mengadakan rumah bagi buruh oleh majikan, tanggungan majikan dan pampasan orang kerja;
  - (b) Insuran pengangguran; insuran kesihatan; pencen balu, anak yatim dan orang tua; faedah-faedah bagi ibu; kumpulan wang simpanan dan kebajikan; persaraan; dan
  - (c) Khairat dan yayasan khairat; amanah khairat dan pemegang amanah tidak termasuk Wakaf Islam; wakaf Hindu.
16. Kebajikan orang-orang asli.
17. Pekerjaan-pekerjaan profesion, lain daripada yang disebutkan dengan tertentu.
18. Hari-hari kelepasan lain daripada hari-hari kelepasan Negeri; piawai waktu.
19. Pertubuhan-pertubuhan yang tidak diperbadankan.
20. Kawalan mengenai musuh tanaman; perlindungan daripada musuh itu; mencegah penyakit-penyakit pokok.
21. Akhbar; penerbitan; penerbit; percetakan dan alat cetak mencetak.
22. Penapisan.
23. Tertakluk kepada butiran 5 (f) dalam Senarai Negeri; panggung wayang; wayang gambar; filem wayang gambar; tempat hiburan awam.

24. Amanah perumahan dan kemajuan Persekutuan.
25. Syarikat kerjasama.
26. Kecuali berkenaan dengan Sabah dan Sarawak, dan tertakluk kepada butiran 9A dalam senarai bersama mencegah dan memadamkan kebakaran, termasuk perkhidmatan bomba dan pasukan bomba.

#### *Senarai II—Senarai Negeri*

1. Hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk Hukum Syarak berhubung dengan mewarisi harta berwasiat dan tak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, mas kahwin, nafkah, pengambilan anak angkat, taraf anak, penjagaan anak, pemberian pembahagian harta dan amanah bukan khairat; Wakaf Islam dan takrif serta peraturan mengenai amanah khairat dan khairat agama, perlantikan pemegang-pemegang amanah dan perbadanan bagi orang-orang mengenai pemberian agama Islam dan khairat, yayasan, amanah, khairat dan yayasan khairat yang dijalankan kesemuanya sekali dalam Negeri; adat istiadat Melayu; zakat fitrah dan Bait-ul-mal atau hasil agama Islam yang seumpamanya; masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam; mengadakan dan menghukum kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh orang-orang yang menganut agama Islam terhadap rukun-rukun Islam, kecuali mengenai perkara-perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan; keanggotaan, penyusunan dan acara bagi mahkamah-mahkamah Syariah, yang akan mempunyai bidangkuasa hanya ke atas orang-orang yang menganut agama Islam dan hanya mengenai mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini, tetapi tidak mempunyai bidangkuasa mengenai kesalahan-kesalahan kecuali setakat yang diberi oleh undang-undang persekutuan; mengawal pengembangan iktikad dan kepercayaan antara orang-orang yang menganut agama Islam, menentukan perkara-perkara Hukum Syarak dan iktikad dan adat istiadat Melayu.
2. Kecuali Wilayah Persekutuan, Tanah termasuk—
  - (a) Pemegang tanah; perhubungan antara tuan tanah dengan penyewa; pendaftaran hakmilik dan surat ikatan mengenai tanah; penerokaan, kemajuan tanah dan memelihara tanah; sekatan sewa;
  - (b) Rizab Melayu atau, di Negeri-negeri Borneo, rizab bumiputera;
  - (c) Permit dan lesen untuk mencari galian; pajakan lombong dan perakuan lombong;
  - (d) Pengambilan tanah secara paksa;
  - (e) Pindah milik tanah, gadaian, pajakan dan gadaian mengenai tanah; ismen; dan
  - (f) Per Kembalian harta kepada kerajaan; harta karun tidak termasuk barang purba.

3. Kecuali Wilayah Persekutuan, Pertanian dan perhutanan, termasuk—
  - (a) Pertanian dan pinjaman pertanian; dan
  - (b) Hutan.
4. Kerajaan tempatan di luar Wilayah Persekutuan, termasuk—
  - (a) Pentadbiran tempatan; perbadanan perbandaran; lembaga tempatan, lembaga bandaran dan lembaga luarbandar dan lain-lain pihakberkuasa tempatan; perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan tempatan; kadar tempatan; pilihanraya kerajaan tempatan;
  - (b) Tred merbahaya dan mudarat awam dalam kawasan-kawasan pihakberkuasa tempatan;
  - (c) Perumahan dan peruntukan bagi mengadakan perumahan, amanah kemajuan.
5. Kecuali Wilayah Persekutuan, lain-lain perkhidmatan bercorak tempatan, iaitu—
  - (a) (*Dimansuhkan*).
  - (b) Rumah penginapan dan rumah lojing;
  - (c) Tanah kubur dan tanah tempat bakar mayat;
  - (d) Paun dan pencerobohan kerbau-lembu;
  - (e) Pasar dan pasar berkala; dan
  - (f) Perlesenan panggung wayang, wayang gambar dan tempat-tempat hiburan awam.
6. Kerja-kerja Negeri dan kerja-kerja air, iaitu—
  - (a) Kerja raya bagi maksud-maksud Negeri;
  - (b) Jalan, jambatan dan feri lain daripada yang ada dalam Senarai Persekutuan, peraturan mengenai berat dan lajunya kereta-kereta atas jalan itu; dan
  - (c) Tertakluk kepada Senarai Persekutuan, air (termasuk bekalan air, sungai dan terusan); mengawal lodak; hak tepi sungai.
7. Jentera Kerajaan Negeri, tertakluk kepada Senarai Persekutuan, tetapi termasuk—
  - (a) Peruntukan Diraja dan pencen Negeri;
  - (b) Perkhidmatan-perkhidmatan yang tersendiri bagi Negeri;
  - (c) Meminjam atas jaminan Kumpulanwang Negeri Disatukan;
  - (d) Pinjaman bagi maksud-maksud Negeri;
  - (e) Hutang awam Negeri; dan
  - (f) Bayaran mengenai apa-apa perkara yang termasuk dalam Senarai Negeri atau yang diselenggara di bawah undang-undang Negeri.
8. Hari kelepasan Negeri.

9. Mengadakan kesalahan-kesalahan mengenai apa-apa perkara yang termasuk dalam Senarai Negeri atau yang diselenggara di bawah undang-undang Negeri, bukti mengenai undang-undang Negeri dan mengenai perkara-perkara yang dilakukan di bawahnya, dan bukti mengenai apa-apa perkara bagi maksud undang-undang Negeri.

10. Siasatan bagi maksud-maksud Negeri, termasuk Suruhanjaya-suruhanjaya siasatan dan mengumpul perangkaan mengenai mana-mana perkara yang termasuk dalam Senarai Negeri atau yang diselenggara di bawah undang-undang Negeri.

11. Lepas-tanggungan mengenai apa-apa perkara yang ada dalam Senarai Negeri atau yang diselenggara di bawah undang-undang Negeri.

12. Penyu dan menangkap ikan di sungai.

*Senarai II A—Tambahan Kepada Senarai Negeri bagi Negeri-negeri Borneo*

13. Undang-undang dan adat istiadat bumiputera, termasuk undang-undang diri berhubung dengan perkahwinan, perceraian, penjagaan anak, nafkah, pengambilan anak angkat, taraf anak, undang-undang keluarga, pemberian atau mewarisi harta berwasiat atau tak berwasiat; pendaftaran pengambilan anak angkat menurut undang-undang atau adat istiadat bumiputera; menentukan perkara-perkara mengenai undang-undang atau adat istiadat bumiputera; keanggotaan, penyusunan dan acara mahkamah-mahkamah bumiputera (termasuk hak dengar dalam mahkamah-mahkamah itu), dan bidang kuasa-kuasa mahkamah-mahkamah itu, yang akan meliputi hanya perkara-perkara yang termasuk dalam perenggan ini sahaja dan tidak termasuk bidangkuasa mengenai kesalahan-kesalahan kecuali setakat mana yang diberi oleh undang-undang persekutuan.

14. Perbadanan pihakberkuasa-pihakberkuasa dan lain-lain badan yang ditubuhkan oleh undang-undang Negeri, jika diperbadankan secara terus oleh undang-undang Negeri, dan peraturan serta penggulungan perbadanan-perbadanan yang diwujudkan sedemikian.

15. Port dan pelabuhan, lain daripada yang diisytiharkan sebagai dipunyai oleh Kerajaan Persekutuan oleh atau di bawah undang-undang persekutuan; peraturan mengenai lalulintas jalan air di port dan pelabuhan atau sungai-sungai yang kesemuanya terletak dalam Negeri itu, kecuali lalulintas di port atau pelabuhan persekutuan; pantai pasang-surut.

16. Ukuran tanah kadastera.

17. Perpustakaan, muzium, tugu-tugu dan rekod-rekod purbakala dan bersejarah serta tapakbina-tapakbina dan bekas-bekas purbakala, lain daripada yang diisytiharkan sebagai dipunyai oleh Kerajaan Persekutuan oleh atau di bawah undang-undang persekutuan.

18. Di Sabah, Keretapi Sabah.

19. (*Dimansuhkan*).

*Senarai II B—(Dimansuhkan)*

*Senarai III—Senarai Bersama*

1. Kebajikan masyarakat; perkhidmatan masyarakat tertakluk kepada Senarai I dan II; perlindungan bagi perempuan, kanak-kanak dan orang-orang muda.
  2. Biasiswa.
  3. Perlindungan bagi binatang-binatang liar dan burung-burung liar; Taman Negara.
  4. Ternakan binatang-binatang—mencegah perbuatan aniaya kepada haiwan; perkhidmatan haiwan; kerantina haiwan.
  5. Perancangan bandar dan kampung, kecuali di ibu kota persekutuan.
  6. Kuturayau dan penjaja-penjaja beridar.
  7. Kesihatan awam, kebersihan (tidak termasuk kebersihan di ibu kota persekutuan) dan mencegah penyakit-penyakit.
  8. Pamaritan dan pengairan.
  9. Pemulihan tanah lombong dan tanah yang telah binasa oleh hakisan tanah.
  - 9A. Kecuali mengenai Sabah dan Sarawak, langkah-langkah keselamatan kebakaran dan langkah-langkah berjaga-jaga kebakaran dalam pembinaan dan penyenggaraan bangunan-bangunan.
- 9 B -  
9 C -
- Senarai III A—Tambahan kepada Senarai Bersama  
bagi Negeri-negeri Borneo*
10. Undang-undang diri berhubung dengan perkahwinan, perceraian, penjagaan anak, nafkah, pengambilan anak angkat, taraf anak, undang-undang keluarga, pemberian atau mewarisi harta berwasiat atau tak berwasiat.
  11. Pencemuhan barang-barang makanan dan lain-lain barang.
  12. Perkapalan yang beratnya kurang daripada lima belas tan berdaftar, termasuk membawa penumpang-penumpang dan barang-barang oleh perkapalan itu; menangkap ikan di laut dan di muara dan perikanan.
  13. Pengeluaran, pembahagian dan bekalan kuasa air dan letrik yang dijanak kuasa oleh kuasa air.
  14. Penyelidikan pertanian dan perhutanan, kawalan mengenai musuh tanaman, dan perlindungan daripada musuh itu; mencegah penyakit-penyakit pokok.

15. Khairat serta amanah dan yayasan khairat dalam Negeri (iaitu yang kesemuanya dijalankan dalam Negeri atau diwujudkan dan dijalankan dalam Negeri itu) dan pemegang-pemegang amanahnya, termasuk memperbadankannya dan peraturan dan penggulangan khairat dan yayasan khairat yang diperbadankan dalam Negeri itu.

16. Panggung wayang; wayang gambar; filem wayang gambar; tempat hiburan awam.

17. Pilihanraya bagi Dewan Negeri yang diadakan dalam tempoh pilihanraya secara tidak langsung.

18. Di Sabah sehingga hujung tahun 1970 (tetapi tidak di Sarawak), ubat dan kesihatan, termasuk perkara-perkara yang dinyatakan dalam butiran 14 (a) hingga (d) Senarai Persekutuan.

JADUAL KESEPULUH

PEMBERIAN DAN SUMBER-SUMBER HASIL YANG DI  
SERAHKAN KEPADA NEGERI

BAHAGIAN I

PEMBERIAN MENGIKUT BILANGAN ORANG

1. (1) Pemberian mengikut bilangan orang yang kena dibayar kepada tiap-tiap buah Negeri bagi sesuatu tahun kewangan hendaklah mengikut kadar yang berikut—

- (a) bagi 100,000 orang yang pertama mengikut kadar sebanyak \$20 bagi tiap-tiap seorang;
- (b) bagi 150,000 orang yang berikutnya mengikut kadar sebanyak \$10 bagi tiap-tiap seorang;
- (c) bagi 250,000 orang yang berikutnya mengikut kadar sebanyak \$6 bagi tiap-tiap seorang;
- (d) bagi yang selebihnya mengikut kadar sebanyak \$3 bagi tiap-tiap seorang.

dan hendaklah berdasarkan bilangan penduduk-penduduk Negeri itu sebagaimana yang ditentukan dalam banci akhir yang dijalankan sebelum permulaan tahun kewangan yang dahulunya:

Dengan syarat bahawa jika bancian yang akhir itu telah dijalankan satu tahun sebelum permulaan tahun kewangan, maka pemberian bagi tahun tertentu itu hendaklah berdasarkan bilangan penduduk sebagaimana ditentukan oleh bancian bilangan penduduk itu.

(2) *(Dimansuhkan)*.

BAHAGIAN II  
PEMBERIAN JALAN NEGERI

2. Pemberian jalan Negeri yang akan dibayar kepada tiap-tiap satu Negeri Tanah Melayu bagi sesuatu tahun kewangan hendaklah dikira dengan mendarabkan—

- (a) belanja hitung panjang bagi sesuatu Negeri menyenggara sebatu jalan Negeri, termasuk belanja membaiki dan menyenggara apa-apa jambatan, viaduk atau pemetong yang menjadi sebahagian daripada jalan itu atau yang berhubung dengannya mengikut mutu minima yang ditetapkan bagi jalan-jalan Negeri dalam Negeri-Negeri yang berkenaan itu oleh Kerajaan Persekutuan selepas berunding dengan Majlis Kewangan Negara; dengan
- (b) sekian panjangnya jalan-jalan Negeri, mengikut kira batu, dalam Negeri itu yang layak mendapat pemberian.

3. Bagi maksud seksyen 2—

- (a) perbatuan jalan-jalan Negeri dalam sesuatu Negeri, ialah perbatuan jalan-jalan Negeri itu yang ada pada tiga puluh satu haribulan Disember dalam tahun kewangan yang dahulunya, dan kos purata yang tersebut dalam perenggan (a) seksyen tersebut ialah kos purata dalam Negeri itu yang dikira dalam tahun kewangan yang dahulunya; dan
- (b) penyenggaraan jalan-jalan Negeri ertinya pemeliharaan, penjagaan dan pemulihan jalan-jalan Negeri, perabot tepi jalan, jambatan, viaduk atau pemetong yang menjadi sebahagian daripada jalan itu atau yang berkaitan dengannya dengan seberapa hampir yang boleh dengan keadaan asalnya sebagaimana dibina atau sebagaimana dibaiki kemudiannya.

4. Sesuatu ukur-panjang jalan Negeri, jika ianya adalah sebenarnya disenggara oleh Jabatan Kerja Raya Negeri itu mengikut mutu minima yang tersebut dalam seksyen 2 (a) atau mutu yang lebih tinggi daripadanya dan sesuatu ukur-panjang mana-mana jalan dalam kawasan sesuatu pihakberkuasa tempatan, jika jalan itu diperakui oleh Jabatan Kerja Raya Negeri itu sebagai termasuk dalam mutu kelayakan dan disenggara mengikut mutu minima yang tersebut dalam seksyen 2 (a) satu mutu yang lebih tinggi daripadanya adalah layak mendapat pemberian; kecuali bahawa apa-apa ukur-panjang yang tidak layak mendapat pemberian dalam tahun kewangan yang terdahulunya adalah layak mendapat pemberian hanya jika Kerajaan Persekutuan telah bersetuju terhadap kelayakannya yang demikian.

5. Dalam Bahagian kepada Jadual ini, "Jalan Negeri" bermakna sebarang jalan awam selain daripada jalan persekutuan dan sebarang jalan lain yang bukan jalan persekutuan yang mana dilalui oleh orang awam.

6. (1) Pemberian jalan Negeri yang akan dibayar kepada Sabah atau Sarawak bagi tahun 1964 dan 1965, hendaklah dibayar mengikut kadar \$4.500 sebatu bagi ukuran batu di Sabah sebanyak 1,151 batu dan di

Sarawak, mengikut jumlah sebagaimana yang di persetujui di antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri.

6. (2) Selepas daripada itu, seksyen 2 hingga 5 hendaklah dipakai bagi pemberian jalan Negeri yang akan dibayar sedemikian dengan ubahsuaian-ubahsuaian yang berikut:

- (a) belanja hitung panjang dan mutu minima yang tersebut dalam seksyen 2 (a) masing-masing ialah hitung panjang dalam Negeri itu dan mutu minima yang ditetapkan bagi jalan-jalan Negeri dalam Negeri itu; dan
- (b) apa-apa ukur-panjang jalan yang disenggara oleh sesuatu pihakberkuasa tempatan atas perbelanjaan Negeri hendaklah dikira sebagai disenggara oleh Jabatan Kerja Raya Negeri itu.

BAHAGIAN III

SUMBER-SUMBER HASIL YANG DISERAHKAN KEPADA NEGERI

1. Hasil dari kedai tuak.
2. Hasil dari tanah, lombong dan hutan.
3. Hasil dari lesen-lesen, lain daripada lesen-lesen berhubung dengan kereta-kereta yang didorongi jentera, pemasangan-pemasangan letrik dan pendaftaran perniagaan-perniagaan.
4. Duti hiburan.
5. Bayaran-bayaran dalam mahkamah, lain daripada mahkamah persekutuan.
6. Bayaran-bayaran dan terimaan-terimaan mengenai perkhidmatan-perkhidmatan tertentu yang dijalankan oleh jabatan-jabatan Kerajaan Negeri.
7. Hasil bagi lembaga-lembaga bandaran, majlis-majlis bandaran, lembaga-lembaga luar bandar, majlis-majlis tempatan dan pihak-pihak berkuasa tempatan yang seumpamanya lain daripada—
  - (a) perbandaran yang ditubuhkan di bawah Ordinan Perbandaran.
  - (b) lembaga-lembaga bandaran, majlis-majlis bandaran, lembaga-lembaga luar bandar, majlis-majlis tempatan dan pihak-pihak berkuasa tempatan yang seumpamanya yang ada mempunyai kuasa di bawah undang-undang bertulis untuk memegang hasil-hasilnya dan mengawal perbelanjaan hasil-hasilnya itu.
8. Terimaan-terimaan mengenai bekalan air, termasuk kadar-kadar air.
9. Sewa-sewa mengenai harta Negeri.
10. Bunga atas baki-baki wang Negeri.

11. Terimaan-terimaan dari jualan-jualan tanah dan jualan-jualan harta Negeri.
12. Denda-denda dan rampasan-rampasan dalam mahkamah, lain daripada mahkamah persekutuan.
13. Zakat, Fitrah dan Bait-ul-Mal dan hasil agama Islam yang seumpamanya.
14. Harta karun.

#### BAHAGIAN IV

##### PEMBERIAN-PEMBERIAN KHAS KEPADA NEGERI-NEGERI BORNEO

1. (1) Mengenai Sarawak, pemberian sebanyak \$5,800,000 bagi tiap-tiap satu tahun.  
 (2) Mengenai Sarawak, pemberian yang jumlahnya bagi tahun 1964 dan bagi tiap-tiap satu tahun dari empat tahun yang berikut masing-masing ialah \$3½ juta, \$7 juta, \$11½ juta, \$16 juta dan \$21 juta, dan bagi tahun-tahun yang kemudiannya, jumlahnya hendaklah ditetapkan mengikut suatu ulangkaji di bawah Perkara 112D.
2. (1) Mengenai Sabah, pemberian yang jumlahnya sama banyaknya bagi tiap-tiap satu tahun dengan dua perlima daripada jumlah lebihnya hasil bersih yang didapati oleh Persekutuan dari Sabah daripada hasil bersih yang tetap didapati oleh Persekutuan bagi tahun 1963 jika—
  - (a) Akta Malaysia berjalan kuatkuasanya dalam tahun itu seperti dalam tahun 1964; dan
  - (b) hasil bersih bagi tahun 1963 dikira dengan tidak mengambilkira apa-apa perubahan mengenai apa-apa cukai atau bayaran, yang dibuat pada atau selepas Hari Malaysia;
 (“hasil bersih” ertinya, bagi maksud ini, hasil yang akru kepada Persekutuan, ditolak jumlah yang diterima oleh Negeri dari penyerahan-penyERAHAN hasil itu.)  
 (2) Mengenai Sabah, bagi mana-mana tahun sebelum tahun 1968 dalam mana pemberian jalan Negeri adalah kurang daripada \$5,179,500, suatu tambahan kepada pemberian itu, yang banyaknya sama dengan kekurangan itu.
3. Mengenai Sarawak atau Sabah, bagi mana-mana tahun sebelum tahun 1974 dan, jika pada permulaan tahun 1974 Badan Perundangan Negeri itu ada mempunyai kuasa membuat undang-undang berkenaan dengan membawa penumpang-penumpang dan barang-barang mengikut jalan darat atau berkenaan dengan kereta-kereta jalan yang didorongi jentera, maka dalam masa kuasa itu terus berjalan, suatu pemberian yang sama banyaknya dengan belanja yang kena dibayar oleh Negeri itu dalam tahun itu bagi jabatan pengangkutan jalan Negeri itu.

#### BAHAGIAN V

##### SUMBER-SUMBER TAMBAHAN HASIL YANG DISERAHKAN KEPADA NEGERI-NEGERI BORNEO

1. Duti import dan duti eksais atas hasilan petroleum.
2. Duti eksport atas kayu dan lain-lain keluaran hutan.
3. Selagi royalti dilevi oleh Negeri itu atas apa-apa galian yang boleh dikenakan duti eksport, lain daripada bijih (tetapi termasuk minyak minyak galian) tidak berjumlah 10 peratus *ad valorem* yang dikira bagi maksud duti eksport, duti eksport atas galian itu atau seberapa banyak daripada duti eksport yang menjadikan jumlah royalti dan duti atas galian yang dieksport hingga 10 peratus *ad valorem* yang dikira sedemikian.
4. Mengenai Sabah, selagi ubat dan kesihatan masih menjadi suatu butiran dalam Senarai Bersama dan perbelanjaan mengenai butiran itu ditanggung oleh Negeri itu, 30 peratus dari segala hasil kastam, lain daripada hasil kastam mengenai duti-duti yang tersebut dalam seksyen 1, 2 dan 3.
5. Bagi mana-mana tahun sebelum tahun 1974 dan, jika pada permulaan tahun 1974, Badan Perundangan Negeri itu ada mempunyai kuasa membuat undang-undang berkenaan dengan membawa penumpang-penumpang dan barang-barang mengikut jalan darat atau berkenaan dengan kereta-kereta jalan yang didorongi jentera atau lesen-lesen berhubung dengan kereta-kereta itu, maka dalam masa kuasa itu terus berjalan, bayaran-bayaran dari lesen-lesen itu.
6. Bagi mana-mana tahun sebelum 1974, dan jika pada permulaan tahun 1974 Badan Perundangan Negeri itu ada mempunyai kuasa membuat undang-undang berkenaan dengan pendaftaran kereta-kereta yang didorongi jentera, maka dalam masa kuasa itu terus berjalan, bayaran-bayaran dari pendaftaran kereta-kereta itu.
7. Cukai-cukai jualan Negeri.
8. Bayaran-bayaran dan diu-diu dari port dan pelabuhan, lain daripada port dan pelabuhan-pelabuhan persekutuan.

#### JADUAL KESEBELAS

Perkara 160 (1).

PERUNTUKAN BAGI ORDINAN PENTAFSIRAN DAN FASAL-FASAL AM, 1948 (ORDINAN MALAYAN UNION No. 7 TAHUN 1948), DIPAKAI BAGI PENTADBIRAN PERLEMBAGAAN

Seksyen

Hal Perkara

- 2 (56) *Erti “bulan”*—  
 “bulan” ertinya bulan kalendar mengikut kalendar Gregory.
- 2 (61) *Erti “orang” dan “pihak”*—  
 “orang” dan “pihak” termasuklah mana-mana kumpulan orang, sama ada diperbadankan atau tidak,



2 (88) *Takrif "perundangan kecil"*—

"perundangan kecil" ertinya apa-apa Perintah dalam Majlis Mesyuarat, perisytiharan, kaedah, peraturan, perintah, pemberitahu, undang-undang kecil atau lain-lain surat-cara yang dibuat di bawah mana-mana Ordinan, Enakmen atau lain-lain kuasa yang sah dan mempunyai kuatkuasa undang-undang.

2 (94) *(Tidak dipakai dalam terjemahan).*2 (95) *Pentafsiran bilangan tunggal atau bilangan banyak*—

perkataan-perkataan dalam bilangan tunggal adalah termasuk perkataan banyak, dan perkataan-perkataan dalam bilangan banyak adalah bilangan tunggal.

2 (98) *Erti "tahun"*—

"tahun" ertinya suatu tahun yang dihitung mengikut kalendar Gregory.

7 *Borang*—

Kecuali sebagaimana selainnya diperuntukkan dengan nyata, apabila borang ada ditetapkan, maka sedikit-sedikit pelencongan darinya yang tidak mendatangkan apa-apa kesan kepada isinya atau tidak dimaksud untuk mengelirukan, tidaklah menjadikan borang itu terbatal.

13 *Akibat pemansuhan*—

Jika sesuatu undang-undang bertulis memansuhkan kesemua atau sebahagian mana-mana undang-undang bertulis yang lain, maka, melainkan jika terdapat maksud yang berlainan, pemansuhan itu tidak boleh—

- (a) menghidupkan balik apa-apa jua yang tidak berkuatkuasa atau tidak ada pada masa pemansuhan itu berjalan kuatkuasanya; atau
- (b) menyentuh perjalanan pada masa dahulunya kuatkuasa undang-undang bertulis yang dimansuhkan sedemikian atau apa-apa jua yang telah dilakukan atau ditanggung dengan sempurna di bawah undang-undang bertulis yang dimansuhkan sedemikian; atau
- (c) menyentuh apa-apa hak, keistimewaan kewajipan atau tanggungan yang diperoleh, terakru atau dikenakan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang dimansuhkan sedemikian; atau
- (d) menyentuh apa-apa penalti, rampasan atau hukuman yang dikenakan mengenai apa-apa kesalahan yang dilakukan terhadap mana-mana undang-undang bertulis yang dimansuhkan sedemikian; atau

(e) menyentuh apa-apa penyasatan, pembicaraan atau remidi mengenai mana-mana hak, keistimewaan, kewajipan, tanggungan, penalti, rampasan atau hukuman sebagaimana tersebut di atas;

dan apa-apa penyasatan, pembicaraan atau remidi itu boleh dimulakan, diteruskan atau dikuatkuasakan, dan apa-apa penalti, rampasan atau hukuman itu boleh dikenakan, seolah-olah undang-undang yang memansuhkan itu tidak diluluskan.

21 *(Dimansuhkan).*23 *Peruntukan-peruntukan am berkenaan dengan kuasa yang diberi kepada mana-mana pihak berkuasa membuat perundangan kecil*—

Jika sesuatu Ordinan atau Enakmen memberi kuasa kepada mana-mana pihak berkuasa membuat perundangan kecil, maka perundangan kecil itu boleh pada bila-bila masa dipinda, diubah atau dibatalkan oleh pihak berkuasa itu juga dan mengikut cara bagaimana ia telah dibuat.

28 *Pentafsiran peruntukan tentang menjalankan kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan*—

(1) Jika sesuatu undang-undang bertulis memberi sesuatu kuasa atau menanggungkan sesuatu kewajipan, maka, melainkan jika terdapat maksud yang berlainan, kuasa itu boleh dijalankan dan kewajipan itu hendaklah dilaksanakan dari semasa kesemasa apabila dikehendaki.

(2) Jika sesuatu undang-undang bertulis memberi sesuatu kuasa atau menanggungkan sesuatu kewajipan kepada pemegang sesuatu jawatan sebagai demikian, maka, melainkan jika terdapat maksud yang berlainan, kuasa itu boleh dijalankan dan kewajipan itu hendaklah dilaksanakan oleh pemegang jawatan pada masa itu atau oleh seseorang yang dilantik dengan sempurna bagi menjalankan tugasnya.

29 *Kuasa melantik termasuk kuasa membuang*—

Jika sesuatu undang-undang bertulis memberi kepada seseorang atau sesuatu pihak berkuasa suatu kuasa bagi membuat perantikan-perantikan bagi sesuatu jawatan atau kedudukan, maka, melainkan jika terdapat maksud yang berlainan, kuasa itu hendaklah ditafsirkan sebagai termasuk kuasa membuang atau menggantung jawatan mana-mana orang yang dilantik dan melantik seorang lain buat sementara bagi menggantikan mana-mana orang yang digantung jawatannya atau mana-mana pemegangnya yang sakit atau tidak hadir:

Dengan syarat bahawa jika kuasa orang atau pihak berkuasa itu bagi membuat perantikan itu hanya boleh dijalankan atas syor atau dengan tertakluk kepada kelulusan

atau persetujuan seseorang lain atau sesuatu pihak berkuasa lain, maka, melainkan jika terdapat maksud yang berlainan, kuasa bagi membuang itu hendaklah hanya boleh dijalankan atas syor atau dengan tertakluk kepada kelulusan atau persetujuan orang atau pihak berkuasa yang lain itu.

30 *Pentafsiran perkataan-perkataan yang membolehkan—*

Jika sesuatu undang-undang bertulis memberi kuasa kepada seseorang bagi melakukan atau menguatkuasakan apa-apa perbuatan atau perkara dilakukan, maka segala kuasa sebagaimana yang perlu dengan berpatutan untuk membolehkan orang itu melakukan atau menguatkuasakan perbuatan atau perkara itu dilakukan hendaklah juga difahamkan sebagai diberi kepada orang itu.

32 *Nama jawatan hendaklah termasuk pegawai yang menjalankan kewajipan—*

Jika sebutan dibuat dalam mana-mana undang-undang bertulis, suratcara, waran atau apa-apa jenis proses yang dibuat atau dikeluarkan oleh Yang di-Pertuan Agong, atau seorang Raja atau mana-mana badan atau orang yang ada mempunyai kuasa di bawah mana-mana undang-undang bertulis bagi membuat atau mengeluarkan suratcara, waran atau proses itu kepada mana-mana pegawai awam mengikut nama jawatannya, maka pegawai itu adalah termasuk pegawai yang pada masa itu menjalankan kewajipan jawatan itu atau mana-mana bahagian daripada kewajipan itu.

33 *Kuasa Yang di-Pertuan Agong untuk mengadakan peruntukan bagi menjalankan kewajipan-kewajipan pegawai awam dalam masa pegawai itu tidak ada atau tidak berupaya buat sementara—*

(1) Jika apa-apa kuasa diberi atau apa-apa kewajipan ditanggungkan oleh atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis kepada seseorang pegawai awam, maka Yang di-Pertuan Agong atau, mengenai seseorang pegawai awam yang ditanggung dalam perjawatan sesuatu Negeri, Raja bagi Negeri itu, boleh mengarahkan bahawa jika, dalam sesuatu tempoh, oleh kerana tidak ada atau tidak berupaya bertindak oleh sebab sakit atau apa-apa sebab lain, pegawai awam itu tidak dapat menjalankan kuasa-kuasa atau menyempurnakan kewajipan-kewajipan jawatannya di mana-mana tempat di bawah bidangkuasa atau kawalannya maka kuasa-kuasa itu hendaklah dipunyai dan boleh dijalankan, dan kewajipan-kewajipan itu hendaklah disempurnakan di tempat itu, oleh seorang yang dinamakan oleh, atau oleh seorang pegawai awam yang memegang jawatan yang ditetapkan oleh, Yang di-Pertuan Agong atau

Raja, mengikut mana yang berkenaan; dan kemudiannya orang atau pegawai awam itu, dalam apa-apa tempoh seperti tersebut di atas, hendaklah mempunyai dan boleh menjalankan kuasa-kuasa itu dan hendaklah menyempurnakan kewajipan-kewajipan yang tersebut di atas tertakluk kepada syarat-syarat pengecualian-pengecualian dan batasan-batasan sebagaimana yang diarahkan oleh Yang di-Pertuan Agong atau Raja.

(2) Dengan tidak menyentuh peruntukan-peruntukan seksyen-kecil (1), apabila pemegang yang sebenar bagi sesuatu jawatan bercuti sebelum menyerahkan jawatannya maka adalah sah bagi seorang lain dilantik sebagai pemegang yang sebenar bagi jawatan itu bagi menggantikannya.

33c *Kuasa sesuatu lembaga, dsb., tidak tersentuh oleh kekosongan, dsb.—*

Jika sesuatu lembaga, suruhanjaya, jawatan-kuasa atau badan yang seumpamanya, sama ada diperbadankan atau tidak, ditubuhkan oleh atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis, maka melainkan jika terdapat maksud yang berlainan, kuasa dan perjalanan lembaga, suruhanjaya, jawatankuasa atau badan yang seumpamanya itu tidak tersentuh oleh—

- (a) apa-apa kekosongan dalam keanggotaannya;
- (b) apa-apa kecacatan yang didapati kemudian kelak tentang perlantikan atau kelayakan seseorang yang berupa sebagai seorang ahlinya; atau
- (c) apa-apa salah-aturan yang kecil dalam memanggil atau menjalankan sesuatu mesyuaratnya.

35 *(Dimansuhkan).*

36 *Mengira masa—*

Pada mengira masa bagi maksud mana-mana undang-undang bertulis, melainkan jika terdapat maksud yang berlainan—

- (a) tempoh beberapa hari daripada berlaku sesuatu kejadian atau daripada dilakukan sesuatu perbuatan atau perkara hendaklah disifatkan sebagai dikecualikan hari bila kejadian itu berlaku atau bila perbuatan atau perkara itu dilakukan;
- (b) jika hari yang akhir bagi tempoh itu ialah hari kelepasan mingguan atau hari kelepasan am (yang disebutkan sebagai hari yang dikecualikan dalam seksyen ini) maka tempoh itu hendaklah termasuk hari yang berikutan kemudiannya, iaitu hari yang bukan dikecualikan;

(c) apabila sesuatu perbuatan atau langkah pembicaraan diarah atau dibenar dilaku atau dijalankan pada suatu hari yang tertentu, maka, jika sekiranya hari itu adalah suatu hari yang dikecualikan, perbuatan atau langkah pembicaraan itu hendaklah disifatkan sebagai dilaku atau dijalankan dalam masa yang sepatutnya jika dilaku atau dijalankan pada hari yang berikutan kemudiannya, iaitu suatu hari yang bukan dikecualikan;

(d) apabila sesuatu perbuatan atau langkah pembicaraan diarah atau dibenar dilaku atau dijalankan dalam sesuatu masa yang tidak lebih daripada enam hari maka hari yang dikecualikan tidaklah boleh dihitung pada mengira masa itu.

38 *Peruntukan apabila masa tidak ditetapkan—*

Jika tiada apa-apa tempoh ditetapkan atau dibenarkan bagi sesuatu perkara dilakukan, maka perkara itu hendaklah dilakukan dengan seberapa segera yang boleh dan pada bila-bila masa perkara yang ditetapkan itu berlaku.

40A *Peguamcara Negara hendaklah menjalankan kuasa-kuasa negara—*

(1) Melainkan jika peruntukan lain ada dibuat dengan nyatanya dalam mana-mana undang-undang bertulis, Peguamcara Negara boleh menjalankan mana-mana daripada kewajipan dan kuasa Peguam Negara.

(2) Jika Yang di-Pertuan Agong atau mana-mana orang lain telah mewakilkan kuasa-kuasanya dengan sah kepada Peguam Negara maka, melainkan jika peruntukan lain ada dibuat dengan nyatanya, perwakilan itu hendaklah disifatkan sebagai perwakilan kuasa kepada Peguam Negara dan Peguam cara Negara kedua-duanya.

42 *Pegawai-pegawai awam—*

Sebutan dalam mana-mana undang-undang bertulis mengenai seseorang pegawai awam mengikut nama jawatannya yang biasa atau am hendaklah, jika sekiranya sesuatu jawatan itu biasanya ada dalam Persekutuan atau sesuatu Negeri dan melainkan jika terdapat maksud yang berlainan, dibaca dan ditafsirkan sebagai mengenai orang yang pada masa itu memegang atau menjalankan kewajipan-kewajipan jawatan itu dalam Persekutuan atau Negeri, mengikut mana yang berkenaan.

44 *Pentafsiran sebutan-sebutan mengenai undang-undang—*

Dalam mana-mana undang-undang bertulis sesuatu perihal atau sebutan mengenai sebahagian daripada undang-undang bertulis yang lain hendaklah, melainkan jika terdapat suatu maksud yang berlainan, ditafsirkan sebagai termasuk perkataan, seksyen atau bahagian lain yang disebut atau dirujuk sebagai menjadi permulaan dan penghujung bahagian yang terkandung dalam perihal atau sebutan itu.

46 *Naskah bahasa Inggeris hendaklah dipakai—*

Jika ada apa-apa pertelingkahan atau perselisihan antara naskah bahasa Inggeris sesuatu undang-undang bertulis dengan sesuatu terjemahannya, maka naskah bahasa Inggeris itu hendaklah dipakai.

JADUAL KEDUA BELAS

(Dimansuhkan).

JADUAL KETIGA BELAS

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN BERHUBUNG DENGAN PERSEMPADANAN BAHAGIAN PILIHANRAYA

BAHAGIAN I

PERISYTIHARAN DAN PRINSIP-PRINSIP BERHUBUNG DENGAN PERSEMPADANAN BAHAGIAN PILIHANRAYA

1. Sehingga diubah mengikut peruntukan Jadual ini, bahagian-bahagian pilihanraya bagi memilih ahli-ahli bagi Dewan Rakyat dan Dewan-dewan Negeri ialah bahagian-bahagian pilihanraya yang mula-mula digunakan untuk pilihanraya bagi Dewan Rakyat atau Dewan Negeri itu, mengikut mana yang berkenaan, menurut Perlembagaan ini atau Akta Malaysia.

2. Prinsip-prinsip yang berikut hendaklah dengan seberapa yang boleh diambilkira pada membahagikan sesuatu unit ulangkaji kepada bahagian-bahagian pilihanraya menurut peruntukan-peruntukan Perkara 116 dan 117—

(a) di samping diambil perhatian tentang mustahaknya pemilihan diberi peluang-peluang kemudahan yang berpatutan untuk mengundi, bahagian-bahagian pilihanraya patutlah dipersempadan supaya tidak memasuki sempadan-sempadan Negeri dan patutlah juga diberi perhatian tentang kesulitan-kesulitan bahagian-bahagian pilihanraya Negeri memasuki sempadan bahagian-bahagian pilihanraya persekutuan;

(b) perhatian patutlah diberi tentang kemudahan-kemudahan pentadbiran yang boleh didapati dalam bahagian-bahagian pilihanraya itu untuk mengadakan jentera yang perlu bagi pendaftaran dan mengundi;

- (c) bilangan pemilih-pemilih dalam tiap-tiap satu bahagian pilihanraya patutlah lebih kurang sama banyaknya di seluruh unit ulangkaji kecuali bahawa, memandang kepada lebih besar kesulitan untuk sampai kepada pemilih-pemilih dalam daerah-daerah kampung dan lain-lain kesukaran yang dihadapi oleh bahagian-bahagian pilihanraya di luar bandar, luasnya bahagian-bahagian pilihanraya itu patutlah diberi pertimbangan supaya pada setengah-setengah tempat, suatu bahagian pilihanraya boleh mengandungi hanya satu perdua daripada bilangan pemilih-pemilih dalam sesuatu bahagian pilihanraya di bandar;
- (d) perhatian patutlah diberi tentang kesulitan-kesulitan yang akan timbul dengan perubahan-perubahan bahagian-bahagian pilihanraya, dan juga tentang memelihara hubungan tempatan.
3. Bagi maksud-maksud Bahagian ini bilangan pemilih-pemilih hendaklah seperti yang ditunjukkan dalam daftar-daftar pemilih semasa.

## BAHAGIAN II

### ACARA BAGI MEMPERSEMPADAN BAHAGIAN PILIHANRAYA

4. Jika ketetapan telah diambil bagi sementara oleh Suruhanjaya Pilihanraya untuk membuat syor-syor mengikut Fasal (2) Perkara 113 mengenai sesuatu bahagian pilihanraya, Suruhanjaya itu hendaklah memberitahu Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Perdana Menteri mengenainya, dan hendaklah menyiarkan dalam *Warta* dan dalam sekurang-kurangnya satu akhbar yang benda dalam bahagian pilihanraya itu suatu notis menyatakan—
- (a) akibat syor-syor yang dicadangkan olehnya itu, dan (kecuali jika ia bercadang mengesyorkan tiada apa-apa perubahan akan dibuat mengenai bahagian pilihanraya itu) bahawa suatu salinan syor-syornya itu adalah terbuka untuk diperiksa di sesuatu tempat yang ditentukan dalam bahagian pilihanraya itu; dan
- (b) bahawa rayuan berkenaan dengan syor-syor yang dicadangkan itu boleh dibuat kepada Suruhanjaya dalam masa sebulan selepas notis itu disiarkan,
- dan Suruhanjaya itu hendaklah mempertimbangkan apa-apa jua rayuan yang dibuat dengan sempurna mengikut sesuatu notis itu.
5. Jika, apabila disiarkan notis di bawah seksyen 4 mengenai sesuatu syor yang dicadangkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya untuk mengubah mana-mana bahagian pilihanraya, Suruhanjaya menerima sesuatu rayuan membantah syor yang dicadangkan itu daripada—
- (a) Kerajaan Negeri atau mana-mana pihakberkuasa tempatan yang kesemua atau sebahagian kawasannya terkandung dalam bahagian-bahagian pilihanraya yang terlibat dalam syor itu; atau
- (b) sekumpulan orang seramai seratus orang atau lebih yang namanya ada ditunjukkan dalam daftar-daftar pemilih semasa bagi bahagian-bahagian pilihanraya yang berkenaan itu,

maka suruhanjaya hendaklah mengarah diadakan suatu siasatan tempatan mengenai bahagian-bahagian pilihanraya itu.

6. Berhubung dengan sesuatu siasatan yang diadakan di bawah seksyen 5 Suruhanjaya Pilihanraya hendaklah mempunyai segala kuasa yang diberi kepada Pesuruhjaya-pesuruhjaya oleh Akta Suruhanjaya-suruhanjaya Siasatan, 1950.

7. Jika Suruhanjaya Pilihanraya mengubah apa-apa syor yang dicadangkan selepas menyiarkan suatu notis mengenainya di bawah seksyen 4, maka Suruhanjaya itu hendaklah mematuhi sekali lagi seksyen itu berhubung dengan syor-syor yang diubah itu, seolah-olah tiada apa-apa notis telah disiarkan dahulunya:

Dengan syarat bahawa tidaklah perlu diadakan lebih daripada dua siasatan tempatan mengenai mana-mana syor itu.

8. Setelah selesai menjalankan acara yang ditetapkan oleh Bahagian ini, Suruhanjaya Pilihanraya hendaklah menghantar kepada Perdana Menteri suatu laporan mengenai bahagian pilihanraya menunjukkan—

- (a) bahagian-bahagian pilihanraya yang disyorkan olehnya supaya tiap-tiap satu unit ulangkaji patut dibahagi untuk melaksanakan prinsip-prinsip yang tersebut dalam seksyen 2; dan
- (b) nama-nama yang disyorkan olehnya bagi bahagian-bahagian pilihanraya itu;

atau menyatakan bahawa pada pendapatnya tiada apa-apa perubahan dikehendaki dibuat untuk melaksanakan prinsip-prinsip yang tersebut.

9. Dengan seberapa segera yang boleh selepas Suruhanjaya Pilihanraya menghantar laporannya kepada Perdana Menteri menurut seksyen 8, Perdana Menteri hendaklah membentangkan laporan itu dalam Dewan Rakyat, bersama dengan (kecuali jika laporan itu menyatakan bahawa tiada apa-apa perubahan dikehendaki dibuat) deraf suatu Perintah yang akan dibuat menurut seksyen 12 untuk melaksanakan, dengan atau dengan tiada pengubahsuaian, syor-syor yang terkandung dalam laporan itu.

10. Jika sesuatu deraf Perintah yang disebutkan dalam seksyen 9 diluluskan oleh Dewan Rakyat dengan ketetapan yang disokong dengan undi sebanyak tidak kurang daripada setengah daripada jumlah bilangan ahli Majlis itu maka Perdana Menteri hendaklah mengemukakan deraf Perintah itu kepada Yang di-Pertuan Agong.

11. Jika usul untuk meluluskan sesuatu deraf Perintah yang disebutkan dalam seksyen 9 itu ditolak oleh Dewan Rakyat, atau ditarik balik dengan kebenaran Dewan itu, atau tidak disokong dengan undi sebanyak tidak kurang daripada setengah daripada jumlah bilangan ahli Dewan itu, maka Perdana Menteri boleh, selepas mengadakan apa-apa rundingan yang difikirkannya perlu dengan Suruhanjaya Pilihanraya, meminda deraf itu dan membentangkan deraf yang telah dipinda itu

dalam Dewan Rakyat; dan jika deraf sebagaimana yang dipinda itu diluluskan oleh Dewan itu dengan suatu ketetapan yang disokong dengan undi sebanyak tidak kurang daripada setengah daripada jumlah bilangan ahli Dewan itu, maka Perdana Menteri hendaklah mengemukakan deraf yang telah dipinda itu kepada Yang di-Pertuan Agong.

12. Jika deraf sesuatu Perintah dikemukakan kepada Yang di-Pertuan Agong menurut Bahagian ini, Yang di-Pertuan Agong hendaklah membuat suatu Perintah mengikut kehendak deraf yang dikemukakan kepadanya itu, dan Perintah itu hendaklah berjalan kuatkuasanya pada tarikh yang dinyatakan di dalamnya itu:

Dengan syarat bahawa berjalannya kuatkuasa sesuatu Perintah itu tidaklah menyentuh mana-mana pilihanraya bagi Dewan Rakyat atau Dewan Negeri sehingga pembubaran yang kemudiannya bagi Parlimen atau Dewan Negeri itu, mengikut mana yang berkenaan, yang berlaku pada atau selepas sahaja tarikh Perintah itu.



MALAYSIA

# DELEGATION OF POWERS ORDINANCE, 1956

(F.M. Ordinance 56 of 1956)

The Delegation of Powers Ordinance, 1956 of the Federation shall, with any necessary Modifications, have effect in Sabah and Sarawak in relation to any Delegation made under any extended or transferred Law—See Article 3 of F.L.Ns. 359 and 360 of 1964

Incorporating all amendments and modifications up to 12th August, 1965

Compiled in the Attorney-General's Chambers,  
Kuala Lumpur

*Printed by the Government Printer with the approval of the Reprint Commissioner pursuant to section 3 of the Reprint of Federal Laws Act, 1965 (26 of 1965)*